

KAJIAN FONOLOGI DIALEK MELAYU KABONG

SALBIA BINTI HASSAN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

KAJIAN FONOLOGI DIALEK MELAYU KABONG

SALBIA BINTI HASSAN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH/
LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: SALBIA BINTI HASSAN

No. Pendaftaran/Matrik: THA 120020

Nama Ijazah: Ijazah Doktor Falsafah

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”): Kajian Fonologi Dialek Melayu Kabong

Bidang Penyelidikan: Linguistik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

.....

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: Profesor Emeritus Dato’ Dr Asmah Haji Omar

Jawatan: Profesor

ABSTRAK

Dialek Melayu Kabong (DMKb) merupakan salah satu daripada dialek Melayu yang dituturkan di Sarawak. Objektif tesis ini adalah untuk mengenal pasti sistem dan struktur DMKb dari segi fonologi. Untuk mencapai objektif ini, data dikumpul menggunakan penyelidikan lapangan hulu (Asmah Haji Omar, 2008b), oleh sebab belum ada kajian tentang dialek Melayu Kabong sebelum kajian ini. Untuk tujuan menganalisis data diterapkan teori linguistik deskriptif (Bloomfield 1933, Robins 1968, Asmah 2006, 2008a, 2012). Sebanyak lapan fonem vokal dikenal pasti dalam DMKb, iaitu empat vokal depan /i/, /e/, /ɛ/, /a/; satu vokal tengah /ə/ dan tiga vokal belakang /u/, /o/ dan /ɔ/. Konsonan pula terdiri daripada 19 fonem iaitu, tujuh bunyi plosif /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /ʔ/; tiga konsonan frikatif /s/, /h/, /ʃ/; dua konsonan afrikat /tʃ/, /dʒ/; empat konsonan nasal /m/, /n/, /ɲ/ dan /ŋ/; satu konsonan lateral /l/ dan dua separuh vokal /w/ dan /j/. Rangkap vokal DMKb hanya terdiri daripada rangkap vokal ke depan. Rangkap konsonan ada dua pola, iaitu rangkap konsonan Nasal-Oral (NOr) dan Oral-Oral (OrOr). Struktur suku kata DMKb juga dibincangkan dalam kajian ini yang memperlihatkan terdapatnya tujuh pola struktur suku kata yang terdiri daripada struktur V, VK, KV, KVV, KVK, KKV dan KKVK yang merupakan asas pembentukan kata. Kata pula diwujudkan dalam bentuk monosilabik, dwisilabik dan trisilabik, tetapi sebahagian besar adalah yang dwisilabik. Ada juga kata yang terdiri dari tiga suku kata tetapi kata yang seperti ini adalah pinjaman daripada bahasa Inggeris melalui bahasa Melayu standard.

ABSTRACT

The Kabong Malay dialect (DMKb) is one of the Sarawak Malay dialects. This study aims to identify the systems and structures of the phonology of DMKb. To achieve these objectives, the data was collected using the upstream field research method (Asmah Haji Omar, 2008b), as there has been no such study on this dialect previous to this. The analysis was done according to the theory of descriptive linguistics (Bloomfield 1933, Robins 1968, Asmah 2006, 2008a, 2012). Eight vowel phonemes have been identified in DMKb; four front vowel /i/, /e/, /ɛ/, /a/; one central vowel /ə/; and three back vowels /u/, /o/ and /ɔ/. There are 19 consonant phonemes in the inventory, namely, seven plosives /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /ʔ/; three fricatives /s/, /ʃ/, /h/; two affricates /tʃ/, /dʒ/; four nasals /m/, /n/, /ɲ / and /ŋ/; one lateral /l/ and two semi-vowels /w/ and /j/. Only fronting vowels clusters found in DMKb and the consonant clusters which fall into two patterns; Nasal-Oral (NOr), and Oral - Oral (OrOr). Syllables are of the structures V, VK, KV, KVV, KVK, KKV and KKVK. They form the bases of the phonology of words which is reflected in monosyllables, disyllables, trisyllables, but the majority are disyllables. Words with more than three syllables appear to be loans from English through standard Malay.

PENGHARGAAN

Pertama sekali pengkaji ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya, tesis ini dapat disempurnakan. Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada penyelia yang sangat dikagumi, Profesor Emeritus Dato' Dr Asmah Haji Omar kerana sudi membimbing dan tidak pernah jemu memberikan pandangan serta teguran hingga terhasilnya tesis ini. Sesungguhnya, hanya Allah s.w.t yang mampu membalas segala jasa baik beliau.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih ditujukan kepada informan-informan yang terlibat dalam kutipan data ini, iaitu penduduk di kampung Hulu Laut Kabong dan sekitarnya yang telah terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Tanpa kerjasama dan komitmen daripada para informan dalam kajian ini, pengkaji pasti tesis ini tidak dapat disiapkan. Kepada Kementerian Pengajian Tinggi, SLAI dan Universiti Malaysia Sarawak yang telah membiayai sepenuhnya pengajian pengkaji sepanjang di Universiti Malaysia, ucapan terima kasih turut dirakamkan. Tanpa pembiayaan dan pelepasan cuti belajar, adalah sukar untuk pengkaji berada pada tahap ini.

Akhirnya, tanpa sokongan daripada suami, anak-anak, ibu dan ayah serta ahli keluarga, tesis ini juga tidak mampu disempurnakan. Terima kasih daripada hati yang tulus ikhlas atas pengorbanan masa, tenaga dan doa daripada kalian. Moga ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan bersama dalam mencapai cita-cita, khususnya kepada anak-anak tersayang, Iffah, Izzan dan Izzah. In shaa Allah.

JADUAL KANDUNGAN

Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Jadual Kandungan	vi
Senarai Gambar Rajah	xiii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Simbol dan Singkatan	xvi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang Negeri Sarawak	5
1.3 Sejarah ringkas Kabong	12
1.3.1 Pentadbiran Daerah Kecil Kabong	15
1.3.2 Asal-usul, agama, kepercayaan dan adat resam	16
1.3.3 Pekerjaan	17
1.4 Pernyataan masalah	19
1.5 Objektif kajian	21
1.6 Soalan kajian	21
1.7 Kepentingan kajian	22
1.8 Kesimpulan	24
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	25
2.1 Pendahuluan	25
2.2 Tinjauan umum kajian fonologi	25

2.3	Literatur kajian berdasarkan teori linguistik deskriptif	32
2.4	Literatur kajian menggunakan pendekatan teori	42
2.5	Kesimpulan	48
 BAB 3: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS		49
3.1	Pendahuluan	49
3.2	Reka bentuk kajian	50
3.3	Instrumen kajian	52
3.4	Pemilihan informan	52
3.5	Kawasan kajian	53
3.6	Kaedah pengumpulan data	54
	3.6.1 Rakaman	54
	3.6.2 Kaedah lafaz (<i>citation</i>) atau kaedah senarai kata	55
	3.6.3 Kaedah domain dan asosiasi idea	56
	3.6.4 Persampelan	57
3.7	Kaedah analisis data	58
	3.7.1 Transkripsi fonetik dan transkripsi fonemik	58
	3.7.2 Teori linguistik deskriptif	60
	3.7.3 Penerapan fonemik	63
3.8	Definisi Operasional	66
	3.8.1 Definisi fonologi dan fonetik	66
	3.8.2 Deskripsi konsonan	68
	3.8.3 Bunyi bahasa dan bukan bahasa	68
	3.8.4 Artikulasi dan sistem artikulasi	69
	3.8.5 Huraian alat-alat pertuturan	71
	3.8.5.1 Bunyi bibir atau labial	71
	3.8.5.2 Bunyi oral dan bunyi nasal	71
	3.8.5.3 Bunyi dental dan alveolar	72

3.8.5.4 Bunyi palatal	73
3.8.5.5 Bunyi velar	73
3.9 Bunyi bersuara, tak bersuara dan hentian glotis	73
3.10 Kesimpulan	74
BAB 4: SISTEM VOKAL DIALEK MELAYU KABONG	75
4.1 Pendahuluan	75
4.2 Bunyi vokal	75
4.2.1 Vokal kardinal DMKb	77
4.3 Fonem vokal DMKb	78
4.3.1 Vokal depan	81
4.3.1.1 Fonem vokal tinggi /i/	82
4.3.1.2 Fonem vokal separuh tinggi /e/	83
4.3.1.3 Fonem vokal separuh rendah /ɛ/	84
4.3.1.4 Fonem vokal rendah /a/	86
4.3.2 Vokal tengah	87
4.3.3 Vokal belakang	89
4.3.3.1 Fonem vokal belakang sempit /u/	89
4.3.3.2 Fonem vokal separuh sempit /o/	90
4.3.3.3 Fonem vokal separuh luas /ɔ/	92
4.4 Penentuan fonem vokal melalui pasangan terkecil	94
4.5 Koartikulasi bunyi vokal	99
4.5.1 Nasalisasi vokal	100
4.5.2 Labialisasi	106
4.5.3 Palatalisasi	107
4.6 Bunyi diftong	108
4.6.1 Diftong turun [oj]	109
4.6.2 Pemonoftongan	110

4.6.3	Pendiftongan	113
4.7	Kesimpulan	115
BAB 5: SISTEM KONSONAN DIALEK MELAYU KABONG		116
5.1	Pendahuluan	116
5.2	Bunyi-bunyi konsonan	116
5.2.1	Huraian bunyi konsonan	117
5.2.1.1	Plosif atau letupan	118
5.2.1.2	Hentian glotis	118
5.2.1.3	Nasal atau sengau	119
5.2.1.4	Afrikat atau letusan	119
5.2.1.5	Frikatif atau geseran	120
5.2.1.6	Lateral atau sisian	120
5.2.1.7	Separuh vokal	120
5.3	Fonem konsonan DMKb	121
5.3.1	Huraian Konsonan Plosif	124
5.3.1.1	Plosif bilabial tak bersuara /p/	124
5.3.1.2	Plosif bilabial bersuara /b/	126
5.3.1.3	Plosif alveolar tak bersuara /t/	127
5.3.1.4	Plosif alveolar bersuara /d/	128
5.3.1.5	Plosif tak bersuara /k/	130
5.3.1.6	Plosif bersuara /g/	131
5.3.1.7	Hentian glotis /ʔ/	132
5.3.2	Huraian konsonan nasal	134
5.3.2.1	Nasal /m/	134
5.3.2.2	Nasal alveolar /n/	135
5.3.2.3	Nasal palatal /ɲ/	137
5.3.2.4	Nasal velar /ŋ/	138

5.3.3	Huraian konsonan afrikat	140
5.3.3.1	Afrikat palatal /tʃ/	140
5.3.3.2	Afrikat /dʒ/	141
5.3.4	Frikatif (geseran)	142
5.3.4.1	Frikatif alveolar /s/	142
5.3.4.2	Frikatif velar /h/	144
5.3.4.3	Frikatif velar /ɣ/	145
5.3.5	Lateral alveolar /l/	147
5.4	Separuh Vokal	148
5.4.1	Separuh vokal /w/	148
5.4.2	Separuh vokal lelangit keras /j/	149
5.5	Pasangan terkecil untuk menentukan fonem konsonan	150
5.6	Koartikulasi konsonan	154
5.6.1	Nasalisasi	154
5.6.1.1	Nasalisasi konsonan plosif	155
5.6.2	Palatalisasi	156
5.6.3	Labialisasi	157
5.6.4	Aspirasi	160
5.7	Kesimpulan	162
BAB 6: RANGKAP VOKAL DAN RANGKAP KONSONAN		164
6.1	Pendahuluan	164
6.2	Rangkap Bunyi	164
6.2.1	Rangkap Vokal	165
6.2.1.1	Rangkap vokal ke depan	165
6.2.1.2	Ciri-ciri distingtif rangkap vokal ke depan	168
6.2.1.3	Distribusi rangkap vokal ke depan	169
6.2.2	Rangkap vokal ke belakang	170

6.2.3	Ciri-ciri distingtif rangkap vocal ke belakang	172
6.2.4	Distribusi rangkap vokal ke belakang	174
6.3	Rangkap konsonan	175
6.3.1	Rangkap Nasal-Oral (NOr)	176
6.3.1.1	Nasal + Plosif (NP)	177
6.3.1.2	Nasal + Afrikat (NAf)	180
6.3.1.3	Nasal + Frikatif (NFr)	182
6.4	Rangkap Oral-Oral (OrOr)	185
6.4.1	Plosif + Likuida (PLi)	185
6.4.2	Plosif + Velar (PVe)	187
6.5	Kesimpulan	190
 BAB 7: SUKU KATA DIALEK MELAYU KABONG		192
7.1	Pendahuluan	192
7.2	Definisi suku kata	192
7.3	Nukleus, onset dan koda	194
7.4	Struktur suku kata DMKb	196
7.4.1	Struktur suku kata asli DMKb	197
7.4.1.1	Struktur V	197
7.4.1.2	Struktur VK	198
7.4.1.3	Struktur KV	199
7.4.1.4	Struktur KVV	200
7.4.1.5	Struktur KVK	201
7.4.1.6	Struktur KKV	203
7.4.2	Tahap Perkembangan bahasa Melayu Moden	205
7.5	Pemisahan suku kata dalam kata	206
7.5.1	Kedudukan suku kata rangkap pada tengah kata	206

7.5.2	Unsur satuan dan kompleks	209
7.5.2.1	Puncak kompleks	209
7.5.2.2	Onset kompleks	210
7.6	Struktur fonologi kata	212
7.6.1	Kata monosilabik	212
7.6.2	Kata dwisilabik	213
7.6.3	Kata trisilabik	214
7.6.3.1	Kata asli	215
7.6.3.2	Kata kompleks	215
7.7	Kesimpulan	216
BAB 8: DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN		218
8.1	Pendahuluan	218
8.2	Hubungan Kekeluargaan antara BMS dan DMKb	218
8.3	Perbincangan dan dapatan kajian	226
8.3.1	Ciri umum vokal	227
8.3.2	Ciri umum konsonan	232
8.4	Signifikan kajian	238
8.5	Cadangan kajian	241
8.6	Kesimpulan	244
RUJUKAN		246
LAMPIRAN		255

SENARAI PETA DAN GAMBAR RAJAH

	Muka surat
Peta 1.1: Bahagian Pentadbiran Negeri Sarawak	5
Peta 1.2: Kedudukan Daerah Kecil Kabong	16
Rajah 3.1: Kerangka kajian	51
Rajah 3.2: Lokasi kajian dan kampung di Pekan Kabong	54
Rajah 3.3: Alat-alat artikulasi dan artikulator	70
Rajah 4.1: Vokal kardinal DMKb	77

University of Malaya

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 1.1: Keluasan dan peratus keluasan bahagian-bahagian di Sarawak	6
Jadual 1.2: Penduduk Sarawak mengikut kumpulan etnik tahun 2010	7
Jadual 1.3: Jumlah penduduk Daerah Saratok berdasarkan etnik 2010	8
Jadual 1.4: Senarai Lengkap Kedai / Rumah Panjang / Kampung / Perumahan	14
Jadual 2.1: Perbezaan kata dalam DMS (Aiwan, 1996)	36
Jadual 2.2: Perbezaan sebutan 'a' dalam DMK, DMB & DMSbs (Noriah, 1991)	40
Jadual 4.1: Carta vokal Dialek Melayu Kabong	78
Jadual 4.2: Vokal tinggi dan vokal rendah DMKb	80
Jadual 4.3: Alofon-alofon vokal dalam DMKb	80
Jadual 4.4: Distribusi fonem /i/	82
Jadual 4.5: Distribusi fonem /e/	83
Jadual 4.6: Distribusi fonem /ɛ/	85
Jadual 4.7: Distribusi fonem /a/	86
Jadual 4.8: Distribusi fonem /ə/	88
Jadual 4.9: Distribusi fonem /u/	89
Jadual 4.10: Distribusi fonem /o/	91
Jadual 4.11: Distribusi fonem /ɔ/	92
Jadual 4.12: Fonem vokal dan alofon lingkungan DMKb	94
Jadual 4.13: Beban tugas nasalisasi vokal DMKb	105
Jadual 4.14: Labialisasi [ua], [au], [ui] dan [ue]	107
Jadual 4.15: Palatalisasi vokal dalam DMKb	108
Jadual 4.16: Diftong [oj] dalam DMKb	109
Jadual 4.17: Monoftong dalam DMKb	112
Jadual 4.18: Pemonoftongan dalam DMK, DMKb dan DMSbs	113
Jadual 4.19: Pendiftongan dalam DMKb	114
Jadual 5.1: Fonem konsonan Dialek Melayu Kabong	122
Jadual 5.2: Distribusi /p/	125

Jadual 5.3:	Distribusi /b/	126
Jadual 5.4:	Distribusi /t/	128
Jadual 5.5:	Distribusi /d/	129
Jadual 5.6:	Distribusi /k/	130
Jadual 5.7:	Distribusi /g/	132
Jadual 5.8:	Distribusi /ʔ/	133
Jadual 5.9:	Distribusi /m/	135
Jadual 5.10:	Distribusi /n/	136
Jadual 5.13:	Distribusi /ɲ/	137
Jadual 5.14:	Distribusi /ŋ/	138
Jadual 5.16:	Distribusi /tʃ/	140
Jadual 5.17:	Distribusi /dʒ/	141
Jadual 5.18:	Distribusi /s/	143
Jadual 5.19:	Distribusi /h/	145
Jadual 5.20:	Distribusi /ɣ/	147
Jadual 5.21:	Distribusi /l/	148
Jadual 5.22:	Distribusi /w/	149
Jadual 5.23:	Distribusi /j/	150
Jadual 6.1:	Distribusi rangkap vokal ke depan	169
Jadual 6.2:	Distribusi rangkap vokal ke belakang	174
Jadual 6.3:	Distribusi rangkap NP	179
Jadual 6.4:	Distribusi rangkap NAF	181
Jadual 6.5:	Distribusi rangkap NFr	184
Jadual 6.6:	Distribusi rangkap PLi	186
Jadual 6.7:	Distribusi rangkap PVe	189
Jadual 7.1:	Onset kompleks dalam DMKb	211
Jadual 8.1:	Perbandingan BMS-DMKb mengikut senarai 100 kata Swadesh	221
Jadual 8.2:	Pengelasan bahasa berdasarkan tingkat kekerabatan (Asmah, 1993)	226
Jadual 4.12:	Perbezaan fonem /a/, /o/, /ɔ/ dan /ɛ/ dalam bahasa dan dialek Melayu di Sarawak	231
Jadual 8.3:	Alofon-alofon fonem konsonan DMKb	234

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

Singkatan

IPA	:	<i>International Phonetics Alphabet</i>
BA	:	Bahasa Arab
BAP	:	Bahasa Austronesia Purba
BI	:	Bahasa Inggeris
BIbn	:	Bahasa Iban
BM	:	Bahasa Melayu
BMS	:	Bahasa Melayu Standard
BMBrm	:	Bahasa Melayu Baram
BMP	:	Bahasa Melayu Purba
BMJP	:	Bahasa Melayu-Javanik Purba
BMPP	:	Bahasa Melayu Polinesia Purba
BT	:	Bahasa Thai
C	:	Koda
DBR	:	Dialek Berau
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
DMB	:	Dialek Melayu Brunei
DMBt	:	Dialek Melayu Betong
DMTB	:	Dialek Melayu Teluk Brunei
DMBrm	:	Dialek Melayu Baram
DMLb	:	Dialek Melayu Lembah Limbang
DMK	:	Dialek Melayu Kuching
DMKb	:	Dialek Melayu Kabong
DMSb	:	Dialek Melayu Sibul
DMSbs	:	Dialek Melayu Saribas
DMSb	:	Dialek Melayu Sabah
DMSm	:	Dialek Melayu Sambas

DMSr	:	Dialek Melayu Saratok
K	:	Konsonan
N	:	Nasal
NP	:	Nasal Plosif
NAf	:	Nasal Afrikat
NOr	:	Nasal Oral
NFr	:	Nasal Frikatif
On	:	Onset
OrOr	:	Oral Oral
PLi	:	Plosif Likuida
PK	:	Kadazan Penampang
Pn	:	Puncak
PVe	:	Plosif Velar
SMJ	:	<i>Sarawak Museum Journal</i>
SK ₁	:	Suku Kata Pertama
SK ₂	:	Suku Kata Kedua
V	:	Vokal

SENARAI SIMBOL

Simbol

[]	transkripsi fonetik/ transkripsi sempit
/ /	transkripsi fonemik/ transkripsi luas
‘ ~ ‘	menjadi/ berubah
‘ # - ‘	sempadan awal kata
‘ - # ‘	sempadan akhir kata
‘ ~ >	bunyi nasal/ sengau
‘ + ‘	dan/ hadir bersama
‘ + ‘	fitur yang sama
‘ - ‘	fitur yang berbeza
‘ → ‘	berubah kepada/ terdiri daripada
‘ ʔ ‘	bunyi implosif/ tertahan
‘ w ‘	bunyi bundar/ labialisasi
‘ h ‘	aspirasi
‘ j ‘	palatalisasi
‘ = ‘	sama dengan

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Manusia memerlukan bahasa untuk berinteraksi antara satu dengan yang lain dan yang semestinya bahasa itu milik masyarakat yang menuturkannya. Bahasa tidak dapat dipisahkan daripada orang yang menuturkannya. Dengan ini dikatakan bahawa bahasa adalah hak milik bersama sekumpulan individu, bukan kepunyaan satu-satu individu tertentu (Asmah Haji Omar, 2008a: 3). Perkembangan sesuatu bahasa juga telah melalui pelbagai peringkat dan ada bahasa yang masih kekal utuh selain menerima perubahan sesuai dengan perkembangan globalisasi. Bahasa-bahasa ini akan berkembang dan lama-kelamaan akan berpecah menimbulkan dialek-dialek tertentu ataupun membentuk bahasa yang lain. Proses ini lama-kelamaan akan menimbulkan penutur-penutur yang berbeza yang akhirnya mewujudkan satu bangsa yang tersendiri.

Dalam proses menghasilkan keturunan dari zaman ke zaman, manusia juga ikut menurunkan bahasanya, yakni melalui keturunannya itu. Penurunan bahasa daripada generasi ke generasi tidak mungkin tidak mengalami perubahan baik pada bunyinya, atau pada bentuk dan makna kata-kata tertentu, ataupun pada susunan ayat. Meskipun ada perubahan-perubahan ini dan jalan yang dilalui oleh bahasa itu daripada generasi A kepada generasi B berbeza dengan jalan yang dilaluinya daripada generasi B kepada generasi C, tetapi hakikat yang tidak dapat dilupakan ialah bahawa bahasa itu tetap hidup dan dikenal pasti dengan bangsa yang menuturkannya (Asmah Haji Omar, 2008a: 4).

Bahasa pula melahirkan dialek-dialeknya yang tertentu. Sesuatu dialek mempunyai bentuk-bentuk yang tertentu dituturkan dalam kawasan tertentu, berbeza daripada bentuk yang standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaan itu tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain (Pei, 1960). Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan-perbezaan dalam dialek seperti geografi, sosial, sejarah, politik dan sebagainya. Dialek berkembang daripada bahasa yang pada asalnya seragam tetapi lama-kelamaan mengalami perubahan, dan perubahan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor yang antaranya ialah faktor masa dan faktor geografi (Zaharani Ahmad, 2011a: 6). Faktor ini boleh dikaitkan dengan keadaan geografi di Malaysia, kerana setiap negeri mempunyai beberapa dialeknya yang tersendiri. Misalnya, di Semenanjung Malaysia, di negeri Kelantan sahaja memiliki beberapa dialek kesan daripada pembahagian politik atau pentadbiran (Rohani Mohd Yusof, 1986: 17).

Daripada satu dialek yang besar juga, akan menimbulkan beberapa subdialek berdasarkan kawasan masing-masing. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam sistem dan struktur dialek-dialek ini, namun penutur-penuturnya masih dapat saling memahami antara satu sama lain, yakni wujudnya '*mutual intelligibility*' (Robins, 1968: 59). Berdasarkan Robins, dialek dibezakan daripada bahasa berdasarkan tiga kriteria yang utama dan satu daripadanya dinyatakan sebagai "*...form of speech that are different but mutually intelligible without special training. Linguist tend to concentrate on the first criterion, mutual intelligibility, as relating to specifically linguistics facts...*" (1968: 59).

Dialek Melayu bukan sahaja dituturkan di kepulauan Melayu, malah di seluruh Nusantara, yakni dari pesisiran barat Pulau Sumatera hingga ke teluk dan pantai

terpencil di Irian Jaya, dan dari wilayah Negeri Thai di daratan Asia di Utara hingga ke Pulau Cocos-Keeling di bawah pentadbiran Australia (Collins, 1996). Pengkajian terhadap dialek-dialek Melayu telah menarik minat pengkaji-pengkaji dari luar dan kajian-kajian ini tidak hanya tertumpu di sekitar penutur dialek Melayu. Kajian-terhadap dialek-dialek Melayu di Borneo juga telah dilakukan. Malah, berdasarkan kajian-kajian terkini, masih banyak terdapat ruang yang boleh dimanfaatkan untuk memastikan kelestarian kahazanah bahasa di Borneo. Menyedari hakikat ini, maka kajian terhadap salah satu dialek Melayu di Sarawak (DMS), iaitu Dialek Melayu Kabong (DMKb) akan dilakukan untuk mengenal pasti sistem dan struktur fonologi yang menjadi satu ciri utama untuk membezakan sama ada sesuatu dialek itu mempunyai persamaan atau perbezaan dengan dialek yang lain.

Sesuatu dialek dalam sesuatu bahasa mempunyai hubungan yang erat dari segi sistem dan strukturnya selain terdapat juga perbezaan yang minimum. Menurut Asmah Haji Omar (2008b: 137), persamaan pada umumnya membayangkan warisan bersama, sedangkan perbezaan menggambarkan perkembangan yang berbeza-beza yang dilalui oleh dialek masing-masing. Di samping itu, persamaan juga boleh dihasilkan oleh gejala pengaruh mempengaruhi antara dialek atau antara subdialek sesudah berpisah daripada bahasa induk atau dialek induk. Dalam hal ini, boleh dikatakan, DMKb telah berpisah dengan dialek induknya, iaitu Dialek Melayu Kuching (DMK) dan lebih dekat hubungannya dengan Dialek Melayu Saribas (DMSbs).

Di Sarawak, penutur dialek Melayu berada di merata kawasan walaupun tidaklah menyeluruh. Penutur dialek Melayu dapat dikesan di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Miri dan Limbang. Daripada beberapa kawasan ini, dialek

Melayu yang dituturkan di Kuching lebih standard kerana dianggap sebagai wahana komunikasi di Kuching (Asmah Haji Omar (2008b: 157). Dengan demikian, didapati bahawa kawasan-kawasan penutur Melayu di Kuching itu merupakan kawasan-kawasan yang terpisah antara satu sama lain. Menurut beliau lagi, terdapat dua kemungkinan yang mewujudkan keadaan seperti ini. Pertama, kawasan-kawasan bahasa Melayu itu adalah kawasan yang menyela kemudian ke dalam kawasan bahasa-bahasa lain. Kemungkinan kedua ialah pada satu waktu dahulu kawasan itu memang sambung menyambung dari Kuching ke Miri (meliputi Sibul), tetapi ciri kesinambungannya terputus disebabkan selaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Iban, Bahasa Melanau dan sebagainya.

Kepelbagaian kaum di Sarawak menyebabkan pelbagai bahasa dan dialek dituturkan di kawasan-kawasan yang tertentu. Misalnya di Bahagian Betong, majoriti penduduknya adalah berbangsa Iban dan menuturkan bahasa Iban, manakala kaum Melayu menuturkan subdialek Melayu Betong. Pada masa yang sama, wujud subdialek-subdialek Melayu lain yang turut digunakan oleh masyarakat Melayu khususnya yang datang dari kawasan-kawasan pesisir seperti Debak, Tuie, Pusa, Spaoh, Supa, Kalok dan Tambak. Kebanyakan penutur dari kampung-kampung Melayu ini menuturkan DMSbs. Situasi ini bertepatan dengan pernyataan Asmah Haji Omar (2008b: 136), bahawa sesuatu bahasa atau dialek itu boleh mengalami pertembungan dengan bahasa atau dialek lain dari berbagai-bagai arah, baik dalam masa damai mahupun dalam masa perang. Hal ini bermakna bahawa tidak semua kawasan bahasa atau kawasan dialek itu mengalami perubahan yang sama akibat pertembungan ini. Perlu ditegaskan bahawa bahagian utara dan selatan Sarawak dibatasi oleh gunung, sungai dan paya. Kesemua faktor ini memungkinkan pembentukan kepelbagaian dialek di Sarawak (Chambers &Trudgill 1980).

1.2 Latar belakang Negeri Sarawak

Sarawak merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124,449.5 kilometer persegi yang terdiri daripada dua belas Bahagian pentadbiran, iaitu Kuching (Bahagian Pertama), Sri Aman (Bahagian ke-2), Sibü (Bahagian ke-3), Miri (Bahagian ke-4), Limbang (Bahagian ke-5), Sarikei (Bahagian ke-6), Kapit (Bahagian ke-7), Samarahan (Bahagian ke-8), Bintulu (Bahagian ke-9), Mukah (Bahagian ke-10), Betong (Bahagian Ke-11) dan Serian (Bahagian ke-12)¹. Sempadan dua belas Bahagian tersebut ditunjukkan dalam Peta 1.1 manakala keluasan dalam kilometer persegi serta peratus keluasan setiap bahagian tersebut diperlihatkan dalam Jadual 1.1 berikut:



(Sumber: <http://yick81.blogspot.my/search/label/sarawak>)

Peta 1.1: Bahagian Pentadbiran Negeri Sarawak

¹ Serian diisytiharkan sebagai Bahagian ke-12 oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Haji Satem pada 11 April 2015. Maklumat lanjut dimuatkan dalam akhbar Utusan Malaysia, pada 14 April 2015 di alamat <http://www.utusan.com.my/>

Jadual 1.1: Keluasan dan peratus keluasan bahagian-bahagian di Sarawak

Bahagian		Keluasan (km persegi)	Peratus Keluasan
Kuching	Pertama	4,559.5	3.7
Sri Aman	Kedua	5,466.3	4.4
Sibu	Ketiga	8,278.3	6.6
Miri	Keempat	26,777.1	21.5
Limbang	Kelima	7,790.0	6.3
Sarikei	Keenam	4,332.4	3.5
Kapit	Ketujuh	38,934.0	31.3
Samarahan	Kelapan	3,205.0	2.6
Bintulu	Kesembilan	12,166.2	9.8
Mukah	Kesepuluh	6,997.6	21.5
Betong	Kesebelas	4,180.8	3.3
Serian	Kedua belas	1,762.4	1.4
Jumlah	11	124,449.5	100

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak 2010)

Sarawak terkenal dengan kepelbagaian etnik, iaitu kira-kira 27 etnik bumiputera. Kepelbagaian kaum, adat dan budaya yang dimiliki oleh penduduk peribumi ini melahirkan pula kepelbagaian bahasa serta dialek yang berbeza yang menjadi identiti setiap etnik tersebut. Kaum bumiputera terbesar di Sarawak ialah kaum Iban, diikuti Melayu, Bidayuh, dan Melanau. Bumiputera minoriti lain seperti Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Berawan, Lahanan, Sekapan, Kejaman, Narom, Punan, Baketan, Ukit, Sihan, Tagal, Tabun, Saban, Lisum, Longkiput dan lain-

lain (Asmah Haji Omar, 1983: 40). Jumlah penduduk Sarawak berdasarkan etnik ditunjukkan dalam Jadual 1.2 berikut.

Jadual 1.2: Penduduk Sarawak mengikut kumpulan etnik tahun 2010

Etnik	Jumlah	Peratusan
Iban	693,358	30.32%
Cina	560,150	24.50%
Melayu	551,567	24.13%
Bidayuh	192,960	8.44%
Melanau	119,897	5.24%
Bumiputera lain	152,074	6.65%
India	7,158	0.31%
Lain-lain	8,873	0.39%
JUMLAH KESELURUHAN	2,286,067	100%

(Sumber: disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sarawak, 2010).

Dua bahasa peribumi yang paling penting di Sarawak, iaitu bahasa Iban yang menjadi bahasa ibunda bagi 693,358 penutur dan DMS dengan lebih kurang 551,567 orang penutur. Walaupun penduduk Melayu Sarawak bukanlah golongan terbesar di Sarawak, namun jumlahnya tidak kecil. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak (Banci 2010), daripada 2,286,067 bilangan keseluruhan penduduk di Sarawak, kaum Melayu merupakan etnik ketiga besar jumlahnya selepas etnik Iban dan Cina.

Walaupun jumlah penutur DMS secara keseluruhannya kecil berbanding dengan penutur bahasa Iban, namun tidak dinafikan peranan DMS terutamanya DMK agak

penting berbanding bahasa-bahasa yang lain. Hal ini disebabkan kedudukan DMK yang dianggap sebagai wahana komunikasi dan dituturkan dalam urusan pentadbiran dan komunikasi antara kaum di Sarawak khususnya di Bandaraya Kuching (Asmah Haji Omar, 1993:179). Oleh yang demikian, DMS ataupun secara khususnya DMK tidaklah asing bagi masyarakat Sarawak walaupun dari segi penggunaan bahasa, penutur bahasa Iban lebih tinggi jumlahnya. Bagi Daerah Saratok pula, penutur bahasa Iban lebih tinggi secara keseluruhannya, namun bagi Daerah Kecil Kabong, etnik Melayu adalah tertinggi, iaitu berjumlah 9,657 orang. Jumlah penduduk Daerah Saratok diperincikan seperti dalam Jadual 1.3 berikut.

Jadual 1.3: Jumlah penduduk Daerah Saratok berdasarkan etnik 2010

ETNIK	Iban	Cina	Melayu	Bidayuh	Melanau	Bumiputera lain	India	Lain-lain	Jumlah
DAERAH									
SARATOK	23,488	2,748	17,941	216	127	146	26	59	44,751
Budu	3515	12	52	16	-	7	1	1	3,604
Kabong	2170	205	9657	8	68	37	4	19	12,168
Roban	5633	676	469	40	6	24	9	15	6,872
Saratok	12170	1855	7763	152	53	78	12	24	22,107

(Sumber: dipetik dan disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, Banci Penduduk 2010)

Setiap etnik ini menuturkan bahasa mereka yang tersendiri. Selain bahasa tempatan atau asli di negeri Sarawak, terdapat juga bahasa yang bukan tergolong dalam kumpulan ini, iaitu bahasa Cina. Kaum Cina merupakan populasi kedua terbesar di Sarawak. Kaum Cina menuturkan bahasa Cina seperti Hokchiu (Foochow), Khek (Hakka), Kantonis dan Hokkien. Penutur Hokchiu (Foochow) dan Khek (Hakka) adalah yang paling ramai jika dibandingkan dengan Kantonis atau Hokkien (Mohammed Azlan

Mis, 2009). Masyarakat India di negeri Sarawak pula merupakan kaum yang sangat kecil dan minoriti. Bahasa Inggeris juga penting di negeri Sarawak sebagai bahasa kedua dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu, bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa kedua dan digunakan oleh golongan eksekutif dan profesional (Asmah Haji Omar, 2004a: 31).

DMS yang dituturkan oleh kaum Melayu di Sarawak tergolong dalam rumpun Austronesia di bawah kumpulan Keluarga Malayo-Polinesia Barat. Keluarga-keluarga yang menganggotai rumpun Austronesia adalah berdasarkan ciri-ciri persamaan di antara satu sama lain. Di samping persamaan terdapat perbezaan, dan inilah yang menjadi asas pembahagian kepada keluarga-keluarga itu. Persamaan dan perbezaan tersebut meliputi sistem bunyi, pembentukan kata dan ayat, dan perbendaharaan kata. Terdapat empat keluarga dalam rumpun Austronesia, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Keluarga Indonesia merupakan yang terbesar dengan memperlihatkan perkembangan yang sangat pesat dari segi bentuk-bentuk bahasanya, terutamanya bahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 1993:36). Oleh hal yang demikian, perkembangan ini mewujudkan dialek-dialek yang tertentu berdasarkan negeri (dalam konteks Malaysia), subdialek yang berdasarkan Bahagian (dalam konteks Sarawak) dan idiolek-idiolek yang tersendiri.

Di Sarawak, dialek Melayu yang dituturkan oleh orang Melayu di Bahagian Pertama ialah DMK, berbeza dari segi sebutan, intonasi serta perbendaharaan kata jika dibandingkan dengan dialek Melayu di Bahagian Kedua dan Kesebelas, iaitu DMSbs yang dipengaruhi oleh bahasa Iban. Dialek Melayu ini juga berbeza dengan dialek

Melayu yang dituturkan di Miri (Bahagian Kelima) yang banyak dipengaruhi oleh Bahasa Kedayan manakala dialek Melayu Limbang dan Lawas mendapat pengaruh daripada bahasa Melayu Brunei (Taha Abd. Kadir, 1998:55-56). Dialek-dialek ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri kerana ciri-ciri yang ada pada bahasa itu sendiri sebagai milik masyarakat dan fenomena sosial dikatakan bersifat heterogen yakni tidak seragam (Asmah Haji Omar, 1991b: 37).

Perbezaan ini juga adalah berkemungkinan berpunca daripada sejarah perkembangannya, penuturnya, pengaruh bahasa setempat atau disebabkan faktor politik dan geografi (Collins, 2000:2-15). Nik Safiah Karim (1998a) pula menyatakan bahawa timbul perbezaan-perbezaan yang lebih nyata pada satu-satu bahasa khususnya dari segi perbendaharaan kata, tatabahasa dan sebutan kerana peredaran masa yang panjang dan penyebaran daerah yang luas. Dengan ini, jelaslah bahawa DMS memperlihatkan kelainan-kelainan berdasarkan kawasan.

Walaupun masyarakat Melayu bukanlah kaum majoriti di Sarawak, namun peranan DMS amat signifikan dalam urusan seharian yang berpusat di Kuching. DMS yang dituturkan di Kuching (Bahagian Pertama) lebih standard berbanding dengan DMS yang dituturkan di bahagian-bahagian lain seperti di bahagian Samarahan (Bahagian ke-8), Sri Aman (Bahagian ke-2) dan Betong (Bahagian Ke-11). Berdasarkan Collins (2004: 4), terdapat pelbagai subdialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di Sarawak walaupun tidak menunjukkan kelainan yang nyata. Kajian tersebut mendapati penutur DMS, terutama penduduk Melayu Kuching yang mengunjungi kampung-kampung di sekitar Sungai Saribas mengalami kesukaran memahami dan mengikuti percakapan masyarakat Melayu yang dituturkan oleh orang Melayu Saribas.

Situasi ini membuktikan terdapatnya beberapa variasi atau subdialek dalam DMS itu sendiri.

Menurut Asmah Haji Omar (2008a: 216), tutur di kawasan Kuching dan Muara Tuang itu boleh dikatakan pada amnya sama, dan boleh dimasukkan dalam satu subdialek. Demikian juga tutur yang terdapat di Saribas² dan Sibul yang berbeza sedikit antara satu sama lain serta berbeza pula dengan tutur yang terdapat di Kuching. Tutur yang terdapat di Miri dan Limbang lebih dekat dengan Dialek Melayu Brunei berbanding dengan subdialek Kuching, dan oleh sebab itu Miri dari segi kajian dialek termasuk dalam kawasan dialek Melayu Brunei. Berdasarkan Asmah Haji Omar (2008a: 216), dialek Melayu Sarawak boleh dianggap mempunyai tiga subdialek utama, iaitu:

- (i) Subdialek Bahagian Pertama, yang berpusat di Kuching, subdialek Kuching (DMK)
- (ii) Subdialek Saribas yang terdapat di Bahagian Kedua (DMSbs)³
- (iii) Subdialek Sibul (DMSb)

Untuk kajian ini, pengkaji akan menggunakan pengelompokan yang dilakukan Asmah Haji Omar (2008a) kerana DMKb yang akan dikaji adalah tergolong dalam subdialek Saribas. Berdasarkan beberapa kajian terhadap DMS, subdialek Saribas termasuk dalam subdialek yang agak rencam (Collins, 1987) khususnya dari segi bunyi dan intonasi yang diujarkan. Menurut Collins (1987), DMK mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan DMRajang namun menunjukkan perbezaan dengan DMSbs.

² Daerah Saribas meliputi Daerah Kecil Betong, Daerah Kecil Spaoh, Daerah Kecil Debak dan Daerah Kecil Pusa dengan keluasan 1,776 km persegi. Maklumat lanjut tentang Daerah Saribas boleh dirujuk dalam Rahani Hosin, 2007: 37-51).

³ Daerah Betong yang dahulunya terletak dalam Bahagian Sri Aman telah dinaik taraf menjadi Bahagian Kesebelas pada 26 Mac 2002. Maka, subdialek Saribas termasuk dalam Bahagian Betong dan Bahagian Sri Aman.

DMSbs menunjukkan beberapa ciri yang memisahkannya daripada DMK. Antara ciri linguistik yang menggambarkan DMSbs sebagai dialek tersendiri ialah kelainan-kelainan dalam bunyi /-a/, /-y/, /r/ dan /-l/⁴. Walaupun wujud dalam pelbagai varian DMS, iaitu DMK, DMSbs dan DMSb, kesemua dialek ini memiliki beberapa ciri linguistik yang umum.

Terdapat beberapa lagi ciri khusus yang wujud dalam DMS yang akan dibincangkan dalam bab-bab yang seterusnya. Ternyata, DMS mengalami perubahan-perubahan tertentu berdasarkan kawasan penuturnya. Begitu juga halnya bagi DMKb yang turut mengalami perubahan fonologi walaupun dari segi geografinya bersempadan dengan kawasan Sarikei dan Sri Aman. DMS yang dituturkan di bahagian Sarikei lebih standard yakni mirip dengan DMK manakala DMKb lebih dekat sistem bunyinya dengan Dialek Melayu Samarahan (DMSn), khususnya kawasan-kawasan di pesisiran.

1.3 Sejarah Ringkas Kabong

Pada awal pembukaannya, Kampung Kabong dihuni oleh 50 buah keluarga yang hidup dalam suasana harmoni. Penduduknya bersatu hati dan bergotong-royong apabila melaksanakan sesuatu aktiviti. Mereka terus menetap di kampung ini kerana kawasannya yang sangat sesuai untuk melakukan kegiatan pertanian dan perikanan. Dahulunya, kediaman penduduk dibina memanjang dan tinggi di sepanjang sungai bagi memudahkan mereka berkumpul dan berunding, selain sebagai benteng pertahanan apabila berlaku serangan dari musuh. Asal nama 'Kabong' adalah daripada perkataan dalam dialek daerah 'gabong' yang bermaksud bersatu-padu dan bekerjasama.

⁴ Lihat Asmah (1977, 1993, 2008a), Collins (1987, 2000), Azlan (1997), Salbia (2004) dan Chong (2009, 2015).

Kerjasama dan satu-padu penduduk kampung yang membuka dan membina kampung tersebut akhirnya menjadi sebuah perkampungan kecil yang dinamakan ‘Gabong’. Lama-kelamaan, perkataan ‘gabong’ yang tidak jauh bunyinya seperti ‘Kabong’ dalam loghat tempatan, telah diguna pakai sehingga ke hari ini. Kebetulan juga, pada masa itu terdapat banyak pokok ‘apong’ (nipah) di kawasan tersebut. Oleh sebab itu, penduduk terbiasa menyebut perkataan ‘apong’ dan lama-kelamaan menjadi ‘Kabong’.

Sejarah ringkas Kabong juga boleh dikesan menerusi sejarah Lembah Sungai Kalaka yang tidak jauh dari lembah Sungai Sadong, iaitu hanya 10 batu di sebelah timur Santubong yang juga merupakan tempat wujudnya politik tua di Sarawak (Sanib Said, 2013: 51). Dalam sejarah tersebut, dinyatakan terdapatnya sebuah negeri bernama Kabong yang terletak di kuala Sungai Kalaka dan muara Batang Saribas. Di Nanga Kalaka telah ditemui 9,469 serpihan tembikar China termasuk jenis Sawankhalok dan “*blue and white ware*”. Kajian menunjukkan bahawa tembikar ini adalah tembikar abad ke-16 dan 17. Sebuah lagi tempat di lembah ini ialah Tebing Tinggi. Di sini terdapat 41,762 serpihan tembikar termasuk jenis Sawankhalok jenis abad ke-16 dan 17. Daripada abad tembikar dibuat ini nampaknya politik di lembah Sungai Kalaka ini tidak begitu tua seperti yang terdapat di Santubong dan lembah Sungai Sadong. Walau bagaimanapun ini tidak memberi maklumat yang lengkap kerana tembikar di Kabong tidak berjaya dikaji (Sanib Said, 2013: 52). Besar kemungkinan tembikar di Kabong ini bertarikh lebih awal kerana *Negarakartagama* yang dikarang pada tahun 1365 ada mencatatkan Kalka sebagai salah sebuah jajahan Majapahit. Di samping itu Kalaka disebut sebagai sebuah negeri yang dianugerahkan kepada Kerajaan Brunei oleh Johor

seperti yang dinukilkan dalam silsilah raja-raja Brunei serta mendapat keutamaan dalam Kerajaan Brunei (Sanib Said, 2011)⁵.

Kampung ini telah wujud kira-kira 200 tahun lalu ketika di bawah pemerintahan kerajaan Sultan Brunei. Kampung tradisi Kabong terletak di tepi Sungai Krian yang mengalir menuju ke Laut China Selatan. Penduduknya terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam. Mereka berasal dari kampung-kampung sekitar kawasan pinggir Sungai Seblak dan Krian seperti Sesang, Empayang, Empelam, Tanjung Malim, Suang dan Lintang. Terdapat sejumlah 20 buah kampung dan 24 buah rumah panjang di Daerah Kecil Kabong. Jadual 1.4 berikut menunjukkan ringkasan senarai kedai, rumah panjang, kampung dan perumahan penduduk dalam Daerah Saratok. Perincian khusus adalah kepada maklumat di Daerah Kecil Kabong.

Jadual 1.4: Senarai Lengkap Kedai / Rumah Panjang / Kampung / Perumahan

Daerah Kecil	Kedai (Buah)	Taman Perumahan (Unit)	Rumah Panjang (Buah)	Kampung (Buah)
Saratok	129	1,347	174	11
Roban	51	0	88	2
Kabong	26	0	24	20
Jumlah	206	1,347	286	33

(Sumber: Pejabat Daerah Saratok, www.saratokdo.gov.my)

Kini, Kabong telah banyak mengalami perubahan kerana telah menerima kemudahan asas yang mencukupi dan sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa. Jika dahulu hanya terdapat 30 pintu rumah, tetapi kini ia telah mencecah 2,037 pintu. Hal ini cukup untuk menggambarkan bahawa pekan ini semakin pesat membangun. Pemerhatian pengkaji ke atas aktiviti harian masyarakat di Kabong menunjukkan

⁵Sila rujuk tulisan Sanib Said, 2011 di <http://malayuniversity.blogspot.com>

bahawa penggunaan bahasa harian mereka ialah DMKb. Dalam pergaulan biasa dan seharian di kedai-kedai runcit, kedai-kedai kopi, di pasar ikan dan sayur ini memperlihatkan kaum Melayu, Iban dan Cina berinteraksi menggunakan DMKb. Hal ini jelas menunjukkan bahawa DMKb berfungsi sebagai lingua franca di daerah kecil ini. Berdasarkan Jadual 1.4 di atas, kedai-kedai yang terdapat di Pekan Kabong diusahakan oleh peniaga Cina dan Melayu. Walaupun demikian, warung-warung kopi dan kedai makan di pasar basah atau pasar ikan majoritinya diusahakan oleh kaum Melayu manakala kedai-kedai runcit diusahakan oleh kaum Cina.

1.3.1 Pentadbiran Daerah Kecil Kabong

Daerah Kecil Kabong terletak dalam kawasan pentadbiran Daerah Saratok⁶, Bahagian Betong, Sarawak yang meliputi kawasan seluas 398.14 kilometer persegi (Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak, 2010). Untuk mentadbir dan menguruskan hal ehwal di daerah ini, sebuah Pejabat Daerah Kecil Kabong telah ditubuhkan berdekatan Pekan Kabong yang mempunyai tiga deretan bangunan kedai kayu. Dalam perkembangan semasa, sebuah bangunan yang khusus digunakan untuk kedai minuman dan makanan serta pasar ikan telah siap dibina pada tahun 2014. Penyediaan kemudahan asas ini kepada masyarakat Kabong telah merancakkan aktiviti harian mereka dalam memasarkan hasil-hasil laut dan makanan ringan. Pekan Kabong tidak lagi terencil dari bandar dan pekan lain berbanding dengan dahulu. Malah Kabong mempunyai lokasi yang strategik dan berpotensi menjadi sebuah pusat perdagangan yang berperanan sebagai pusat agihan kepada kawasan-kawasan persekitaran Daerah Kecil Kabong. Peta 1.2 berikut menunjukkan kedudukan Daerah Kecil Kabong.

⁶ Selain Kabong, tiga lagi Daerah Kecil dalam Daerah Saratok ialah Saratok (597.53 km persegi), Roban (394.17 km persegi) dan Budu (297.01 persegi)



(Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada www.bing.com/images/)

Peta 1.2: Kedudukan Daerah Kecil Kabong

1.3.2 Asal usul, agama, kepercayaan dan adat resam

Masyarakat Melayu Sarawak merupakan masyarakat yang bercampur baur dan oleh sebab itulah adalah mustahil untuk memberi takrif yang tepat tentang tempat asal usul mereka. Dalam istilah yang longgar maksudnya, orang Melayu Sarawak sebagai satu kelompok bangsa suatu anggota daripada suatu keluarga bangsa Melayu yang besar yang menjadi salah satu daripada penduduk asal di Kepulauan Melayu itu yang tersebar dari dan juga termasuk Sumatera sampailah ke Kepulauan Filipina. Sungguhpun mereka dikenali dengan nama-nama yang berlainan, ditempat-tempat yang berlainan pula, namun mereka termasuk dalam suatu rumpun budaya yang sama yang terpisah antara satu sama lain hanya semata-mata oleh sempadan politik (Abang Yusuf Puteh, 2008: 3). Oleh hal yang demikian, dalam tulisan ini, penulis mempertahankan asal usul masyarakat Melayu di Sarawak termasuklah di Kabong adalah daripada Sumatera bersandarkan tulisan Abang Yusuf Puteh (2008: 1).

Dari segi agama, kepercayaan dan adat resam, masyarakat Melayu Kabong menganut agama Islam dan mengamalkan kepercayaan dan adat resam yang sama seperti masyarakat Melayu yang lain. Masyarakat Melayu Islam di Kabong amat menekankan pendidikan keagamaan dengan menjalankan aktiviti keagamaan di masjid-masjid dan surau. Hal ini dapat digambarkan melalui jumlah surau dan masjid di Kabong yang menjadi ikon kepada pengimarahannya ajaran Islam. Setiap kampung mempunyai surau sendiri walaupun kedudukan kampung-kampungnya yang berdekatan antara satu sama lain. Pendidikan agama telah ditegaskan kepada anak-anak sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam persekolahan formal. Anak-anak muda juga diberi penekanan untuk belajar ilmu agama seperti fardhu ain dan fardhu kifayah dengan menghadiri kelas-kelas agama dan ceramah yang disampaikan oleh ustaz-ustaz dan ustazah bertauliah.

Dalam majlis-majlis keramaian, seperti sambutan Hari Raya, majlis perkahwinan, khatamal al-quran, sambutan hari-hari kebesaran agama dan adat adalah berlandaskan syariat Islam dan masih mengamalkan pantang larang masyarakat Melayu untuk hal-hal tertentu. Ringkasnya, ketiga-tiga aspek kehidupan ini iaitu, agama, adat dan kepercayaan adalah asas penting dalam fikiran serta kejiwaan Melayu (Zainal Kling, 1989: 33) kerana aspek-aspek ini akan membentuk sikap, nilai, psikologi dan juga kelakuan orang Melayu dalam mendepani segala masalah kehidupan yang mendatang.

1.3.3 Pekerjaan

Penduduk Kabong, terutamanya golongan tua yang berusia dalam lingkungan 50 tahun ke atas kebanyakannya menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan utama

mereka dengan menanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa, sawit, koko, durian, rambutan dan lain-lain selain menjadi nelayan serta berniaga secara kecil-kecilan. Golongan belia juga mempunyai kerjaya tetap sebagai penjawat awam dan swasta seperti guru, polis, askar, pentadbir dan kerani. Kabong kaya dengan hasil pertanian dan laut. Sebelum penanaman kelapa sawit diusahakan secara komersil di Kabong, kelapa merupakan hasil pertanian yang utama di Kabong. Pekebun-pekebun kecil kelapa akan menjual kelapa (tua) dan kelapa kering (kopra) kepada pemborong untuk diproses di luar Kabong manakala kelapa muda dibekalkan kepada gerai-gerai di bandar Sarikei.

Hasil laut juga menjadi punca rezeki penduduk kampung yang menjadikan laut sebagai punca pendapatan. Hasil-hasil laut seperti ikan, udang, bubuk dan obor-obor akan dijual kepada pemborong, atau dijual sendiri oleh nelayan tempatan di pekan-pekan lain seperti Roban, Saratok, Pusa, Debak, Spaoh hingga ke bandar Sri Aman. Selain itu, ia dijadikan ikan kering, ikan masin dan ikan salai. Penangkapan obor-obor pula dilakukan secara bermusim (musim kemarau) dan ia merupakan mata pencarian yang paling lumayan. Obor-obor dijual kepada pemborong yang kemudian memprosesnya. Semua bahagian obor-obor ini digunakan sepenuhnya, iaitu kepala obor-obor diproses untuk pasaran tempatan manakala badannya diproses bagi pasaran ke luar negara. Penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi tidak dinafikan di daerah ini. Wanita hari ini amat jauh berbeza berbanding dengan wanita dahulu kerana golongan wanita kini lebih berdaya saing selaras dengan arus pemodenan. Golongan ini tidak lagi hanya duduk di rumah seperti dahulu, malah mereka mampu menambah hasil pendapatan keluarga, berdikari, dan menjadi seorang pemimpin yang berkaliber. Mereka mampu memberi pendapatan tambahan kepada keluarga. Hal ini demikian kerana kebanyakan golongan wanita di Kabong menceburkan diri dalam bidang

keusahawanan. Oleh sebab Kabong merupakan perkampungan nelayan, mereka banyak memproses ikan masin, ikan kering serta produk berasaskan ikan seperti keropok keping dan keropok lekor. Golongan ini turut mengusahakan kuih-muih moden dan tradisional, mi kuning, pisang kering, dan sebagainya.

Dari aspek pelancongan pula, Kabong mempunyai pantai yang panjang, bersih dan sesuai untuk perkelahan, riadah, pesta dan rekreasi. Terdapat tiga pantai utama yang mampu menarik perhatian pengunjung, iaitu Pantai Tanjung Kembang, Pantai Alit dan Pantai Gerigat. Kawasan peranginan ini juga telah dijadikan sebagai sebuah tempat untuk mengadakan Pesta Pantai pada setiap tahun dan telah dimasukkan ke dalam kalendar Pelancongan Peringkat Bahagian. Sementara itu, di Kampung Batang Maro terdapatnya tugu atau kubu Rentap sebagai lambang kepahlawanan rakyat Sarawak khususnya dan Malaysia secara amnya dalam menentang penjajahan keluarga Brooke.

1.4 Pernyataan masalah

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkenaan aspek linguistik dialek-dialek Melayu di Malaysia, namun kajian mengenai aspek linguistik terhadap dialek-dialek dan subdialek Melayu di Sarawak adalah kurang. Maka, kajian ini akan memfokuskan salah satu aspek linguistik yang utama, iaitu fonologi dalam DMKb yang merupakan satu daripada subdialek Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di Kabong, Daerah Betong, Sarawak. Di negeri Sarawak sendiri, kajian terhadap dialek-dialek Melayu masih kurang dan kebanyakan kajian tersebut lebih tertumpu kepada dialek Melayu Kuching (DMK) seperti yang dilakukan oleh Madzhi Johari (1989), yang banyak dituturkan oleh masyarakat Melayu di Bahagian Pertama. Hal ini dibicarakan oleh Maxwell (1970: 4);

“...a systematic comparative studies which survey the various Malay dialects of a large region such as the Malay Peninsula or Borneo are still lacking...Until a systematic survey of Malay dialects in Borneo, the Malay Peninsula and the islands of western Indonesia is made, the best we can do is to record the area and the social and cultural provenience of each linguistics form”.

DMKb yang dituturkan oleh masyarakat di Kabong merupakan salah satu daripada dialek Melayu di Sarawak. Oleh sebab terdapat kekurangan kajian dialek Melayu di Sarawak, maka kajian ini amat wajar dilakukan khususnya untuk menentukan sistem dan struktur DMKb serta rupa bentuk DMKb. Menurut Asmah Haji Omar (1993:18), bahasa-bahasa bumiputera di Malaysia memperlihatkan perkaitan yang erat antara satu sama lain. Persamaan yang sangat ketara dan dekat terdapat pada kata bilangan, nama anggota tubuh, ganti nama diri, dan nama kekeluargaan. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan melihat rupa bentuk DMKb yang dianggap sebagai salah satu daripada subdialek Melayu di Sarawak. Apabila mengenal pasti rupa bentuk DMKb khususnya dari aspek fonologi, maka kita boleh menegaskan bahawa DMKb adalah tergolong dalam salah satu dialek Melayu di Malaysia yang boleh berdiri sendiri, ataupun sebaliknya. Kajian ini juga akan dapat membina sistem dan struktur dialek Melayu Kabong.

Seterusnya, kajian ini dapat menentukan sama ada DMKb ini merupakan salah satu daripada variasi dialek Melayu Sarawak kerana dialek-dialek Melayu di Sarawak sering dipengaruhi bahasa-bahasa bumiputera yang menjadi majoriti di kawasan tersebut. Misalnya, dialek Melayu Saratok dipengaruhi bahasa Iban; dialek Melayu Limbang, banyak dipengaruhi oleh dialek Melayu Brunei; dan dialek Melayu Miri dipengaruhi bahasa Kedayan. Jadi, adakah DMKb turut dipengaruhi oleh bahasa majoriti di sekitarnya khususnya bahasa Iban yang merupakan bahasa utama di Bahagian Betong? Dengan kata lain, persoalan tentang kedudukan DMKb ini dapat

dirungkai sama ada DMKb adalah salah satu dialek Melayu ataupun salah satu daripada dialek bahasa Iban.

Kajian terhadap DMKb yang belum dilakukan secara khusus sudah tentu menimbulkan banyak andaian kepada pengkaji-pengkaji bahasa dan penutur dialek Melayu itu sendiri. Walaupun terdapat kajian terhadap DMS, namun kajian berkenaan tidak menyentuh DMKb secara terperinci. Terdapat juga kajian yang mengatakan DMKb adalah sudialek kepada DMSbs (Noriah Mohamed, 1991), dan dialek-dialek Melayu di Sarawak hanya mempunyai sedikit kelainan (Collins (1987:43). Jadi, andaian-andaian ini perlu dijelaskan melalui kajian ini agar DMKb boleh dilihat keakraban atau perkaitan kognatnya dengan dialek-dialek Melayu yang lain di Malaysia dan seterusnya dengan bahasa Melayu standard. Kognat dimaksudkan sebagai perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa yang sama atau hampir sama dari segi makna atau hampir sama daripada segi bunyinya (Asmah 1993: 18). Maka, adalah diharapkan kajian terhadap aspek fonologi DMKb ini dapat menjawab beberapa permasalahan yang telah dinyatakan.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1.5.1 Mengenal pasti sistem fonologi DMKb

1.5.2 Mengenal pasti struktur fonologi DMKb

1.6 Soalan Kajian

Kajian terhadap dialek-dialek Melayu di Sarawak sebelum ini lebih tertumpu kepada DMK yang telah dilakukan oleh Asmah (1977, 1983, 1993), Madzhi (1989),

Mastura (1979), Collins (1987), Salbia (2004) dan Rahani Hosin (2007). Kajian dan tinjauan awal oleh penulis-penulis ini mendapati terdapatnya perbezaan antara DMK dan DMSbs. Salah satu ciri fonologi yang ketara berbeza ialah pada bunyi vokal /a/ yang menjadi /o/ dalam subdialek Saribas. Dalam DMKb, ciri ini juga memperlihatkan bentuk yang sama. Namun begitu, beberapa aspek linguistik yang lain perlu dijelaskan antaranya sistem vokal dan konsonan DMKb, fonem, alofon, diftong, rangkap vokal, rangkap konsonan dan struktur suku kata dalam DMKb. Berdasarkan objektif kajian ini, maka soalan-soalan kajian berikut perlu dijawab dalam kajian ini, iaitu;

1.6.1 Bagaimanakah sistem fonologi DMKb?

1.6.2 Bagaimanakah struktur fonologi DMKb?

1.7 Kepentingan Kajian

Dalam mengkaji sistem bunyi (fonologi) bahasa Melayu (BM), dialek juga tidak seharusnya ketinggalan untuk dikaji dan dianalisis kerana keunikan dialek-dialek Melayu di Malaysia yang tidak kurang daripada 300 dialek yang mewakili setiap kumpulan etnik Melayu di Malaysia⁷. Penggunaan dialek-dialek Melayu di Malaysia yang agak rencam menjadikan kajian terhadap DMKb ini wajar dilakukan kerana dialek-dialek yang berbeza dituturkan di Malaysia boleh dibezakan berdasarkan kawasan penuturnya. Tambahan pula, wujudnya persamaan kata yang digunakan dapat mengelakkan salah faham penutur sekiranya maksud kata tersebut adalah berbeza, khususnya bagi perkataan yang membawa konsep yang bertentangan. Misalnya, dalam DMKb, perkataan *lawa* merujuk kepada *sombong* sedangkan kebanyakan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia bermaksud *cantik*. Jadi, dengan mempelajari dialek-dialek Melayu di Malaysia, pentafsiran yang kurang tepat dapat dielakkan.

⁷ Lihat tulisan bertajuk Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu di alamat www.scrib.com

Selain itu, kajian ini penting untuk melihat kemungkinan wujudnya variasi-variasi dialek akibat daripada persepsi yang berlainan, walaupun dialek itu dari satu kawasan yang sama. Variasi-variasi dialek ini akan menimbulkan perbezaan, baik dalam sistem fonologi, leksikal dan tatabahasa sesuatu masyarakat penutur dialek. Sistem-sistem yang berbeza ini membolehkan kita membuat perbandingan terhadap dialek itu, malah kepada subdialek-subdialek yang lebih kecil lagi. Begitu juga kalau dilihat dari kawasan penyebaran, kita boleh membahagikan sesuatu dialek kepada subkawasan-subkawasan yang berbeza dengan ciri-ciri linguistik yang berbeza. Secara langsung ciri-ciri perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam sesuatu dialek atau subdialek itu dapat memperkukuhkan kenyataan bahawa penyebaran sesuatu bahasa atau dialek dalam sesebuah kawasan tidaklah semestinya sama dengan sempadan politik atau sempadan pentadbiran. Malahan, ciri-ciri sesuatu dialek itu akan terus menyebar melampaui batas-batas sempadan politik dan akan berubah secara beransur-ansur tanpa dapat ditentukan titik berakhirnya dialek itu (Asmah Haji Omar, 2008a: 32-139). Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa sesuatu bahasa atau dialek yang wujud dalam sesebuah kawasan itu tidaklah seragam dan menetap sifatnya.

Kajian terhadap DMKb ini juga penting sebagai usaha untuk menambah dan melestarikan dialek-dialek Melayu di Malaysia yang masih belum dikaji sebelum ini. Dalam arus perkembangan bahasa Melayu standard hari ini, peminjaman kepada kosa kata asing sering berlaku. Untuk mengurangkan kebergantungan dan peminjaman kosa kata asing, salah satu langkah terbaik ialah dengan menggunakan kosa kata daripada dialek Melayu itu sendiri, khususnya dialek-dialek Melayu yang terdapat di Malaysia. Setiap dialek Melayu tersebut mempunyai istilah-istilah tertentu yang belum diperkasakan kerana kurangnya kajian terhadap dialek-dialek berkenaan. Sebagai

contoh, DMKb sendiri kaya dengan istilah khusus tertentu yang boleh diterapkan dalam BMS, seperti /tiŋai/ (tidak mendengar kata), /tʃuŋek/ (kuat merajuk) dan /liŋaʔ/ (berminyak). Penyerapan kosa kata daripada dialek-dialek Melayu dapat mengurangkan peminjaman kosa kata asing dan seterusnya dapat melestarikan dialek-dialek Melayu itu sendiri untuk terus digunakan.

Pengkajian DMKb turut memberi sumbangan terhadap deskripsi dan dokumentasi khazanah dialek Melayu. Perubahan sosial yang melanda masyarakat hari ini kesan globalisasi, menyebabkan pupusnya bahasa dan dialek. Di negeri Sarawak sendiri, beberapa bahasa peribumi diancam kepupusan seperti bahasa Saban, bahasa Tring dan bahasa Sihan. Untuk mengelakkan DMKb terancam, maka kajian ini dapat memberi sumbangan untuk bidang dialektologi dan sekurang-kurangnya berguna dalam penyusunan istilah ke dalam BMS.

1.8 Kesimpulan

Bab ini telah memperkenalkan sedikit latar belakang berkenaan kajian ini. Objektif kajian serta soalan kajian yang dinyatakan akan cuba dipenuhi dalam kajian ini. Selain memberikan gambaran ringkas tentang kepentingan kajian ini, pemilihan informan dan penentuan lokasi kajian amat penting untuk menjayakan dan mencapai objektif kajian. Pemilihan Daerah Kecil Kabong yang menempatkan Kampung Hulu Laut Kabong amat sesuai menjadi kawasan pengutipan data kerana kampung ini merupakan kampung asal dan adanya penutur natif bagi DMKb. Dengan 80% penutur DMKb di Kabong menjadikan kutipan data ini wajar untuk mendeskripsikan kajian fonologi DMKb.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membuat sorotan beberapa kajian yang berkaitan dengan fonologi dan dialek yang telah dilakukan di dalam negara dan luar negara, khususnya yang berkaitan dengan kajian fonologi bagi bahasa yang serumpun dengan bahasa Melayu. Kajian terhadap aspek fonologi khususnya dari segi struktur sesuatu bahasa itu telah mendapat banyak perhatian daripada penyelidik di dalam dan luar negara. Kajian tinjauan ini berfokus kepada metodologi yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas terhadap analisis fonologi dalam kajian bahasa dan dialek Melayu. Dalam bab ini, pengkaji akan membahagikan huraian kepada dua aspek, iaitu sorotan literatur kajian dari segi penerapan teori khususnya bagi bahasa atau dialek yang telah mempunyai data korpus, dan satu lagi bagi literatur kajian bahasa atau dialek yang belum dibuat kajian atau tidak mempunyai data korpus.

2.2 Tinjauan umum kajian fonologi

Kajian terhadap dialek Melayu telah mengharungi satu era yang agak lama sehinggalah ke hari ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Collins (1996: 11) bahawa selama 25 tahun kajian dialek Melayu telah mengalami kemajuan. Terdapat lebih daripada enam puluh dialek daerah yang masih tergolong dalam jaringan bahasa Melayu membuktikan keunggulan penutur bahasa Melayu sebagai perintis budaya, niaga dan teknologi (Collins, 1996: 13). Jadi, kepelbagaian dialek Melayu yang diwarisi ini perlu

didokumentasikan sebagai pusaka dan khazanah yang tidak ternilai. Dialek-dialek Melayu ini perlu dijaga kesinambungan dan kelestariannya.

Oleh sebab itu, sedikit latar belakang kajian dialek di Malaysia yang merangkumi semenanjung Malaysia dan Pulau Borneo serta di luar negara khususnya negara-negara jiran Malaysia seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei disingkap secara ringkas. Dengan menyebut beberapa pengkaji dialek Melayu yang telah dilaksanakan oleh tokoh-tokoh penyelidik dari universiti-universiti tempatan antaranya, Abdullah Hassan (1966), Farid M. Onn (1976), Abdullah Junus (1977), Ajid Che Kob (1977), Asmah Haji Omar (1977, 1987, 1989, 1993, 2008, 2012), Nik Safiah Karim (1989), Collins (1987, 1989), Zaharani Ahmad (1989), Noriah Mohamed (1991) dan lain-lain lagi. Kesungguhan, minat dan keazaman pengkaji-pengkaji linguistik ini khususnya dalam aspek fonologi memberi sumbangan yang bermakna kepada kajian dialek Melayu di Malaysia secara khususnya. Kajian-kajian yang berterusan menjadikan beberapa dialek Melayu yang hampir hilang ini telah dihidupkan kembali dan dikenal hingga ke hari ini.

Menurut Collins (1988), banyak dialek sudah dikaji, baik di Malaysia sendiri mahupun di Indonesia, Brunei, Negeri Thai, Sri Lanka, dan Belanda. Bahkan, perhitungan tentang kajian dialek Melayu merakamkan lebih kurang 1500 tulisan tentang berbagai-bagai dialek Melayu. Sebahagian besar dialek ini hanya dikenal melalui pengkajian mutakhir karya penutur Melayu tersebut (Collins, 1996: 14). Sesungguhnya, tidak mudah untuk menyoroti bahasa dan dialek di Malaysia kerana

terdapat kepelbagaian bahasa dan dialek yang dituturkan. Walaupun demikian, usaha-usaha murni pengkaji terdahulu dan kini sangat dihargai, khususnya pengkaji-pengkaji bahasa dan dialek di Malaysia. Sesungguhnya, diharap agar pada suatu hari nanti kajian-kajian ini akan diteruskan untuk memastikan khazanah bahasa dan dialek Melayu khususnya terus dikenal oleh generasi yang akan datang.

Jika disoroti, banyak kajian telah dilakukan terhadap dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia seperti dialek Melayu Kelantan, dialek Melayu Perak, dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Johor dan dialek Melayu Terengganu. Kajian terhadap bahasa Orang Asli seperti bahasa Temuan, bahasa Kanaq, bahasa Mah Meri dan bahasa Semai turut dilaksanakan. Sebaliknya, di Sarawak kajian-kajian ini agak terbatas kerana kurangnya pengkaji yang memiliki minat dan kelayakan yang diperlukan dalam bidang ini. Kajian-kajian yang dilakukan terhadap bahasa dan dialek Melayu di Sarawak juga dimulakan oleh pengkaji-pengkaji dari luar Sarawak, seperti dari Semenanjung Malaysia dan negara-negara luar. Menurut Kroeger (1998: 137), sumbangan penting yang dilakukan terhadap pemahaman dan hubungan linguistik di Sarawak telah dikesan dalam kajian Ray (1913), Blust (1974), Hudson (1978), dan Wurm (1983).

Collins (1987:7) mendapati hanya terdapat beberapa tulisan yang menyentuh bahasa Melayu Sarawak¹⁰. Dalam *Daftar Kata Melayu Sarawak* yang agak teratur diterbitkan oleh Chalmers (1861) tetapi kata-kata Melayu ini hanya mengiringi kata-

¹⁰ Istilah Bahasa Melayu Sarawak yang digunakan dalam bahagian ini merujuk kepada Dialek Melayu Sarawak yang digunakan dalam tulisan Collins (1987). Penulis berpendapat bahawa dialek melayu yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di Sarawak merupakan salah satu daripada dialek Melayu dan oleh sebab itu tidak wujud Bahasa Melayu Sarawak sebaliknya merupakan dialek Melayu Sarawak.

kata Dayak Sentah (Sungai Sarawak). H. Roth (1896) telah menerbitkan catatan H.B Low tentang Bahasa Iban (di sekitar Rejang dan Batang Lupar) yang disertai dengan kata-kata “*colloquial Malay*” tetapi kosa kata itu tidak selaras kerana turut dicampurkan dengan bahasa baku (Collins, 1987: 9). Misalnya, adanya kesilapan dalam kata-kata seperti ‘kotor’ yang sepatutnya ‘kamah atau kemaik’, ‘ayam’ sepatutnya ‘manok’ dan kucing ditulis ‘pusa’ sedangkan yang sebetulnya ialah ‘pusa?’. Everette dan Hewitt (1909) juga telah memasukkan banyak istilah Melayu Sarawak dalam tulisannya terutama dalam bidang zoologi dan botani.

Sementara itu, Ray (1913) telah menerbitkan kosa kata dalam berbagai-bagai bahasa di Sarawak yang juga memuatkan bahasa Melayu Sarawak dan bahasa Melayu Brunei. Daftar kata yang dikumpulkan oleh Ray ini kemudiannya diselaraskan dengan kosa kata Chalmers (1861) serta diperbaik dan ditambah oleh C.A Bampflyde. Namun, daftar kata ini masih belum menampung ketersediaan kosa kata dan ciri linguistik dialek Melayu di Sarawak pada masa itu (Collins, 1987: 11). Antara kesilapan yang dikesan ialah tidak memasukkan hentian glotis bagi kebanyakan kata dalam dialek Melayu Sarawak seperti ‘kecil’ sepatutnya ‘kətʃiʔ’, ‘mendengar’ sepatutnya ‘nəŋaɣ’ dan ‘langau’ sebetulnya disebut ‘laŋo’. Seterusnya Collins (1987: 12) menyatakan bahawa antara tulisan yang agak tepat menerangkan ragam bahasa di Sarawak ialah menerusi tulisan Harrison (1970: 647) yang mendapati terdapatnya tiga ragam Melayu di Sarawak, iaitu ragam rasmi (*High Malay*), ragam pergaulan (*Bazaar Malay*) dan ragam daerah (*local Malay*).

Hanya selepas tahun 1989, baharulah penelitian tentang DMS mula berkembang dengan sumbangan pertama diusahakan oleh orang Sarawak sendiri (Collins, 1987: 12). Madzhi (1989) membincangkan fonologi DMK, iaitu sebuah deskripsi fonetik dan fonemik DMK yang kemudiannya diterbitkan oleh pihak DBP dalam tahun 1989. Seterusnya, beberapa tulisan Asmah Haji Omar (1977, 1983, 1993), Mastura Annuar (1979), Collins (1987), Aiwan Ali (1996) dan Salbia Hassan (2004) yang berfokus kepada dialek Melayu di Sarawak. Antara sumbangan terawal dan besar impaknya ialah oleh Asmah Haji Omar (1983b: 273) yang diterbitkan dalam *Sarawak Museum Journal* (SMJ) yang bertajuk *A comparison of Malay and the Sarawak type languages*. Tulisan ini akhirnya diterbitkan dengan versi Bahasa Melayu dan dimuatkan dalam buku *Susur Galur Bahasa Melayu* (1993).

Sementara itu, Chong (2009) mendapati dialek-dialek Melayu di Sarawak mula dikaji seperti menerusi tulisan Rokaiyah (1983), Collins (1985), Madzhi Johari (1988), Azlan Mis (1997), Wong & Aiwan (1996), Fatimah (1996), Collins (2000) dan Chong (2009). Namun demikian, kesemua tulisan ini cuma membicarakan dialek Melayu di bahagian Barat Sarawak, iaitu dari Sungai Sarawak hingga ke Sungai Rejang. Cuma terdapat satu tulisan ringkas oleh Needham (1958) yang membicarakan bahasa Melayu Baram di Sungai Baram (Collins 1990). Kemudian tulisan berkenaan dialek Melayu di bahagian Utara Sarawak ini diluaskan lagi dalam kajian Chong (2009) yang berpusat di Sungai Baram dan ditemukan tiga dialek Melayu di kawasan berkenaan, iaitu:

- (1) Dialek Melayu Sarawak (DMS);
- (2) Dialek Melayu Brunei (DMB); dan,
- (3) Bahasa Melayu Baram (BMBrm).

Dalam kajian ini, Chong¹¹ (2009: 61) mengklasifikasikan DMS terdiri daripada DMKch, DMSbs¹² dan DMRjg. Chong mendapati DMLb (Dialek Melayu Lembah Baram) mempunyai jalinan linguistik yang erat dengan DMKch berbanding dengan DMSbs yang dikatakan mempunyai ciri dialek yang tersendiri (2009: 62). Misalnya dalam suku kata akhir terbuka /ɔ/ yang merupakan alofon /a/, kekal sebagai /a/ dalam DMKch dan DMLb bagi perkataan /nama/ tetapi berubah menjadi /namɔ/ dalam DMSbs. Begitu juga bagi perkataan /pasir/ menjadi /pasiaɣ/ dalam DMKch dan DMLb tetapi berubah menjadi /pasia/ dalam DMSbs. Dalam kajian ini, Chong (2009) menganggap alofon [ɣ] menjadi /a/ dan /ɛ/ dalam DMSbs. Namun demikian, kewujudan hentian /ʔ/ dan /k/ sebagai fonem tersendiri dan pengguguran fonem /h/ di awal kata dalam DMKb, DMLb dan DMSbs adalah sama.

Kewujudan BMBrm di Baram merupakan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat bukan Melayu yang terdiri daripada suku Kayan, Kenyah, Badang dan Sebug (Chong, 2009: 67) seperti yang diperincikan dalam Needham¹³ (1958). Antara ciri linguistik BMBrm yang berbeza dengan DMS ialah pengguguran /ŋ/ dalam perkataan /angkat/ > /akat/, /pangkat/ > /pakat/; penggantian /s/ kepada /t/ dalam perkataan /lekas/ > /lekat/, /atas/ > /atat/; dan penggantian /r/ kepada /n/ dalam perkataan /tidur/ > /tidun/, kotor/ > /koton/ dan /pasar/ > /pasan/.

¹¹ Ringkasan yang digunakan dalam kajian Chong Shin; dialek Melayu Sarawak (DMS), dialek Melayu Kuching (DMKch), dialek Melayu Saribas (DMSbs) dan dialek Melayu Rajang (DMRjg).

¹² Data DMSbs yang digunakan dalam kajian ini ialah dari Kampung Melayu Debak, Betong.

¹³ Ciri linguistik lain boleh dirujuk dalam tulisan Chong Shin (2009) hlm. 68.

Berdasarkan kajian Chong (2009) tersebut, tiga variasi dialek Melayu di bahagian Utara Sarawak telah dikesan manakala kajian di bahagian tengah Sarawak yang menempatkan DMKb masih kurang sedangkan di bahagian ini merupakan pusat penutur DMSbs. Walaupun dalam kajian Chong ada menyelitkan data dalam DMSbs, namun deskripsi yang menyeluruh terhadap DMKb ini penting supaya dapat mengenal pasti ciri-ciri lain yang lebih dominan. Hanya dalam kajian Aiwan Ali (1999)¹⁴ terhadap dialek Melayu Saratok (DMSr) ada menyertakan maklumat berkenaan DMKb namun data tersebut amat terbatas.

Sebagai kesinambungan daripada kajian ini, penulis merasakan adalah perlu kajian aspek linguistik di Kabong dianalisis untuk memperoleh ciri-ciri tertentu dalam DMKb. Kedudukan Kabong¹⁵ yang terletak agak jauh dari Kuching menyebabkan dialek yang dituturkan di Kabong berbeza dengan dialek yang dituturkan di Kuching khususnya bagi bunyi vokal /a/ di posisi akhir kata menjadi /o/ dan /ɔ/ dalam DMKb dan memperlihatkan beberapa perubahan pada bunyi konsonan. Adanya perbezaan kosa kata yang digunakan dalam DMKb juga menjadikan kajian ini agak signifikan untuk dilakukan. Oleh hal yang demikian, kajian yang lebih mendalam terhadap fonologi DMKb perlu dilakukan untuk menghuraikan sistem dan struktur DMKb secara lebih terperinci.

Untuk bahagian seterusnya, penerangan adalah bagi melihat beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan bidang linguistik khususnya fonologi dengan beberapa

¹⁴ Sila rujuk bahagian 3.3

¹⁵ Lokasi Kabong dan Kuching boleh dirujuk dalam Lampiran A1 dan A2

pendekatan yang berlainan. Untuk tujuan ini, tinjauan literatur kajian melihat dua pendekatan yang lazim digunakan untuk menganalisis fonologi bahasa dan dialek-dialek di Malaysia dan secara amnya di negara-negara jiran yang menuturkan bahasa Melayu seperti Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura. Pendekatan dan teori yang digunakan berbeza apabila bahasa atau dialek yang belum mempunyai data korpus lebih banyak dianalisis menggunakan teori linguistik deskriptif manakala bagi bahasa atau dialek yang telah mempunyai data atau korpus, analisis kajian banyak menggunakan pendekatan teori transformasi generatif seperti pendekatan sistemik, fonologi autosegmental dan fonologi leksikal.

2.3 Literatur kajian berdasarkan teori linguistik deskriptif

Bahagian ini merupakan tinjauan literatur bagi kajian bahasa dan dialek yang belum dikaji atau bagi bahasa yang tidak mempunyai data kajian terdahulu. Berdasarkan penelitian pengkaji, didapati bahasa dan dialek yang belum pernah dikaji banyak menggunakan pendekatan teori linguistik deskriptif yang telah diasaskan oleh de Saussure (1915) dan diteruskan oleh Bloomfield (1935) dan pengikut-pengikutnya. Tumpuan khusus yang dibicarakan dalam bahagian ini ialah kaedah atau pendekatan yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas untuk menganalisis bahasa atau dialek-dialek berkenaan. Kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mengkaji bahasa atau dialek yang baharu dikaji atau tiada data asas linguistik khususnya bidang fonologi, majoritinya menggunakan huraian deskriptif.

Kajian terawal terhadap Dialek Melayu Sarawak telah diusahakan oleh Madzhi Johari untuk Latihan Ilmiah (1972), menerusi kajian yang bertajuk Fonologi Dialek

Melayu Kuching (Sarawak), Universiti Malaya dan telah diterbitkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (1989). Kajian ini memberi sumbangan yang besar dalam memahami aspek fonologi DMS khususnya bagi DMK. Kajian beliau mengkhusus di Bahagian Pertama (Kuching), yang membincangkan aspek fonologi dalam DMK yang dianalisis secara deskriptif. Madzhi Johari (1989: 5) bersetuju bahawa pengkajian dialek secara deskriptif perlu terlebih dahulu dilakukan kerana kajian deskriptif dapat menentukan sistem-sistem fonemik sesuatu dialek dengan teliti dan boleh melihat kepelbagaian dalam sesuatu dialek berkenaan. Antara aspek fonologi yang dibincangkan dalam tulisan ini ialah ciri-ciri suprasegmental, distribusi fonem, fonem rangkap, suku kata dan bunyi konsonan dan vokal dalam DMK. Walaupun demikian, kajian ini juga ada menyelitkan sedikit maklumat berkenaan subdialek Melayu yang lain di Sarawak, iaitu di Bahagian Kedua Sarawak (Saribas)¹⁶.

Penjelasan tentang aspek fonologi DMK oleh Madzhi (1989) dalam kajian ini lebih berfokus kepada tutur masyarakat Melayu di kawasan Bahagian Pertama, Kuching. Oleh sebab itu, bunyi-bunyi vokal dan konsonan yang dinyatakan lebih mirip kepada bunyi bahasa Melayu standard (BMS). Misalnya bagi kosa kata yang diakhiri vokal /a/ kebanyakannya menyamai bunyi vokal dalam BMS seperti dalam perkataan /nyawa/, /kaya/, /kata/, /tiga/ dan /mata/ sedangkan dalam dialek Melayu Betong, Saribas, Saratok dan Kabong perkataan tersebut akan diakhiri vokal /ɔ/¹⁷. Dalam tulisan

¹⁶ Dialek Saribas dituturkan oleh masyarakat Melayu yang mendiami sepanjang Lembangan Batang Saribas yang terletak di Bahagian Betong. Terdapat empat Daerah kecil dalam Bahagian Betong, iaitu Betong, Spaoh, Debak dan Pusa. Sila rujuk Rahani Bin Hosin, 2007 hlm 42.

¹⁷ Collins (1987) dan Mastura (1979) meletakkan bunyi /a/ di akhir kata dalam dialek Saribas sebagai /ɔ/ manakala Madzhi (1988) dan Salbia (2004) sebagai /o/. Kajian Mastura (1979) tidak dimasukkan dalam literatur ini kerana tulisan Mastura lebih berfokus kepada morfologi.

ini juga terdapat sedikit kekeliruan antara penggunaan fonem /o / dan fonem /ɔ / pada akhir kata. Hanya sedikit data dalam DMKb yang dimasukkan dalam tulisan Madzhi.

Bersandarkan data kajian yang dilakukan oleh Collins (1987) di lembangan sungai Sarawak¹⁸ dan data sokongan dalam kajian Madzhi (1972) dan Mastura Anuar (1979), Collins (1987)¹⁹ menghasilkan sebuah buku yang berjudul Dialek Melayu Sarawak yang diterbitkan oleh pihak DBP. Data kajian beliau meliputi lembangan sungai Sarawak (Kuching) dan Sarawak Barat. Analisis Collins untuk kajian ini adalah secara pendekatan geografi dialek. Kajian beliau membicarakan tentang penyebaran tatabunyi DMS berdasarkan dua kawasan kajian yang utama tadi. Selain itu, hasil kajian beliau mendapati terdapatnya pelemahan segmen /y/ pada posisi akhir walaupun pada keseluruhannya mendapati segmen ini wujud pada semua posisi. Collins menganggap bentuk /y/ ini sebagai bentuk turunan *y pada tahap awal perkembangan dialek Sarawak tetapi ada ragam yang telah berkembang sedikit sehingga terdapat pelemahan bunyi ini. Kajian beliau di Sarawak Barat mendapati kerencaman ciri-ciri fonologi ini yang berbeza mengikut kawasan penuturnya. Oleh hal yang demikian, kajian lanjut dan terperinci untuk DMKb perlu dilakukan untuk mengesahkan andaian ini.

Seorang lagi pengkaji dari Sarawak yang telah memulakan kajian terhadap dialek Melayu Saratok (DMSr), iaitu Aiwan Alli (1996) yang berjudul “Dialek Melayu Saratok: Satu kajian” yang merupakan Latihan Ilmiah, Jabatan Bahasa Melayu,

¹⁸ Lembangan Sungai Sarawak termasuklah Sungai Lundu, Sungai Sarawak, Sungai Samarahan, Sungai Sadong, Batang Lupar dan Batang Saribas. Maklumat lanjut sila rujuk Collins, 1987 hlm. 18-24.

¹⁹ Sila rujuk Collins (1987) hlm 32 dan 68.

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Analisis Aiwan untuk kajian ini juga menggunakan teori linguistik deskriptif kerana kajian terhadap dialek ini belum pernah dilakukan. DMSr dituturkan oleh masyarakat Melayu di sekitar Daerah Saratok yang mendiami sepanjang Sungai Krian. DMSr merupakan bahasa pertuturan dalam kalangan penduduk Saratok terutamanya orang Melayu. Bagi kaum lain seperti Iban, Cina serta orang luar yang tinggal di Saratok boleh memahami dan bertutur dalam dialek ini. Oleh itu, dialek ini merupakan pilihan utama bagi masyarakat Melayu Saratok walaupun berhadapan dengan kaum lain atau masyarakat lain (Aiwan, 1996: 19).

Menerusi analisis deskriptif, Aiwan telah mengenal pasti beberapa ciri fonologi DMSr, iaitu 16 bunyi konsonan dan enam bunyi vokal. Kajian beliau juga mendapati terdapat enam proses perubahan bunyi DMSr, iaitu pengguguran (h, ʔ) penambahan bunyi /aŋ/, /u/ dan /ia/ seperti dalam perkataan; keping > kepiang, tanduk > tanduok, eleng > eliang; penyisipan dan penggantian i-e; esok > isuak, miyah > meyah, songket > sungkit, unsur kepanjangan konsonan; diberi > bbyik, di dalam > ddalam, ditarik > ttayit, dipalit > ppalit, digaru > ggayuk, bermain-mmmain, bergurau > gguyo, bersama > ssamo, bersalam > ssalam, pendiftongan; al > ai: awal > ajai, akal > akai, bebal > bebai, sambal > sambai dan pemonoftongan; tapai > tape, bangkai > bangke, salai > sale, laici > leci, hairan > eyan, kerbau > keybo, langau > lango, pulau > pulo (Aiwan Ali, 1996: 127-156). Beberapa contoh perbezaan antara DMSr, DMK dan BMS dipaparkan dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1 berikut.

Jadual 2.1: Perbezaan kata dalam DMS (Aiwan, 1996)

DMS	DMSr	BMS
batok	batuak	batuk
lamboŋ	lambuak	lambung

Dua contoh kata yang diberikan dalam Jadual 2.1 merupakan kata yang mempunyai variasi dalam penyebutannya dalam DMS dan DMSr. Walau bagaimanapun, dari segi makna masih sama. Kajian Aiwan turut menyatakan bahawa kawasan lain di sekitar Saratok seperti Nyabor, Roban dan Kupang telah mendapat pengaruh-pengaruh lain yang menjadikan sebutannya berbeza daripada DMSr yang dituturkan di Pekan Saratok (Aiwan, 1996: 20). Sebaliknya, pemerhatian awal pengkaji terhadap DMSr mendapati adanya perkaitan yang dekat antara DMSr dengan DMKb kerana beberapa kosa kata yang dijadikan contoh dalam kajian Aiwan menyamai kosa kata yang terdapat dalam DMKb dan dapatan ini bertentangan dengan kenyataan Aiwan (1996: 20).

Satu lagi kajian yang signifikan terhadap dialek Melayu di Sarawak ialah kajian oleh Rahani Hosin (2007) bagi melengkapkan Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk “Varian Melayu di Lembangan Batang Saribas: Satu penelitian dialek geografi”. Tesis ini menghuraikan ciri-ciri linguistik varian Melayu di Lembangan Batang Saribas, Sarawak. Kajian ini turut merakamkan ciri-ciri linguistik ragam Melayu yang terdapat di dua buah perkampungan Melayu, iaitu Kampung Sebuyau di muara Batang Lupar dan Kampung Kabong di muara Sungai Kalaka yang berdekatan dengan Batang Saribas (Rahani, 2007: iv). Kajian ini

menggunakan pendekatan dialektologi dan huraian data menggunakan pendekatan linguistik sinkronis (Rahani Hosin, 2007: 68).

Walaupun tesis ini menggunakan pendekatan dialektologi, namun analisis Rahani dalam kajian ini juga adalah secara deskriptif. Kebanyakan data yang digunakan sebagai perbandingan dalam kajian ini merupakan data daripada kajian Collins (1987) dan kajian Madzhi Johari (1989). Analisis Rahani dalam tesis ini membahaskan tiga perkara utama, iaitu mengenal pasti beberapa ciri fonologi varian Melayu Saribas, memperlihatkan perkaitan antara ciri fonologi ini dengan kawasan persebarannya di Lembangan Batang Saribas dan mengkaji perkaitan antara varian Melayu Saribas dengan varian-varian Melayu di tempat lain termasuklah Semenanjung Malaysia, Pulau Borneo, dan beberapa wilayah Indonesia yang berdekatan (Rahani, 2007: 69). Bagi ciri-ciri fonologi varian Melayu Saribas²⁰, aspek penting yang dibahas ialah melihat perbezaan fonologi bagi bunyi-bunyi vokal, konsonan dan diftong (2007: 69).

Dalam kajian ini, Chong²¹ (2009: 61) mengklasifikasikan DMS terdiri daripada DMK, DMSbs²² dan DMRjg. Chong (2009: 62) mendapati DMLb (Dialek Melayu Lembah Baram) mempunyai hubungan yang erat dengan DMK berbanding DMSbs yang dikatakan mempunyai ciri dialek yang tersendiri. Misalnya dalam suku kata akhir terbuka /ɔ/ yang merupakan alofon [a], kekal sebagai /a/ dalam DMK dan DMLb bagi

²⁰ Antara ciri fonologi yang ditegaskan ialah /ʔ/ berstatus fonem tersendiri dalam DMSbs, pembundaran vokal /a/ di akhir kata, /ɣ/ tidak muncul di akhir kata dan bunyi /h/ dalam BMS sepadan dengan bunyi /ʔ/ dalam DMSbs. Penjelasan lanjut boleh dirujuk di hlm. 69-85.

²¹ Ringkasan yang digunakan dalam kajian Chong Shin; dialek Melayu Sarawak (DMS), dialek Melayu Kuching (DMK), dialek Melayu Saribas (DMSbs) dan dialek Melayu Rajang (DMRjg).

²² Data DMSbs yang digunakan dalam kajian ini ialah dari Kampung Melayu Debak, Betong.

perkataan /nama/ tetapi berubah menjadi /namə/ dalam DMSbs. Begitu juga bagi perkataan /pasir/ menjadi /pasiəy/ dalam DMK dan DMLb tetapi berubah menjadi /pasia/ dalam DMSbs kerana menganggap alofon [y] menjadi /a/ dan /ɛ/ dalam DMSbs. Namun demikian, kewujudan hentian /ʔ/ dan /k/ sebagai fonem tersendiri dan pengguguran fonem /h/ di awal kata dalam DMKb, DMLb dan DMSbs adalah sama.

Seterusnya, dalam artikel “Dialek Melayu di Lembah Sungai Krian: Variasi Melayu Saribas atau Rejang?”, Chong Shin (2015) telah mengesan dialek Melayu di Lembah Krian²³ merupakan salah satu daripada variasi DMSbs dan bukan daripada variasi dialek Melayu Rejang²⁴. Berdasarkan analisis data yang dilakukan, Chong Shin (2015) mendapati dialek Melayu Lembah Krian memperlihatkan persamaan ciri-ciri fonologi antaranya penjelmaan /-a/ > [ɔ], /-l/ > [-a] atau [-y], dan /-y/ > [-ə]. Dapatan ini berbeza dengan variasi dialek Melayu Rejang yang menggunakan /-a/ > [-a] dan /-l/ > [-l]. Oleh sebab kajian ini mengandungi sedikit maklumat berkenaan DMKb, maka dapatan yang ditemui oleh Chong berbeza dengan data yang dianalisis dalam kajian pengkaji dari segi bunyi /-y/ di akhir kata. Chong mengatakan bahawa bunyi /-y/ di akhir kata dijelmakan kepada bunyi [-ə] dalam DMKb, misalnya dalam kata /tampar/ > [tampaə], /gugur/ > [guguə], manakala kajian pengkaji mendapati /-y#/ sama ada digugurkan ataupun menjadi /-a/ dalam DMKb. Walau bagaimanapun, dalam DMSbs

²³ Data Lembah Krian dalam kajian ini diperoleh dari penutur dialek Melayu Kupang, Perpat, Kaba dan Kabong.

²⁴ Dialek Melayu Sungai Rejang mirip dengan DMS namun terdapat juga perbezaan dari segi pengguguran /-y/ di akhir kata. Rujuk Chong Shin, 2015 hlm. 70.

yang dituturkan di Daerah Saribas²⁵, penjelmaan bunyi /-y/ > [-ə] tidaklah dinafikan.

Penentuan fonem dalam DMKb juga berbeza kerana berdasarkan penjelasan Chong, [ɔ] adalah alofon kepada fonem /a/.

Kajian berkenaan DMS juga pernah disentuh secara ringkas menerusi tesis Doktor Falsafah, Noriah Mohamed (1991). Kajian beliau bertajuk "*Penggunaan bahasa dalam komuniti Melayu-Iban di Betong, Sarawak: Satu Kajian Etnososiologi*". Kajian beliau dilakukan di Bahagian Betong, Sarawak. Kaedah kajian ini ialah kaedah gabungan antara antropologi (pemerhatian) dan sosiologi (wawancara). Walaupun fokus utama dalam kajian Noriah ialah tentang penggunaan bahasa dalam komuniti Melayu-Iban di Betong, namun kajian ini turut memasukkan secara ringkas aspek bahasa bagi DMS khususnya Dialek Melayu Betong (DMB). Perkampungan Melayu yang terletak hanya beberapa kilometer sahaja dari rumah panjang Iban terdekat dirasakan ideal untuk mendapatkan pemahaman mengenai hubungan sosial dan kebahasaan yang terjalin antara kumpulan etnik (Noriah Mohamed, 1991: 66-67). Bahasa Iban merupakan bahasa yang serumpun dengan bahasa Melayu, yakni rumpun Austronesia. Bahasa Iban bukan salah satu daripada dialek Melayu sebagaimana anggapan kebanyakan pengkaji barat suatu masa dahulu.

Dilihat daripada keanggotaan dalam kumpulan linguisitik, terdapat sekurang-kurangnya dua golongan penutur bahasa di Betong. Golongan pertama ialah golongan penutur yang dikatakan golongan penduduk bumiputera yang menuturkan salah satu

²⁵ Terdapat banyak perkampungan Melayu di Daerah Saribas seperti Pusa, Beladin, Tuie, Serembang, Serabang, Debak, Meludam dan lain-lain yang terangkum dalam variasi Saribas manakala Kabong, Saratok, Kupang, Kaba, Perpat terangkum dalam penutur varian Lembah Krian.

bahasa Austronesia. Kumpulan yang termasuk dalam golongan ini ialah orang Iban yang menuturkan bahasa Iban dan orang Melayu yang menggunakan bahasa Melayu (1991: 176). Selain BMS, dialek Melayu yang dituturkan di Betong ialah dialek Melayu Sarawak. Subdialek DMS yang digunakan di kawasan Betong ialah DMK dan dialek Melayu Betong (DMB). Collins (1987) memasukkan DMB ke dalam kelompok DMSbs. Walau bagaimanapun, sebagaimana wujudnya perbezaan antara DMK dengan DMB, maka wujud juga perbezaan antara DMB dengan DMSbs. Kajian terhadap DMSbs hanya dilakukan terhadap penutur Spaoh dan Debak sahaja. Kawasan Spaoh dan Debak mungkin termasuk dalam kawasan yang disebut sebagai kawasan pesisir pantai (laut) dan dialek kawasan ini disebut sebagai dialek Melayu Laut oleh penduduk Betong (1991: 179-180)

Berdasarkan kajian Noriah (1991), DMK dan DMSbs berbeza sedikit dari segi sebutan dan mungkin juga makna perkataan dengan DMB. Misalnya, berlaku perbezaan sebutan terhadap bunyi vokal 'a' (vokal depan luas) di akhir suku kata terbuka dalam sesetengah perkataan. DMK menyebutnya sebagai 'a', DMSbs sebagai 'o' dan DMB sebagai 'au'. Perbezaan sebutan 'a' dalam DMK, DMSbs dan DMB dipaparkan dalam Jadual 2.2 berikut:

**Jadual 2.2: Perbezaan sebutan 'a' dalam DMK, DMB & DMSbs
(Noriah, 1991)**

DMK	DML	DMB	BMS
[nya]	[nyow]	[nyiaw]	dia
[tiga]	[tigo]	tigaw	tiga
[muka]	[mukow]	[mukaw]	tiga

Kajian fonologi terhadap bahasa-bahasa di Sabah juga mendapat perhatian pengkaji linguistik. Antaranya ialah kajian fonologi Bahasa Sungai yang merupakan salah satu daripada bahasa etnik di Sabah yang telah dibincangkan oleh tokoh-tokoh seperti Dyen (1965), Prentice (1970), Asmah Haji Omar (1983) dan Julie dan Wayne King (1984). Ahli-ahli bahasa berkenaan sependapat mengatakan bahawa bahasa Sungai tergolong dalam keluarga bahasa Paitan. Sabah mempunyai bilangan suku kaum yang banyak, iaitu 53 suku kaum yang berbeza dari segi latar belakang, adat istiadat bahasa dan kegiatan (Abdul Hamid Ahmad, 1993: 1). Abdul Hamid Ahmad (1993) telah menyempurnakan analisis terhadap bahasa Sungai dengan fokus kajian di pekan Pitas dalam daerah Pitas, yang terletak di bahagian pantai barat utara Kota Kinabalu, Sabah.

Kajian ini turut menggunakan pemerian deskriptif terhadap sistem fonologi Bahasa Sungai. Perbincangan dan pemerhatian Abdul Hamid (1993: 16) terhadap bahasa Sungai adalah dari aspek fonetik dan fonologi yang merangkumi vokal, konsonan, fonem dan fonemik bahasa Sungai. Berdasarkan kajian beliau, hanya terdapat lima vokal kardinal yang terdapat dalam bahasa Sungai, iaitu /i, a, ə, o dan u/ (1993: 32). Untuk bunyi konsonan pula, terdapat 17 yang dikategorikan berdasarkan bunyi plosif /b, d, **g**, p ,t, k, **ʔ**/, bunyi frikatif /s/, bunyi afrikat /j/, bunyi lateral /l/, bunyi getaran /r/, bunyi nasal /m, n, **ɲ**, **ŋ**/ dan separuh vokal /w, y/. Selain mengklasifikasikan sistem bunyi bahasa Sungai, kajian ini turut mengenal pasti ciri-ciri suprasegmental, suku kata, fonem rangkap dan distribusi fonem bahasa Sungai. Antara ciri suprasegmental yang dibincangkan ialah tekanan dan nada (Abdul Hamid, 1993: 61-65). Secara ringkasnya, kajian Abdul Hamid terhadap Bahasa Sungai memaparkan aspek asas dalam bahasa ini dan aspek-aspek ini sangat penting diketahui sebelum

kajian-kajian yang lebih lanjut dilakukan. Menerusi pendekatan deskriptif ini, jelas menunjukkan bahawa bahasa yang belum mempunyai data bertulis telah berjaya didokumentasikan.

2.4 Literatur kajian menggunakan pendekatan teori

Bahagian ini merupakan literatur kajian bagi bahasa dan dialek yang telah mempunyai data ataupun yang telah mempunyai korpus bahasanya. Di Malaysia, terdapat banyak kajian berkenaan BMS kerana taraf BMS sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Negara ini. Banyak pengkaji linguistik telah melakukan kajian terhadap data bahasa Melayu menerusi pelbagai kaedah penyelidikan dan analisis. Kaedah analisis yang lazim digunakan termasuklah penerapan teori, sama ada teori struktural, sistemik atau generatif menerusi pendekatan yang berbeza. Mengkaji bahasa dan dialek yang telah ada data yang tersedia memudahkan kajian dilakukan kerana sesuatu bahasa atau dialek tersebut telah mempunyai asas kajian dan aspek linguistiknya telah dikenal pasti khususnya kajian terhadap BMS yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di Malaysia.

Dalam kajian mutakhir terhadap DMK, satu kajian dengan penerapan teori generatif telah dilakukan oleh Saidatul Faiqah Samasu dan Adi Yasran Abdul Aziz (2013: 10-18), berhubung penilaian semula terhadap inventori fonem konsonan dalam DMK. Kedua-dua penulis ini telah membuat penelitian semula terhadap fonem dalam inventori konsonan DMK yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas termasuklah daripada tulisan Madzhi Johari (1989), Collins (1987) dan Asmah Haji

Omar (2008a). Kajian kedua-dua penulis ini mendapati hanya terdapat 17 fonem dalam inventori konsonan DMK yang seterusnya menafikan dapatan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas yang menyenaraikan terdapatnya 19 hingga 20 fonem konsonan dalam DMK. Dapatan kajian dalam tulisan ini telah mengaplikasikan analisis secara fonologi generatif bagi mengukuhkan andaian berkenaan.

Menerusi pendekatan fonologi generatif, 17 fonem dalam inventori konsonan yang dikesan tidak termasuk segmen konsonan /w/ dan /j/ dan mengetepikan tiga fonem pinjaman /f/, /v/ dan /z/. Menurut Saidatul Faiqah Samasu dan Adi Yasran Abdul Aziz (2013: 12), dapatan Asmah (2008b) dan Collins (1987) dalam menggambarkan fonem dalaman DMK lebih tepat kerana tidak memasukkan fonem pinjaman /z/ bagi menentukan jumlah fonem konsonan DMK. Walau bagaimanapun, fonem geluncuran /w/ dan /j/ dikatakan tidak berstatus fonem dalam kajian ini kerana dalam analisis generatif hanya segmen bunyi yang dianggap wujud secara dalaman sahaja yang berstatus fonem²⁶. Segmen-segmen bunyi terbitan dan pinjaman yang penyebarannya terhad dan mudah diramal kehadirannya tidak termasuk dalam inventori fonem dalam analisis generatif. Ternyata tulisan ini perlu perbincangan yang lebih mendalam kerana telah menyingkirkan fonem /w/ dan /j/ atau bunyi separuh vokal dalam fonem konsonan. Dikatakan kedua-dua fonem terbitan ini mudah diramal kehadirannya dan direalisasikan daripada fonem /i/ dan /u/ yang berada di onset suku kata (Saidatul Faiqah Samasu & Adi Yasran Abdul Aziz, 2013: 12).

²⁶ Sila rujuk Saidatul Faiqah Samasu dan Adi Yasran Abdul Aziz (2013: 10-18).

Sementara itu, Sharifah Raihan Syed Jaafar²⁷ (2013: 1-9) melakukan kajian bertajuk “Peninggian Vokal Dialek Sarawak”, yang membincangkan perubahan vokal DMS di kawasan Kampung Tanjung Bundong, Kota Samarahan. Kajian ini menggunakan analisis tatatingkat kekangan daripada kerangka teori Optimaliti (Prince dan Smolensky, 1993). Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati vokal rendah [o] dan [e] di suku kata pertama dalam dialek ini mengalami peninggian. Kedua-dua vokal ini masing-masingnya direalisasikan sebagai vokal tinggi [u] dan [i]. Hal ini terjadi kerana kekangan koronal–tinggi, yang mengkehendaki vokal selepas konsonan yang mempunyai fitur [+koronal] mestilah terdiri daripada vokal tinggi. Oleh itu, kekangan koronal –tinggi mendominasi kekangan-kekangan relevan yang lain dalam hierarki tatatingkat kekangan dalam analisis peninggian vokal dalam dialek ini. Ciri ini bukanlah ciri khusus dalam dialek yang dituturkan di Kampung Tanjung Bundong kerana penelitian pengkaji juga mendapati ciri peninggian vokal /o/ kepada /u/ dan /e/ kepada /i/ bersifat umum bagi kebanyakan dialek Melayu yang dituturkan di Sarawak termasuklah DMK, DMSbs, DMSr dan DMKb.

Dialek Melayu Saribas turut dikaji oleh Noor Azureen Hamid@Ahmed dan Tajul Aripin Kassin (2013) dengan judul “Analisis fonologi Autosegmental dalam Proses Penyebaran Fitur Geluncuran dalam Dialek Melayu Saribas”. Kajian ini berfokus kepada pembentukan geluncuran pada urutan vokal dan kata yang dihadiri oleh konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal /ŋ/ di posisi akhir kata. Kajian ini mengaplikasikan teori autosegmental (Goldsmith: 1976 dan 1990). Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan perbezaan pendapat mengenai proses penyebaran fitur pada

²⁷ Artikel ini diterbitkan dalam Jurnal Linguistik Vol.17(1) Jun, 2013, hal. 1-9. Sila rujuk untuk maklumat lanjut.

konsonan likuida /l, r/ di akhir kata seperti dalam kajian Chong Shin (2006, 2009) dan Collins (1987, 2000).

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, kajian ini mendapati geluncuran DMSbs terhasil setelah berlakunya proses penyisipan vokal rendah [a] antara vokal tinggi dengan konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata yang menghasilkan urutan vokal [ia] dan [ua]. Ringkasnya, dalam DMSbs vokal tinggi /i/ dan /u/ mempunyai dua bentuk realisasi, iaitu bergantung pada posisi nodus yang dinaungi dalam struktur suku kata, sama ada sebagai vokal tinggi atau geluncuran. Sekiranya vokal tinggi menduduki nodus onset dan nodus koda vokal tinggi itu mempunyai fitur [+konsonantal]. Oleh hal yang demikian, vokal tinggi yang terletak pada posisi onset dan koda dikenali sebagai geluncuran (Noor Azureen dan Tajul Arifin Kassin, 2013: 240).

Kajian terkini yang telah dilakukan oleh Noor Azureen Hamid @ Ahmed, Sharifah Raihan Syed Jaafar, Tajul Aripin Kassin (2016: 1-29) bertajuk “Sistem Fonologi Dialek Melayu Saribas Berasaskan Fonologi Generatif”. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif dengan mengaplikasikan kaedah kajian lapangan. Kajian ini dijalankan di pekan Saratok dan informan terdiri daripada penutur-penutur jati dialek Melayu Saratok. Dalam kajian ini, dikatakan informan yang terlibat menuturkan Dialek Melayu Saribas²⁸. Antara dapatan yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah diftong dalam DMSbs terdiri daripada dua bentuk,

²⁸ Pada hemah pengkaji, dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Saratok berbeza dengan penutur Dialek Melayu Saribas yang terletak di Daerah Saribas dan bukan di Daerah Saratok. Penjelasan ini boleh didapati daripada tulisan Rahani Hosin, 2007.

iaitu kata asal dan pendiftongan. Sistem konsonan DMSbs turut mempunyai ciri khusus yang tidak ada pada dialek Melayu lain, iaitu kewujudan fonem /ɣ/ yang dihasilkan melalui frikatif oleh titik artikulasi dorsal. Konsonan likuida /l/ dan frikatif velar /ɣ/ dalam DMSbs tidak dibenarkan hadir pada posisi koda, sama seperti kekangan koda dalam dialek Melayu lain, namun berbeza daripada DMK dan dialek Melayu Rejang yang membenarkan kehadiran kedua-dua fonem ini di akhir kata.

Secara keseluruhan, dapatan yang diperoleh menerusi analisis ini adalah sama seperti yang telah dilakukan oleh Rahani Hosin (2007). Ciri-ciri sistem vokal DMSbs yang ditemui juga sama dengan sistem vokal DMKb, iaitu lapan fonem vokal, 19 fonem konsonan dan dua diftong [ay] dan [oy] yang terbit dalam struktur permukaan, manakala diftong [aw] hanya wujud dalam struktur dalaman dan kemudiannya mengalami pemonoftongan menjadi vokal [ɛ] dan [ɔ]. Vokal [ɛ] dan [ɔ] dianggap sebagai vokal sekunder DMSbs. Dengan demikian, diftong [aw] tidak wujud dalam DMSbs. Pembentukan diftong DMSbs mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan dialek Melayu lain apabila diftong [ay] dan [oy] terbentuk daripada proses pendiftongan daripada perkataan BMS, selain bentuk asli perkataan DMSbs (2016: 27). Walaupun diftong [ay] dan [oy] dalam perkataan asli DMSbs kurang produktif, namun kenyataan ini tidak boleh meminggirkan hakikat bahawa diftong [ay] dan [oy] sememangnya wujud dalam fonologi DMSbs. Selain itu, inventori konsonan dalam DMSbs dan BMS mempunyai persamaan, kecuali dua fonem konsonan iaitu frikatif velar /ɣ/ dan hentian glotis /ʔ/ yang merupakan fonem tersendiri. Namun, kajian yang menerapkan analisis fonologi generatif ini tidak menunjukkan kelainan yang signifikan.

(Noor Azureen Hamid @ Ahmed, Sharifah Raihan Syed Jaafar, Tajul Aripin Kassin, 2016).

Berdasarkan beberapa kajian awal tersebut dan kajian-kajian mutakhir ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua variasi dialek Melayu Sarawak di bahagian Selatan, iaitu DMK dan dialek Samarahan, tiga variasi dialek Melayu di bahagian Utara Sarawak (Chong, 2009: 60) manakala kajian di bahagian tengah Sarawak yang menempatkan DMKb masih kurang dilakukan sedangkan di bahagian ini merupakan pusat penutur DMSbs. Walaupun dalam kajian Chong ada menyelitkan data dalam DMSbs, namun deskripsi yang menyeluruh terhadap DMKb ini penting supaya dapat mengenal pasti ciri-ciri lain yang lebih dominan. Hanya dalam kajian Aiwan Alli (1999) terhadap dialek Melayu Sarawak ada menyertakan maklumat berkenaan DMKb namun data tersebut juga amat terbatas.

Sebagai kesinambungan daripada kajian ini, penulis merasakan adalah perlu kajian aspek linguistik di Kabong dianalisis untuk memperoleh ciri-ciri tertentu dalam DMKb. Kedudukan Kabong yang terletak agak jauh dari Kuching menyebabkan dialek yang dituturkan di Kabong berbeza dengan dialek yang dituturkan di Kuching, khususnya bagi bunyi vokal /a/ di posisi akhir kata menjadi /o/ dan /ɔ/ dalam DMKb dan memperlihatkan beberapa perubahan fonologi dan leksikal yang lain. Adanya perbezaan kosa kata yang digunakan dalam DMKb juga menjadikan kajian ini agak signifikan untuk dilakukan. Maka, kajian yang lebih mendalam terhadap fonologi

DMKb perlu dilakukan untuk menghuraikan sistem dan struktur DMKb secara lebih terperinci.

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan tinjauan kajian yang telah dilakukan yang merangkumi kajian fonologi di Malaysia termasuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, terbukti bahawa kajian terhadap aspek fonologi bahasa dan dialek tidak pernah diabaikan. Pengkaji-pengkaji cuba menghuraikan aspek fonologi mengikut model atau kaedah yang tertentu dalam mencapai objektif kajian. Penerapan teori linguistik deskriptif kelihatan mendominasi setiap kajian terdahulu kerana analisis fonologi secara deskriptif yang mementingkan huraian ke atas sistem dan struktur sesuatu bahasa dan dialek adalah berpada dan sesuai untuk bahasa dan dialek yang belum dikaji ataupun belum mempunyai sistem tulisan seperti DMKb yang difokuskan dalam tesis ini.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

3.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan metodologi yang digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data bagi kajian Fonologi Dialek Melayu Kabong (DMKb). Kajian ini melibatkan dua objektif yang utama, iaitu mengenal pasti sistem fonologi DMKb, dan mengenal pasti struktur fonologi DMKb. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dan menganalisis data yang akan diperincikan dalam bab ini.

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah secara kualitatif dan kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan data kajian. Istilah kualitatif berakarkan kata kualiti yang semestinya perlu ada pada sesuatu penyelidikan, bermutu dan berkualiti. Pendekatan kualitatif dalam fonologi memerlukan pemerian infrastruktur kepada bahasa atau dialek yang dikaji kerana dalam penghuraian awal bagi sesuatu bahasa atau dialek, setiap ciri yang ada pada sesuatu bahasa atau dialek itu perlu dicatat sekalipun wujudnya ciri-ciri yang kecil. Pemilihan pendekatan kualitatif ini bertepatan dengan kajian ini yang berfokus kepada analisis data fonologi DMKb yang juga meneliti ciri-ciri yang ada pada vokal, konsonan, diftong dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 2008a: 34).

Dalam pendekatan kualitatif, setiap ciri yang ditemui itu dipastikan wujudnya dan dihuraikan, tidak kira sama ada ciri tersebut sering atau jarang berlaku dalam


DMKb. Kajian lapangan huluhan dilakukan untuk menghasilkan huraian sistem dan struktur DMKb. Pendekatan kualitatif juga memfokuskan kepada ciri-ciri mikro dalam fonologi. Kajian mikro memusatkan kajian pada struktur dalaman sesuatu bahasa atau subsistem tertentu sesuatu bahasa. Kajian fonologi merupakan salah satu daripada cabang linguistik mikro yang membahas bunyi bahasa dan fungsinya. Ciri-ciri khusus yang ada pada sistem bunyi sesuatu bahasa atau dialek akan diperincikan seperti vokal, fonem vokal, konsonan, diftong, distribusi fonem, suku kata dan unsur-unsur segmental dan suprasegmental.

3.2 Reka bentuk kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data secara penyelidikan lapangan huluhan. Hal ini demikian kerana informan menjadi sumber utama untuk mendapatkan data. Menurut Asmah Haji Omar (2008a: 60), kaedah sebegini amat sesuai untuk mendapatkan data asas sesuatu bahasa atau dialek yang baharu dikaji yang tiada data korpus sebelumnya. Tujuan penyelidikan lapangan huluhan adalah untuk memberi bentuk tulisan kepada bahasa atau dialek dan untuk membuat dokumentasi bahasa atau dialek ini dari segi fonologi. Dengan dokumentasi yang seperti ini, maka bahasa atau dialek ini boleh diberi kedudukan yang jelas dalam perbendaharaan bahasa dunia. Dalam perkataan lain, bahasa atau dialek yang dikaji ini berpeluang dimasukkan ke dalam senarai bahasa yang terdapat di dunia (Asmah Haji Omar, 2008a: 8).

Pengkajian yang dijalankan secara huluhan ini juga bermatlamat untuk membuat huraian di peringkat fonologi DMKb. Apabila selesai membuat huraian fonologi, sistem

tulisan bagi sesuatu bahasa atau dialek boleh dipilih dan seterusnya menggubal sistem ejaannya. Dalam proses menggumpul data, pengkaji sekali gus telah menggumpul perbendaharaan kata yang boleh diperluaskan matlamatnya seperti untuk penyusunan kamus dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 2008a: 9). Untuk tujuan menghurai dan menganalisis aspek-aspek fonologi DMKb ini, analisis secara deskriptif akan digunakan berdasarkan Bloomfield (1933)²⁹. Kerangka kerja kajian ini ditunjukkan seperti dalam Rajah 3.1 berikut.



Rajah 3.1: Kerangka kajian

²⁹ Buku *Language* oleh Bloomfield yang pertama diterbitkan pada tahun 1933 yang kemudiannya diterbitkan dalam beberapa edisi lain. Dalam kajian ini analisis deskriptif yang digunakan berasaskan tulisan Bloomfield *Language* edisi yang diterbitkan pada tahun 1964. Walau bagaimanapun, analisis ini tidak menggunakan Bloomfield secara sepenuhnya tetapi juga menggunakan pendekatan yang diteruskan oleh pengikut-pengikut Bloomfield seperti Pei (1965) Robins (1968), dan Jones (1969). Model kajian deskriptif Asmah Haji Omar (2006, 2008, 2012) turut diterapkan dalam kajian ini.

3.3 Instrumen kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kajian ialah alat perakam suara digital SONY ICD-P520, alat perakam suara (*sound recorder*) yang terdapat pada komputer riba TOSHIBA, buku catatan dan senarai kata yang telah disediakan bagi kaedah lafaz atau kaedah senarai kata. Senarai kata yang disediakan berdasarkan senarai 100 kata dasar Swadesh³⁰ (Samarin, 1967: 221).

3.4 Pemilihan informan

Kajian lapangan hulu yang digunakan dalam kajian ini memerlukan informan untuk mendapatkan data kajian. Hal ini bermakna, informan amat penting demi kejayaan kajian ini. Informan bertugas sebagai pemaklum bahan bahasa yang dikaji (Asmah Haji Omar, 2008a: 46). Berdasarkan Samarin (1967), pengumpulan data berdasarkan kaedah ini sebaik-baiknya diadakan di lapangan dan mempunyai informan dengan ciri-ciri yang sesuai dengan kajian yang dilaksanakan (Asmah Haji Omar, 2008a: 60). Untuk mendapat maklumat yang tepat, maka informan yang dipilih perlulah sesuai dan baik dari segi penguasaan bahasa, keadaan organ pertuturan, umur, sikap terhadap pengkajian, pengetahuan tentang budaya komuniti, jantina, kelas sosial, kedudukan dalam komuniti, dan hubungan dengan ahli-ahli komuniti lainnya.

Untuk kajian ini hanya tiga orang informan³¹ perempuan terlibat dalam pemungutan data menerusi kaedah senarai kata dan kaedah domain. Pemilihan ketiga-tiga informan perempuan ini adalah kerana mereka memenuhi kriteria yang diperlukan

³⁰ Senarai 100 kosa kata dasar Swadesh disertakan dalam Lampiran E, rujuk Samarin (1967: 221).

³¹ Penentuan jumlah informan ini telah diputuskan semasa pembentangan kertas cadangan penyelidikan. Maklumat informan dalam Lampiran B


dan memberikan kerjasama yang diperlukan dalam kajian ini. Selain itu, informan yang dipilih mudah untuk didekati, dapat memberi respons dalam masa yang diperuntukkan serta masih mempertahankan dialek asal mereka sewaktu berkomunikasi. Dalam kajian dialek Melayu, informan perempuan dianggap lebih baik kerana mereka dapat mengekalkan bentuk yang asli dalam dialek mereka (Ajid Che Kob, 1977: 25). Daripada pemerhatian pengkaji, informan perempuan yang menuturkan DMKb juga mengekalkan sifat ini disebabkan kemungkinan mereka kurang terdedah kepada pengaruh-pengaruh luar dan informan yang dipilih merupakan suri rumah sepenuh masa serta bekerja sendiri. Selain itu, informan yang dipilih merupakan informan yang menetap di kampung ini dan menuturkan DMKb secara sepenuhnya bersama ahli keluarga. Pasangan dan anak-anak informan ini juga merupakan penutur DMKb serta tiada perkahwinan campur dalam keluarga ini.

3.5 Kawasan kajian

Kajian ini dilakukan di Kampung Hulu Laut Kabong. Terdapat enam kampung tradisi yang berdekatan dengan kampung ini, iaitu Kampung Hulu Darat, Kampung Hulu Lintang, Kampung Hilir Darat, Kampung Hilir Laut dan Kampung Hilir Tengah. Pemilihan kampung ini bukan atas sebab-sebab khusus, tetapi kampung ini merupakan kampung asal dan tradisi di Kabong. Informan dari kampung ini juga merupakan penduduk awal dan asal di Kabong. Sebanyak tiga orang informan³² perempuan dipilih

³² Penentuan hanya 3 informan digunakan telah diputuskan oleh ahli panel dalam pembentangan kertas cadangan di Fakulti Bahasa dan Linguistik pada 27 Mac 2014.

berdasarkan kriteria tertentu³³ yang berusia 50 tahun ke atas. Kedudukan kampung yang menjadi lokasi kajian ditunjukkan dalam Rajah 3.2 berikut:



(Sumber: dipetik dan diubahsuai daripada <http://kabong.pjk.com.my>.)

Rajah 3.2: Lokasi kajian dan kampung di Pekan Kabong

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

3.6.1 Rakaman

Kajian ini turut menggunakan teknik rakaman terbuka yang melibatkan rakaman kepada pertuturan atau perbualan penutur secara sedar bahawa pertuturan mereka dirakam dan ini dilakukan semasa pengkaji dan informan bersemuka untuk mendapatkan data menerusi kaedah senarai kata dan kaedah asosiasi idea. Rakaman menggunakan pita rakaman digital SONY ICD-P520 dan perakam bunyi (*sound*

³³ Lihat Bab 3, bahagian 3.4

recorder) daripada perisian komputer riba TOSHIBA. Rakaman audio daripada pita rakaman digital SONY didengar berulang-ulang semasa proses transkripsi data dan output yang diperoleh disimpan di dalam fail *Microsoft Word* dalam bentuk salinan lembut (*soft copy*) dan salinan keras (*hard copy*) bagi memudahkan proses analisis data. Data yang telah ditranskripsi menerusi kedua-dua kaedah kutipan data ini telah disertakan dalam Lampiran F dan Lampiran G.

3.6.2 Kaedah lafaz (*Citation*) atau kaedah senarai kata

Setelah mengenal pasti informan dan menentukan jumlah informan yang terlibat, maka langkah seterusnya ialah mendapatkan data di lapangan. Oleh sebab kajian ini melibatkan pengumpulan data linguistik yang segar, maka kaedah lafaz atau kaedah senarai kata digunakan untuk mendapatkan data kajian ini. Dalam kaedah ini, senarai kata disediakan terlebih dahulu berdasarkan 200 Perkataan Morris Swadesh (Samarin, 1967: 221-223). Namun, senarai ini kemudiannya ditambah baik dengan mengeluarkan kata yang bukan bersifat bebas budaya (*free culture*), yakni kata-kata yang tidak terdapat dalam budaya bahasa sesuatu komuniti telah disisihkan seperti kata yang berkaitan dengan cuaca 'salji' yang tidak bebas budaya. Begitu juga kata yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan dan kata majmuk. Oleh itu, kata-kata ini menjadi 100 kata dasar sahaja. Data berdasarkan kaedah lafaz atau senarai kata disertakan dalam Lampiran F dan Lampiran G. Kata-kata ini disebut secara satu persatu dalam bahasa atau dialek yang diketahui oleh informan dan pengkaji. Oleh sebab pengkaji merupakan penutur dialek yang sama, maka tiada masalah kepada pengkaji memahami maklum balas daripada informan. Informan memberikan maklum balas dalam dialek Melayu Kabong bagi setiap perkataan yang diujarkan oleh pengkaji.

3.6.3 Kaedah domain dan asosiasi idea

Menurut Asmah Haji Omar (2008a: 68) kaedah ini lebih berkesan untuk memperoleh data atau mengumpul perkataan bagi bahasa-bahasa di Sabah dan Sarawak. Dalam kaedah ini, konsep domain digunakan, iaitu merujuk kepada bidang perbendaharaan kata yang menunjukkan sesuatu perkataan itu boleh dirangkumkan ke dalam satu kumpulan besar yang dianggotai oleh kata-kata yang lain. Misalnya, terdapat domain bilangan, anggota tubuh badan, haiwan, tumbuh-tumbuhan, kenderaan, pakaian, makanan, rumah dan bangunan, kekeluargaan, adat resam dan pelbagai lagi. Untuk memudahkan proses pengumpulan data, hanya lapan domain digunakan dalam kajian ini, iaitu domain bilangan, domain anggota tubuh badan, domain pakaian, domain haiwan, domain tumbuh-tumbuhan, domain pekerjaan, domain peralatan dan domain kekeluargaan. Data yang diperoleh menerusi kaedah ini disertakan dalam Lampiran F. Tambahan domain akan dilakukan sekiranya diperlukan dan penting bagi mendapatkan data dalam kajian ini. Setelah diinput, terdapat 420 perkataan dikenal pasti menerusi kaedah ini.

Proses mengaitkan satu domain dengan domain yang lain dinamakan sebagai selisik data (*elicitation of data*) (Asmah Haji Omar, 2008a: 70). Misalnya, apabila bertanya tentang domain anggota tubuh akan dikaitkan dengan domain haiwan. Contohnya, apabila menyelisik kata untuk kepala, yakni kepala manusia, kita juga boleh terus mengasosiasikan konsep ini dengan kepala haiwan, kepala ikan, kepala keluarga dan sebagainya. Dengan erti kata lain, keadaan mental pengkaji sendiri harus dapat dengan cepat mengait-ngaitkan idea daripada satu domain kepada idea dalam domain yang sama atau domain yang lain (Asmah Haji Omar, 2008b: 70). Kaedah ini juga

boleh diperluas dengan meminta informan meluaskan maksud atau jawapan yang diberi tetapi berkaitan dengan soalan yang ditanya. Misalnya, apabila informan memberikan jawapan ‘pokok’ kemungkinan dalam dialek ini akan ada lagi istilah atau konsep seperti ‘pokok ayi’, ‘dan pokok’, ‘pokok ceYito’, ‘duit pokok’, ‘pokok pangkai’ dan sebagainya.

3.6.4 Persampelan

Persampelan merupakan satu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu penyelidikan daripada suatu kumpulan individu yang mewakili kumpulan besar yang dipilih (Noraini, 2010: 112). Dalam kajian bahasa, teknik-teknik menentukan sampel boleh diambil dari kaedah-kaedah soal selidik sosial (Asmah Haji Omar, 2008a: 58). Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan persampelan tujuan (*purposive sampling*). Persampelan tujuan melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel, iaitu berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan. Secara amnya, penyelidik dalam persampelan bertujuan tidak menyelidik sesiapa sahaja yang ada tetapi memilih sampel yang akan memberi data berasaskan pengetahuan yang dimiliki serta ciri-ciri yang tertentu yang diperlukan bagi kajian yang akan dilakukan. Kajian ini hanya menggunakan tiga sampel dan jumlah ini memadai untuk mendapatkan data kajian kualitatif. Pemilihan informan yang memadai ini selalu menjadi tradisi bagi kajian yang menentukan sesuatu dialek atau bahasa yang belum pernah dikaji seperti DMKb.

3.7 Kaedah analisis data

3.7.1 Transkripsi fonetik dan transkripsi fonemik

Data DMKb yang dicatat dan dirakam ini telah didengar semula secara berulang-ulang sehingga data yang diperlukan adalah tepat dan jelas. Semasa proses mendengar semula ini, proses transkripsi dilakukan. Transkripsi data DMKb yang diperoleh ini adalah dalam bentuk fonetik dan fonemik menggunakan Lambang Fonetik Antarabangsa (*International Phonetic Alphabet, IPA*³⁴). Berdasarkan Pei (1965), transkripsi fonetik menggunakan kurungan [] manakala transkripsi fonemik menggunakan kurungan / /. Walau bagaimanapun, dalam analisis ini kebanyakan huraian adalah dalam bentuk transkripsi fonemik (transkripsi kasar) dan telah disesuaikan berdasarkan bunyi-bunyi yang terdapat dalam DMKb. Lambang-lambang berkenaan disertakan dalam Lampiran D. Robins (1964: 12), menegaskan bahawa;

“The International Phonetic Alphabet was devised and is progressively modified to provide a precise and universal means (i.e. valid for all languages) of writing down the spoken forms of utterances as they are spoken without reference to their autographic representation, grammatical status, or meaning”.

Transkripsi fonemik atau transkripsi kasar merupakan transkripsi yang tidak memberi perhatian kepada ciri yang kecil-kecil dalam sesuatu bunyi (Asmah Haji Omar, 2008a: 100). Transkripsi ini hanya memberi tumpuan kepada bunyi-bunyi yang utama yang mempunyai fungsi dalam sesuatu kata. Dalam perkataan lain, transkripsi fonemik hanya mengambil kira fonem-fonem dalam bahasa atau dialek yang dikaji sama ada fonem segmental atau fonem suprasegmental. Misalnya, dalam perkataan *tetak*, transkripsi fonemik tidak akan mengambil perbezaan antara *t* pertama dan *t* kedua

³⁴ IPA boleh diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu sebagai Abjad Fonetik Antarabangsa yang telah digubal pada akhir abad ke-19 dan diterima oleh masyarakat linguistik antarabangsa (Asmah Haji Omar, 2008a: 98). IPA disertakan dalam Lampiran D.

kerana kedua-dua *t* ini merupakan *t* daripada anggota yang sama. Perbezaan bagi kedua-dua *t* tersebut hanya terletak pada lingkungannya, iaitu *t* yang pertama terletak di awal kata yang diikuti oleh vokal dan *t* yang kedua terletak antara vokal. Dengan ini, tujuan transkripsi fonemik atau transkripsi kasar adalah untuk mengenal pasti fonem, bukan untuk tujuan penyebutan (Asmah Haji Omar, 2008a: 101).

Transkripsi fonetik (transkripsi halus) pula hanya terdapat pada bahagian-bahagian yang difikirkan perlu. Transkripsi ini dikatakan transkripsi halus kerana memberi perhatian kepada ciri-ciri yang sekecil-kecilnya dalam penyebutan informan (Asmah Haji Omar, 2008a: 98). Dalam transkripsi halus atau transkripsi fonetik, tiap-tiap bunyi dipasangkan dengan lambangnya tanpa mengambil kira fungsi bunyi, dan tanpa mengira sama ada sesuatu bunyi itu merupakan variasi sahaja daripada bunyi yang satu lagi, atau merupakan bunyi yang berbeza (Asmah Haji Omar, 2008a: 99). Misalnya dalam DMKb, perkataan [təbat^ʔ] mempunyai dua bunyi [t] yang berbeza. Bunyi [t] yang pertama ialah bunyi [t] yang diletupkan (eksplosif) manakala bunyi [t] yang kedua ialah bunyi [t^ʔ] yang tertahan (implosif), yakni tidak diletupkan. Dalam transkripsi halus, kedua-dua bunyi [t] ini harus dibezakan dengan memberikan lambang yang berlainan, misalnya [t] untuk [t] yang pertama dan [t^ʔ] untuk [t] kedua.

Untuk permulaan, semua rakaman yang dilakukan telah didengar beberapa kali dan proses transkripsi terhadap data tersebut dilaksanakan. Untuk menjamin kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) data ini, pengkaji telah mentranskripsikan data berkenaan selepas data dikutip dalam masa empat hari untuk setiap informan.

Memandangkan hanya tiga informan yang terlibat, pengkaji menemu bual informan³⁵ secara individu. Proses transkripsi memerlukan masa yang agak lama kerana rakaman tersebut perlu didengar secara berulang-ulang. Selepas ditranskripsi, hari berikutnya digunakan untuk mengesahkan data yang diperoleh dengan menemui semula informan berkenaan. Begitulah proses untuk menginput data DMKb sehinggalah data daripada ketiga-tiga informan tersebut selesai ditranskripsi dan disahkan. Tiga orang informan ini akan direkodkan sebagai R1, R2 dan R3 untuk menjamin kerahsiaan informan.

3.7.2 Teori linguistik deskriptif

Analisis data dan huraian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan teori linguistik deskriptif. Teori deskriptif diasaskan oleh Ferdinand de Saussure (1915) melalui tulisannya *Cours de linguistique generale* yang telah diterbitkan dalam Bahasa Perancis. Teori linguistik deskriptif banyak diaplikasikan oleh pengikut-pengikut Saussure antaranya Bloomfield (1933), Jones (1969), Robins (1968), dan Pei (1965). Di Malaysia, penerapan teori linguistik deskriptif juga menjadi pilihan kepada ramai ahli linguistik antaranya, Asmah Haji Omar (1977, 1981, 1983, 1993, 2002, 2006, 2008b, 2012), Raja Mukhtaruddin Bin Raja Mohd. Dain (1982), Lutfi Abas (1992) dan Yunus Maris (1980).

Pei (1965: 73) menjelaskan bahawa “...*the primary concern of descriptive linguist is the sounds and the grammatical forms of the spoken language*”. Oleh itu, deskripsi fonologi DMKb menggunakan teori linguistik deskriptif untuk mengenal pasti sistem dan struktur fonologi DMKb. Menurut Asmah Haji Omar (2011: 89), dalam

³⁵ Informan ditemu bual secara spontan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti harian. Transkripsi temu bual disertakan dalam Lampiran H.

linguistik deskriptif bahasa didefinisikan sebagai sistem yang terdiri daripada lima subsistem utama; yang terdiri daripada tiga subsistem inti, dan dua lagi subsistem sampingan. Tiga subsistem inti itu terdiri daripada (1) sistem nahu- inventori morfem dan susunan morfem-morfem dalam bentuk pewujudannya; (2) sistem fonologi- inventori fonem dan susunan pewujudannya dan (3) sistem morfofonemik-kod yang mengaitkan sistem nahu dengan sistem fonologi. Satu daripada subsistem inti ialah sistem fonologi yang melihat inventori fonem dan susunan pewujudannya manakala subsistem sampingan adalah sistem fonetik yang merupakan kaedah dalam sistem fonemik (Asmah Haji Omar, 2011: 90)

Ketiga-tiga ini disebut sistem utama kerana mudah dikenal pasti dalam ujaran, bahkan oleh kanak-kanak yang baharu belajar bahasa. Dua sistem sampingan itu pula ialah (1) sistem semantik; yang mengaitkan morfem dan gabungan morfem serta susunannya dengan benda dan situasi atau dengan jenis benda dan jenis situasi; (2) sistem fonetik; yang merupakan kaedah dalam mana-mana urutan fonem dialihkan menjadi gelombang bunyi dalam artikulasi penutur dan kemudian didekod oleh pendengar. Abercrombie (1967: 82) menyatakan bahawa *“a system is an inventory of the item in a language that can represent one of the two elements of structure, C or V; there is thus a C-system and V-system”*.

Maka, dalam analisis kajian ini untuk mengenal pasti sistem dan struktur DMKb, ialah melihat subsistem inti dalam aspek ke (2) sistem fonologi- inventori fonem dan susunan pewujudannya yang kemudiannya dikaitkan dengan subsistem sampingan, iaitu sistem fonetik yang merupakan kaedah dalam sistem fonemik. Kedua-

dua gabungan sistem vokal dan konsonan dikenal sebagai sistem bunyi sesuatu bahasa yang membezakan sistem dan struktur sesuatu bahasa. Maka, satu daripada subsistem inti yang menjadi fokus kajian DMKb ini ialah kajian fonologi yang melihat inventori fonem dan susunan pewujudannya sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Pendekatan deskriptif bersesuaian untuk menganalisis bahasa atau dialek yang belum pernah dikaji. Hanya dengan mempunyai data yang betul-betul ada dalam komuniti bahasa baharulah huraian tentang aspek-aspek bahasa itu dapat dilakukan.

Bagi Bloomfield (1933), pertuturan individu sangat penting sebagai bahan deskriptif, sebelum ciri keseluruhan bahasa komuniti itu dikaji. Kajian boleh bermula dengan pertuturan normal untuk memudahkan kerja, dan memberi perhatian kepada pertuturan mudah dan dalam keadaan yang tidak rumit “...we begin by observing an act of speech-utterance under very simple circumstances” (Bloomfield, 1933). Dengan mengaplikasikan teori deskriptif terhadap kajian DMKb, maka kajian ini boleh menjadi asas kepada kajian fonologi DMKb yang akan seterusnya.

Dalam perkembangan terkini kajian fonologi, terdapat satu perisian komputer yang telah digunakan untuk menganalisis bunyi-bunyi bahasa yang dikenali sebagai Program Praat³⁶. Dengan menggunakan program ini, ahli fonetik boleh menganalisis bunyi-bunyi vokal dan konsonan, kepanjangan, intonasi, nada dan lain-lain yang berkaitan dengan bunyi-bunyi bahasa. Dalam kajian ini, pengkaji tidak mengaplikasikan kaedah kajian dengan Program Praat kerana sistem ini hanya sesuai bagi kajian bahasa yang telah mempunyai asas sistem dan strukturnya.

³⁶ Maklumat lanjut di laman web <http://www.praat.org> dan <http://www.fon.hum.uva.nl/praat/>.

Program Praat juga lebih sesuai digunakan untuk menganalisis fonetik akustik yang dapat menentukan frekuensi bunyi-bunyi sedangkan kajian DMKb ini yang bersifat fonetik artikulasi lebih menumpukan kepada proses yang terlibat dalam menghasilkan bunyi tersebut sebagaimana yang diutarakan oleh Robins (1964: 84), “...it can be studied primarily as the activity of the speaker in term of the articulatory organs and processes involved; this is called articulatory phonetics”. Selain itu, dalam tulisan Asmah Haji Omar (2014: 729) yang membincangkan analisis bahasa melalui *Natural Language Processing* (NLP), aplikasi tersebut hanya sesuai bagi bahasa yang sudah mempunyai data korpus dan telah mempunyai deskripsi fonologi dan tatabahasa yang mencukupi³⁷.

3.7.3 Penerapan fonemik

Dalam teori deskriptif, analisis fonologi mencakupi analisis fonetik dan fonemik. Hubungan ini dijelaskan oleh Pei (1965: 9) yang mengungkapkan fonemik sebagai “...as dealing with those features of language sounds which are relevant in the system of a single language from the point of view of the speakers consciousness”. Bidang fonetik berfokus pada cara segala bunyi yang dikeluarkan oleh alat-alat pertuturan manusia dan memberikan simbol fonetik untuk bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan manakala fonemik bermaksud mempelajari bunyi-bunyi bahasa dan cara mengelompokkan bunyi-bunyi tersebut ke dalam fonem-fonem tertentu.

³⁷ Berdasarkan tulisan Asmah Haji Omar (2014: 737), hanya terdapat tiga bahasa di Malaysia yang sesuai untuk NLP, iaitu bahasa Melayu, Iban dan Kadazandusun dan yang selebihnya masih memerlukan masa yang panjang untuk ke arah itu dan perlu memenuhi empat kriteria yang dinyatakan. Bacaan lanjut artikel ini boleh diakses di talian <http://www.scrip.org/journal/ojml>

Pei (1965: 75) juga menjelaskan fonemik sebagai “...*determine which contrasts or oppositions...*” dan “...*differentiate among a phoneme by using the technique of minimal pairs, two words phonetically identical in all respects but one*”. Fonem-fonem penggalan³⁸ (*segmental phoneme*) ditentukan dengan mengenal pasti bunyi-bunyi yang berfungsi signifikan. Oleh sebab itu, untuk mengenal pasti fonem DMKb, prinsip pasangan terkecil (*minimal pairs*) dan distribusi digunakan. Dengan menggunakan ujian pasangan minimal, iaitu pasangan bunyi yang hampir-hampir sama kecuali dibezakan pada satu unsur yang jelas membezakan makna akan memudahkan proses mengenal pasti fonem. Misalnya dalam DMKb, /k/ dan /ʔ/ ialah dua fonem yang berbeza kerana menerusi pasangan terkecil, /k/ dan /ʔ/ jelas membezakan makna bagi pasangan /lupaʔ/ ‘lopak’ dan /lupak/ ‘lupa’.

Setelah mengenal pasti fonem vokal dan fonem konsonan DMKb, maka analisis fonemik dilakukan untuk mengenal pasti alofon yang menjadi ahli atau anggota kepada sesuatu fonem. Dengan kata lain, alofon merupakan kelainan bunyi daripada satu fonem yang sama yang menjadi anggota kepada fonem berkenaan. Misalnya, fonem /p/ dalam DMKb mempunyai beberapa alofon seperti yang terdapat dalam perkataan [paluʔ], [lam^wpə] dan [tutupʔ]. Fonem /p/ dalam contoh-contoh tersebut mempunyai tiga alofon yang berbeza, iaitu [p], [p^w], [p^h], dan [pʔ]. Keempat-empat bunyi ini adalah saling melengkapi (*complementary distribution*) dan saling menyisihkan (*mutually exclusive*) yakni masing-masing mengisi tempat atau kedudukan tertentu dalam DMKb. Bunyi [p] eksplosif hanya berlaku dalam suku kata pertama yakni sebagai onset dan diletupkan,

³⁸ Fonem penggalan ialah fonem vokal dan fonem konsonan yang berbeza daripada *suprasegmental phoneme*.

[^wp] berlaku apabila diikuti vokal bundar, [p^h] berlaku di awal dan tengah kata dengan syarat hadir dalam rangkap konsonan /mp/ yang diikuti vokal [i], [a], [e], [ə] dan [ɛ] dan bunyi [p^ʔ] yang implosif apabila berada dalam suku kata tertutup yang berfungsi sebagai koda.

Keempat-empat bunyi ini juga mempunyai kesamaan fonetik, iaitu bunyi-bunyi ini mempunyai ciri yang hampir sama dari segi artikulasi mahupun ciri akustiknya sebagaimana yang dinyatakan dalam Pei (1965: 49), "*it is fairly obvious that allophones of the same phoneme must share some phonic similarity as to mode of production and point of articulation*". Selain mempunyai kesamaan fonetik, terdapat juga alofon yang terdiri daripada dua bunyi fonetik yang berbeza yang dikatakan sebagai bervariasi bebas (*free variation*) antara satu sama lain. Misalnya, dalam BMS terdapat perkataan [fiker] 'fikir' dan [piker] 'pikir'. Kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang sama walaupun berbeza secara fonetik pada bunyi pertamanya, iaitu [f] dan [p]. Kedua-dua bunyi ini dalam BMS adalah berfungsi tidak signifikan dan oleh itu tidak berkontras antara satu sama lain dalam lingkungan yang sama. Oleh itu, [f] dan [p] ialah alofon kepada fonem /p/ dalam BMS.

Penerapan teori deskriptif dalam analisis fonologi DMKb dilakukan kerana kajian ini belum pernah dilakukan dan tiada bentuk tulisan dan ejaan dalam dialek ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Pei (1965: 73) bahawa;

"The analytical methodology of the descriptive linguistics was especially developed in connection with the study of languages of so-called "backward" groups, where there was no written form of the language, no

previous attempt at grammatical description, in fact no possibility of getting at the language in other way”.

3.8 Definisi operasional

3.8.1 Fonetik dan fonologi

Berdasarkan Robins, terdapat tiga kajian utama fonetik; yaitu fonetik artikulasi, fonetik akustik dan fonetik auditori (1968: 84). Fonetik artikulatori merupakan bidang kajian mengenai cara alat dan daerah artikulasi menghasilkan bunyi-bunyi bahasa. Fonetik dan fonologi adalah berkaitan antara satu sama lain, dan saling melengkapi. Robins (1968) menjelaskan bahawa segmentasi bunyi pertuturan atau bunyi bahasa dikelompokkan kepada bunyi vokal dan konsonan sebagaimana yang berikut;

“Phonetics and phonology are both concerned with the same subject-matter or aspect of language, speech sounds as the audible result of articulation, but they are concerned with the form different points of view. Phonetics is general (that is, concerned with speech sounds as such without reference to their function in a particular language), descriptive, and classificatory; phonology is particular (having a particular language or language in view) and functional (concerned with the working or functioning of speech sounds in a language or languages) (Robins, 1968: 127). Phonology always has in view a language as communication systems in its theory and procedures of analysis (Robins, 1968: 128).

Dalam bidang linguistik, aspek fonologi merupakan bidang yang sangat penting dalam menghuraikan sesuatu bahasa atau dialek. Jadi, pengertian fonologi perlu dijelaskan dengan tepat untuk memudahkan pemahaman aspek ini dan membezakan cakupannya daripada bidang linguistik yang lain, iaitu morfologi, sintaksis dan semantik. Perkataan *fonologi* terdiri daripada dua unsur, iaitu *fono* dan *logi*. *Fono* bermakna ‘bunyi’ dan *logi* bermakna ‘pengetahuan’. Dalam bahasa Inggeris, perkataan ini digabungkan menjadi *phonology* dan istilah ini digunakan dalam bahasa Melayu

yang disesuaikan pengejaannya menjadi *fonologi*. Ringkasnya, fonologi ialah kajian mengenai bunyi bahasa, khususnya bunyi sesuatu bahasa tertentu (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012).

Bloomfield menjelaskan fonologi sebagai “... *the study of significant speech-sounds is phonology or practical phonetics. Phonology involves the consideration of meanings* (1964: 78). Bloomfield berpendapat bahawa fonologi adalah kajian bunyi-bunyi bahasa yang bermakna atau yang melibatkan pertimbangan makna. Manakala Saussure merupakan antara orang pertama yang melihat bahasa sebagai suatu sistem yang tersendiri yang bahagian yang saling bergantungannya berfungsi dan mendapat nilai melalui hubungannya dengan keseluruhan sistem itu (Ajid Che Kob, 1993: xxviii).

Menurut Asmah Haji Omar & Rosline Sandai (2012), fonologi membincangkan ilmu yang berkaitan,

- i) menghuraikan bunyi-bunyi dalam bahasa
- ii) mengenal pasti fungsi-fungsi bunyi berkenaan

Pengertian (i) termasuk dalam cabang fonologi yang dikenal sebagai fonetik. Pengertian (ii) pula adalah dalam bidang fonemik. Pengertian (ii) ini biasanya dikenali sebagai fonologi sahaja, kerana ada tumpuan dalam fonologi yang tidak mementingkan fonemik. Fonetik pula melihat bagaimana sesuatu bunyi bahasa dihasilkan berdasarkan faktor-faktor seperti laluan udara yang keluar dari paru-paru melalui rongga mulut atau rongga hidung sama ada laluan udara tersebut disekat atau sebaliknya.

Dalam kajian fonologi pula, aspek yang dikaji ialah bunyi pertuturan dalam sesuatu bahasa dan fungsinya dalam sistem bunyi bahasa itu (Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong, 2006: 2). Misalnya, dalam kajian fonologi generatif rumus fonologi dalam sesuatu bahasa akan dikaji yang dapat menghubungkan tahap fonemik dengan tahap fonetik. Pola suku kata dalam sesuatu sistem bahasa itu juga akan dikaji seperti dalam kajian Farid Onn (1980) yang menyatakan bahawa terdapat empat pola suku kata dalam bahasa Melayu, iaitu (i) V, (ii) KV, (iii) VK, dan (iv) KVK.

3.8.2 Deskripsi konsonan

Bunyi-bunyi konsonan ialah bunyi-bunyi bahasa yang dikeluarkan dengan adanya sekatan dari segi aliran udara, penyempitan serta gangguan daripada alat artikulasi semasa arus udara daripada paru-paru dihembuskan ke rongga mulut atau rongga hidung. Pei (1965: 40) menjelaskan bunyi konsonan “... *involved a greater amount of constriction and friction, and, in some cases, a complete road block followed by a sudden release*”. Berbeza dengan bunyi vokal, bunyi konsonan terdiri daripada dua bunyi, iaitu bunyi bersuara dan bunyi tidak bersuara. Asmah Haji Omar & Rosline Sandai (2012) menjelaskan bahawa penghasilan konsonan melibatkan jenis bunyi yang dibezakan berdasarkan mekanisme udara sama ada melalui sekatan di rongga hidung atau rongga mulut.

3.8.3 Bunyi bahasa dan bukan bahasa

Manusia mengujarkan pelbagai bunyi sama ada bunyi yang dituturkan untuk berkomunikasi ataupun untuk tujuan lain seperti melepaskan rasa marah, keluhan dan


batuk. Jadi, bunyi-bunyi ini boleh dikategorikan kepada dua, iaitu bunyi bahasa dan bunyi bukan bahasa. Bunyi bahasa ialah bunyi yang dilafazkan oleh manusia untuk berkomunikasi dan bunyi-bunyi tersebut telah dipersetujui bersama oleh masyarakat yang menuturkan bunyi tersebut dan bermakna. Bunyi bahasa dibahagikan kepada dua golongan utama, iaitu bunyi vokal dan bunyi konsonan. Bunyi-bunyi ini dikenali juga sebagai bunyi-bunyi segmental kerana bunyi-bunyi itu dapat dikeluarkan secara satu persatu dari arus bunyi, yakni dari arus percakapan atau pertuturan (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012).

3.8.4 Artikulasi dan sistem artikulasi

Kajian fonologi DMKb adalah berfokus kepada fonetik artikulatori yang merujuk kepada kajian yang mendeskripsikan cara-cara sesuatu bunyi dilafazkan yang melibatkan daerah dan organ artikulasi yang terlibat semasa membunyikan sistem-sistem bunyi sesuatu bahasa atau dialek. Maka, untuk mendeskripsikan sistem bunyi DMKb, maka perlu diketahui artikulasi dan sistem artikulasi yang terlibat. Daerah artikulasi ialah bahagian saluran udara yang tidak bergerak tetapi disentuh oleh organ artikulasi semasa menghasilkan sesuatu bunyi. Organ artikulasi pula ialah organ ujaran dalam saluran suara yang terlibat dalam pengeluaran bunyi bahasa.

Alat-alat pertuturan dalam tubuh badan manusia terdapat dalam tiga rongga (*cavity*), iaitu rongga mulut, rongga hidung, dan rongga kerongkong. Alat-alat ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu yang boleh bergerak atau artikulator (*articulator*), dan yang tidak bergerak dikenali sebagai titik artikulasi (*points of articulation*) (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 15). Organ artikulasi yang boleh bergerak seperti lidah,

bibir, lelangit lembut dan gigi bawah, manakala titik artikulasi seperti gigi atas dan lelangit keras. Rajah 3.3 berikut menunjukkan alat-alat pertuturan dan rongga mulut, rongga hidung dan rongga kerongkong.



(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada "Vokal Tract with numbers.svg" di alamat www.commons.wikimedia.org)

Rajah 3.3: Alat-alat artikulasi dan artikulator

Petunjuk:

- | | |
|--|-------------------------------------|
| 1. Rongga hidung (Nasal cavity) | 10. Epiglotis (epiglottis) |
| 2. Belakang gusi (Alveolar ridge) | 11. Muka lidah (Blade of tongue) |
| 3. Lelangit keras (Hard Palate) | 12. Pita Suara (Vokal folds) |
| 4. Lelangit lembut (Velum/soft palate) | 13. Depan lidah (Front of tongue) |
| 5. Gigi (Teeth) | 14. Glotis (Glottis) |
| 6. Anak tekak (Uvula) | 15. Belakang lidah (Back of tongue) |
| 7. Bibir (Lips) | 16. Tekak/ Larinks (Larynx) |
| 8. Rongga kerongkong/ Faring (Pharynx) | 17. Buah halkum |
| 9. Hujung Lidah (Tip of tongue) | |

3.8.5 Huraian alat-alat pertuturan

Rajah 3.3 menunjukkan alat-alat pertuturan yang terlibat semasa mengujarkan sesuatu bunyi. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, tiga rongga utama yang berperanan dalam memastikan pengeluaran unit-unit dalam sesuatu bahasa atau dialek ialah rongga mulut, rongga hidung dan rongga kerongkong. Dalam rongga mulut terdapat bibir, lidah, belakang gigi, belakang gusi, langit keras, dan langit lembut. Artikulator yang boleh bergerak terdiri daripada bibir, lidah dan langit lembut manakala titik artikulasi terdiri daripada belakang gigi, belakang gusi dan langit keras yang tidak bergerak sewaktu penghasilan sesuatu bunyi (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 17). Rongga hidung merupakan laluan keluar dari paru-paru manakala keseluruhan rongga mulut merupakan laluan udara keluar dari paru-paru dan penghasil bagi bunyi.

3.8.5.1 Bunyi bibir atau labial

Bunyi labial ialah bunyi yang melibatkan pergerakan sama ada bibir atas atau bibir bawah. Bunyi-bunyi yang dihasilkan dengan bunyi labial ialah bunyi [p], [b], dan [w]. Biasanya, hanya bibir atas yang bergerak dan terdapat juga pergerakan kedua-dua bibir atas dan bawah. Titik artikulasi yang terlibat bagi bunyi bibir atau labial ialah gigi. Oleh sebab itu, bunyi yang dihasilkan ialah bunyi labiodental (bibir-gigi).

3.8.5.2 Bunyi oral dan bunyi nasal

Bunyi oral (mulut) ialah bunyi yang dihasilkan yang udaranya melalui rongga mulut apabila langit lembut dinaikkan yang menyebabkan rongga hidung tertutup.

Keadaan ini menyebabkan udara keluar sepenuhnya melalui rongga mulut seperti penghasilan bunyi [p], [b], [t], [k], [g], [s], [tʃ], [dʒ]. Bunyi nasal pula berlaku apabila langit lembut diturunkan ke bawah menyebabkan laluan udara di rongga mulut tertutup dan aliran udara hanya boleh melalui rongga hidung. Bunyi-bunyi yang dihasilkan dikenali sebagai bunyi nasal seperti bunyi [m], [n], [ŋ], [ŋ].

3.8.5.3 Bunyi dental dan alveolar

Untuk menghasilkan bunyi dental (gigi) dan alveolar (gusi), lidah bertindak sebagai artikulator sama ada hujung lidah, tengah lidah atau belakang lidah. Bunyi dental dihasilkan apabila hujung lidah bertemu dengan belakang gigi (gigi depan). Dalam BMS, bunyi dental ialah [t], [dʒ]. Kadang-kadang, bunyi [t], [dʒ] juga menjadi bunyi alveolar yang ditentukan berdasarkan kebiasaan bercakap (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 17). Misalnya, dalam perkataan 'tempat', huruf [t] pertama dan kedua merupakan bunyi alveolar.

Bunyi dental dan alveolar yang seterusnya ialah bunyi [n] dan [s]. Bunyi [n] dihasilkan apabila hujung lidah menyentuh belakang gusi dan belakang gigi. Bunyi [n] banyak terdapat dalam DMKb yang mempunyai distribusi yang lengkap seperti dalam perkataan 'nanam' (menanam). Bagi bunyi [s] pula, hanya dibunyikan sebagai bunyi alveolar selari dengan bunyi [s] dalam BMS dan bahasa Iban (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 18). Dengan ini, dapat dikatakan bahawa bunyi [t], [dʒ], [n] dan [s] merupakan bunyi yang mempunyai persamaan artikulator dan titik artikulasi tetapi berbeza dari segi aliran arus udara sama ada melalui rongga mulut atau rongga nasal.

3.8.5.4 Bunyi palatal

Dalam DMKb, bunyi ini terdiri daripada bunyi [tʃ] dan [s] yang juga terdapat dalam BMS dan bahasa Iban. Untuk menghasilkan bunyi ini, hujung lidah diangkat sehingga bertemu dengan belakang gusi dan pada masa yang sama bahagian tengah lidah diangkat sehingga bertemu dengan lengit keras (*palatal*). Titik artikulasi yang terlibat untuk menghasilkan bunyi palatal meliputi kawasan belakang gusi hingga ke lengit keras. Rajah 3.3 boleh dirujuk untuk melihat kedudukan titik artikulasi berkenaan. Artikulator yang terlibat pula ialah depan dan tengah lidah.

3.8.5.5 Bunyi velar

Bunyi velar ialah bunyi 'k' dan 'g'. Alat artikulator yang terlibat ialah akar lidah dan lengit lembut (*velum atau soft palate*).

3.9 Bunyi bersuara, tak bersuara dan hentian glotis

Kesemua bunyi yang dihasilkan oleh alat pertuturan yang telah dibincangkan di atas boleh dikategorikan kepada bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara. Bunyi bersuara dihasilkan apabila glotis dalam keadaan rapat dan akan mengalami getaran apabila aliran udara melaluinya. Di dalam glotis ini terletak pita suara (*vocal cord*). Glotis boleh diregangkan dan dirapatkan yang memberi kesan kepada pita suara sama ada dalam keadaan renggang, rapat, sempit atau tertutup (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 19). Apabila glotis dalam keadaan renggang, maka bunyi yang dihasilkan ialah bunyi tak bersuara (*voiceless sound*) seperti [p], [t], [k], [s] manakala bunyi bersuara

(*voiced sound*) seperti [b], [dʒ], [g] berlaku apabila glotis dalam keadaan yang rapat dan udara yang melaluinya bergetar. Apabila glotis tidak begitu rapat, yakni dalam keadaan sempit, maka udara juga tidak bergetar apabila melaluinya seperti menghasilkan bunyi bisikan. Bunyi yang dihasilkan semasa glotis dalam keadaan tertutup ialah hentian glotis (*glottal stop*) [ʔ]. Dalam keadaan ini, kedua-dua pita suara menutup laluan udara dengan rapat, tetapi buat sementara, lalu menghasilkan bunyi [ʔ].

3.10 Kesimpulan

Bab 3 telah menerangkan metodologi dan kerangka teoretis yang digunakan untuk kajian ini. Kutipan data secara huluan memberi kesahan kepada data kajian ini. Data-data yang dikutip seterusnya dianalisis menggunakan teori linguistik deskriptif yang diasaskan oleh de Saussure dan diteruskan oleh Bloomfield (1933) dan pengikut-pengikutnya. Teori deskriptif ini seterusnya banyak diaplikasi dalam tulisan beberapa pengikutnya seperti Jones (1969), Pei (1965), Robins (1968) dan berdasarkan beberapa model Asmah Haji Omar (2006, 2008, 2012). Pendekatan teori linguistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan fonetik artikulasi yang berkaitan dengan kajian fonologi DMKb yang akan dibincangkan dalam Bab 4 dan yang seterusnya.

BAB 4: SISTEM VOKAL DIALEK MELAYU KABONG

4.1 Pendahuluan

Bab ini menghuraikan sistem fonologi DMKb yang menggunakan teori linguistik deskriptif dan analisis secara fonemik. Sistem fonologi yang difokuskan dalam bab ini ialah sistem vokal DMKb yang merangkumi fonem vokal, alofon (*allophones*), distribusi fonem, diftong, geluncuran (*glide*), dan ko-artikulasi (*co-articulation*) bunyi vokal. Analisis sistem vokal dilakukan dengan mengaplikasikan teori linguistik deskriptif dan analisis fonemik.

4.2 Bunyi vokal

Bloomfield (1964: 102) menyatakan bahawa “...*vowels are modifications of the voice-sound that involve no closure, friction, or contact of the tongue or lips*”. Bunyi vokal merupakan pengubahsuaian bunyi suara yang yang tidak melibatkan penutupan, geseran atau sentuhan lidah atau bibir. Sedangkan konsonan ialah bunyi yang keluar dan telah mengalami sekatan di dalam rongga mulut. Bunyi vokal ialah bunyi yang dihasilkan dengan tidak melibatkan sebarang sekatan pengaliran udara. Jones (1956: 23) pula dalam bukunya *Outline of English Phonetics* mengatakan bahawa vokal ialah bunyi-bunyi bersuara yang ketika menghasilkannya udara keluar terus - menerus dari paru-paru menerusi rongga mulut tanpa mengalami gangguan atau penyempitan yang boleh menimbulkan bunyi-bunyi geseran.

Berdasarkan Robins (1968: 95), bunyi vokal adalah berbeza kerana dipengaruhi oleh dua faktor, iaitu kedudukan lidah di dalam mulut dan bentuk bibir “...*vowel sounds are differentiated principally by two factors, the position of the tongue in the mouth and the shape of the lips*”. Sewaktu menghasilkan bunyi vokal, udara yang keluar dari paru-paru tidak mengalami sekatan dan udara yang berterusan melalui rongga mulut. Pei (1965) menyatakan bahawa bunyi vokal “...*are produced with a maximum of duration and sonority and minimum of constriction and friction*”. Bunyi-bunyi vokal dapat ditentukan berdasarkan perubahan pada bibir, yakni kedudukan bibir yang menyebabkan laluan udaranya sempit, separuh sempit, separuh luas dan luas. Kedudukan lidah menentukan sesuatu vokal yang dihasilkan itu adalah vokal depan, vokal tengah dan vokal belakang (Robins, 1968: 96). Semua bunyi vokal adalah bersuara, maka pita suara yang bergetar berperanan untuk menghasilkan bunyi vokal. Jika bibir dan lidah berada pada satu keadaan, rongga yang dilalui oleh udara yang bergetar akan menyebabkan terbitnya kelantangan yang mencirikan bunyi vokal dengan frekuensi yang tertentu.


Mengenal pasti sistem vokal sesebuah bahasa atau dialek memang penting dalam kajian linguistik. BMS merupakan asas kepada perbandingan dialek-dialek Melayu yang mempunyai sistem enam vokal (Asmah Haji Omar ,2008b: 171) yang terdiri daripada i, e, ə, a, o, u. Vokal-vokal ini boleh menempati lingkungan-lingkungan awal, tengah dan akhir kata. Bagi kata yang diawali vokal, kata-kata tersebut akan disertai hentian glotis, misalnya bagi perkataan /apa/ dan /ada/ sebenarnya ialah /ʔapa/ dan /ʔada/. Sistem lapan vokal terdapat pada dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Kedah. Kebanyakan dialek di Malaysia mempunyai sistem lapan vokal seperti dialek

Melayu Kedah (Asmah Haji Omar, 2008b: 55) manakala bagi bahasa-bahasa jenis Sarawak mempunyai 17 hingga 21 konsonan. Sistem vokal pula adalah antara enam vokal dan lapan vokal. Huraian berikutnya akan menjelaskan sistem vokal DMKb.

4.2.1 Vokal kardinal DMKb

Persatuan Fonetik Antarabangsa telah mengeluarkan buku tentang prinsip-prinsip vokal kardinal yang terdiri daripada lapan vokal kardinal yang utama, iaitu [i], [e], [ə], [a], [u], [ɔ], [o], dan [ɑ] (Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1982: 5).

Berdasarkan Asmah Haji Omar (2008a: 55) BMS mempunyai sistem enam vokal yang terdiri daripada vokal kardinal primer. Berdasarkan kajian terhadap DMKb, pengkaji mendapati sistem vokal DMKb terdiri daripada sistem lapan vokal kardinal yang merupakan perkembangan daripada sistem enam vokal. Perkembangan itu berupa pemecahan fonemik yang berlaku pada e yang berpecah dua menjadi e dan ε dan o berpecah menjadi o dan ɔ (Asmah Haji Omar, 2008a). Gambaran kedudukan bunyi-bunyi vokal kardinal DMKb ditunjukkan dalam Rajah 4.1 berikut:



Rajah 4.1: Vokal Kardinal DMKb

Dari segi kedudukan lidah, vokal DMKb boleh dibahagikan kepada vokal hadapan tinggi, vokal depan separuh tinggi, vokal depan separuh rendah dan vokal depan rendah. Terdapat satu vokal tengah separuh tinggi, dan tiga bunyi vokal belakang, iaitu vokal belakang tinggi, vokal belakang separuh tinggi dan vokal belakang separuh rendah. Berdasarkan huraian berkenaan cara menghasilkan bunyi-bunyi vokal dalam DMKb, dapat diringkaskan bunyi-bunyi vokal berkenaan dalam Jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1: Carta vokal Dialek Melayu Kabong

Vokal	Depan	Tengah	Belakang
tinggi	i		u
separuh tinggi	e	ə	o
separuh rendah	ɛ		ɔ
rendah	a		

4.3 Fonem vokal DMKb

Fonem merupakan satu konsep yang abstrak³⁶ (Asmah Haji Omar, 2014) manakala fonemik merupakan ilmu yang mengkaji fonem. Bloomfield (1964: 136) menyatakan fonem sebagai “...*the smallest units which make a difference in meaning*”, manakala Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2012: 8) menjelaskan fonem merupakan unit bunyi terkecil yang berbeza dengan unit bunyi yang lain. Menurut Pei (1965: 13), “... *phoneme may thus defined as a group or variety or class of related sounds (pnones) which the speakers accept as a single unit, regardless of positional variants*”. Kajian fonem diperlukan untuk menentukan ejaan bagi sesuatu bahasa kerana satu lambang sahaja boleh mewakili semua variasi bunyi.

³⁶ Penerangan dalam kuliah fonetik pada 7 November 2014 di Dewan Syarahan, Pusat Islam UNIMAS.

Bahagian ini akan menerangkan dan menghuraikan fonem vokal dalam DMKb, distribusi fonem vokal dan analisis pasangan terkecil untuk menentukan sama ada sesuatu vokal tersebut merupakan fonem yang berbeza dan boleh berdiri sendiri atau tidak. Secara ringkas, fonem vokal DMKb mempunyai beberapa ciri berikut;

- i) Didahului oleh hentian glotis pada awal kata.
- ii) Kualiti vokal tinggi dan vokal rendah dipengaruhi oleh lingkungan, misalnya vokal /i/ dalam suku kata terbuka lebih tinggi daripada bunyi /i/ dalam suku kata tertutup
- iii) Nasalisasi vokal berlaku apabila vokal hadir mengikuti konsonan nasal.

Sebagai penjelasan setiap ciri di atas, ciri (i) bagi vokal yang hadir pada awal kata akan didahului oleh hentian glotis /ʔ/. Dalam DMKb, ciri ini terdapat dalam contoh perkataan /ʔaŋat/, /ʔilang/, /ʔubat/, /ʔokan/ dan /ʔesen/. Hal ini bermakna, hentian glotis pasti hadir pada posisi awal setiap perkataan yang didahului vokal dapat diramalkan. Jadi dalam transkripsi-transkripsi yang terlibat, apabila kata tersebut diawali vokal, lambang /ʔ/ tidak dimasukkan.

Bagi ciri (ii), yang membezakan vokal tinggi daripada vokal rendah telah mewujudkan alofon lingkungan yang membezakan vokal tinggi dan vokal rendah bagi dua fonem ini, /i/ dan /u/ yakni variasi-variasi yang saling menyalahi (*mutually exclusive*) (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 10). Hal ini bermakna, tidak mungkin fonem /i/ yang mempunyai dua alofon [i] dan [i̠] hadir serentak dalam posisi

yang sama dan juga bermaksud di mana ada yang satu, tidak akan ada yang lain yakni alofon-alofon ini saling melengkapi (*complementary distribution*). Dalam DMKb, vokal tinggi tidak diberi lambang tambahan, tetapi bagi vokal rendah dimasukkan tanda seperti ekor di sebelahnya;

Vokal tinggi : [i], [u]

Vokal rendah : [ɨ], [ɘ]³⁷

Contoh fonem dengan vokal tinggi dan rendah dalam DMKb ditunjukkan dalam Jadual 4.2 berikut.

Jadual 4.2: Vokal tinggi dan vokal rendah DMKb

Fonem vokal	Transkripsi Fonetik	Transkripsi Fonemik dan Alofon
/i/: [i], [ɨ]	[binɨ], [gɨgɨ], [pipɨ]	/bini/, /gɨgɨ/, /pipi/
/u/: [u], [ɘ]	[dʒambu], [ʔulɘ], [ʔantu]	/dʒambu/, /ulu/, /antu/

Ciri (ii) dan (iii) juga menimbulkan alofon kepada bunyi vokal berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Alofon-alofon vokal dalam DMKb

nasalisasi	labialisasi	palatalisasi
[mãñũoʔ] = ayam	[^w ku ^w it] = kuit	[li ^j ut] = kental
[nũñk] = membakar	[pa ^w ut] = paut	[li ^j at] = liat
[tũmũ] = awal pagi	[sa ^w ut] = sahut	[ba ^j it] = baik

³⁷ Transkripsi yang menunjukkan alofon atau variasi bebas akan menggunakan transkripsi fonetik, manakala transkripsi fonemik merangkumi semua alofon yang ada. Huraian lanjut sila rujuk Asmah Haji Omar, 2012: 28.

Untuk menentukan fonem dalam sesuatu bahasa, ia dapat dikesan menerusi kelainan dan distribusi dan pasangan terkecil. Distribusi fonem bermaksud tempat hadirnya fonem dalam suku kata, sama ada di awal, tengah atau akhir suku kata atau kata (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 29). Memetik kata daripada R. Fowkes (Pei, 1965: 50), *“The phonemes is the ideal toward which the speaker strives, the allophones is the performance he achieves”*. Distribusi fonem vokal dalam DMKb boleh dijelaskan dalam empat situasi, iaitu;

- (i) Awal kata
- (ii) Antara konsonan
- (iii) Akhir kata (sebelum kesenyapan)
- (iv) Sebelum konsonan akhir

Fonem yang boleh hadir di semua posisi tersebut dikenali sebagai mempunyai beban tugas yang penuh manakala fonem vokal yang tidak boleh menempati kesemua posisi tersebut memiliki beban tugas yang kurang. Berikut merupakan huraian bagi setiap fonem vokal dalam DMKb.

4.3.1 Vokal depan

Berdasarkan Jadual 4.1, terdapat empat vokal depan dalam DMKb. Bunyi ini dihasilkan apabila bahagian depan lidah diangkat tetapi tidak menyentuh langit yang membolehkan udara keluar tanpa halangan melalui rongga mulut. Bunyi-bunyi vokal depan DMKb dihuraikan seperti berikut.

4.3.1.1 Fonem vokal tinggi /i/

Vokal depan tinggi /i/ boleh hadir di semua posisi kata sama ada mendahului konsonan atau mengikuti konsonan dan boleh hadir dalam suku kata terbuka ataupun suku kata tertutup. Terdapat tiga alofon untuk fonem vokal /i/, iaitu [i], [ĩ], dan [| i] seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4: Distribusi fonem /i/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔidup]	/idup/	<idup>	hidup
	[ʔiku ^w a]	/ikua/	<ikua>	ekor
	[ʔimpit]	/impit/	<impit>	himpit
Antara konsonan	[liba]	/liba/	<liba>	lebar
	[^w ku ^w it]	/kuwit/	<kuit>	kuit
	[^w du ^w it]	/duwit/	<duit>	duit
Akhir kata	[gigi]	/gigi/	<gigi>	gigi
	[tali]	/tali/	<tali>	tali
	[ɣamĩ]	/ɣami/	<rami>	ramai
Sebelum konsonan akhir	[gəliʔ]	/gəliʔ/	<gelik>	geli
	[l ^w upit]	/lupit/	<lupit>	jarak hari ke-4
	[bəŋĩn]	/bəŋŋĩn/	<benyin>	berkilat

Dalam jadual tersebut, alofon /i/ menempati posisi awal dan akhir kata, /^wi/ menempati suku kata kedua seperti dalam [^wku^wit] dan [^wdu^wit] manakala /ĩ/ hadir mengikuti konsonan nasal (Sila rujuk bahagian 4.5). Fonem /i/ mempunyai beban tugas

yang penuh dan boleh hadir bersama konsonan-konsonan yang lain dan boleh mengisi semua posisi kata.

4.3.1.2 Fonem vokal separuh tinggi /e/

Terdapat tiga alofon lingkungan untuk fonem vokal ini, iaitu [e], [ẽ] dan [ʷe].

Vokal depan separuh tinggi /e/ merupakan fonem yang tersendiri dalam DMKb dan bukannya bervariasi bebas dengan /ɛ/ sebagaimana yang terdapat dalam BIbn. Fonem ini boleh menempati posisi awal, Antara konsonan, akhir kata dan sebelum konsonan akhir. Jadual 4.5 berikut memaparkan distribusi fonem /e/.

Jadual 4.5: Distribusi fonem /e/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	makna
Awal kata	[ʔedʒ ^w o]	/edʒo/	<ejo>	eja
	[ʔek ^w ɔt]	/ekot/	<ekot>	ikut
	[ʔentʃ ^w ot]	/entʃot/	<encot>	hincut
Antara konsonan	[bu ^w eh]	/buweh/	<buih>	buih
	[^w ku ^w eh]	/kuweh/	<kuih>	kuih
	[mẽlo]	/melo/	<milo>	milo
Akhir kata	[tʃəmẽ]	/tʃame/	<ceme>	semai
	[pəɣe]	/pəɣe/	<pere>	berkecai
	[^w luɣe]	/luɣe/	<lengan>	lengan
Sebelum konsonan akhir	[pələk]	/pələk/	<pelek>	pelik
	[pule ^j ɑŋ]	/puleaŋ/	<puleang>	pulang
	[ude ^j ah]	/udeah/	<udah>	sudah

Berdasarkan contoh di atas, vokal /e/ yang mempunyai tiga alofon, iaitu [e], [ẽ], dan [ʷe]. Semua alofon ini menempati posisi masing-masing yakni [ẽ] hanya menempati lingkungan antara konsonan dan akhir kata dengan syarat hadir mengikuti konsonan nasal. Alofon [ʷe] pula boleh hadir di posisi tengah kata sahaja dengan syarat wujudnya urutan dua vokal [ue] seperti dalam contoh [buʷeh] dan [ʷkuʷeh]. Oleh hal yang demikian, fonem /e/ mempunyai distribusi menyeluruh dan beban tugas yang penuh.

4.3.1.3 Fonem vokal separuh rendah /ɛ/

Satu lagi vokal depan DMKb ialah vokal depan separuh rendah /ɛ/. Dalam DMKb, terdapat dua alofon lingkungan bagi fonem ini, iaitu [ɛ] dan [ẽ]. /ɛ/ merupakan fonem yang tersendiri dalam DMKb kerana jelas membezakan makna dalam pasangan minimal yang disertakan (sila rujuk bahagian 4.4). Berdasarkan Asmah Haji Omar (2008b: 216), subdialek Kuching mempunyai sistem enam vokal, tidak termasuk vokal /ɛ/ dan /ɔ/ yang hanya dinyatakan sebagai kelainan bebas bagi vokal /e/ dan /o/. Manakala bagi DMKb, /ɛ/ merupakan fonem yang tersendiri yang boleh berada di suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Ciri ini menunjukkan jumlah fonem vokal dalam DMKb berbeza daripada jumlah fonem vokal yang terdapat dalam DMK. Fonem /ɛ/ juga boleh menempati lingkungan awal, tengah dan akhir kata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Distribusi fonem /ɛ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔɛʏan]	/ɛʏan/	<eran>	hairan
	[ʔɛsen]	/ɛsen/	<esen>	tipu
	[ʔɛ ^w gɔj]	/ɛgɔj/	<egoi>	tidak tegap
Antara konsonan	[tɛben]	/tɛben/	<teben>	permainan
	[kɛben]	/kɛben/	<keben>	sejenis biskut
	[bɛwaʔ]	/bɛwaʔ/	<bewak>	biawak
Akhir kata	[mãkɛ]	/makɛ/	<makey>	pakai
	[mãnẽ]	/manɛ/	<maney>	jantan
	[pələntɛ]	/pələntɛ/	<pelente>	acah-acah
Sebelum konsonan akhir	[bentɛn]	/bentɛn/	<benten>	badminton
	[tɛk]	/tɛk/	<tek>	tadi
	[sənẽʔ]	/sənẽʔ/	<senek>	udang kecil

Jadual 4.6 menunjukkan fonem /ɛ/ dan distribusi bagi alofon-alofon [ɛ] dan [ẽ].

Sebagaimana fonem vokal yang terdahulu, fonem /ɛ/ yang hadir di hadapan kata merupakan alofon [ɛ] dan menjadi alofon [ẽ] sekiranya hadir mengikuti konsonan nasal.

Berdasarkan distribusi fonem /ɛ/ yang menyeluruh dalam DMKb, menjelaskan bahawa

fonem /ɛ/ mempunyai beban tugas yang penuh dan banyak digunakan dalam DMKb.

4.3.1.4 Fonem vokal depan rendah /a/

Apabila hadapan lidah diturunkan ke kedudukan yang paling rendah dengan bibir dihamparkan, maka vokal depan rendah [a] dihasilkan. Terdapat empat alofon lingkungan fonem ini, iaitu [a], [ã], [ʷa] dan [ʲa]. Alofon [a] boleh menempati posisi awal kata, antara konsonan, akhir kata dan berada sebelum konsonan akhir manakala [ã] juga menempati kesemua lingkungan antara konsonan, posisi akhir dan sebelum konsonan akhir dengan syarat hadir selepas konsonan nasal. Bagi [ʷa] pula, berlaku apabila /a/ hadir dalam bentuk rangkap vokal [ua] yang hanya berada di posisi tengah kata seperti dalam contoh [buʷah] dan [puʷaŋ]. Apabila /a/ hadir sebelum konsonan akhir, /a/ juga mengalami proses pempalatalan [ʲa] apabila hadir dalam bentuk urutan vokal /ea/³⁸ dalam suku kata kedua tertutup dengan syarat /a/ diikuti konsonan /ŋ/, /h/ dan /ʔ/. Jadual 4.7 berikut memaparkan distribusi fonem /a/ dalam DMKb.

Jadual 4.7: Distribusi Fonem /a/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔapo]	/apo/	<apo>	apa
	[ʔadʒak]	/adʒak/	<ajak>	sahaja
	[ʔabis]	/abis/	<abis>	habis
Antara konsonan	[buʷah]	/buwah/	<buah>	buah
	[puʷaŋ]	/puwaŋ/	<puang>	kosong
	[nãlo]	/nalo/	<nalo>	tegur

³⁸ Sila rujuk Bab 6, Rangkap Vokal DMKb

‘sambungan Jadual 4.7’

Akhir kata	[liba]	/liba/	<liba>	lebar
	[iŋã]	/iŋa/	<inga>	bising
	[saba]	/saba/	<saba>	sabar
Sebelum konsonan akhir	[daye ^h ah]	/dayeah/	<darah>	darah
	[tule ^h aŋ]	/tuleaŋ/	<tulang>	tulang
	[kote ^h aʔ]	/koteaʔ/	<kotak>	kotak

Berdasarkan Jadual 4.7, dapat dikatakan bahawa beban tugas fonem /e/ adalah penuh dan boleh menempati ke semua posisi kata. [ã] mendapat ciri nasal apabila fonem /a/ hadir mengikuti konsonan nasal yang terdiri daripada konsonan /m/, /n/, /ŋ/ dan /ɲ/. Contoh ini dapat dilihat dalam [iŋã] dan [nãlo]. Selain itu, fonem /a/ dapat diikuti oleh geluncuran, menghasilkan diftong [aj] dan [aw] seperti yang terdapat dalam perkataan /akaj/ ‘akal’, /mancaj/ ‘nakal’, /amaj/ ‘amal’ (dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian 4.6).

4.3.2 Vokal tengah

Hanya terdapat satu vokal tengah dalam DMKb, iaitu /ə/. Terdapat dua alofon lingkungannya, iaitu [ə] dan [ɛ̃]. Fonem /ə/ hadir di posisi awal, antara konsonan dan akhir kata. Namun begitu, apabila hadir di akhir kata, hanya terdapat dalam kata hubung /kə/ dan tidak hadir dalam suku kata kedua. Berdasarkan distribusi dan beban tugas fonem ini, didapati fonem /ɛ/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana tidak

hadir di posisi sebelum konsonan akhir dan hanya mempunyai satu kata /ə/ di awal kata. Jika dilihat dalam BMS, terdapat kelainan pengucapan /a/ akhir kata, iaitu kelainan /a/ yang berpusat di utara dan kelainan /ə/ berpusat di Johor dan Kuala Lumpur (Asmah Haji Omar: 2008b: 164). Dalam pengertian fonemik, kelainan /a/ dan /ə/ terdapat dalam lingkungan akhir kata dalam BMS bersamaan dengan /ə/ dalam Dialek Melayu Simunjan di Sarawak. Jika diperhatikan, fonem /ə/ yang hadir dalam bentuk rangkap konsonan nasal dan oral banyak ditemui dalam posisi awal kata. Jadual 4.8 berikut memperlihatkan distribusi fonem /ə/ dalam DMKb

Jadual 4.8: Distribusi fonem /ə/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔəŋkah] [ʔəmbaʔ] [ʔəndʒut]	/əŋkah/ /əmbaʔ/ /əndʒut/	<engkah> <embak> <enjut>	letak bawa henjut
Antara konsonan	[bəkuʔ] [pəŋdʒan] [ŋəbaj]	/bəkuʔ/ /pəŋdʒan/ /ŋəbaj/	<bekuk> <penjan> <nyebai>	beku jendela makan sedikit
Akhir kata	[kə]	/kə/	<ke>	ke
Sebelum konsonan akhir	-	-	-	-

4.3.3 Vokal belakang

Vokal belakang dalam DMKb terdiri daripada vokal /u/, /o/ dan /ɔ/. Berikut merupakan huraian ketiga-tiga vokal ini.

4.3.3.1 Fonem vokal belakang sempit /u/

Terdapat tiga alofon lingkungan bagi fonem /u/, iaitu [u], [ũ] dan [ʲu] yang boleh menempati posisi awal kata, berada antara konsonan, berada di akhir kata dan hadir sebelum konsonan akhir dalam suku kata kedua tertutup. Ketiga-tiga alofon ini mempunyai posisi masing-masing kerana alofon-alofon ini saling menyisihkan yakni di mana ada [u], maka di situ tidak akan ada [ũ] dan [ʲu]. Ini bermakna, [u] hanya menempati posisi awal, antara konsonan dan sebelum konsonan akhir. Sedangkan [ʲu] hadir dalam bentuk rangkap vokal [iu] dan menempati posisi tengah kata manakala [ũ] berlaku apabila mengikuti konsonan nasal. Contoh perkataan yang mengandungi fonem /u/ ditunjukkan dalam Jadual 4.9 berikut:

Jadual 4.9: Distribusi fonem /u/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔula]	/ula/	<ula>	ular
	[ʔupo]	/upo/	<upo>	rupa
	[ʔutan]	/utan/	<utan>	hutan

‘sambungan Jadual 4.9’

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Antara konsonan	[mũdaʔ]	/mudaʔ/	<mudak>	muda
	[liʲut]	/lijut/	<liut>	liut
	[tiʲun]	/tijun/	<tiun>	irama
Akhir kata	[bubu]	/bubu/	<bubu>	bubu
	[təmũ]	/təmu/	<temu>	jumpa
	[biyu]	/biyu/	<biru>	biru
Sebelum konsonan akhir	[ləput]	/ləput/	<leput>	pengsan
	[ʷkumbuʔ]	/kumbuʔ/	<kumbuk>	berselimut
	[ɲiyuʔ]	/ɲiyuʔ/	<nyiruk>	nyiru

Berdasarkan distribusi di atas, jelas menunjukkan bahawa fonem /u/ mempunyai beban tugas yang penuh kerana hadir di semua posisi kata. Nasalisasi berlaku apabila fonem /u/ hadir selepas konsonan nasal seperti dalam contoh [mũdaʔ], [təmũ] dan [ɲiyuʔ]. Alofon [iʲu] pula hanya menempati posisi tengah kata apabila adanya dua urutan vokal [iu] seperti dalam kata [liʲut] dan [tiʲun]. Dalam rangkap vokal yang lain, fonem /u/ dapat bergabung dengan /a/ dan /i/ membentuk [ua], [au], dan [ui] seperti perkataan /buah/, /duak/, /taun/, /daun/, /kuit/ dan /suit/.

4.3.3.2 Fonem vokal separuh sempit /o/

Vokal belakang separuh sempit /o/ merupakan vokal yang banyak ditemui dalam DMKb khususnya dalam suku kata kedua terbuka. Vokal ini dihasilkan hampir sama

sewaktu menghasilkan vokal /u/ tetapi belakang lidah diturunkan rendah sedikit serta bibir dibundarkan dan udara dilepaskan tanpa sekatan menerusi rongga mulut. Terdapat tiga alofon lingkungan fonem /o/, iaitu [o], [õ] dan [ʷo]. Dari segi distribusinya, vokal /o/ dapat menduduki posisi awal, antara konsonan dan akhir kata dan boleh hadir mendahului dan mengikuti mana-mana konsonan. Jadual 4.10 berikut merupakan contoh distribusi fonem vokal /o/ dalam DMKb.

Jadual 4.10: Distribusi fonem /o/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔolah]	/olah/	<olah>	perangai
	[ʔoŋ ^w kəs]	/oŋkəs/	<ongkos>	duit belanja
	[ʔokaŋ]	/okaŋ/	<okang>	lutong
Antara konsonan	[ɲi ^j o ^w a]	/ɲijowa/	<nyior>	nyieur
	[si ^j oj]	/sijoj/	<siol>	siul
	[ɣi ^j o]	/ɣijjo/	<gio>	dahulu
Akhir kata	[siŋõ]	/siŋo/	<singa>	singa
	[ka ^w jo]	/kajo/	<kaya>	kaya
	[ka ^w tʃo]	/katʃo/	<kaco>	kacau
Sebelum konsonan akhir	[səməõn]	/səmon/	<semon>	masuk angin
	[tʃəlop]	/tʃəlop/	<celop>	celup
	[kəpoʔ]	/kəpoʔ/	<kepok>	sejenis pisang

Dalam DMKb, vokal /o/ dan /ɔ/ merupakan fonem yang berbeza seperti yang dilihat dalam contoh [ʔoŋ^wkəs], [bo^wdə] dan [ʷlɔbo]. Ketiga-tiga alofon ini mempunyai kedudukan yang tersendiri dan saling melengkapi apabila hadir dalam perkataan yang

tertentu. Alofon [õ] hanya hadir selepas konsonan nasal seperti dalam contoh [siŋõ] dan [səmõn], alofon [ʰo] hanya mengisi posisi tengah kata dengan syarat adanya rangkap vokal [io] seperti dalam perkataan [ɲi^ʰo^wa] dan [si^ʰoj] manakala alofon [o] menempati ke semua posisi kata seperti yang diapaparkan dalam Jadual 4.10. Berdasarkan distribusi fonem /o/, dapat dikatakan bahawa fonem ini mempunyai distribusi yang lengkap dan mempunyai beban tugas penuh.

4.3.3.3 Fonem vokal separuh luas /ɔ/

Terdapat dua alofon lingkungan bagi vokal fonem /ɔ/, iaitu [ɔ] dan [ɔ̃]. Dalam DMKb, vokal separuh luas /ɔ/ juga merupakan fonem tersendiri berbanding dengan hanya sebagai kelainan bebas vokal [o] dalam DMK (Asmah Haji Omar, 2008: 216). Walau bagaimanapun dalam kajian terhadap vokal DMKb, pengkaji menegaskan bahawa /ɔ/ merupakan fonem yang tersendiri dalam DMKb kerana melalui kaedah pasangan terkecil, kedua-dua fonem ini jelas membezakan makna. Jadual 4.11 berikut memaparkan distribusi fonem /ɔ/.

Jadual 4.11: Distribusi fonem /ɔ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔɔmõ]	/ɔmo/	<omo>	serbuk pencuci
	[ʔɔloʔ]	/ɔloʔ/	<olok>	olok
	[ʔɔnã]	/ɔna/	<ona>	onar

'sambungan Jadual 4.11'

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Antara konsonan	[bɔdo]	/bɔdo/	<bodo>	bodoh
	[^w sɔɣo]	/sɔɣo/	<goro>	suara
	[^w kɔso]	/kɔso/	<koso>	kuasa
Akhir kata	[bi ^w sɔ]	/bisɔ/	<biso>	bisa
	[bə ^w gɔ]	/bəgɔ/	<bego>	bising
	[səm̃]	/səm̃/	<semo>	semua
Sebelum konsonan akhir	[koluɔʔ]	/koluɔʔ/	<kolok>	kain penutup kepala
	[kojɔʔ]	/kojɔʔ/	<koyok>	koyok
	[siŋ̃]	/siŋ̃/	<singo>	toleh

Jadual ini menunjukkan lingkungan dan distribusi yang ditempati fonem /ɔ/ yang diwakili alofon [ɔ] dan [ɔ̃]. Fonem /ɔ/ mempunyai beban tugas yang penuh dan distribusi yang menyeluruh kerana hadir di posisi awal, antara konsonan, akhir kata dan sebelum konsonan akhir. Fonem /ɔ/ dan /o/ juga dibezakan berdasarkan pasangan terkecil (*minimal pairs*) yang akan dibincangkan dalam bahagian 4.4. Nasalisasi [ɔ̃] berlaku apabila fonem /ɔ/ mengikuti konsonan nasal seperti contoh [səm̃] dan [siŋ̃].

Berdasarkan huraian terhadap fonem vokal DMKb, dapat dikatakan bahawa sistem vokal kardinal DMKb adalah jelas. Fonem vokal /o/, /ɔ/, /ɛ/ dalam DMKb juga

dapat dibezakan dengan fonem dalam DMK, DMSbs dan Bahasa Iban (Bib)³⁹. Secara ringkas, terdapat lapan fonem dan 22 alofon dalam sistem vokal DMKb seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.12 berikut:

Jadual 4.12: Fonem vokal dan alofon lingkungan DMKb

Fonem Vokal	Alofon	Beban tugas
/i/	[i], [ĩ], [ʷi]	/#i-/, /-i-/, /-i#/
/e/	[e], [ẽ], [ʷe]	/#e-/, /-e/, /-e#/
/ɛ/	[ɛ], [ẽ]	/#ɛ-/, /-ɛ-/, /-ɛ#/
/a/	[a], [ã], [ʷa], [ʲa]	/#a-/, /-a-/, /-a#/
/ə/	[ə], [ã]	/#ə-/, /-ə-/, /-ə#/
/u/	[u], [ũ], [ʲu]	/#u-/, /-u-/, /-u#/
/o/	[o], [õ], [ʲo]	/#o-/, /-o-/, /-o#/
/ɔ/	[ɔ], [õ]	/#ɔ-/, /-ɔ-/, /-ɔ#/

4.4 Penentuan fonem vokal melalui pasangan terkecil

Berdasarkan huraian di atas, terdapat lapan fonem vokal dalam DMKb yang terdiri daripada fonem vokal /a/, /e/, /ɛ/, /ə/, /i/, /o/, /ɔ/ dan /u/. Fonem juga dapat ditentukan berdasarkan kaedah pasangan terkecil. Pei (1965: 50), menyatakan “*The test for phonemic individuality or identity is that of minimal pairs*”. Kaedah pasangan terkecil digunakan untuk mengenal pasti kewujudan dua fonem yang berbeza sekiranya pasangan perkataan yang dibandingkan mempunyai perbezaan makna. Berikut merupakan kaedah pasangan terkecil fonem-fonem vokal dalam DMKb yang membuktikan bahawa setiap vokal tersebut merupakan fonem yang tersendiri.

³⁹ Data Bib daripada Asmah Haji Omar (1981), DMK daripada Madzhi Johari (1988), DMSbs daripada Rahani Bin Hosin (2007).

Fonem /i/ dan /e/ merupakan fonem yang tersendiri berdasarkan pasangan terkecil, terdapat perbezaan makna bagi perkataan tersebut seperti yang ditunjukkan berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/tupi/ = topi	/tapi/ = tetapi	/pəyi/ = percuma
/tupe/ = tupai	/tape/ = tapai	/pəye/ = hancur berkecai

Fonem /e/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna dalam pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/tʃəma/ = cemar	/balo/ = keluarga	/mano/ = apa-apa sahaja
/tʃəme/ = semai	/belo/ = puas hati	/meno/ = jagaan

Fonem /e/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/bano/ = bana	/pano/ = panau	/balo/ = ahli keluarga
/beno/ = jaga	/peno/ = piano	/belo/ = puas hati

/u/ dan /o/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/balu/ = balu	/kaju/ = kayu	/lua/ = luar

/balo/ = ahli keluarga	/kajo/ = kaya	/loa/ = seluar
------------------------	---------------	----------------

/o/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/mala/ = selalu	/kala/ = warna	/talo/ = tegur
/malo/ = matang	/kalo/ = kala jengking	/tolo/ = tuala

/i/ dan /a/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut;

(i)	(ii)	(iii)
/bigiʔ/ = biji	/tiyis/ = tiris	/idanɲ/ = hidangan
/bagiʔ/ = bahagi	/tayis/ = dengan pisau	/adanɲ/ = halang

/a/ dan /ɛ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut;

(i)	(ii)	(iii)
/payaʔ/ = para	/mayaʔ/ = warna yang terang	/lalak/ = minyak kelapa
/payɛʔ/ = pari	/mayɛʔ/ = kelmarin	/lalek/ = peduli

/a/ dan /ə/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/kaliʔ/ = gali	/pati/ = pati santan	/tʃayʔ/ = cari
/kəliʔ/ = keli	/pəti/ = peti	/tʃəyʔ/ = rasa sedikit

/i/ dan /ə/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/giliʔ/ = bergelek	/bilut/ = tidak adil	/timpaʔ/ = timpa
/gəliʔ/ = geli	/bəlut/ = belut (ikan)	/təmpaʔ/ = sadur

/ə/ dan /u/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/bəlat/ = jaring udang	/təbuʔ/ = cantas	/ləpaʔ/ = penat
/bulat/ = bulat	/tubuʔ/ = sambung	/lupaʔ/ = lupa

/ə/ dan /o/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/səlo/ = perlahan	/kədʒo/ = kerja	/kəlam/ = kelam
/solo/ = seorang	/kodʒo/ = niat	/kolam/ = kolam

/i/ dan /u/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/basiʔ/ = basi	/gayiʔ/ = nampak	/abi/ = kudis
/basuʔ/ = basuh	/gayuʔ/ = garu	/abu/ = abu

/i/ dan /ɛ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/iŋa/ = bising	/ayi/ = hari	/biso/ = bisa
/ɛŋa/ = hanger	/ayɛ/ = ratakan	/bɛso/ = biasa

/e/ dan /ə/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/telan/ = sakit kerongkong	/gelan/ = sejenis gula nipah	meno = menjaga
/tələn/ = telan	/gələn/ = gelang	məno = tempat

/o/ dan /ɔ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/katʃo/ = kaca	/siŋo/ = singa	/tʃayo/ = cara

/katʃə/ = ganggu	/siŋə/ = toleh	/tʃayə/ = perbincaraan
------------------	----------------	------------------------

/e/ dan /ɛ/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/kæde/ = kedai	/make/ = pakai	/sampe/ = sampai
/kædeɪ/ = tumit pecah	/makeɪ/ = tepat pada masanya	/sampeɪ/ = tega

4.5 Koartikulasi bunyi vokal

Asmah Haji Omar (2014)⁴⁰ menyatakan *co-articulation* (ko-artikulasi) merupakan gabungan serentak artikulasi primer (*primary articulation*) dengan artikulasi sekunder (*secondary articulation*). Artikulasi primer merupakan artikulasi vokal dan konsonan yang penuh manakala artikulasi sekunder merupakan artikulasi yang menyertai artikulasi primer seperti nasalisasi, aspirasi dan labialisasi. Berdasarkan kajian terhadap DMKb, pengkaji mendapati ciri koartikulasi bunyi vokal terdiri daripada nasalisasi, labialisasi dan palatalisasi seperti yang dihuraikan berikut. Koartikulasi disebut juga artikulasi sertain, atau artikulasi kedua adalah proses artikulasi lain yang menyertai terjadinya artikulasi utama (primer/ pertama). Koartikulasi ini terjadi kerana sewaktu artikulasi primer menghasilkan bunyi pertama, alat-alat artikulasi sudah mengambil tempat untuk penghasilan bunyi berikutnya.

⁴⁰ Definisi ini berdasarkan kuliah Fonetik Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar di Auditorium Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak pada 6/11/2014.

Akibatnya, bunyi pertama yang dihasilkan agak berubah mengikuti ciri-ciri bunyi kedua yang dihasilkan.

4.5.1 Nasalisasi vokal

Nasalisasi vokal dalam DMKb berlaku apabila vokal hadir selepas konsonan nasal yang boleh diformulakan seperti NV-. Nasalisasi berlaku apabila velum tidak menutup dengan baik laluan udara dari paru-paru ke rongga mulut yang menyebabkan udara tersebut dapat keluar menerusi kedua-dua rongga ini. Robins (1968: 98) menyatakan;

“All types of vowel sounds may be uttered with nasalization, that is with the soft palate lowered and with the air passing partly through the nasal cavity and nostril as well as through the mouth”.

Dalam BM dan bahasa sekeluarga termasuklah DMKb, bunyi utama ialah bunyi vokal. Konsonan nasal dalam BM terdiri daripada [m], [n], [ɲ], [ŋ] yang tidak mengalami nasalisasi. Hal ini bermakna, bunyi yang dinasalisasi merupakan bunyi bukan nasal (bunyi utama), iaitu bunyi vokal. Nasalisasi vokal berlaku dalam DMKb apabila fonem vokal hadir selepas bunyi nasal [m], [n], [ɲ], [ŋ]. Mana-mana vokal yang hadir selepas konsonan nasal akan mengalami nasalisasi dalam DMKb.

Dalam Dialek Melayu Kabong, nasalisasi vokal boleh berlaku dalam satu suku kata, dua suku kata, vokal rangkap dan dalam kata pinjaman. Kesemua vokal DMKb yang terdiri daripada /i/, /e/, /ɛ/, /a/, /ə/ /o/, /ɔ/, /u/ akan mengalami nasalisasi apabila

hadir selepas konsonan nasal. Vokal yang mengalami nasalisasi akan ditanda [ĩ].

Berikut merupakan contoh nasalisasi vokal dalam DMKb.

[ĩ]

[yamĩ] = ramai

[mĩntaʔ] = minta

[ŋĩndin] = makan di rumah orang

Dalam contoh di atas, vokal /i/ mengalami nasalisasi apabila hadir mengikuti fonem sengau /m/ dalam perkataan [yamĩn] dan [mĩntaʔ]. Dalam perkataan [ŋĩndin] vokal /i/ yang hadir selepas fonem nasal /ŋ/ juga mendapat nasalisasi. Nasalisasi vokal /i/ dalam dialek ini berlaku dalam suku kata pertama dan suku kata kedua.

[ẽ]

[ɲẽpaʔ] = menyepak

[mẽnõ] = mengurus/ menjaga

[mãñẽ] = jantan

Vokal /e/ mengalami nasalisasi dalam contoh perkataan di atas apabila vokal /e/ hadir mengikuti fonem nasal /n/ dalam perkataan [ɲẽpaʔ]. Konsonan nasal /m/ yang hadir mendahului vokal /e/ dalam perkataan /meno/ menyebabkan vokal /e/ mengalami nasalisasi. Dalam perkataan /mane/, vokal /e/ dalam suku kata terbuka turut mendapat nasalisasi daripada fonem /n/.

[ɛ̃]

[tʃemɛ̃] = mata sepet

[laŋɛ̃ʔ] = lebah

[baŋɛ̃ʔ] = hapak

[mɛ̃dah] = peduli

Contoh perkataan di atas merupakan proses nasalisasi vokal bagi fonem /ɛ/.

Vokal /ɛ/ mendapat nasalisasi daripada fonem nasal /n/, /m/, /ŋ/, /ɲ/. Kehadiran fonem nasal yang mendahului vokal /ɛ/ menyebabkan vokal tersebut mendapat ciri nasalisasi.

Contoh-contoh perkataan dalam DMKb ini menunjukkan nasalisasi vokal /ɛ/ boleh berlaku dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup yang lazimnya berlaku dalam suku kata kedua.

[ã]

[nãmpa] = menampar

[bənã] = benar

[baŋãʔ] = banyak

[ŋãŋãʔ] = nganga

Empat data daripada DMKb ini menunjukkan berlakunya nasalisasi vokal bagi fonem /a/ apabila hadir mengikuti fonem nasal /m/, /n/, /ŋ/, /ɲ/. Dalam perkataan

[nãmpa], vokal /a/ mendapat nasalisasi daripada fonem nasal /n/ yang hadir mendahului vokal /a/. Dalam suku kata terbuka [baŋãʔ] dan [bãnã], vokal /a/ mendapat nasalisasi apabila hadir selepas fonem nasal /ŋ/ dan /n/.

[ũ]

[tumũ] = awal pagi/dinihari

[mũŋdʒuʔ] = penuh/meruap

[ŋũla] = main-main

[baŋũn] = bangun

Vokal /u/ mengalami nasalisasi apabila hadir selepas fonem nasal /m/, /n/, /ŋ/, /ɲ/. Dalam perkataan [tumũ], vokal /u/ mengalami nasalisasi apabila hadir selepas fonem nasal /m/. Begitu juga dalam perkataan /muŋdʒuʔ/, nasalisasi berlaku apabila vokal /u/ hadir mengikuti nasal /m/. Dalam perkataan [ŋũla], nasalisasi disebarkan ke vokal /u/ apabila konsonan nasal /N/ mendahului vokal /u/. Hal yang sama berlaku kepada /u/ dalam perkataan [baŋũn].

[ã]

[ŋãmbaʔ] = membawa

[nãlan] = menelan

[mãlah] = membelah

[**ŋ**õbut] = menyebut

Nasalisasi vokal /**ə**/ hanya berlaku dalam suku kata pertama kerana vokal /**ə**/ hanya hadir di posisi awal dan tengah kata dalam DMKb. Vokal /**ə**/ mendapat nasalisasi apabila hadir selepas fonem nasal. Dalam contoh di atas, /**ə**/ mendapat nasalisasi dalam perkataan [**ŋ**õmbaʔ], [nõlan], [mõlah] dan [**ŋ**õbut] hasil daripada ciri nasal yang disebarkan oleh konsonan-konsonan nasal tersebut.

[õ]

[linõ] = semenjak

[mõdʒu^wa] = mujur

[tu**ŋ**õ] = hama

[li**ŋ**õʔ] = berminyak

Bagi nasalisasi vokal /**o**/, boleh berlaku sama ada dalam suku kata pertama ataupun dalam suku kata kedua apabila vokal /**o**/ hadir mengikuti konsonan nasal. Berdasarkan contoh di atas, nasalisasi vokal /**o**/ dalam perkataan [linõ], [tu**ŋ**õ] berlaku dalam suku kata terbuka dalam suku kata kedua manakala [mõdʒu^wa] dan [li**ŋ**õʔ] berlaku dalam suku kata tertutup dalam suku kata pertama dan suku kata kedua.

[õ]

[mõlah] = buat

[ləŋɔ̃]	=	tidak segar
[semɔ̃]	=	semua
[boŋɔ̃ʔ]	=	bodoh

Contoh perkataan DMKb di atas juga menunjukkan nasalisasi vokal /ɔ̃/ apabila hadir selepas konsonan nasal. Nasalisasi vokal /ɔ̃/ juga boleh berlaku dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup kerana vokal /ɔ̃/ boleh hadir di semua posisi kata. [ləŋɔ̃] dan [semɔ̃] merupakan contoh nasalisasi /ɔ̃/ dalam suku kata terbuka manakala [mɔ̃lah] dan [boŋɔ̃ʔ] berlaku dalam suku kata tertutup.

Berdasarkan contoh-contoh tersebut, didapati kelapan-lapan vokal dalam DMKb mengalami nasalisasi apabila hadir selepas konsonan nasal. Hanya vokal /ə/ tidak mengalami nasalisasi di akhir kata. Beban tugas nasalisasi vokal dalam DMKb ditunjukkan dalam Jadual 4.13 berikut.

Jadual 4.13: Beban tugas nasalisasi vokal DMKb

Vokal	Antara vokal	Akhir kata sebelum konsonan	Akhir
[ĩ]	[mĩnaʔ] = cuma	[aŋĩn] = angin	[buŋĩ] = bunyi
[ẽ]	[nẽmbaʔ] = menembak	[alem] = alim	[manẽ] = jantan
[ẽ]	[nẽlon] = nilon	[səmẽn] = simen	[tʃəmẽ] = semai

‘sambungan Jadual 4.1.3’

Vokal	Antara vokal	Akhir kata sebelum konsonan	Akhir
[ã]	[ɲã ^w ɣu] = guruh	[dɔŋã] = dengan	[bɛnã] = benar
[ũ]	[ŋũmãŋ] = pakai	[əntimũn] = timun	[təmũ] = jumpa
[ɔ̃]	[mɔ̃lah] = membelah	-	-
[õ]	[mõmõ] = semua	[səmõn] = masuk angin	[linõ] = semenjak
[ɔ̃]	[nɔ̃mbu ^w a] = nombor	[lipɔ̃ʔ] = berminyak	[semɔ̃] = semua

4.5.2 Labialisasi

Labialisasi atau pelabialan juga merupakan koartikulasi bunyi yang menyebabkan artikulasi primer sesuatu bunyi konsonan itu dipengaruhi oleh artikulasi sekunder yang melibatkan pembundaran bibir. Modifikasi sekunder yang berlaku dalam kata itu melibatkan penindanan fitur tertentu daripada segmen vokal ke atas segmen vokal yang bersebelahan. Dalam DMKb, bunyi-bunyi vokal mendapat ciri labialisasi apabila vokal bukan labial mengikuti vokal labial seperti [u], [o] dan [ɔ] yang mempunyai segmen labial dipindahkan ke segmen vokal yang bukan labial seperti [a], [e] dan [i]. Maka bunyi [a] disertai dengan proses pembundaran bibir, sehingga bunyi [a] terdengar sebagai bunyi [^wa]. Jadual 4.14 berikut merupakan koartikulasi bunyi labialisasi dalam DMKb yang berlaku di posisi tengah dan akhir kata.

Jadual 4.14: Labialisasi [ua], [au], [ui] dan [ue]

	Tengah	Akhir
[^w a]	[bu ^w ah] = buah [y ^ə ku ^w aŋ] = tekak [m ^ə ^w nu ^w aŋ] = sedang [soku ^w aŋ] = sokong	[bu ^w a] = membazir [iku ^w a] = ekor [kabu ^w a] = kabur [tidu ^w a] = tidur
[^w i]	[^w du ^w it] = duit [^w su ^w it] = suit [ku ^w is] = kuis	-
[^w e]	[^w ku ^w eh] = kuih [bu ^w eh] = buih [pu ^w eŋ] = kosong	-

4.5.3 Palatalisasi

Palatalisasi ialah proses menaikkan belakang lidah hingga mendekati palatal sewaktu atau sesudah mengucapkan bunyi sehingga terdengar bunyi [ʃ]. Palatalisasi atau pempalatalan merupakan proses yang menyebabkan artikulasi utama sesuatu bunyi konsonan itu dipengaruhi oleh artikulasi skunder yang melibatkan penaikan bahagian depan lidah ke arah palatal atau langit keras. Dalam DMKb, beberapa vokal mengalami unsur palatalisasi apabila vokal-vokal ini mengikuti bunyi vokal [i] dan [e]. Selain bunyi palatal, bunyi lainnya dapat dipalatalisasikan, misalnya fonem vokal [u], [o], [ɔ] dan [a]. Walaupun vokal ini bukanlah vokal yang dihasilkan dengan artikulasi palatal, namun apabila membunyikan urutan vokal ini, maka lidah menghampiri palatal

semasa membunyikan vokal-vokal ini sebagaimana menghasilkan konsonan /j/. Jadual 4.15 berikut memaparkan contoh palatalisasi vokal dalam DMKB.

Jadual 4.15: Palatalisasi vokal dalam DMKB

	Tengah	Akhir
[^j u]	[ti ^j up] = tiup [li ^j ut] = liut [pi ^j us] = fius	-
[^j a]	[pə ^j ɪ ^j aʔ] = peria [ti ^j aʔ] = ketiak [di ^j am] = tinggal [mi ^j aŋ] = gatal	[pa ^j si ^j a] = pasir [kɛ ^j ti ^j a] = cerek [il ^j i ^j a] = hilir [si ^j a] = sapu
[^j o]	[si ^j oj] = siul	[si ^j o] = situ [pi ^j o] = begitu [^j ɪ ^j o] = dahulu
[^j e]	[lide ^j ah] = lidah [pule ^j aŋ] = pulang [tije ^j aŋ] = tiang [daye ^j ah] = darah	-

4.6 Bunyi Diftong

Menurut Asmah Haji Omar & Rosline Sandai (2012), diftong berlaku apabila vokal penuh diikuti oleh geluncuran. Ini bermakna, diftong merupakan geluncuran dua bunyi vokal, iaitu dari satu bunyi vokal yang pertama menggeluncur ke bunyi vokal yang kedua tanpa hiatus. Dalam diftong, bunyi vokal pertama lebih lantang berbanding dengan bunyi vokal yang kedua yang mempunyai satu puncak kelantangan. DMK yang

dikaji oleh Madzhi Johari (1989: 19) mempunyai satu diftong turun, iaitu [oi] manakala diftong [a] dan [au] tidak produktif dalam DMK.

Analisis terhadap DMKb mendapati diftong yang ada dalam dialek ini hanya terdiri daripada satu diftong turun. Diftong turun mempunyai lebih kenyaringan, kepanjangan dan tekanannya pada vokal pertama daripada vokal kedua, manakala diftong naik adalah sebaliknya yakni vokal keduanya lebih nyaring dan lebih panjang daripada vokal pertama. Berikut merupakan huraian bagi diftong turun yang terdapat dalam DMKb.

4.6.1 Diftong turun [oj]

Diftong turun yang terdapat dalam DMKb menunjukkan persamaan dengan diftong yang terdapat dalam DMK seperti yang telah dijelaskan dalam kajian Asmah Haji Omar (2008b) dan Madzhi Johari (1989). DMKb hanya mempunyai satu diftong turun, iaitu [oj] manakala bunyi diftong [aw] dan [aj] telah mengalami pemonoftongan menjadi [o] dan [e]. Jadual 4.16 berikut menunjukkan diftong [oj] dalam DMKb.

Jadual 4.16: Diftong [oj] dalam DMKb


BMS (ejaan)	DMKb (transkripsi fonetik)
bodoh	[paloj]
kaswi	[kosoj]
ramah	[yamoj]
sejenis kuih	[tʃakoj]

Dalam kajian Madzhi Johari (1989: 20), DMK dikatakan mempunyai satu diftong turun iaitu, diftong [oj]. Dapatan ini sejajar dengan dapatan Asmah Haji Omar (2008a: 217) yang mendapati hanya terdapat satu diftong [oj] dalam DMK. Menurut beliau, diftong [aw] dan [aj] yang terdapat dalam BMS mempunyai kesejajaran dengan [o] dan [e] dalam DMK. Hal ini bermakna diftong-diftong tersebut telah mengalami pemonoftongan dalam DMK. Misalnya, bagi perkataan-perkataan berikut:


BMS (ejaan)	DMK (transkripsi fonetik)
pulau	[pulo]
dangau	[daŋo]
punai	[pune]
pandai	[pande]

4.6.2 Pemonoftongan

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam bahagian terdahulu, diftong [aw] dan [aj] dalam BMS telah mengalami pemonoftongan dalam DMK. Pemonoftongan bermaksud perubahan diftong menjadi satu vokal seperti rumus ini, $V(w, j) \rightarrow V$ (Asmah Haji Omar, 1995: 37). Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, diftong [aw] dan [oj] juga telah mengalami pemonoftongan dalam dialek ini. Pemonoftongan dalam DMKb berlaku dengan peleburan unsur-unsur diftong berkenaan. Dalam perkataan lain, ciri-ciri distingtif pada unsur-unsur itu lebur dan menghasilkan vokal baru. Berdasarkan rumus tersebut, unsur-unsur dalam [aj] lebur menghasilkan [e] dan unsur-unsur [aw] lebur menghasilkan [o]. Penghasilan [e] dari [aj] adalah seperti berikut:



Monoftong yang dihasilkan seperti yang ditunjukkan dalam struktur tersebut mempunyai tiga ciri yang sama dengan [a], iaitu +vokalik, +rendah dan -bundar dan dua ciri yang sama dengan [j], yakni +dorsal dan -bundar. Penghasilan [o] dari [aw] pula adalah seperti berikut:



Berdasarkan struktur tersebut, monoftong yang dihasilkan itu juga mempunyai tiga ciri distingtif yang sama dengan [a], dan dua ciri yang sama dengan [w]. Daripada kedua-dua struktur pemonoftongan tersebut, dapat dirumuskan bahawa terdapat lebih banyak persamaan dari segi ciri distingtif dengan unsur pertama, iaitu vokal daripada unsur geluncuran. Hal ini demikian kerana monoftong yang dihasilkan merupakan vokal penuh. Perhatikan contoh-contoh perkataan dalam DMKb yang mengalami monoftongisasi [aj] kepada [e] dan [aw] menjadi [o] seperti dalam Jadual 4.17 berikut:

Jadual 4.17: Monoftong dalam DMKb

BMS	DMKb
aj → e	
kedai	[kəde]
lambai	[lambe]
sungai	[suŋe]
tupai	[tupe]

aw → o	
BMS	DMKb
bakau	[bako]
kacau	[katʃo]
panau	[pano]
pulau	[pulo]
silau	[silo]

Hal yang sama turut berlaku dalam DMSbs seperti yang dijelaskan dalam kajian Rahani Hosin (2007: 75). Kajian Rahani mendapati dalam varian Melayu Saribas, diftong [aj] di akhir kata mengalami proses monoftongisasi kepada [e] manakala diftong [aw] menjadi [ɔ]. Walau bagaimanapun, monoftongisasi tidak menyeluruh, misalnya bagi perkataan [ramai] disebut [ɣami]⁴¹ kerana perkataan-perkataan lain yang diakhiri [aj] akan menjadi [e]. Pemonoftongan ini dilihat sejajar berlaku dalam tiga dialek

⁴¹ Dalam kajian ini, Rahani Hosin (2007: 76) mengatakan bahawa kemungkinan perkataan [ɣami] adalah kata pinjaman. Sepanjang pengetahuan penulis pula, kebanyakan dialek Melayu di Sarawak menggunakan perkataan [ɣami] bagi kata [ramai] dan tidak mungkin kata ini adalah pinjaman. Kemungkinan juga, kata [ɣami] tidak disebut [ɣame] untuk mengelakkan wujudnya persamaan dengan perkataan jerami padi dalam DMS. Perkara yang sama berlaku untuk kata [canai] 'roti canai' dan [mancai] 'nakal' dalam DMKb yang tidak disebut *[tʃane] dan *[mantʃe].

Melayu utama di Sarawak, iaitu DMK, DMKb dan DMSbs seperti contoh dalam Jadual 4.18 berikut:

Jadual 4.18: Pemonoftongan dalam DMK, DMKb dan DMSbs

DMK	DMKb	DMSbs	BMS
/daŋo/	/daŋo/	/daŋo/	dangau
/laŋo/	/laŋo/	/laŋo/	langau
/pulo/	/pulo/	/pulo/	pulau
/silo/	/silo/	/silo/	silau

4.6.3 Pendiftongan

Pendiftongan berlaku apabila salah satu geluncuran, *w* atau *j* ditambahkan kepada vokal. Penambahan ini boleh berlaku sebagai menggantikan sesuatu yang hilang, atau juga tidak disebabkan oleh sebarang penghilangan (Asmah Haji Omar, 1995: 36). Pendiftongan jenis ini tidak berlaku dalam DMKb, tetapi berlaku dua rumus perubahan dan dalam hal ini atur rumus harus dilaksanakan. Rumus pertama ialah pengguguran *-l* di akhir dan digantikan dengan *j*, dengan syarat konsonan *-l* didahului oleh *a*, *o* atau *u*. Rumus kedua pula, vokal di suku kata akhir terbuka digeluncurkan membentuk [aj] atau [oj]. Rumus penguguran *-l* ditunjukkan seperti di bawah dan outputnya dipaparkan dalam dalam Jadual 4.19.

$$l \longrightarrow y / - \begin{pmatrix} a \\ o \\ u \end{pmatrix} \#$$

Jadual 4.19: Pendiftongan dalam DMKb

$l \longrightarrow j / a\#$	
BMS	DMKb
akal	[akaj]
bantal	[bantaj]
bengal	[bəŋãj]
BMS	DMKb
$l \longrightarrow j / o\#$	
botol	[bətɔj]
dodol	[dɔdɔj]
dongol	[dɔŋɔj]
BMS	DMKb
$l \longrightarrow j / u\#$	
betul	[bətɔj]
jambul	[dʒamboj]
tukul	[tukoɟ]

Selain perubahan fonologi yang telah dibincangkan, satu lagi ciri khusus dalam DMKb ialah berlakunya perubahan vokal belakang tinggi /u/ kepada vokal belakang rendah /o/ dan perubahan /l/ ~ /j/ menjadi bunyi diftong [ɔj] bagi kata yang diakhiri konsonan /l/ dalam BMS dan DMK. Dapatan ini berbeza dengan dapatan yang dilakukan oleh Chong Shin (2015: 71) yang mengatakan bahawa bunyi /-l/ sepadan dengan /j/ bagi data /caŋkul/ ~ /caŋkuj/ dan /bakul/ ~ /bakuj/⁴². Berdasarkan penelitian

⁴² Lihat tulisan Chong Shin hal. 71-73, Dialek Melayu di Lembah Sungai Krian: Variasi Melayu Saribas atau Rejang?

pengkaji, dalam suku kata tertutup yang diakhiri konsonan /l/, vokal tinggi /u/ mengalami perendahan kepada vokal /o/ yang menyebabkan perubahan /ul/ ~ /oj/.

4.7 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam Bab 4 ini, dapat dikatakan bahawa sistem vokal DMKb mempunyai persamaan dan perbezaan dengan DMK yang telah dikaji oleh Madzhi Johari (1989). Namun demikian, terdapat perbezaan dari segi bilangan fonem vokal, iaitu DMKb mempunyai lapan fonem manakala DMK hanya enam fonem vokal. Perbezaan dari segi jumlah fonem ini telah dibuktikan menerusi pasangan terkecil setiap fonem dan distribusi fonem. DMKb juga memperlihatkan fonem /ɛ/ dan /ɔ/ merupakan fonem yang tersendiri dan bukannya variasi daripada fonem /e/ dan /o/ seperti yang terdapat dalam DMK dan BMS. Selain itu, terdapat perbezaan diftong yang terdapat dalam DMKb berbanding diftong yang terdapat dalam BMS. Hanya terdapat satu diftong turun [oj] dan satu diftong naik [io] dalam DMKb, manakala diftong [aj] menjadi [e] dan [aw] menjadi [o] kerana mengalami monoftongisasi dalam dialek ini.

BAB 5: SISTEM KONSONAN DIALEK MELAYU KABONG

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan sistem konsonan dalam DMKb secara deskriptif dan dianalisis secara fonemik. Antara sistem konsonan yang dinalisis termasuklah mengenal pasti bunyi-bunyi konsonan, menentukan fonem konsonan DMKb, alofon dan distribusi fonem konsonan menerusi saling melengkapi (*complementary distribution*), saling menysisihkan (*mutually exclusive*) dan pasangan minimal (*minimal pairs*). Ciri ko-artikulasi bunyi konsonan juga akan dihuraikan yang melibatkan proses nasalisasi konsonan, palatalisasi, labialisasi dan aspirasi.

5.2 Bunyi-bunyi Konsonan

Terdapat 19 bunyi konsonan dalam DMKb yang dibezakan berdasarkan alat artikulasi yang terlibat dan cara bunyi tersebut dikeluarkan sebagaimana yang ditegaskan dalam Robins (1968), “...*the two most important are the place of articulation and the manner of articulation*”. Bunyi-bunyi konsonan itu dapat dibezakan jenisnya dengan perbezaan bentuk arus udara yang terlibat dalam proses penghasilannya. Bunyi-bunyi yang sama daerah artikulasinya boleh berbeza jenisnya jika bentuk arus udara yang terlibat adalah berbeza.

5.2.1 Huraian bunyi konsonan

Bunyi-bunyi konsonan harus dibezakan berdasarkan artikulator (*articulator*) dan beberapa titik artikulasi (*points of articulation*) yang terlibat. Artikulator merupakan alat pertuturan yang bergerak seperti lidah, dan bibir bawah manakala titik artikulasi merupakan bahagian atas rongga mulut yang tidak bergerak (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Apabila berlakunya sentuhan artikulator pada titik artikulasi, maka terhasil bunyi-bunyi tertentu. Penghasilan bunyi-bunyi konsonan bergantung kepada tiga faktor yang utama, iaitu daerah artikulasi yang terlibat, cara pengeluaran dan penyuaran yang terlibat. Daripada ketiga-tiga faktor ini, maka akan dapat dikenal pasti bunyi-bunyi konsonan dalam sesuatu bahasa atau dialek.

Pendeskripsian bunyi konsonan juga boleh dibezakan berdasarkan mekanisme udara. Berdasarkan Asmah Haji Omar & Rosline Sandai (2012), penghasilan bunyi konsonan menerusi mekanisme udara akan mengalami dua proses berikut:

- i) Pertemuan artikulator dan titik artikulasi, iaitu striktur atau sekatan
- ii) Pergerakan udara yang tersekat pada kawasan (i) sebelum udara itu dilepaskan keluar melalui rongga mulut atau rongga hidung.

Untuk mendeskripsikan bunyi-bunyi konsonan dalam DMKb, huraian adalah berdasarkan mekanisme udara sama ada bunyi plosif (letupan), hentian glotis (*glottal stop*), afrikat (letusan), frikatif (geseran), lateral (sisian) nasal (sengau) dan separuh vokal. Berikut merupakan huraian sistem bunyi konsonan dalam DMKb.

5.2.1.1 Plosif atau letupan

Terdapat tujuh bunyi plosif dalam DMKb yang terdiri daripada bunyi [p, b, t, d, k, g, ?]. Bunyi plosif atau letupan ialah bunyi yang tersekat sepenuhnya kemudian dilepaskan dengan serta-merta untuk menghasilkan bunyi-bunyi tadi. Konsonan-konsonan yang terangkum dalam jenis ini ialah konsonan labial, dental dan, alveolar dan velar. Udara yang tersekat itu seolah-olah dipaksa keluar dengan bunyi yang seakan-akan meletup (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Udara yang tersekat semasa menghasilkan bunyi-bunyi plosif berlaku ditempat-tempat yang berbeza seperti berikut;

- (i) Konsonan plosif bibir: p (tak bersuara), b (bersuara)
- (ii) Konsonan plosif dental/alveolar (gigi-gusi): t (tak bersuara), d (bersuara)
- (iii) Konsonan plosif velar: k (tak bersuara), g (bersuara)

5.2.1.2 Hentian glotis

Glottis ialah ruang yang terdapat antara pita-pita suara yang boleh dirapat dan diregangkan. Keadaan glottis membezakan bunyi sesuatu konsonan sama ada bersuara atau tak bersuara. Hentian glottis dihasilkan dengan merapatkan kedua-dua belah pita suara dan kemudian melepaskan kedua-duanya dengan tekanan nafas (Bloomfield, 1964). Glottis yang tertutup sepenuhnya menunjukkan bahawa kedua-dua pita suara menutup laluan udara dengan rapat sehingga udara tidak dapat menembusnya dengan tempoh yang sementara. Apabila udara telah menembusi penutupan glottis, maka bunyi yang dihasilkan ialah hentian glottis [?].

5.2.1.3 Nasal atau sengau

Bunyi nasal atau sengau berlaku apabila aliran udara dalam rongga mulut tersekat lalu keluar melalui rongga hidung. Terdapat empat bunyi sengau dalam DMKb yang terdiri daripada [m], [n], [ɲ], [ŋ]. Kesemua bunyi sengau merupakan bunyi bersuara kerana berlakunya penggetaran pita suara. Bunyi nasal juga boleh dibezakan berdasarkan alat artikulasi yang terlibat, iaitu;

- (i) Konsonan nasal bilabial : m
- (ii) Konsonan nasal dental/alveolar: n
- (iii) Konsonan nasal velar: ŋ
- (iv) Konsonan nasal palatal: ɲ

5.2.1.4 Afrikat atau letusan

Konsonan letusan ini berlaku apabila terdapat ruang yang amat sedikit antara alveolar dan palatal yang menyebabkan laluan udara berdesis. Oleh sebab itu, konsonan ini juga dinamakan konsonan afrikat alveo-palatal (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Hanya terdapat dua konsonan letusan dalam DMKb, iaitu [tʃ] tak bersuara dan [dʒ] bersuara.

5.2.1.5 Frikatif atau geseran

Hanya terdapat tiga bunyi frikatif dalam DMKb, iaitu [s], [h] dan [ɣ] berbanding dengan sembilan konsonan ini dalam BMS. Geseran gusi [s] berlaku apabila hujung lidah dirapatkan ke arah sempadan gusi langit keras yang menyekat aliran udara dan menyebabkan udara bergeser. Bunyi [s] ialah bunyi geseran tak bersuara manakala bunyi [ɣ] merupakan geseran langit lembut bersuara. Bunyi [ɣ] berlaku apabila belakang lidah diangkat rapat ke langit lembut dan udara terdesak keluar melalui rongga mulut dan udara bergeser. Bunyi [h] merupakan bunyi konsonan geseran glotis tak bersuara yang berlaku apabila berlaku geseran di pita suara. Sewaktu bunyi [h] diujarkan, glotis hanya terbuka sementara dan mekanisme udara berlaku pada glotis. Oleh hal yang demikian, bunyi [h] juga disebut sebagai bunyi aspirat atau bunyi frikatif glotis tak bersuara (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 22).

5.2.1.6 Lateral atau sisian

Bunyi lateral atau sisian berlaku apabila sekatan udara di tengah lidah yang menyebabkan udara keluar di kiri dan kanan lidah. Dalam BMS dan DMKb hanya terdapat satu konsonan lateral atau sisian, iaitu [l] yang merupakan bunyi bersuara.

5.2.1.7 Separuh vokal

Dalam BMS dan DMKb, hanya terdapat dua bunyi konsonan yang tergolong dalam separuh vokal, iaitu konsonan [w] dan [j]. Separuh vokal tidak termasuk dalam bunyi vokal kerana semasa dilafazkan, terdapat sedikit sekatan kepada aliran udara

sedangkan bunyi vokal merupakan bunyi yang tanpa sekatan. Konsonan [w] merupakan separuh vokal dua bibir manakala [j] merupakan separuh vokal langit keras.

Berdasarkan penerangan tentang bunyi konsonan dalam DMKb tersebut, jelas menunjukkan bahawa DMKb mempunyai 19 bunyi konsonan dan tidak mempunyai konsonan [r], [f] dan [z] sebagaimana yang terdapat dalam BMS. Hal ini demikian kerana bunyi konsonan [r] (getaran) dalam BMS telah didukung oleh bunyi frikatif geseran langit lembut bersuara [ɣ] dalam DMKb manakala tidak terdapat bunyi [f] dan [z] dalam DMKb. Hal ini demikian kerana bunyi [f] dan [z] yang terdapat dalam DMKb merupakan kata-kata pinjaman daripada BMS. Asalnya, kata-kata yang mengandungi konsonan [f] dibunyikan dengan bunyi [p] dan konsonan [z] dibunyikan dengan bunyi konsonan [dʒ] dalam DMKb. Misalnya dalam perkataan-perkataan /fikir/ ~ /pikia/, /feri/ ~ /peyi/, /zikir/ ~ /dʒikia/, /zakat/ ~ /dʒəkət/ dan /zat/ ~ /dʒat/.

5.3 Fonem konsonan DMKb

Berdasarkan pengelasan konsonan menurut mekanisme udaranya dalam Bahagian 5.3, maka dalam DMKb fonem konsonan dapat ditentukan berdasarkan keluarga bunyi yang tergolong sebagai konsonan bersama dengan variasi-variasinya, sama ada alofon lingkungan atau variasi bebas (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Robins (1968) menjelaskan “...sounds are groups into a single class or phoneme if they can be shown to be a phonetically similar (containing some sort of articulatory feature in common) and in complementary distribution”. Berdasarkan penggolongan

tersebut, DMKb mempunyai 19 fonem konsonan seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 5.1 berikut.

Jadual 5.1: Fonem konsonan Dialek Melayu Kabong

Artikulasi	Bilabial		Alveolar		Palatal		Velar		Glotal	
	-	+	-	+	-	+	-	+	-	+
Plosif	p	b	t	d			k	g	ʔ	
Frikatif			s				ɣ	h		
Afrikat					tʃ	dʒ				
Nasal		m		n		ɲ		ŋ		
Lateral				l						
Separuh Vokal	w					j				

- Tak bersuara

+ bersuara

Jadual 5.1 menunjukkan terdapatnya 19 fonem konsonan DMKb mengikut daerah artikulasi dan alat artikulasi, sama ada konsonan bersuara (+) dan tidak bersuara (-). Kualiti konsonan DMKb adalah berbeza bergantung kepada vokal yang mengikutinya sama ada vokal depan ataupun vokal belakang. Dapat dikesan sama ada sesuatu fonem konsonan itu mempunyai beberapa alofon bergantung kepada fungsi dalam perkataan yang disertainya. Alofon (*allophone*) ialah dua atau tiga bunyi yang sama-sama wujud menjadi satu anggota kepada satu fonem yang sama tetapi masing-masing mempunyai kedudukan yang tersendiri (Asmah Haji Omar, 2014)⁴³. Misalnya plosif /p/ mempunyai empat alofon, iaitu [p], bunyi yang diletupkan (eksplosif) sebelum

⁴³ Definisi ini berdasarkan kuliah fonetik yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar di Dewan Syarahan, Pusat Islam, UNIMAS pada 7 Disember 2014.

kesenyapan, [p^h] yang mengalami aspirasi, dan [p̚] yang udaranya tertahan (implosif). Berdasarkan penjelasan ini, [p], [p̚], [w̥p] dan [p^h] merupakan alofon kepada fonem /p/.

Saling melengkapi (*complementary distribution*) merupakan lingkungan yang diisi oleh satu anggota kepada satu fonem yang tidak boleh diisi oleh anggota lain dari fonem yang sama dalam perkataan. Misalnya, dalam DMKb fonem /p/ mempunyai beberapa alofon yang terdapat dalam perkataan [pakuʔ], [lɔmp^hah] dan [tutup̚] yang mempunyai bunyi-bunyi yang berlainan antara satu sama lain. Ketiga-tiga alofon ini adalah saling melengkapi dan saling menysisihkan kerana masing-masing mengisi tempat atau kedudukan yang tertentu dalam perkataan DMKb; [p] hanya berlaku pada awal kata, yakni bunyi [p] yang diletupkan (eksplosif); [p^h] berlaku apabila rangkap nasal-oral [mp] diikuti vokal [a], [i], [ɛ] dan [p̚] yang udaranya tertahan (implosif) hanya berada di posisi akhir kata.

Dalam kajian ini, kurungan [] untuk alofon dan transkripsi sempit manakala kurungan / / digunakan untuk fonem dan transkripsi luas. Robins (1968) menyatakan “*members of phoneme are often called phones or allophones, and it is common practice to write phone symbols between square brackets and phoneme symbols or the symbols of a broad transcription between oblique brackets*”. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 4, fonem merupakan unit terkecil yang membawa perbezaan makna dan jumlah fonem dalam sesuatu bahasa dan dialek adalah berbeza sebagaimana yang ditegaskan oleh Robins (1968);

“...the numbers of phoneme in any language differ both from one language to another language and according to the way in which the linguist analyses his material, but upper and lower limits of around fifty and fifteen have been calculated, the most frequent count being around thirty”.

5.3.1 Huraian fonem konsonan plosif

DMKb mempunyai tujuh fonem konsonan plosif, iaitu /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, dan /ʔ/. Daripada jumlah tersebut, empat yang tak bersuara yang terdiri daripada /p, t, k, ʔ/ dan tiga bunyi plosif bersuara /b, d, g/. Jadual 5.1 menunjukkan kedudukan fonem DMKb yang tak bersuara (-) dan yang bersuara (+). Berikut merupakan deskripsi fonem konsonan plosif berdasarkan artikulasi dan titik artikulasi penyebutannya. Penerangan ini juga menunjukkan distribusi setiap fonem konsonan sama ada mempunyai beban tugas yang penuh atau sebaliknya. Distribusi konsonan dapat melihat beban tugas yang dibawa oleh setiap fonem konsonan dari kehadirannya dalam sesuatu perkataan sama ada boleh hadir pada awal kata, antara vokal, akhir kata dan berdampingan dengan konsonan yang lain (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012).

5.3.1.1 Plosif bilabial tak bersuara /p/

Berdasarkan kajian terhadap data dalam DMKb, didapati fonem /p/ mempunyai empat alofon, iaitu [p], [ʰp], [ʷp] dan [p̚]. Setiap alofon ini mempunyai kedudukan masing-masing, yakni saling melengkapi. [p] tidak akan mengisi posisi [p̚] kerana [p̚] hanya berada di posisi akhir kata dan udaranya adalah tertahan. Fonem /p/ juga hadir dalam bentuk rangkap konsonan nasal-oral /mp/ yang homorgan. Berikut merupakan distribusi fonem /p/.

Jadual 5.2: Distribusi /p/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[pakuʔ]	/pakuʔ/	<paku>	paku
	[^w pusaʔ]	/pusaʔ/	<pusak>	kucing
	[pise ^j aŋ]	/piseaŋ/	<pisang>	pisang
Antara vokal	[kap ^h ai]	/kapai/	<kapai>	kapal
	[tupɛ]	/tupɛ/	<tupe>	tupai
	[ʔapo]	/apo/	<apo>	apa
	[pap ^h an]	/papan/	<papan>	papan
Akhir kata	[lap ^ʔ]	/lap/	<lap>	lap
	[isap ^ʔ]	/isap/	<isap>	hisap
	[katʃip ^ʔ]	/katʃip/	<kacip>	kacip
Berdampingan dengan konsonan lain	[mp ^h aŋɔ]	/mpaŋɔ/	<mpango>	empangau
	[mpɔŋaʔ]	/mpɔŋaʔ/	<mpongak>	sejenis anak ikan
	[tump ^h iʔ]	/tumpiʔ/	<tumpik>	lempeng sagu
	[tump ^h e ^j ah]	/tumpah/	<tumpah>	tumpah

Berdasarkan contoh perkataan dalam DMKb tersebut, didapati fonem /p/ mempunyai beban tugas yang lengkap kerana boleh hadir di semua posisi kata. Setiap alofon mengisi kedudukan masing-masing yakni saling menyisihkan. [p] yang diletupkan (eksplosif) apabila hadir di awal perkataan manakala [p^h] yang mendapat bunyi aspirasi apabila /p/ hadir dalam rangkap konsonan /mp/ dan mengikuti vokal [a], [i] [e], [ə] dan [ɛ] yakni /mp/ terletak di posisi awal dan tengah kata. /p/ di akhir kata tidak diletupkan ataupun udara tertahan (implosif) yang ditandai simbol [p^ʔ]. Dalam

rangkap konsonan nasal-oral /mp/ pula hanya wujud di tengah kata dan awal kata.

Rangkap konsonan /mp/ tidak berlaku pada akhir kata.

5.3.1.2 Plosif bilabial bersuara /b/

Hanya terdapat dua alofon bagi fonem /b/, iaitu [b] dan [b^h]. Dalam BMS, /b/ mempunyai distribusi yang lengkap manakala dalam DMKb, distribusinya hanya berada dalam lingkungan awal dan tengah kata. Selain itu, fonem /b/ dapat bergabung dengan /m/ untuk menghasilkan rangkap homorgan nasal-oral /mb/. Jadual 5.3 berikut menunjukkan distribusi fonem /b/.

Jadual 5.3: Distribusi /b/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[bakoi]	/bakoi/	<bakoi>	bakul
	[bojaʔ]	/bojaʔ/	<bojak>	buaya
	[bisaʔ]	/bisaʔ/	<bisak>	koyak
Antara vokal	[ab ^h eaŋ]	/abeaŋ/	<abeang>	abang
	[kəb ^h on]	/kəbon/	<kebon>	kebun
	[lub ^h e ^j aŋ]	/lubeaŋ/	<lubeang>	lubang
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	[amb ^h iʔ]	/ambiʔ/	<ambik>	ambil
	[mb ^h asuʔ]	/mbasuʔ/	<mbasuk>	membasuh
	[lamb ^h u ^w oŋ]	/lambuon/	<lambuong>	lambung

Berdasarkan distribusi fonem /b/ tersebut, didapati fonem /b/ tidak hadir pada akhir kata yang menjadikan beban tugas fonem /b/ tidak penuh. Dalam DMKb, fonem /b/ hanya menempati posisi awal dan antara vokal. Hal ini juga selari dengan kehadiran fonem /b/ di posisi akhir kata dalam BMS yang amat terbatas seperti dalam perkataan [səbab], [kəbab] dan [adab]. Alofon [b] yang eksplosif terdapat pada awal kata yang boleh diikuti oleh semua vokal. Selain itu, fonem /b/ boleh hadir bersama konsonan /m/ membentuk rangkap konsonan /mb/ yang dikenali sebagai rangkap homorgan nasal-oral juga boleh hadir di awal kata dan tengah kata.

5.3.1.3 Plosif alveolar tak bersuara /t/

Terdapat empat alofon bagi fonem /t/, iaitu [t], [^wt], [t^h] dan [t^ʰ]. Semua alofon ini mempunyai kedudukan masing-masing dalam kata, iaitu saling melengkap di mana ada [t] maka di posisi itu tidak akan ada [t^ʰ], [t^h] dan [^wt]. Apabila /t/ hadir di awal kata, maka alofon yang terhasil ialah [t] yang eksplosif kerana udara dilepaskan sewaktu mengujarkan perkataan tersebut. [t] eksplosif boleh diikuti oleh semua vokal kecuali vokal bibir [u], [o], [ɔ] kerana apabila diikuti vokal ini, maka alofon [^wt] terbentuk kerana mendapat ciri labialisasi. Apabila hadir di posisi akhir kata, maka [t^ʰ] implosif akan terhasil kerana udara tidak diletupkan dan tertahan.

Sama seperti fonem /p/ dan /b/, fonem /t/ juga boleh hadir bersama konsonan lain membentuk konsonan rangkap homorgan nasal-oral /nt/. Apabila hadir dalam bentuk konsonan rangkap /nt/ dan diikuti oleh vokal [a], [e] dan [ɛ], maka rangkap /nt/

mendapat bunyi aspirasi [nt^h]. Fonem /t/ boleh menempati ke semua posisi kata dalam DMKb yang menunjukkan bahawa fonem ini mempunyai beban tugas yang penuh. Jadual 5.4 berikut memaparkan distribusi fonem /t/ dalam DMKb.

Jadual 5.4: Distribusi /t/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[tətak]	/tətak/	<tetak>	potong
	[tayit ^ʔ]	/tayit/	<tarik>	tarik
	[tadzam]	/tadzam/	<tajam>	tajam
Antara vokal	[ba ^w tu]	/batu/	<batu>	batu
	[ka ^w to]	/kato/	<kato>	kata
	[kat ^h ɛʔaʔ]	/kateaʔ/	<katak>	katak
Akhir kata	[laŋsat ^ʔ]	/laŋsat/	<langsap>	langsap
	[bəyat ^ʔ]	/bəyat/	<berat>	berat
	[itit ^ʔ]	/itit/	<itik>	itik
Berdampingan dengan konsonan lain	[bant ^h ɛ]	/bante/	<bante>	belasah
	[bint ^h ɛʔaŋ]	/binteang/	<binteang>	bintang
	[lan ^w toh]	/lantoh/	<lantoh>	hanyir

5.3.1.4 Plosif alveolar bersuara /d/

Alofon fonem /d/ terdiri daripada tiga, iaitu [d], [w^d] dan [d^h]. Distribusi fonem /d/ tidak menyeluruh kerana tidak boleh hadir pada posisi akhir kata. Hal ini bermaksud, fonem /d/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh. Dalam BMS, terdapat perkataan yang diakhir fonem /d/, misalnya dalam perkataan /had/, /maksud/ dan /hasad/. Bentuk-

bentuk ini merupakan bentuk tulisan sedangkan dalam sebutan, adalah berupa [hat], [maʔsut] dan [hasat]. Dalam DMKb pula, perkara yang sama berlaku kerana juga disebut [hat], [mãʔ^wsut] dan [ʔasat].

Fonem /d/ yang berada di posisi awal kata akan diletupkan, yakni udara dilepaskan sementara [^wd] mendapat ciri labialisasi apabila /d/ hadir sebelum dan selepas vokal bundar [u], [o], [ɔ]. Alofon [d^h] boleh berada di awal dan tengah kata apabila hadir bersama vokal tak bundar. Fonem /d/ juga dapat berdamping dengan konsonan lain membentuk konsonan rangkap homorgan nasal-oral /nd/ yang hanya menempati posisi awal dan tengah kata. Rangkap nasal-oral [nd^h] juga mendapat aspirasi apabila mengikuti vokal [a], [e], [ə]. Distribusi fonem /d/ boleh dilihat dalam Jadual 5.5.

Jadual 5.5: Distribusi /d/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[^w du ^w aʔ]	/duaʔ/	<duak>	dua
	[d ^h a ^w un]	/daun/	<daun>	daun
	[^w dol ^w ɔʔ]	/dolɔʔ/	<dolok>	dulu
Antara vokal	[sid ^h aʔ]	/sidaʔ/	<sidak>	mereka
	[lid ^h e ^j ah]	/lideah/	<lideah>	lidah
	[i ^w du ^w oŋ]	/iduonj/	<iduong>	hidung
Akhir kata	-	-	-	-

'sambungan Jadual 5.5'

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Berdampingan dengan konsonan lain	[sən ^w du ^w oʔ]	/sənduoʔ/	<sendok>	sendok
	[nd ^h əkiʔ]	/ndəkiʔ/	<ndekik>	daki
	[sənd ^h at]	/səndat/	<sendat>	sendat

5.3.1.5 Plosif tak bersuara /k/

Dalam DMKb, konsonan [k] merupakan konsonan velar yang tak bersuara kerana sewaktu penghasilannya, pita suara tidak bergetar. Terdapat tiga alofon fonem /k/ dalam DMKb yang terdiri daripada [k], [k^w], dan [k^ʔ]. Apabila hadir di posisi awal kata, /k/ diletupkan manakala di akhir kata tidak diletupkan, iaitu udara tertahan [k^ʔ]. Apabila /k/ diikuti vokal [u], [o] dan [ə], maka /k/ mengalami labialisasi yang dilambangkan sebagai [k^w]. Jadual 5.6 berikut memaparkan distribusi fonem /k/ dalam DMKb.

Jadual 5.6: Distribusi /k/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ka ^w to]	/kato/	<kato>	kata
	[kaki]	/kaki/	<kaki>	kaki
	[k ^w ko ^w at]	/koat/	<koat>	kuat
Antara vokal	[kakaʔ]	/kakaʔ/	<kakak>	kakak
	[k ^w lɔkan]	/lɔkan/	<lɔkan>	sendi
	[pa ^w kuʔ]	/pakuʔ/	<pakuk>	paku

'sambungan Jadual 5.6'

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Akhir kata	[kəɣakʰ]	/kəɣak/	<kerak>	kera
	[bapakʰ]	/bapak/	<bapak>	bapa
	[bigikʰ]	/bigik/	<bigik>	biji
Berdampingan dengan konsonan lain	[ʔeŋkah]	/eŋkah/	<engkah>	letak
	[beŋkaʔ]	/beŋkaʔ/	<bengkak>	bengkak
	[tʃaŋ ^w koj]	/tʃaŋkoi/	<cangkul>	cangkul

Berdasarkan Jadual 5.6, didapati fonem /k/ mempunyai beban tugas yang penuh kerana boleh hadir di semua posisi kata sama ada posisi awal, antara vokal, posisi akhir dan hadir membentuk rangkap konsonan /ŋk/. Rangkap nasal-oral /ŋk/ pula hanya hadir di posisi awal dan tengah kata. Kewujudan alofon-alofon dalam posisi yang tertentu menjelaskan bahawa konsep saling melengkap (complementary distribution) dan bervariasi bebas (free variation) menentukan alofon-alofon ini adalah ahli kepada fonem /k/ yang sama.

5.3.1.6 Plosif bersuara /g/

Dari segi alat artikulasi, konsonan plosif bersuara [g] juga dikenal sebagai konsonan letupan gusi bersuara. Fonem /g/ mempunyai dua alofon, iaitu [g] dan [ʷg] serta dapat membentuk rangkap konsonan nasal-oral /ŋg/. /g/ tidak menempati posisi akhir kata sebagaimana beban tugasnya dalam BMS. Kedua-dua alofon ini saling

menyisihkan, yakni fonem /g/ yang diletupkan biasanya hanya hadir pada awal kata manakala [ʷg] lazimnya mengikuti bunyi vokal bundar [u], [o] dan [ɔ]. Rangkap konsonan hormorgan nasal-oral /ŋg/ pula yang hanya hadir pada awal kata dan tengah kata yang boleh hadir bersama mana-mana vokal. Distribusi fonem /g/ dipaparkan dalam Jadual 5.7 berikut.

Jadual 5.7: Distribusi /g/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[gəmu ^w oʔ]	/gəmuoʔ/	<gemuok>	gemuk
	[^w guyin]	/guyin/	<gurin>	baring
	[gigi]	/gigi/	<gigi>	gigi
Antara vokal	[^w gu ^w gu ^w a]	/gugua/	<gugua>	gugur
	[bigik]	/bigik/	<bigik>	biji
	[tigak]	/tigak/	<tigak>	tumit
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	[taŋga]	/taŋga/	<tangga>	lihat
	[taŋgaʔ]	/taŋgaʔ/	<tanggak>	tangga
	[ŋgaik]	/ŋgaik/	<nggaik>	jemput dan hantar pulang

5.3.1.7 Hentian glotis /ʔ/

Dalam DMKb, hentian glotis merupakan fonem yang tersendiri dan bukanlah variasi daripada fonem /k/ sebagaimana dalam kebanyakan dialek Melayu. Hal ini telah dijelaskan dalam Bab 4. Fonem /ʔ/ hanya terdapat dalam satu bentuk, iaitu [ʔ]. Di posisi awal kata, fonem /ʔ/ hadir mendahului semua vokal DMKb. Fonem /ʔ/ dapat berdiri

sendiri dan membezakan makna melalui pasangan terkecil /k/ dan /ʔ/. Misalnya bagi perkataan [babak] ‘gagap’ dan [babaʔ] ‘umpil’, [adzak] ‘sahaja’ dan [adzaʔ] ‘ajak’. Berdasarkan distribusi fonem /ʔ/ dapat dikatakan bahawa beban tugas fonem ini adalah lengkap kerana dapat hadir di semua posisi kata. Kehadiran fonem /ʔ/ antara vokal dikesan dalam bentuk kata terbitan, iaitu setelah menerima imbuhan awalan bagi kata dasar yang didahului vokal. Berikut merupakan distribusi bagi fonem /ʔ/ seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.8.

Jadual 5.8: Distribusi /ʔ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʔayap]	/ʔayap/	<arap>	harap
	[ʔilan]	/ʔilan/	<ilang>	hilang
	[ʔudzan]	/ʔudzan/	<ujan>	hujan
Antara vokal	[bəʔulat]	/bəʔulat/	<berulat>	berulat
	[təʔisap]	/təʔisap/	<terisap>	terhisap
	[diʔangkut]	/diʔangkut/	<diangkut>	diangkut
Akhir kata	[kəʔaʔ]	/kəʔaʔ/	<kerak>	kerak nasi
	[adzaʔ]	/adzaʔ/	<ajak>	ajak
	[kaliʔ]	/kaliʔ/	<kalik>	gali
Berdampingan dengan konsonan lain	-	-	-	-

5.3.2 Huraian konsonan nasal

DMKb mempunyai empat konsonan nasal dan kesemuanya adalah bersuara. Konsonan nasal merupakan konsonan yang mempunyai beban tugas yang lengkap kecuali konsonan [ɲ]. Konsonan nasal yang terdapat dalam DMKb ialah [m], [n], [ɲ] dan [ŋ]. Bunyi sengau terhasil apabila laluan udara yang melalui rongga mulut tersekat dan menyebabkan laluan udaranya menerusi rongga hidung dan pita suara bergetar. Bunyi sengau dilambangkan dengan [ŋ̃]. Berikut merupakan huraian keempat-empat fonem nasal dalam DMKb.

5.3.2.1 Nasal /m/

Konsonan ini juga dikenali sebagai konsonan nasal bibir bersuara. Fonem /m/ mempunyai dua alofon, iaitu [m] dan [ʷm]. Kedua-dua alofon ini saling melengkapi yakni masing-masing mengisi tempat atau kedudukan yang tertentu dalam perkataan DMKb; [m] yang hadir selepas atau sebelum vokal [a], [i], [e], [ə], [ɛ], dan [ʷm] hanya hadir selepas vokal bundar. Kedua-dua bunyi ini mempunyai kesamaan fonetik dari segi penghasilannya. Dari segi distribusinya, fonem /m/ mempunyai beban tugas yang lengkap kerana boleh hadir di semua posisi. Selain itu, fonem /m/ dapat berdampingan dengan konsonan yang lain membentuk rangkap konsonan nasal-oral /mb/ dan /mp/ yang hadir di awal dan tengah kata sahaja. Jadual 5.9 berikut menunjukkan distribusi fonem /m/ dalam DMKb.

Jadual 5.9: Distribusi /m/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[mã ^w to]	/mato/	<mato>	mata
	[mĩnũm]	/minum/	<minum>	minum
	[mɔlah]	/mɔlah/	<molah>	membuat
Antara vokal	[limõ]	/limo/	<limo>	limau
	[gəmu ^w oʔ]	/gəmuoʔ/	<gemuok>	gemuk
	[nãmõ]	/namo/	<namo>	nama
Akhir kata	[kətam]	/kətam/	<ketam>	ketam
	[itam]	/itam/	<itam>	hitam
	[bəlum]	/bəlum/	<belum>	belum
Berdampingan dengan konsonan lain	[lambat]	/lambat/	<lambat>	lambat
	[ɣambut]	/ɣambut/	<rambut>	rambut
	[^w tumpoj]	/tumpoj/	<tumpoi>	tumpul
	[mba ^w suʔ]	/mbasuʔ/	<mbasuk>	membasuh
	[mpaŋõ]	/mpaŋõ/	<mpango>	empangau

5.3.2.2 Nasal alveolar /n/

Berdasarkan data yang diperoleh dalam DMKb, didapati fonem /n/ merupakan fonem yang mempunyai beban tugas yang penuh. Fonem /n/ juga mempunyai dua alofon, iaitu [n] dan [^wn]. Alofon [^wn] mendapat ciri labialisasi apabila [n] hadir sebelum dan selepas vokal [u], [o], [ɔ]. Terdapat lima rangkap konsonan homorgan nasal-oral bagi fonem /n/, iaitu /nt/, /nd/, /ntʃ/, /ndʒ/ dan /ns/. Kesemua alofon ini saling melengkapi dan mempunyai posisi masing-masing. Jadual 5.10 berikut menunjukkan

distribusi fonem /n/ dalam posisi awal kata, antara vokal, akhir kata dan kelima-lima rangkap berdampingan dengan konsonan yang lain. Semua konsonan rangkap hanya menempati posisi awal kata dan tengah kata.

Jadual 5.10: Distribusi /n/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[napas]	/napas/	<napas>	nafas
	[^w nun]	/nun/	<nun>	sana
	[nat]	/nat/	<nat>	skru
Antara vokal	[ma ^w nu ^w ok]	/manuok/	<manuok>	ayam
	[bu ^w noh]	/bunoh/	<bunoh>	bunuh
	[laŋdʒi]	/laŋdʒi/	<lanji>	miang
Akhir kata	[bukan]	/bukan/	<bukan>	bukan
	[guyin]	/guyin/	<gurin>	baring
	[pesen]	/pesen/	<pesen>	fesyen
Berdampingan dengan konsonan lain	[binte ^j aŋ]	/binteaŋ/	<binteang>	bintang
	[ndəŋa]	/ndəŋa/	<ndenga>	mendengar
	[bəntʃiʔ]	/bəntʃiʔ/	<bencik>	benci
	[paŋdʒaŋ]	/paŋdʒaŋ/	<panjang>	panjang
	[paŋtʃa]	/paŋtʃa/	<panca>	pancar
	[anse ^j aŋ]	/anseaŋ/	<anseang>	ansang

Distribusi fonem nasal /n/ adalah menyeluruh kerana hadir di semua posisi kata. Apabila diikuti vokal bundar, maka /n/ mendapat ciri labialisasi [^wn], manakala apabila vokal hampar mendahului atau mengikuti /n/ maka [n] dihasilkan. Selain itu, terdapat lima konsonan rangkap hormorgan nasal-oral terbentuk yang terdiri daripada gabungan

/nt/, /nd/, /ndʒ/, /ntʃ/ dan /ns/ yang masing-masingnya boleh menduduki posisi awal dan tengah kata sahaja.

5.3.2.3 Nasal palatal /ɲ/

Konsonan [ɲ] dalam DMKb agak kurang dalam kata dasar. Hal ini demikian kerana [ɲ] banyak digunakan dalam penerbitan kata yang mengambil peranan sebagai imbuhan /me-/ dalam DMKb. Semua kata dasar yang diawali [s] boleh menerima imbuhan /ɲ/ seperti [ɲikat] ‘menyental’ daripada kata dasar ‘sikat’ dan [ʷɲukat] ‘menyukat’ daripada kata dasar ‘sukat’ ‘sukat’. Terdapat dua alofon untuk fonem ini, iaitu [ɲ] dan [ʷɲ]. Apabila /n/ hadir selepas vokal [u], [o], [ɔ], maka akan mengalami labialisasi [ʷɲ] manakala apabila hadir sebelum dan selepas vokal tak bundar maka bunyi [ɲ] akan dilepaskan. Walau bagaimanapun, fonem /ɲ/ tidak hadir di posisi akhir kata dan tidak dapat bergandingan dengan konsonan yang lain dalam bentuk konsonan rangkap nasal-oral. Fonem /ɲ/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana hanya hadir pada posisi awal kata dan antara vokal sahaja. Berikut merupakan distribusi bagi fonem /ɲ/ seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.13.

Jadual 5.13: Distribusi /ɲ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ɲəbaj]	/ɲəbaj/	<nyebai>	makan sedikit
	[ɲāmān]	/ɲaman/	<nyaman>	sedap
	[ʷɲũɛ]	/ɲuse/		

			<nyuse>	ceritakan
Antara vokal	[ʔa ^w ɲūt]	/aɲut/	<anyut>	hanyut
	[baɲãʔ]	/baɲaʔ/	<banyak>	banyak
	[li ^w ɲõʔ]	/liɲõʔ/	<linyok>	berminyak
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	-	-	-	-

5.3.2.4 Nasal velar /ŋ/

Konsonan nasal [ŋ] turut dikenali sebagai konsonan sengau langit lembut kerana penghasilan bunyi ini berlaku akibat udara tertahan sementara semasa belakang lidah dinaikkan sehingga menyentuh velar. Hanya terdapat dua alofon untuk fonem /ŋ/, iaitu [ŋ] dan [^wŋ]. Selain itu, fonem /ŋ/ boleh berdampingan dengan konsonan-konsonan yang homorgan membentuk rangkap nasal-oral homorgan /ŋk/, /ŋg/ dan /ŋs/. Jadual 5.14 berikut menunjukkan distribusi fonem /ŋ/.

Jadual 5.14: Distribusi /ŋ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ŋãŋãʔ]	/ŋaɲaʔ/	<ngangak>	nganga
	[ŋãtʃɔ]	/ŋatʃɔ/	<ngaco>	kacau
	[ŋisap]	/ŋisap/	<ngisap>	hisap
Antara vokal	[li ^w ŋõ]	/liŋo/	<lingo>	telinga
	[dɔŋãn]	/dɔŋan/	<dengan>	dengan
	[ʔi ^w ŋus]	/iŋus/	<ingus>	hingus

Akhir kata	[ʔi ^w du ^w oŋ]	/iduŋ/	<iduŋ>	hidung
	[atʃe ^j aŋ]	/atʃeaŋ/	<aceang>	merpati
	[^w koju ^w oŋ]	/kojuŋ/	<koyuŋ>	siput sedut
Berdampingan dengan konsonan lain	[səmaŋko]	/səmaŋko/	<semangko>	tembikai
	[ʔu ^w ŋgaj]	/uŋgai/	<unggai>	tunggal
	[tu ^w ŋgaj]	/tuŋgai/	<tunggai>	sepupu
	[laŋsat]	/laŋsat/	<langsai>	langsai

Berdasarkan distribusi perkataan DMKb yang dipaparkan dalam Jadual 5.14 tersebut, didapati beban tugas fonem /ŋ/ adalah penuh. Fonem ini boleh menempati posisi awal kata, antara vokal, di akhir kata dan berdampingan dengan fonem /k/, /g/, dan /s/ membentuk rangkap konsonan homorgan nasal-oral /ŋk/, /ŋg/ dan /ŋs/. Semua alofon ini saling melengkapi, yakni [^wŋ] hanya hadir sebelum atau selepas vokal bundar, manakala [ŋ] mengisi posisi awal, tengah dan akhir kata apabila mendahului atau mengikuti vokal [a], [e], [ə], [ɛ], [i]. Bagi ketiga-tiga rangkap konsonan nasal-oral homorgan pula hanya mengisi posisi awal dan tengah kata. Ditegaskan juga bahawa dalam DMS fonem /ŋ/ boleh dikatakan berperanan sebagai imbuhan awalan yang bersamaan dengan imbuhan /meN-/ dalam BMS. Imbuhan ini boleh berganding dengan semua kata dasar yang diawali vokal untuk membentuk kata terbitan. Misalnya, /ambik/ - /ŋambiʔ/, /idaŋ/ - /ŋidaŋ/, /ujan/ - /ŋujan/, /oleh/ - /ŋoleh/ dan /elak/ - /ŋelak/.

5.3.3 Huraian konsonan afrikat

Konsonan afrikat terdiri daripada bunyi [tʃ] dan [dʒ] yang juga disebut sebagai konsonan letusan alveo-palatal (lelangit keras) tak bersuara /tʃ/ dan bersuara /dʒ/ (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Berikut merupakan huraian bagi kedua-dua fonem konsonan afrikat berkenaan.

5.3.3.1 Afrikat palatal /tʃ/

Fonem /tʃ/ mempunyai dua alofon yang terdiri daripada [tʃ] dan [ʷtʃ]. Berdasarkan data yang diperoleh daripada informan DMKb, penggunaan [tʃ] hanya wujud pada awal kata dan antara vokal. Kedua-dua alofon ini saling menyisihkan kerana apabila hadir selepas atau sebelum vokal bundar, maka fonem ini mendapat ciri bundar menjadi [ʷtʃ]. Beban tugas fonem /tʃ/ tidak penuh kerana tidak hadir pada posisi akhir kata. Fonem ini juga boleh membentuk rangkap konsonan hormorgan nasal-oral /ntʃ/ yang hanya berada di awal kata dan tengah kata. Berikut merupakan distribusi fonem /tʃ/ dalam DMKb.

Jadual 5.16: Distribusi /tʃ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[ʷtʃoʷbo]	[tʃobo]	<cobo>	cuba
	[ʷtʃukaʔ]	[tʃukaʔ]	<cukak>	cuka
	[tʃabiʔ]	[tʃabiʔ]	<cabik>	cili

'sambungan Jadual 5.16'

Antara vokal	[kətʃik]	/kətʃik/	<kecik>	kecil
	[litʃin]	/litʃin/	<licin>	licin
	[^w tʃu ^w tʃuʔ]	/tʃutʃuʔ/	<cucuk>	cucu
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	[ntʃələŋ]	/ntʃələŋ/	<ncelang>	celik
	[mantʃaj]	/mantʃaj/	<mancai>	nakal
	[mantʃit]	/mantʃit/	<mancit>	terpercik

5.3.3.2 Afrikat /dʒ/

Terdapat dua alofon untuk fonem /dʒ/, iaitu [dʒ] dan [^wdʒ]. [^wdʒ] mendapat ciri labialisasi apabila hadir sebelum atau selepas vokal bundar manakala [dʒ] hadir bersama vokal tak bundar yang boleh mengisi posisi awal dan tengah kata. Fonem /dʒ/ juga tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana hanya boleh hadir pada awal kata dan antara vokal. Fonem /dʒ/ tidak hadir di posisi akhir kata namun boleh membentuk konsonan rangkap hormorgan nasal-oral /ndʒ/ yang juga hanya hadir di posisi awal dan tengah kata. Berikut merupakan distribusi fonem /dʒ/ yang dikenal pasti dalam DMKb.

Jadual 5.17: Distribusi /dʒ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[dʒayiʔ]	/dʒayiʔ/	<jarik>	jari
	[dʒaoh]	/dʒaoh/	<jaoh>	jauh
	[dʒəyak]	/dʒəyak/	<jerak>	menyesal

‘sambungan Jadual 5.17’

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Antara vokal	[i ^w dʒɔ]	/idʒɔ/	<ijo>	hijau
	[udʒan]	/udʒan/	<ujan>	hujan
	[ba ^w dʒu]	/badʒu/	<baju>	baju
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	[paŋdʒaŋ]	/paŋdʒaŋ/	<panjang>	panjang
	[ŋdʒait]	/ndʒait/	<njait>	jahit
	[laŋdʒi]	/landʒi/	<lanji>	miang

5.3.4 Frikatif (geseran)

Terdapat tiga konsonan frikatif dalam DMKb, iaitu frikatif alveolar [s], frikatif velar [h] dan [ɣ]. Bunyi frikatif [s] dan [h] merupakan frikatif tak bersuara manakala [ɣ] adalah bersuara. Berikut merupakan huraian bagi fonem konsonan /s/, /h/ dan /ɣ/.

5.3.4.1 Frikatif alveolar /s/

Berdasarkan data DMKb yang dianalisis, fonem /s/ mempunyai dua alofon yang terdiri daripada [s] dan [s^w]. Fonem /s/ mendapat bunyi [s] apabila hadir sebelum dan selepas vokal [a], [e], [i], [ə], [ɛ] sama ada di awal kata, tengah kata dan akhir kata, manakala [s^w] mendapat ciri labialisasi apabila hadir selepas vokal [u], [o] dan [ɔ]. Alofon-alofon ini saling melengkapi kerana saling mengisi tempat tertentu dalam kata DMKb. Ini bermaksud dua alofon fonem /s/ mempunyai kesamaan fonetik, iaitu

mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dari segi cara pengeluaran dan artikulasi yang terlibat. Selain itu, fonem /s/ dapat membentuk rangkap konsonan nasal-oral /ns/. Fonem /s/ mempunyai beban tugas yang penuh kerana hadir di semua posisi kata kecuali rangkap konsonan /ns/ yang hanya menempati posisi awal dan tengah kata. Jadual 5.18 memaparkan distribusi fonem /s/ dalam DMKb.

Jadual 5.18: Distribusi /s/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[səmõ]	/səmo/	<semo>	semua
	[^w su ^w duʔ]	/suduʔ/	<suduk>	sudu
	[situʔ]	/situʔ/	<situk>	sini
Antara vokal	[^w gu ^w sok]	/gusuok/	<gusuok>	gosok
	[tə ^w yu ^w suk]	/təyusuk/	<terusuk>	terjatuh
	[^w ɣusaʔ]	/ɣusaʔ/	<rusak>	rosak
Akhir kata	[nāpas]	/napas/	<napas>	nafas
	[bətis]	/bətis/	<betis>	betis
	[nəɣədʒas]	/nəɣədʒas/	<nerejas>	bunga tahi ayam
	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Berdampingan dengan konsonan lain	[nsi ^h o]	/nsio/	<nsio>	manusia
	[anse ^h aŋ]	/anseang/	<anseang>	ansang
	[manse ^h aŋ]	/manseang/	<manseang>	gerak kehadapan
	[ban ^w so]	/banso/	<banso>	jenis

5.3.4.2 Frikatif velar /h/

Frikatif velar [h] dihasilkan dengan melepaskan udara tanpa sekatan pada rongga mulut dan juga pada glotis yang dalam keadaan terbuka sebagaimana yang dinyatakan dalam Pei (1965) “... *the sound /h/ is simply the unvoiced expulsion of the breath stream from the mouth without block or true friction*”. Terdapat dua alofon bagi fonem /h/, iaitu [h] dan [ʰh] tetapi tidak mempunyai distribusi menyeluruh kerana tidak hadir pada posisi awal kata⁴⁴. Fonem /h/ tidak berdampingan dengan fonem yang lain untuk membentuk rangkap konsonan nasal-oral sebagaimana fonem yang lain.

Berdasarkan data DMKb, fonem /h/ yang hadir di posisi awal kata melibatkan perkataan yang mempunyai satu suku kata sahaja dan bukan kata jati DMKb. Hal ini kerana, kebanyakan perkataan yang mempunyai dua suku kata akan mengalami pengguguran /h/ pada posisi awal kata. Misalnya, dalam perkataan /hari/ - /aɣi/, /hujan/ - /ujan/, /habis/ - /abis/ dan /harta/ - /ɣəto/. Dengan demikian, fonem /h/ juga mempunyai beban tugas yang penuh tetapi kehadiran /h/ pada awal kata hanya melibatkan perkataan yang mempunyai satu suku kata sahaja. Berikut merupakan distribusi fonem /h/ seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.19.

⁴⁴ Fonem /h/ yang hadir di posisi awal kata merupakan kata pinjaman daripada BA dan BMS. Kata asli DMKb mengalami pengguguran /h/ di posisi ini.

Jadual 5.19: Distribusi /h/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[haj]	/haj/	<hai>	hal
	[^w hoj]	/hoj/	<hoi>	kenduri arwah
	[^w hon]	/hon/	<hon>	bunyi hon
Antara vokal	[tahan]	/tahan/	<tahan>	tahan
	[bahaj]	/bahaj/	<bahai>	teruk
	[mahaj]	/mahaj/	<mahai>	mahal
Akhir kata	[kame ^h ah]	/kameah/	<kameah>	kotor
	[ale ^h ah]	/aleah/	<aleah>	kalah
	[səse ^h ah]	/səseah/	<seseah>	cuci
Berdampingan dengan konsonan lain	-	-	-	-

Berdasarkan contoh penggunaan fonem /h/ dalam DMKb, dapat dikesan satu ciri yang khusus dalam dialek ini, iaitu terdapatnya urutan vokal [ea] dalam rangkap kedua pada suku kata tertutup yang diakhiri oleh fonem /h/ sedangkan dalam DMK, perkataan ini hanya dalam bentuk /səseh/, /kamah/ dan /alah/. Fonem /h/ juga bervariasi bebas dengan fonem /ʔ/ dalam pasangan kata /palaʔ/ ‘kepala’ ~ /palah/ ‘daun palas/, /payəʔ/ ‘para’ ~ /payah/ ‘parah’ dan /bayaʔ/ ‘bara’ /bayah/ ‘barah’.

5.3.4.3 Frikatif velar /ɣ/

Kebanyakan konsonan [r] dalam dialek Melayu di Sarawak diungkapkan sebagai frikatif velar bersuara [ɣ] termasuklah DMKb. Fonem /ɣ/ mempunyai dua alofon, iaitu [ɣ] dan [^wɣ]. Kedua-dua alofon [ɣ] dan [^wɣ] saling menyalahi (*mutually exclusive*),

iaitu masing-masing mengisi tempat yang tertentu dalam perkataan. [^wɣ] mendapat bunyi labialisasi apabila /ɣ/ hadir sebelum dan selepas vokal [u], [o] dan [ɔ] manakala [ɣ] hadir sama ada mendahului atau mengikuti vokal tak bundar.

Berdasarkan distribusi fonem ini, fonem /ɣ/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana tidak hadir di posisi akhir kata. Hal ini demikian kerana, dalam DMKb, fonem /ɣ/ akan digugurkan dalam posisi akhir kata seperti dalam perkataan /sayur/ ~ /sayua/, /telur/ ~ /tɛlua/ dan /pasir/ ~ /pasia/ sedangkan dalam DMK, /ɣ/ dikekalkan. Walau bagaimanapun, fonem /ɣ/ dapat berdampingan dengan konsonan yang lain membentuk rangkap konsonan oral-oral dan bukan nasal-oral, iaitu rangkap plosif + velar yang boleh hadir di awal kata dan di tengah kata. Namun, perkataan yang mengandungi rangkap plosif + velar kebanyakannya terdiri daripada kata pinjaman daripada bahasa Inggeris⁴⁵. Jadual 5.20 memaparkan distribusi fonem /ɣ/.

Jadual 5.20: Distribusi /ɣ/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[^w ɣodʒaʔ]	/ɣodʒaʔ/	<rojak>	rojak
	[^w ɣu ^w ak]	/ɣuak/	<ruak>	berkurangan
	[ɣamak]	/ɣamak/	<ramak>	ketam

⁴⁵ Huraian lanjut boleh dilihat dalam Bab 6, bahagian 6.4.2.

'sambungan Jadual 5.20'

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Antara vokal	[sa ^w yuʔ]	/sayuʔ/	<saruk>	silap
	[payaʔ]	/payaʔ/	<parak>	para
	[sayaʔ]	/sayaʔ/	<sarak>	bercerai
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	[dyeba]	/dyeba/	<dereba>	pemandu
	[pyem]	/pyem/	<perem>	bingkai gambar
	[tyaʔ]	/tyaʔ/	<terak>	<i>truck</i>
	[byeʔak]	/byeak/	<berek>	<i>break</i>

5.3.5 Lateral alveolar /l/

Hanya terdapat satu bunyi lateral dalam DMKb, iaitu [l]. Terdapat dua alofon fonem /l/, iaitu [l] dan [l̥]. Kedua-dua alofon ini saling melengkapi, di mana ada [l] tidak aka nada [l̥]. Dari segi distribusi, fonem /l/ dapat menempati posisi awal, antara vokal dan di posisi tengah kata. Fonem /l/ juga boleh berdampingan dengan fonem lain untuk membentuk rangkap konsonan nasal-oral, plosif + likuida⁴⁶ yang hanya menempati posisi awal kata. Dapat dikatakan bahawa beban tugas bagi fonem /l/ tidak penuh kerana dalam DMKb, /l/ di akhir kata mengalami proses pendiftongan⁴⁷. Distribusi fonem /l/ dipaparkan dalam Jadual 5.21 berikut.

⁴⁶ Penjelasan lanjut rangkap konsonan plosif + likuida boleh dirujuk dalam Bahagian 6.4.1

⁴⁷ Sila rujuk Bahagian 4.6.3.

Jadual 5.21: Distribusi /l/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[labuʔ]	/labuʔ/	<labuk>	labu
	[lamãʔ]	/lamaʔ/	<lamak>	lama
	[^w lɔbo]	/lɔbo/	<lɔbo>	haloba
Antara vokal	[mãlas]	/malas/	<malas>	malas
	[kalas]	/kalas/	<kalas>	merah jambu
	[bu ^w lu]	/bulu/	<bulu>	bulu
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	[plajik]	/plajik/	<pelayik>	sejenis pokok
	[plentɛ]	/plentɛ/	<pelente>	main-main
	[pleŋos]	/pleŋos/	<pelengos>	ambil mudah'

5.4 Separuh Vokal

Separuh vokal merupakan vokal yang tidak bertahan lama pada kedudukannya sewaktu dihasilkan (Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai, 2012). Dalam BMS hanya terdapat dua separuh vokal, iaitu [w] dan [j]. Begitu juga dalam DMKb yang hanya diwakili oleh bunyi separuh vokal dua bibir [w] dan separuh vokal lelangit keras [j]. Kedua-dua separuh vokal adalah bersuara yang dihuraikan seperti berikut.

5.4.1 Separuh vokal /w/

Separuh vokal hanya diwujudkan sebagai /w/ kerana semasa menghasilkan /w/, bibir telah dibundarkan sama ada hadir sebelum dan selepas vokal. Fonem ini boleh hadir di awal, tengah dan akhir kata namun agak terhad dan tidak boleh berdampingan

dengan konsonan yang lain. Hal ini bermakna beban tugas fonem /w/ adalah penuh. Berikut merupakan contoh perkataan dalam DMKb yang menempatkan fonem /w/ seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.22 berikut.

Jadual 5.22: Distribusi /w/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[waja]	/waja/	<waya>	wayar
	[wo]	/wo/	<wo>	anak sulung
	[wap]	/wap/	<wap>	jeti
Antara vokal	[lawa]	/lawa/	<lawa>	sombong
	[kawan]	/kawan/	<kawan>	kawan
	[dawe]	/dawe/	<dawe>	dawai
Akhir kata	[kaw]	/kaw/	<kaw>	pekat
	[paw]	/paw/	<paw>	samun
	[miaw]	/miaw/	<miaw>	kucing
Berdampingan dengan konsonan lain	-	-	-	-

5.4.2 Separuh vokal lelangit keras /j/

Fonem /j/ mempunyai dua alofon, iaitu [j] dan [^wj]. Alofon [j] biasanya hadir pada awal kata dan antara vokal manakala [^wj] berlaku apabila mengikuti vokal bundar [u], [o] dan [ɔ]. Fonem /j/ tidak mempunyai beban tugas yang penuh kerana tidak boleh hadir di akhir kata dan tidak berdampingan dengan konsonan yang lain. Jadual 5.23 berikut menunjukkan distribusi fonem /j/ dalam DMKb.

Jadual 5.23: Distribusi /j/

	Transkripsi fonetik	Transkripsi fonemik	Perkataan	Makna
Awal kata	[^w jo]	/jo/	<yo>	itu
	[jaʔ]	/jaʔ/	<yak>	anak ke-3 bongsu
	[juʔ]	/juʔ/	<yuk>	yu
Antara vokal	[sajaŋ]	/sajaŋ/	<sayang>	sayang
	[lejaʔ]	/lejaʔ/	<leyak>	halia
	[lajap]	/lajap/	<layap>	leka
Akhir kata	-	-	-	-
Berdampingan dengan konsonan lain	-	-	-	-

5.5 Pasangan terkecil untuk menentukan fonem konsonan

Bahagian 5.3 di atas telah menghuraikan konsonan dan fonem dalam DMKb. Penentuan fonem berdasarkan pasangan terkecil dapat membezakan makna (*autonomous pairs*) bagi dua fonem yang saling menysisihkan (*mutually exclusive*). Setiap fonem boleh berdiri sendiri dan tidak bergantung kepada fonem yang lain. Justeru, penentuan fonem berdasarkan pasangan terkecil (*minimal pairs*) amat penting untuk membezakan makna perkataan yang mempunyai persamaan kata yang hanya dibezakan oleh satu fonem. Penggunaan kaedah pasangan terkecil untuk menentukan fonem perlulah memastikan pemilihan fonem tersebut mempunyai alat artikulasi yang sama serta jarak yang dekat. Berikut merupakan kaedah pasangan terkecil untuk menentukan fonem dalam DMKb.

/p/ dan /b/ adalah dua fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/palak/ = kepala	/lupak/ = lupa	/bapaʔ/ = bapa
/balak/ = kayu balak	/lubak/ = lobak	/babaʔ/ = gagap

/t/ dan /d/ merupakan dua fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/tuaʔ/ = air nira kelapa	/pati/ = pati	/pəda/ = rasa pahit
/duaʔ/ = dua	/padi/ = padi	/pəta/ = peta

/k/ dan /g/ merupakan fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/kəlik/ = keli	/bikiʔ/ = baiki	/sikat/ = berus kain
/gəlik/ = geli	/bigiʔ/ = biji	/sigat/ = rajin

/k/ dan /ʔ/ merupakan fonem yang berbeza kerana membezakan perkataan berikut berdasarkan pasangan terkecil:

(i)	(ii)	(iii)
/tətak/ = ketawa	/lupak/ = lupa	/adʒak/ = sahaja
/tətaʔ/ = tetak	/lupaʔ/ = lopak	/adʒaʔ/ = ajak

/h/ dan /ʔ/ merupakan fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi

pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/ʏəbah/ = rebah	/kalah/ = kalah	/salah/ = salah
/ʏəbaʔ/ = sampah hanyut	/kalaʔ/ = pernah	/salaʔ/ = salak

/l/ dan /ʎ/ merupakan fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam pasangan

terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/lamaʔ/ = lama	/balu/ = balu	/palit/ = palit
/ʎamaʔ/ = ketam kecil	/bayu/ = baru	/payit/ = parit

/g/ dan /ɣ/ adalah fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam pasangan

terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/bəgo/ = bising	/sigat/ = rajin	/saguʔ/ = sagu
/bəɣo/ = mata terbeliak	/siyat = istilah dalam anyaman	/sayuʔ/ = silap

/tʃ/ dan /dʒ/ merupakan fonem yang berbeza kerana membezakan makna bagi

pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/atʃa/ = acar	/batʃɔ/ = baca	/tʃayɪʔ/ = cari
/adʒa/ = ajar	/badʒɔ/ = baja	/dʒayɪʔ/ = jari

/m/ dan /n/ adalah fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/mun/ = jikalau	/pamo/ = berlebihan	/pəlam/ = mangga
/nun/ = sana	/pano/ = panau	/pəlan/ = sokong

/ɲ/ dan /n/ adalah dua fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam perkataan berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/ɲalo/ = tambah air terlebih manis	/mɲak/ = minyak	/kəɲaŋ/ = kenyang
/nalo/ = menegur	/minak/ = cuma	/kənaŋ/ = kenang

/ŋ/ dan /n/ adalah dua fonem yang berbeza seperti yang terdapat dalam pasangan terkecil berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/baŋ/ = azan	/laŋ/ = pintu	/udʒan/ = hujan
/ban/ = permatang	/lan/ = mari	/udʒaŋ/ = panggilan untuk anak lelaki

/w/ dan /j/ merupakan fonem yang berbeza seperti dalam pasangan terkecil

berikut:

(i)	(ii)	(iii)
/bawaŋ/ = bawang /bajaŋ/ = bayang	/sawaŋ/ = debu-debu di siling rumah /sajaŋ/ = sayang	/wo/ = nama panggilan untuk anak sulung /jo/ = itu

5.6 Koartikulasi konsonan

Bab 4 telah membincangkan ciri ko-artikulasi pada bunyi vokal dalam DMKb yang melibatkan ko-artikulasi bunyi nasalisasi, palatalisasi dan labialisasi. Dalam bahagian ini, dijelaskan ciri ko-artikulasi pada bunyi konsonan yang terdiri daripada nasalisasi, labialisasi, aspirasi dan palatalisasi. Berikut merupakan huraian ko-artikulasi konsonan dalam DMKb.

5.6.1 Nasalisasi

Bunyi nasal yang penuh terdiri daripada konsonan nasal /m, n, ŋ, ŋ/ manakala bunyi yang mengalami nasalisasi merupakan konsonan dan vokal yang bukan termasuk dalam bunyi nasal tetapi hadir sama ada sebelum dan selepas konsonan nasal. Bab 4 telah menjelaskan proses nasalisasi vokal, iaitu mana-mana vokal yang hadir selepas konsonan nasal akan mengalami nasalisasi. Manakala, nasalisasi konsonan boleh berlaku apabila konsonan bukan nasal mengikuti konsonan nasal/ sengau. Dalam DMKb, ko-artikulasi bunyi nasal berlaku terhadap konsonan plosif, konsonan afrikat dan konsonan frikatif seperti berikut.

5.6.1.1 Nasalisasi konsonan plosif

/m/ - /b/ : [dʒamḃan] = jambatan atau tandas

[timḃoi] = timbul

/m/ - /p/ : [emḃun] = punya

[lamḃo] = lampu

Dalam contoh di atas, fonem /b/ dan /p/ yang merupakan konsonan plosif akan mendapat ciri nasalisasi apabila hadir mengikuti konsonan nasal /m/. Hal ini kerana, kedua-dua fonem ini berkongsi alat artikulasi yang sama, iaitu [+bilabial]. Ciri nasal yang ada pada konsonan /m/ akan disebarkan kepada konsonan /b/ dan /p/ yang menyebabkan /b/ dan /p/ mendapat nasalisasi.

Nasalisasi juga berlaku apabila konsonan nasal /n/ diikuti plosif /t/, /d/ dan afrikat /tʃ/. Ciri nasal dapat disebarkan kepada ketiga-tiga konsonan ini kerana konsonan-konsonan ini berkongsi alat artikulasi yang sama [+alveolar]. Oleh itu, apabila nasal /n/ diikuti oleh /t/, /d/ dan /tʃ/, maka ciri nasalisasi diperoleh ketiga-tiga konsonan tersebut. Contoh berikut menunjukkan nasalisasi /n/ - /t/, /n/ - /d/ dan /n/ - /tʃ/.

/n/ - /t/: [lanḃu^woŋ] = cacing tanah

[manḃoj] = terpantul

/n/ - /d/: [bandu^woŋ] = ubi keledak

[pandaʔ] = pendek

/n/-/tʃ/: [boŋtʃet] = buncit

[bəŋtʃiʔ] = benci

/ŋ/ - /k/: [saŋkūt] = sangkut

[taŋki] = tangki

/ŋ/ - /s/: [laŋsət] = langsung

[saŋsi] = tali tangsi

/ŋ/ - /d/: [daŋdut] = dangdut

[daŋdi] = bertatih

/ŋ/ - /g/: [siŋgah] = singgah

[tuŋgah] = panggil

5.6.2 Palatalisasi

Palatalisasi merupakan proses menjadikan bunyi yang bukan palatal mendapat artikulasi palatal, yakni apabila bunyi [-palatal] diikuti oleh bunyi [+palatal].

Palatalisasi dilambangkan sebagai [ɲ]. Dalam DMKb, konsonan /tʃ/ dan /dʒ/ merupakan bunyi palatal. Hanya konsonan nasal /n/ mengalami palatalisasi dalam DMKb, iaitu apabila /n/ diikuti oleh salah satu daripada bunyi /tʃ/ dan /dʒ/. Berikut merupakan contoh palatalisasi /n/ dalam DMKb.

/n/ - /tʃ/: [maɲtʃu^woŋ] = mancung

[ɲtʃaluʔ] = cencaluk

[ɲtʃi^hum] = cium

/n/ - /dʒ/: [laɲdʒi] = miang

[tuɲdʒaŋ] = tolak

[pəɲdʒan] = jendela

5.6.3 Labialisasi

Labialisasi merupakan ko-artikulasi bunyi konsonan yang bukan konsonan labial mendapat ciri [+labial] seperti /t/, /d/, /k/, /g/, /h/, /ʔ/, /s/, /ʃ/, /l/, /tʃ/, /dʒ/, /n/, /ɲ/, /ŋ/ dan /j/ apabila hadir bersama vokal belakang bundar seperti /u, o, ə/. Konsonan labial /p/, /b/, /m/ dan /w/ tidak mendapat pengaruh labialisasi kerana konsonan ini adalah konsonan bibir [+labial]. Berikut merupakan konsonan yang mengalami labialisasi dalam DMKb.

[^wt]: [^wtulah] = tulah

[^wtu^wnok] = bakar

	[^w tɔbat] = taubat
	[^w tɔ ^w lɔ] = tuala
[^w d]:	[^w dudi] = kemudian
	[^w do ^w sɔ] = dosa
	[^w dɔ ^w lɔk] = dulu
[^w k]:	[^w bukut] = tumbuk
	[ta ^w kut] = takut
	[tu ^w koi] = tukul
	[^w kosɔ] = kuasa
[^w g]:	[ba ^w gus] = bagus
	[aŋ ^w gus] = gigit
	[bə ^w gɔ] = bunyi bising
	[koʔ ^w go] = sejenis cicak
[^w h]:	[^w hos] = paip getah
	[ta ^w hu] = tauhu
	[^w hoj] = kenduri arwah
[^w ʔ]:	[^w ʔugak] = pangkal kayu
	[^w ʔulat] = ulat
	[^w ʔomɔ] = serbuk pencuci
[^w s]	[^w suduk] = sudu
	[^w somet] = misai

[bun^wsu] = bongsu

[be^wso] = biasa

[^wɣ]: [^wɣu^wɣus] = lurus

[bə^wɣus] = berus kain

[^wso^wɣɔ] = suara

[^wɣotan] = rotan

[^wl]: [^wlukaʔ] = luka

[^wlobɔ] = haloba

[pa^wluʔ] = palu

[ta^wlo] = tegur

[^wtʃ]: [^wtʃukak] = cuka

[^wtʃo^wkɔt] = garang

[ba^wtʃo] = baca

[bi^wtʃu] = nila

[^wdʒ]: [^wdʒuɣin] = runcing

[la^wdʒu] = laju

[kə^wdʒo] = kerja

[ba^wdʒo] = baja

[^wn]: [si^wnun] = sana

[ma^wnu^wɔk] = ayam

[ba^wno] = bana

	[pa ^w no] = panau
[^w ɲ]:	[^w ɲukat] = sukat
	[sə ^w ɲum] = senyum
	[pə ^w ɲoʔ] = penyus
	[li ^w ɲoʔ] = berminyak
[^w ŋ]:	[pə ^w ŋu ^w lu] = penghulu
	[^w ŋugaʔ] = membongkar
	[si ^w ŋo] = toleh
	[li ^w ŋo] = telinga
[^w ʝ]:	[u ^w ʝut] = buaian bayi
	[ku ^w ʝut] = prihatin
	[ka ^w ʝo] = kaya
	[kəba ^w ʝo] = kebaya

5.6.4 Aspirasi

Satu lagi ciri ko-artikulasi bunyi konsonan dalam DMKb ialah aspirasi atau hembusan (*aspiration*). Bunyi aspirasi akan menyertai bunyi konsonan secara lemah. Dalam Bahasa Jawa, aspirasi agak jelas hadir dalam perkataan yang mengandungi konsonan bersuara seperti [b^h, d^h, g^h, dʒ^h]⁴⁸. Bagi DMKb pula, aspirasi dapat ditemui dalam konsonan bersuara [b^h, d^h, g^h, dʒ^h, m^h] apabila diikuti oleh vokal /a/, /ə/, /i/ dan

⁴⁸ Penerangan dalam kuliah Fonetik oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar pada 6 November 2014 di Dewan Syarahan, UNIMAS.

/u/. Aspirasi juga berlaku pada konsonan rangkap [nt^h] dan [ntʃ^h]. Berikut merupakan contoh aspirasi yang berlaku dalam DMKb.

[b^h]: [b^həyik] = beri
 [amb^hiʔ] = ambil
 [b^hu^wkut] = bertumbuk

[d^h]: [d^hayə^jah] = darah
 [d^həmam] = demam
 [tad^hik] = tadi
 [bud^huʔ] = budu

[g^h]: [g^hase^jak] = gosok
 [g^həyam] = geram
 [big^hiʔ] = biji

[dʒ^h]: [dʒ^halan] = jalan
 [badʒ^hu] = baju
 [dʒandʒ^hi] = janji

[m^h]: [m^halas] = malas
 [gə^mh^u^waʔ] = gemuk
 [m^hinum] = minum

[nt^h]: [nant^hik] = tunggu
 [bant^huʔ] = bantu
 [ban^htai] = bantal

[nt]^h]: [lant]^ha] = lancar
 [int]^hi] = lipstick
 [bint]^hut] = lebam

5.6 Kesimpulan

Bab 5 telah menghuraikan sistem konsonan yang terdapat dalam DMKb dengan huraian deskriptif dan analisis fonemik. Beberapa sistem konsonan yang terdapat dalam DMKb seperti bunyi plosif, frikatif, afrikat, lateral, sengau dan separuh vokal telah dihuraikan. Pendeskripsian fonem dalam dialek ini menunjukkan bahawa hanya terdapat 19 bunyi konsonan asli dalam DMKb dikesan. Sementara itu terdapat 2 konsonan yang dianggap sebagai konsonan pinjaman dalam dialek ini iaitu, /f/ dan /z/ turut dihuraikan secara ringkas. Terdapat persamaan dari segi fonem DMKb dan BMS namun terdapat juga perbezaannya. Namun yang jelas, DMKb tidak mempunyai konsonan getaran (*trill*) /r/ seperti yang terdapat dalam BMS dan bahasa Iban yang dilihat mempunyai perkaitan yang dekat dengan DMKb. Hal ini kerana, fonem tersebut telah menjadi konsonan frikatif (geseran) /ɾ/ dalam DMKb dan dalam kebanyakan dialek Melayu di Sarawak. DMKb juga berbeza dengan DMK dari segi distribusi fonem /ɾ/ kerana dalam DMKb fonem ini tidak hadir di posisi akhir kata manakala DMK boleh hadir di semua posisi kata.

Dari segi distribusinya pula, banyak fonem mempunyai beban tugas yang penuh seperti fonem /m/, /k/, /t/, /s/ dan /p/. Manakala distribusi fonem /l/ dalam DMKb adalah terbatas kerana di posisi akhir berlaku penggantian bunyi tersebut kepada vokal /i/,

misalnya dalam perkataan /təbal/ menjadi /təbai/. Begitu juga fonem /d/, /dz/, /tʃ/ dan /j/ yang tidak terdapat pada akhir kata. Penegasan /ʔ/ sebagai fonem yang tersendiri juga dapat dilihat dengan jelas dalam dialek ini kerana terdapat perbezaan makna bagi pasangan kata /adzak/ 'sahaja', dan /adzəʔ/ 'ajak', /tətak/ 'ketawa' dan /tətəʔ/ 'potong' dalam DMKb.

University of Malaya

BAB 6: RANGKAP VOKAL DAN RANGKAP KONSONAN

6.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan rangkap bunyi yang terdapat dalam DMKb yang terdiri daripada rangkap vokal dan rangkap konsonan. Rangkap vokal terdiri daripada rangkap vokal ke depan dan rangkap vokal ke belakang. Rangkap konsonan pula dibahagikan kepada rangkap nasal-oral (NOr) dan rangkap konsonan oral-oral (OrOr). Huraian rangkap bunyi adalah berdasarkan Roshidah Hassan (2006).

6.2 Rangkap Bunyi

Terdapat dua jenis rangkap bunyi, iaitu rangkap vokal dan rangkap konsonan. Rangkap vokal ialah gabungan dua atau lebih vokal yang berbeza manakala rangkap konsonan ialah gabungan dua atau lebih konsonan yang berbeza. Secara khusus, dalam DMKb terdapat dua jenis rangkap bunyi yang akan diterangkan di bawah.

6.2.1 Rangkap Vokal

Rangkap vokal dalam DMKb merupakan gabungan dua vokal yang berurutan yang tidak dipisahkan oleh kesenyapan atau oleh unsur lain sama ada hentian glotis, separuh vokal atau frikatif /h/. Rangkap vokal juga boleh didefinisikan sebagai urutan dua atau lebih vokal yang hadir secara berturut-turut dalam satu perkataan dan mempunyai ciri akustik yang sama kuat (Roshidah Hassan, 2006: 53). Dalam Asmah

Haji Omar & Rosline Sandai (2012) juga menjelaskan rangkap vokal sebagai satu kesatuan untuk berfungsi sebagai puncak (*nucleus*) suku kata⁴⁹. Rangkap vokal dalam DMKb akan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu rangkap vokal ke depan dan rangkap vokal ke belakang berdasarkan nilai fonetik vokal keduanya, sama ada terdiri daripada vokal depan atau vokal belakang⁵⁰ (Roshidah Hassan, 2006: 53).

Dalam DMKb terdapat dua dan tiga urutan vokal dalam vokal rangkap. Vokal rangkap yang terdiri daripada urutan dua vokal terdiri daripada /ai/, /au/, /ui/, /ua/, /uo/, /ia/, /ea/, /oa/, /oi/, /aɛ/, /io/, /iu/ dan /iɔ/. Manakala vokal rangkap yang terdiri daripada urutan tiga vokal ialah /uai/, /iau/ /auo/ yang ditemui dalam perkataan [juai] 'jual', [muai] 'loya', [lauoʔ] 'lauk' dan [miau] 'kucing'. Namun demikian, jumlah perkataan yang terdiri daripada tiga urutan vokal ini agak terbatas. Berikut merupakan contoh bagi setiap rangkap vokal tersebut.

6.2.1.1 Rangkap vokal ke depan`

Terdapat enam rangkap vokal ke depan DMKb, iaitu /ai/, /ia/, /ea/, /ua/, /oa/ dan /aɛ/. Bagi rangkap vokal /ai/, /ia/, /ea/ dan /aɛ/, vokal pertama dan keduanya merupakan vokal depan. Bagi rangkap vokal /oa/ dan /ua/, vokal pertama kedua-dua rangkap tersebut merupakan vokal belakang /o/ dan /u/ dan vokal kedua dalam rangkap tersebut merupakan vokal depan /i/ dan /a/. Tidak semua rangkap vokal ke depan mempunyai beban tugas yang penuh kerana terdapat rangkap-rangkap vokal ini hanya menempati

⁴⁹ Rangkap vokal berbeza daripada diftong dari segi kelantangan vokalnya adalah sama sedangkan kelantangan vokal dalam diftong adalah berbeza, iaitu salah satu vokal adalah lebih lantang.

⁵⁰ Sila rujuk Rajah Vokal Kardinal DMKb dalam bahagian 4.2.1

suku kata tertutup seperti rangkap /ai/ dan /ea/. Bagi rangkap vokal /ai/, /ia/, /ea/ dan /ɛa/, terdapat hiatus menyebabkan penyisipan palatalisasi [j] manakala rangkap vokal /ua/ dan /oa/ wujud labialisasi [w] antara kedua-dua rangkap vokal ini. Rangkap-rangkap vokal ini boleh menempati suku kata tertutup dan suku kata terbuka seperti contoh yang diperlihatkan berikut:

/ai/

[dʒa^jik] = jahat

[ŋga^jik] = ambil dan hantar

[ka^jit] = kait

[ba^jit] = baik

/ia/

[bi^jaʔ] = muda

[di^jat] = lihat

[li^ja] = liar

[si^ja] = sapu

/ea/

[ale^jah] = kalah

[base^jah] = basah

[kame^jah] = kotor

[təde^jah] = kasihan

/ɛa/

[tʃɛ^ja] = belanja makan

[be^jaʔ- be^jaʔ] = terpapar

[mpɛ^jaʔ] = cair

/oa/

[ko^wat] = kuat

[lo^wa] = seluar

[mo^wak] = berlebihan

/ua/

[y^wak] = berkurangan

[ku^wat] = bergerak

[lu^wa] = luar

[ŋu^wa] = kuar

[ŋku^waʔ] = burung ruak-ruak

6.2.1.2 Ciri-ciri distingtif rangkap vokal ke depan

Ciri-ciri distingtif ialah ciri yang menandai sesuatu fonem segmental. Ciri ini mungkin ada dan mungkin juga tidak ada pada fonem lain. Dalam memerihalkan ciri-ciri distingtif rangkap vokal DMKb, dapat menentukan fitur vokal yang terlibat sama ada berkongsi fitur ataupun sebaliknya. Berdasarkan fitur-fitur yang terdapat dalam keenam-enam rangkap vokal ini, didapati adanya persamaan dan perbezaan fitur. Berikut merupakan fitur-fitur distingtif rangkap vokal ke depan dalam DMKb;

$$/ai/ \longrightarrow /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{rendah} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /i/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ -\text{rendah} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/ia/ \longrightarrow /i/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ -\text{tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/\epsilon a/ \longrightarrow /e/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{separuh tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ -\text{separuh tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/ea/ \longrightarrow /e/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{separuh tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ -\text{separuh tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/oa/ \rightarrow /o/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{separuh tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ -\text{separuh tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/ua/ \rightarrow /u/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\} + /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ -\text{tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$$

6.2.1.3 Distribusi rangkap vokal ke depan

Berdasarkan analisis terhadap rangkap vokal ke depan, didapati distribusinya boleh berlaku dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Contoh penggunaan rangkap vokal ke depan dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup ditunjukkan dalam Jadual 6.1 berikut:

Jadual 6.1: Distribusi rangkap vokal ke depan

Rangkap vokal ke depan	Suku kata terbuka	Suku kata tertutup
/ua/	[bu ^w a] = membazir [ŋu ^w a] = tak duduk diam	[tʃu ^w at] = terpacak [bu ^w at] = angkat pakaian
/oa/	[lo ^w a] = seluar [so ^w a] = sejenis mi	[ko ^w at] = kuat [mo ^w ak] = berlebihan
/ai/	-	[ba ^j it] = baik [na ^j it] = naik

‘sambungan Jadual 6.1’

Rangkap vokal ke depan	Suku kata terbuka	Suku kata tertutup
/ia/	[li ^j a] = liar [pasi ^j a] = pasir	[bi ^j aʔ] = muda [ki ^j ap] = mengipas
/ea/	-	[sale ^j ah] = salah [pule ^j aŋ] = pulang
/ɛa/	[tʃɛ ^j a] = belanja	[be ^j aʔ-be ^j aʔ] = terpapar [mpe ^j aʔ] = cair

6.2.2 Rangkap vokal ke belakang

Dalam DMKb, terdapat enam rangkap vokal ke belakang yang terdiri daripada rangkap vokal /iu/, /io/, /au/, /ao/, /uo/, /ɛɔ/. Bunyi kedua rangkap ini terdiri daripada bunyi vokal belakang /u/, /o/, dan /ɔ/ manakala kedua-dua /uo/ terdiri daripada vokal belakang. Rangkap-rangkap vokal ini mengalami hiatus semasa dibunyikan, maka dalam transkripsi fonetik, simbol-simbol labialisasi [ʷ] disisipkan pada rangkap /au/, /ao/ dan /uo/ dan palatalisasi [j] dimasukkan pada rangkap /iu/, /io/ dan /ɛɔ/. Berdasarkan beban tugas rangkap vokal ke belakang, tidak semua rangkap vokal ini menempati suku kata terbuka dan suku kata kedua. Terdapat rangkap vokal ke belakang yang hanya dalam bentuk suku kata terbuka dan terdapat juga yang hanya berada dalam suku kata tertutup. Berikut merupakan contoh rangkap vokal ke belakang dalam DMKb.

/iu/

[li^jut] = liut

[ti^jup] = tiup

[tʃi^jum] = cium

/io/

[si^jo] = situ

[gi^jo] = dahulu

[pi^jot] = nama orang

[si^joj] = siul

/au/

[ka^wu] = awak

[ba^wu] = bau

[ka^wut] = ambil wuduk

[la^wut] = laut

/ao/

[a^wok] = ya

[ma^wok] = mahu

[ɲa^wo] = nyawa

[bəla^wo] = sejenis ikan air tawar

/uo/

[tu^wo] = tua

[du^wo] = berdua

[tudu^woŋ] = tudung

[idu^woŋ] = hidung

/ɛɔ/

[lɛ^jɔʔ] = burung merbuk

[ənsɛ^jɔ] = dahulu

6.2.2.1 Ciri-ciri distingtif rangkap vokal ke belakang

Ciri-ciri distingtif rangkap vokal ke belakang seperti dalam struktur berikut:

/iu/ → /i/ $\left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$ + /u/ $\left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\}$

/io/ → /i/ $\left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\}$ + /o/ $\left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ -\text{tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\}$

$$/au/ \longrightarrow /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{rendah} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /u/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ -\text{rendah} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/ao/ \longrightarrow /a/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{rendah} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /o/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ -\text{rendah} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/uo/ \longrightarrow /u/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\} + /o/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ -\text{tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\}$$

$$/\epsilon\text{ɔ}/ \longrightarrow /\epsilon\text{ɔ}/ \left\{ \begin{array}{l} +\text{depan} \\ +\text{separuh tinggi} \\ -\text{bundar} \end{array} \right\} + /\text{ɔ}/ \left\{ \begin{array}{l} -\text{depan} \\ +\text{separuh tinggi} \\ +\text{bundar} \end{array} \right\}$$

Berdasarkan fitur-fitur distingtif yang dipaparkan, terdapat tiga rangkap vokal ke belakang yang mempunyai sekurang-kurangnya satu fitur yang sama, iaitu rangkap /iu/, /uo/ dan /**εɔ**/ manakala tiga rangkap vokal ke belakang mempunyai perbezaan ciri fitur distingtif, iaitu /ao/, /io/ dan /au/.

6.2.2.2 Distribusi rangkap vokal ke belakang

Berdasarkan analisis terhadap data kajian, terdapat dua bentuk kehadiran rangkap vokal ke belakang, iaitu boleh hadir dalam suku kata terbuka dan boleh hadir dalam suku kata tertutup manakala satu lagi tidak boleh hadir dalam suku kata terbuka atau tidak boleh hadir dalam suku kata tertutup. Rangkap vokal ke belakang /io/, /uo/, /ao/ dan /ɛo/ boleh hadir dalam suku kata terbuka dan tertutup manakala rangkap vokal /iu/ dan /au/ hanya hadir pada suku kata tertutup. Jadual 6.2 berikut memaparkan distribusi rangkap vokal ke belakang bagi /iu/, /io/, /au/, /ao/, /uo/ dan /ɛo/.

Jadual 6.2: Distribusi rangkap vokal ke belakang

Rangkap vokal ke belakang	Suku kata terbuka	Suku kata tertutup
/iu/	-	[ti ^j up] = tiup [li ^j ut] = kenyal [ti ^j un] = irama
/io/	[ti ^j o] = minyak mengkabang [gi ^j o] = dahulu [pi ^j o] = begitu	[pi ^j ot] = nama orang [ti ^j oŋ] = burung tiung [si ^j oj] = siul
/au/	-	[la ^w ut] = laut [ka ^w ut] = ambil wudhuk [a ^w us] = haus
/ao/	[ɲa ^w o] = nyawa [bəla ^w o] = sejenis ikan	[ba ^w oʔ] = belasah [ga ^w oʔ] = jahat [ma ^w ok] = mahu

‘sambungan Jadual 6.2’

Rangkap vokal ke belakang	Suku kata terbuka	Suku kata tertutup
/uo/	[tu ^w o] = tua [du ^w o] = berdua [kətu ^w o] = ketua	[lantu ^w oŋ] = cacing tanah [ɣuntu ^w oŋ] = rentung [tapu ^w ok] = sembunyi
/ɛɔ/	[ənsɛ ^j ɔ] = zaman dahulu	[lə ^j ɔʔ] = burung merbuk

Berdasarkan kedua-dua bentuk rangkap vokal yang terdapat dalam DMKb, dapat dikatakan bahawa DMKb mempunyai vokal rangkap yang melebihi jumlah vokal rangkap yang terdapat dalam BMS dan DMK. Vokal rangkap yang terdapat dalam DMKb boleh hadir dalam suku kata terbuka dan dalam suku kata tertutup, namun terdapat juga rangkap vokal yang hanya boleh hadir dalam suku kata terbuka ataupun hanya boleh hadir dalam suku kata tertutup. Rangkap vokal dalam DMKb juga terdiri daripada dua urutan dan tiga urutan vokal. Walau bagaimanapun, rangkap vokal yang terdiri daripada tiga urutan vokal amat terbatas jumlahnya seperti /uai/ dalam kata /muai/ ‘mual’, /auo/ dalam kata /lauoʔ/ ‘lauk’ dan /iau/ dalam kata /miau/ ‘panggilan untuk kucing’.

6.3 Rangkap konsonan

Rangkap konsonan ialah gabungan dua konsonan yang boleh berfungsi sebagai satu kesatuan sama ada pada awal, tengah atau akhir kata (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Urutan konsonan tersebut boleh hadir dalam satu suku kata yang sama

dan juga dalam suku kata yang berasingan. Rangkap konsonan yang hadir dalam suku kata yang berasingan dinamakan *abutting cluster* atau rangkap berdamping (Abercrombie, 1967). Rangkap konsonan dalam satu suku kata lazimnya terletak pada lingkungan awal kata manakala rangkap berdamping pula hadir di lingkungan tengah kata (Roshidah Hassan, 2006: 58). Dalam DMKb, terdapat dua pola utama rangkap konsonan yang dikesan, iaitu rangkap konsonan Nasal-Oral (NOr) dan rangkap konsonan Oral-Oral (OrOr).

6.3.1 Rangkap Nasal-Oral (NOr)

Rangkap konsonan NOr terdiri daripada dua urutan konsonan yang melibatkan gabungan konsonan nasal dengan konsonan oral yang ditentukan oleh artikulasi konsonan berkenaan. Oleh sebab itu, rangkap konsonan ini disebut rangkap homorgan nasal-oral yang juga telah dinyatakan dalam Bahagian 5.4.2. Rangkap homorgan NOr mempunyai ciri fonetik yang khusus yang ditentukan oleh artikulasi konsonan-konsonan tersebut (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012), iaitu:

- (i) Konsonan pertama merupakan konsonan nasal
- (ii) Konsonan kedua merupakan konsonan oral
- (iii) Konsonan pertama dan kedua dihasilkan oleh alat artikulasi yang sama, iaitu homorgan.

Dalam DMKb, rangkap NOr terdiri daripada bunyi konsonan nasal diikuti oleh bunyi konsonan plosif, dan juga konsonan nasal diikuti konsonan afrikat. Secara ringkas, DMKb mempunyai tiga pola rangkap konsonan NOr seperti berikut.

6.3.1.1 Nasal + Plosif (NP)

Rangkap NP ini terdiri daripada /mp/, /mb/, /nt/, /nd/, /ŋk/, dan /ŋg/. Semua rangkap konsonan ini adalah homorgan, iaitu dihasilkan oleh alat artikulasi yang sama. Bunyi-bunyi konsonan yang membentuk rangkap-rangkap konsonan ini diucapkan tanpa tekanan yang kuat ke atas salah satu daripada bunyi tersebut (Asmah Haji Omar, 2008b: 58). Laluan udara semasa menghasilkan rangkap-rangkap ini adalah lancar tanpa sekatan. Rangkap konsonan NP dalam DMKb dapat dikelaskan berdasarkan ciri-ciri distingtif seperti berikut:

(i) Rangkap NP yang homorgan berkongsi ciri bilabial

$$/mb/ \rightarrow /m/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{ bilabial} \\ + \text{ sonorant} \\ + \text{ bersuara} \end{array} \right\} + /b/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{ bilabial} \\ - \text{ sonorant} \\ + \text{ bersuara} \end{array} \right\}$$

$$/mp/ \rightarrow /m/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{ bilabial} \\ + \text{ sonorant} \\ + \text{ bersuara} \end{array} \right\} + /p/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{ bilabial} \\ - \text{ sonorant} \\ - \text{ bersuara} \end{array} \right\}$$

(ii) Rangkap NP yang homorgan berkongsi ciri alveolar

$$/nd/ \rightarrow /n/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{ alveolar} \\ + \text{ sonorant} \\ + \text{ bersuara} \end{array} \right\} + /d/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{ alveolar} \\ - \text{ sonorant} \\ + \text{ bersuara} \end{array} \right\}$$

$$/nt/ \longrightarrow /n/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{alveolar} \\ + \text{sonoran} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /t/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{alveolar} \\ - \text{sonoran} \\ - \text{bersuara} \end{array} \right\}$$

(iii) Rangkap NP yang homorgan berkongsi ciri velar

$$/ŋk/ \longrightarrow /ŋ/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{velar} \\ + \text{sonoran} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /k/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{velar} \\ - \text{sonoran} \\ - \text{bersuara} \end{array} \right\}$$

$$/ŋg/ \longrightarrow /ŋ/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{velar} \\ + \text{sonoran} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /g/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{velar} \\ - \text{sonoran} \\ - \text{bersuara} \end{array} \right\}$$

Berdasarkan rangkap NP yang ditemui dalam DMKb, didapati distribusi bagi rangkap NP terbahagi kepada dua bentuk, iaitu boleh hadir di lingkungan awal kata dan di lingkungan tengah kata. Walaupun kesemua rangkap NP boleh hadir pada kedua-dua lingkungan ini, namun rangkap NP tidak hadir pada lingkungan akhir kata. Rangkap NP yang boleh hadir di lingkungan awal dan tengah kata terdiri daripada /mb/, /mp/, /nd/, /nt/ dan /ŋk/. Apabila hadir di awal kata, rangkap NP terletak dalam suku kata pertama dan apabila hadir di tengah kata, rangkap NP merupakan sebahagian dari suku kata pertama dan suku kata kedua yang dikatakan sebagai '*abutting cluster*'. Rangkap konsonan yang hadir pada awal kata berasal dari struktur /ʔəNP/, yakni telah berlaku

pengguguran vokal /ə/ pada urutan dua konsonan dalam lingkungan awal kata.

Misalnya, dalam struktur berikut.

$$\begin{aligned} /ʔəNPaŋo/ &\longrightarrow /əmpaŋo/ = /əmpaŋo/ \text{ 'empangau' } \\ & /oŋmpaŋo/ = /mpaŋo/ \end{aligned}$$

Dalam contoh tersebut, struktur asalnya bagi kata ini ialah 'empangau' tetapi telah berlaku pengguguran vokal /ə/ pada rangkap NP, yakni [m] adalah berfitur [+nasal] dan [p] berfitur [+plosif]. Rangkap /mp/ adalah homorgan yang berkongsi fitur [+bilabial] dan [+bersuara]. Distribusi rangkap NP dan contoh lain yang mengalami pengguguran /ə/ dalam struktur /ʔəNP/ ditunjukkan dalam Jadual 6.3 berikut:

Jadual 6.3: Distribusi rangkap NP

Kelas rangkap	Awal kata	Tengah kata
/mp/	[mpaŋo] = empangau [mpunu ^w oʔ] = anak udang	[ləmpah] = masakan berkuah [tumpiʔ] = lempeng tepung rumbia
/mb/	[mbatuʔ] = buah pokok nipah [mbilaŋ] = ikan sembilang	[lambat] = lambat [kumbuʔ] = berselimut
/nd/	[ndəkiʔ] = panjat [ndu ^w aʔ] = berdua	[mandik] = mandi [pande] = pandai
/nt/	[ntu ^w ie] = terbangun dari tidur [ntiŋaj] = degil	[bantai] = bantal [pante] = pantai
/ŋk/	[ŋkalaʔ] = sejenis buah hutan [ŋkuwa] = bingkis bangun	[tuŋkup] = tungkup [tuŋkat] = tongkat

'sambungan Jadual 6.3'

Kelas rangkap	Awal kata	Tengah kata
/ŋg/	[ŋgəlam]= tenggelam [ŋga ^j ik] = ambil dan hantar balik	[lan ^g gu ^w ok] = manja [min ^g gu] = hari Ahad

6.3.1.2 Nasal + Afrikat (NAf)

Rangkap konsonan NOr dalam DMKb juga terdiri daripada rangkap nasal + afrikat (NAf). Rangkap konsonan NOr ini terdiri daripada rangkap /ntʃ/ dan /ndʒ/. Rangkap-rangkap konsonan ini adalah tidak homorgan kerana fonem-fonem konsonan yang membentuk rangkap konsonan NAf ini dihasilkan oleh alat artikulasi yang berbeza. Apabila hadir di awal kata, rangkap NAf terletak dalam suku kata pertama dan apabila hadir di tengah kata, rangkap NAf merupakan sebahagian dari suku kata pertama dan sebahagian lagi di suku kata kedua yang dikatakan sebagai rangkap berdamping (Roshidah Hassan, 2006: 58). Rangkap konsonan NAf ini juga menunjukkan wujudnya sendi yang terbuka antara dua bunyi konsonan yang membentuk rangkap ini. Berikut merupakan ciri-ciri distingtif bagi dua jenis rangkap konsonan NAf.

$$\begin{array}{l}
 /ntʃ/ \longrightarrow /n/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{sonoran} \\ + \text{alveolar} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /tʃ/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{sonoran} \\ - \text{alveolar} \\ - \text{bersuara} \end{array} \right\} \\
 \\
 /ndʒ/ \longrightarrow /n/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{sonoran} \\ + \text{alveolar} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /dʒ/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{sonoran} \\ - \text{alveolar} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\}
 \end{array}$$

Berdasarkan ciri-ciri distingtif yang dipaparkan dalam struktur tersebut, didapati rangkap NAF adalah tidak homorgan. Misalnya, dalam rangkap /ntʃ/, /n/ berfitur [+nasal], [+alveolar], manakala /tʃ/ adalah [+afrikat], [+alveo-palatal]. Rangkap konsonan NAF juga mempunyai dua lingkungan distribusi, iaitu boleh hadir di lingkungan awal dan lingkungan tengah kata. Hal ini bermakna, rangkap NAF tidak menempati lingkungan akhir kata sebagaimana rangkap NP. Jadual 6.4 berikut memaparkan distribusi bagi rangkap konsonan NAF.

Jadual 6.4: Distribusi rangkap NAF

Kelas rangkap	Awal kata	Tengah kata
/ntʃ/	[ntʃulit] = culit [ntʃiŋan] = jari kelingking [ntʃɔŋaʔ] = menjengukkan kepala	[bintʃut] = lebam [lantʃa] = lancar [kuntʃi] = kunci
/ndʒ/	[ndʒəlik] = merangkak, menjalar [ndʒilat] = menjilat [ndʒu ^w al] = menjual	[pəndʒan] = tingkap [landʒi] = miang [ɡandʒə] = tinggi lampai

Berdasarkan contoh rangkap konsonan NAF dalam Jadual 6.4 tersebut, dapat dikatakan bahawa dalam DMKb rangkap NOR yang terdiri daripada NAF /ntʃ/ dan /ndʒ/ di lingkungan awal kata juga berasal dari struktur /ʔəNOR/, yakni telah berlaku pengguguran vokal /ə/ pada urutan dua konsonan dalam lingkungan awal kata. /ntʃ/ dan /ndʒ/ boleh hadir selepas dan sebelum vokal dan tidak wujud tiga urutan konsonan bagi rangkap NOR. Proses pengguguran vokal /ə/ di awal kata dipaparkan dalam struktur berikut:

$/ʔəNOr/ \longrightarrow /ʔəntʃɪŋan/ = /əntʃɪŋan/$ ‘jari kelingking’
 $\longrightarrow /øNOr/ = /ntʃɪŋan/$

6.3.1.3 Nasal + Frikatif (NFr)

Rangkap nasal + frikatif juga dikesan dalam DMKb yang terdiri daripada rangkap /ns/ dan /ŋs/. Rangkap konsonan /ns/ adalah homorgan kerana fonem-fonem konsonan yang membentuk rangkap konsonan ini dihasilkan oleh alat artikulasi yang sama manakala rangkap konsonan /ŋs/ tidak homorgan kerana alat artikulasi yang terlibat semasa menghasilkannya adalah berbeza. Rangkap konsonan /ns/ boleh hadir pada kedua-dua lingkungan kata sama ada di awal dan di tengah kata sebaliknya rangkap /ŋs/ hanya hadir pada lingkungan tengah kata. Rangkap /ŋs/ amat terbatas dalam DMKb kerana kata asli dalam dialek ini tidak mempunyai rangkap ini melainkan kata yang dipinjam daripada BMS. Kedua-dua rangkap ini diucapkan tanpa tekanan yang kuat ke atas salah satu daripada bunyi tersebut. Ciri distingtif rangkap konsonan NFr dapat dilihat seperti berikut:

$/ns/ \longrightarrow /n/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{alveolar} \\ + \text{sonoran} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /s/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{alveolar} \\ - \text{sonoran} \\ - \text{bersuara} \end{array} \right\}$

$/ŋs/ \longrightarrow /ŋ/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{velar} \\ + \text{sonoran} \\ + \text{bersuara} \end{array} \right\} + /s/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{velar} \\ - \text{sonoran} \\ - \text{bersuara} \end{array} \right\}$

Berdasarkan struktur rangkap NFr di atas, didapati rangkap /ns/ adalah homorgan kerana kedua-dua fonem ini berkongsi artikulasi yang sama, iaitu [+alveolar] namun berbeza dari segi fitur [+sonoran] dan [-sonoran], [+bersuara] dan [-bersuara]. Bagi rangkap /ŋs/ pula adalah tidak homorgan kerana /ŋ/ merupakan konsonan [+velar] manakala /s/ [+alveolar]. Kedua-dua fonem ini juga berbeza dari segi fitur [+bersuara] dan [-bersuara] dan [+sonoran] dan [-sonoran].

Rangkap konsonan /ns/ boleh hadir pada lingkungan awal dan tengah kata sahaja manakala rangkap /ŋs/ hanya hadir pada lingkungan tengah kata. Rangkap /ŋs/ yang dikesan dalam DMKb merupakan kata pinjaman daripada BMS kerana kata asli dalam dialek ini tidak mempunyai rangkap /ŋs/ dan kalau adapun dalam kekerapan yang sangat rendah. Bagi perkataan yang hadir di lingkungan awal kata, ia merupakan perkataan yang berasal dari struktur /ʔəNFr/ yang telah mengalami pengguguran vokal /ə/. Rangkap konsonan ini juga menunjukkan wujudnya sendi yang terbuka, iaitu bunyi-bunyi konsonan yang membentuk rangkap /ns/ dan /ŋs/ diucapkan tanpa tekanan yang kuat ke atas salah satu daripada bunyi tersebut. Konsonan rangkap /ns/ yang hadir di lingkungan awal kata juga merupakan perkataan yang berasal dari struktur /ʔəNFr/ yang telah mengalami pengguguran vokal /ə/. Berikut menunjukkan proses pengguguran /ə/ di awal kata, diikuti distribusi rangkap NFr dalam Jadual 6.5.

$$\begin{aligned} /ʔəNFr/ &\longrightarrow /ʔənsəmo/ \text{ 'selsema'} \\ &\longrightarrow /\emptyset NFr/ = /nsəmo/ \end{aligned}$$

Jadual 6.5: Distribusi rangkap NFr

Kelas rangkap	Awal kata	Tengah kata
/ns/	[nse ¹ ɔ] = dahulu [nsəno] = sena [nsəmo] = selsema	[anso] = angsa [ŋanso] = mencari [mansaŋ] = kehadiran
/ŋs/	-	[laŋsat] = buah langsung [peŋsan] = pengsan [saŋsi] = tangsi

Berdasarkan contoh kata yang mempunyai rangkap konsonan /ŋs/, DMKb mempunyai kata yang terbatas bagi rangkap vokal ini yang hanya terdapat di posisi tengah kata. Misalnya, /laŋsat/ dan /peŋsan/ merupakan kata dalam BMS. Dalam DMKb telah wujud kata yang tersendiri untuk ‘pengsan’ iaitu [ləput] kecuali bagi penutur DMK, ‘pengsan’ disebut [pisan]. Perkataan lain dalam BMS yang mempunyai rangkap ini ialah ‘angsa’ tetapi disebut [anso] dalam DMKb dengan penguguran fonem /ŋ/. Selain itu, tidak digunakan istilah ‘rumah pangsa’, ‘bangsa’, ‘langsai’ dan ‘engsot’ dalam DMKb kerana perkataan-perkataan ini masing-masingnya menjadi [umah bætiŋkat], [banso], [baja] dan [insut]. Maka, dalam DMKb kata yang mempunyai rangkap /ŋs/ telah mengalami penguguran /ŋ/ ataupun telah ada perkataan yang mendukung maksud berkenaan dalam DMKb.

6.4 Rangkap Oral-Oral

Selain adanya rangkap konsonan hormorgan nasal-oral, dalam DMKb juga dapat dikesan kewujudan rangkap konsonan oral-oral (OrOr), iaitu rangkap konsonan yang terdiri daripada bunyi konsonan plosif + likuida (PLi) dan plosif + velar (PVe). Rangkap ini dibentuk oleh bunyi-bunyi plosif yang tidak kontinuan dan bunyi likuida dan velar yang kontinuan (Roshidah Hassan, 2006: 62). Hal ini bermakna rangkap konsonan OrOr mesti terdiri daripada konsonan (-kontinuan) diikuti oleh konsonan (+kontinuan).

6.4.1 Plosif + Likuida (PLi)

Rangkap konsonan PLi terdiri daripada rangkap /p/ dan /l/. Rangkap-rangkap konsonan ini tidak homorgan kerana bunyi-bunyi fonem tersebut dihasilkan oleh alat artikulasi yang berbeza. Ciri-ciri distingtif rangkap PLi ditunjukkan seperti berikut.

$$/p/ \longrightarrow /p/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{bilabial} \end{array} \right\} + /l/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{bilabial} \end{array} \right\}$$

$$/b/ \longrightarrow /b/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{bilabial} \end{array} \right\} + /l/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{bilabial} \end{array} \right\}$$

$$/kl/ \longrightarrow /k/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{velar} \end{array} \right\} + /l/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{velar} \end{array} \right\}$$

Rangkap konsonan PLi hanya boleh menempati lingkungan awal kata. Hal ini bermakna, rangkap konsonan PLi tidak menempati lingkungan tengah dan akhir kata sebagaimana rangkap NP. Berdasarkan data yang diperoleh juga menunjukkan rangkap PLi amat terbatas. Selain itu, rangkap PLi juga telah mengalami pengguguran vokal /ə/ dalam struktur /Pəl/. Sendi bagi rangkap konsonan PLi adalah secara tertutup, iaitu bunyi kedua-dua konsonan diucapkan secara tidak terpisah. Jadual 6.6 memaparkan distribusi bagi rangkap konsonan PLi dan pengguguran vokal /ə/ bagi struktur /Pəl/ adalah seperti berikut;

$$\begin{aligned} /Pəl/ &\longrightarrow /pələntɛ/ = /pələntɛ/ \text{ 'main-main'} \\ &\longrightarrow /pələntɛ/ = /plɛntɛ/ \end{aligned}$$

Jadual 6.6: Distribusi rangkap PLi

Kelas rangkap	Awal kata	Tengah kata
/pl/	/pla ^j ik/ = sejenis pokok /plɛntɛ/ = main-main	-
/bl/	/blaŋkas/ = belankas /bla ^w o/ = ikan air tawar	-
/kl/	/klo ^w aŋ/ = kelawar /klempɛn/ = belanga /klaka/ = bercakap	-

6.4.2 Plosif + Velar (PVe)

Satu lagi bentuk rangkap konsonan OrOr ialah rangkap plosif + velar (PVe) yang terdiri daripada rangkap konsonan /pʏ/, /bʏ/, /tʏ/, /dʏ/ dan /kʏ/. Rangkap ini dibentuk oleh bunyi-bunyi plosif yang tidak kontinuan dan velar yang kontinuan. Hal ini bermakna rangkap konsonan OrOr mesti terdiri daripada konsonan (-kontinuan) diikuti oleh konsonan (+kontinuan). Rangkap-rangkap konsonan ini tidak homorgan kerana bunyi-bunyi tersebut dihasilkan oleh alat artikulasi yang berbeza. Dari segi distribusi, semua rangkap PVe hanya hadir di lingkungan awal kata sahaja. Rangkap konsonan PVe yang hadir pada lingkungan awal kata merupakan kata yang mengalami pengguguran vokal /ə/ bagi struktur /Pəʏ/. Kebanyakan kata yang mengandungi rangkap PVe merupakan kata dasar daripada BI. Sendi bagi rangkap konsonan ini adalah sendi tertutup kerana kedua-dua bunyi konsonan diucapkan secara tidak terpisah. Berikut merupakan struktur pengguguran /Pəʏ/.

/Pəʏ/ → /dəʏɛba/ = /dʏɛba/ 'pemandu'
 → /døʏɛba/ = /dʏɛba/

Ciri-ciri distingtif rangkap plosif + velar ditunjukkan seperti berikut:

/pʏ/ → /p/ $\left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{bilabial} \end{array} \right\}$ + /ʏ/ $\left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{bilabial} \end{array} \right\}$

/bʏ/ → /b/ $\left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{bilabial} \end{array} \right\}$ + /ʏ/ $\left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{bilabial} \end{array} \right\}$

$$/t\mathfrak{y}/ \longrightarrow /t/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{alveolar} \end{array} \right\} + /y/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{alveolar} \end{array} \right\}$$

$$/d\mathfrak{y}/ \longrightarrow /d/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{alveolar} \end{array} \right\} + /y/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ - \text{alveolar} \end{array} \right\}$$

$$/k\mathfrak{y}/ \longrightarrow /k/ \left\{ \begin{array}{l} - \text{kontinuan} \\ + \text{plosif} \\ + \text{velar} \end{array} \right\} + /y/ \left\{ \begin{array}{l} + \text{kontinuan} \\ - \text{plosif} \\ + \text{velar} \end{array} \right\}$$

Rangkap-rangkap /p \mathfrak{y} /, /b \mathfrak{y} /, /t \mathfrak{y} /, /d \mathfrak{y} / dan /k \mathfrak{y} / hanya boleh hadir dalam lingkungan awal kata sahaja. Rangkap konsonan PVe yang hadir pada lingkungan awal kata merupakan kata yang mengalami pengguguran vokal /ə/ bagi struktur /Kə \mathfrak{y} /. Berdasarkan data yang diperoleh, rangkap PVe menunjukkan adanya peminjaman kata daripada BI. Hal ini merupakan ciri yang umum dalam kebanyakan bahasa dan dialek di Sarawak kerana Sarawak yang pernah ditadbir di bawah pemerintahan British khususnya semasa pemerintahan Keluarga Brooke di Sarawak. Justeru, kata-kata ini telah sehati dalam penggunaan masyarakat Melayu di Sarawak, termasuklah juga masyarakat Melayu di Kabong.

Kosa kata daripada BI telah diserap penggunaannya dalam DMS termasuklah DMKb. Sendi bagi rangkap konsonan ini adalah sendi tertutup, iaitu bunyi kedua-dua

konsonan diucapkan secara tidak terpisah. Jadual 6.7 berikut memaparkan distribusi bagi rangkap konsonan PVe.

Jadual 6.7: Distribusi rangkap PVe

Kelas rangkap	Awal kata	Tengah kata
/pʏ/	[pʏektis] = latihan yang berulang [pʏɛm] = bingkai gambar [pʏas] = kecewa	-
/bʏ/	[bʏɛ ^ʎ aʔ] = <i>brake</i> [bʏu ^w it] = nama tempat di Matu	-
/tʏ/	[tʏaʔ] = <i>truck</i> [tʏɛ ^ʎ a] = cabutan bertuah	-
/dʏ/	[dʏɛba] = pemandu [dʏama] = drama [dʏow] = melukis	-
/kʏ/	[kʏɛm] = kejang [kʏupin] = keruping	-

Berdasarkan Jadual 6.7, didapati hampir kesemua perkataan tersebut merupakan kata pinjaman daripada BI kecuali perkataan /bʏuit/ dan /kʏupin/. Perkataan-perkataan pinjaman daripada BI ini terus digunakan sehingga ke hari ini kerana perkataan-perkataan ini telah terserap ke dalam DMS termasuklah DMKb. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan daripada BI ini telah mengalami pengubahsuaian dari segi ejaan dan sebutannya dalam DMKb. Misalnya, perkataan '*driver*' telah digugurkan konsonan /r/ di akhir kata selaras dengan perkataan jati dalam DMKb seperti [təlur] ~ [təlu^wa],

[paɣar] ~ [paɣa] dan [liar] ~ [liʔa]. Bagi perkataan daripada BI yang mengandungi rangkap konsonan di akhir kata seperti perkataan /cramp/ dan /truck/ yang menjadi [kɣɛm] dan [tɣaʔ] sahaja kerana dalam DMKb tidak wujud rangkap konsonan di akhir kata.

Berdasarkan huraian tersebut, jelas menunjukkan bahawa DMKb mempunyai rangkap konsonan NOr dan rangkap konsonan OrOr. Berdasarkan contoh, rangkap konsonan NOr /yang terdiri daripada /nt/, /nd/, /ns/, /ntʃ/ dan /ndʒ/ banyak digunakan dalam dialek ini. Walau bagaimanapun, rangkap konsonan /ŋh/ tidak terdapat dalam DMKb kerana dalam dialek ini, kata dasar yang diawali konsonan /h/ telah digugurkan, misalnya perkataan /məŋhantar/ akan menjadi /ŋanta/ dalam DMKb. Bagi rangkap konsonan OrOr yang terdiri daripada rangkap PLi yang terdiri daripada /pl/, /bl/ dan /kl/ telah mengalami pengguguran vokal /ə/ dalam struktur /Pəl/. Konsonan rangkap PVe pula banyak dipengaruhi oleh kata daripada BI tetapi perkataan tersebut juga mengalami pengguguran vokal /ə/ dalam struktur /Pəʔ/.

6.5 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan rangkap bunyi yang terdapat dalam DMKb, yang terdiri daripada rangkap vokal dan rangkap konsonan. Rangkap vokal DMKb terdiri daripada rangkap vokal ke depan dan rangkap vokal ke belakang. Bagi rangkap konsonan pula, terdiri daripada rangkap NOr dan OrOr. Rangkap NOr terbahagi kepada rangkap NP, NAF dan NFr manakala rangkap OrOr terdiri daripada PLi dan PVe yang

mempunyai ciri-ciri yang tertentu seperti yang telah dibincangkan. Satu ciri yang membezakan rangkap fonem dalam DMKb dan BMS ialah terdapatnya rangkap PVe dalam DMKb kerana pengaruh kata pinjaman daripada BI yang terdapat dalam kebanyakan dialek Melayu di Sarawak termasuklah DMKb.

University of Malaya

BAB 7: SUKU KATA DIALEK MELAYU KABONG

7.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan dan membincangkan struktur suku kata yang terdapat dalam DMKb. Deskripsi suku kata ini akan menggunakan model Asmah Haji Omar (1981, 2012) dengan aplikasi teori struktur kata. Aspek yang dibincangkan termasuklah komponen Puncak (Pn), Koda (C), Onset (On) dan stuktur fonologi kata yang terdiri daripada kata monosilabik, dwisilabik, trisilabik dan yang selebihnya. Selain itu, struktur suku kata DMKb dapat dibahagikan kepada dua struktur yang utama, iaitu struktur suku kata asli DMKb dan perkembangan kemudian disebabkan perkembangan dalam BMS.

7.2 Definisi suku kata

Suku kata dapat didefinisikan sebagai unit pertuturan (*speech unit*) yang paling kecil dan bermakna bahawa dalam pertuturan (*speech*), tidak ada unit yang lebih kecil yang dapat diwujudkan (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Robins (1968) pula mentakrifkan suku kata sebagai “...*the term syllable has frequently been used to refer to a sequence of speech sounds having a maximum or peak of inherent sonority between two minima of sonority*”. Dalam kaitannya dengan konsonan dan vokal, dapat dikatakan bahawa konsonan dan vokal merupakan segmen atau unsur-unsur kecil dalam pertuturan yang tidak dapat berdiri sendiri kerana dalam pertuturan yang kecil itu

dikaitkan dengan satu-satu gerak dada (*chest pulse*) (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012).

Dalam pengertian yang lebih jelas, Robins (1968), menegaskan bahawa suku kata merujuk kepada “...a number of different sequences of consonants and vowels, together with others features such as length and stress...” Pei (1965) pula mengatakan “A syllable is a peak of sonority, usually a vowel sound, with other sounds usually, but not invariably, preceding, or following, or both preceding and following the peak”. Dalam pengertian yang umum, suku kata merupakan deretan bunyi V dan K yang berbeza serta hadir bersama-sama ciri lain seperti puncak kelantangan, panjang pendek nada, dan tekanan dalam setiap kata yang dituturkan. Bunyi-bunyi ini mengandungi sekurang-kurangnya satu bunyi yang lebih jelas kelantangannya daripada bunyi lain.

Untuk memahami konsep suku kata, misalnya kata dalam DMKb, perkataan *kameah*; tidak disebut berdasarkan pada satu-satu segmen *k-a-m-e-a-h* kerana dalam pertuturan yang sebenar dan didengar ialah *ka-meah*. Pertuturan ini selari dengan dua gerak dada; yang pertama ialah *ka*, dan yang kedua ialah *meah*. Dalam ilmu linguistik, unit-unit *ka* dan *meah* ini dikenali sebagai suku kata (*syllable*) (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Dalam analisis fonologi, konsonan dan vokal boleh bergabung untuk membentuk satu unit fonologi yang diberi nama suku kata. Secara umumnya, suku kata yang wujud dalam bahasa manusia itu boleh dikelaskan kepada empat jenis iaitu V, KV, VK, dan KVK.


7.3 Nukleus, onset dan koda

Dalam bidang linguistik, suku kata dapat dijelaskan menerusi istilah puncak (Pn), onset (On) dan koda (C). Vokal (V) mempunyai ciri kelantangan berbanding konsonan (K). Oleh sebab itu, V boleh berdiri sendiri sebagai suku kata seperti dalam contoh perkataan *a-po* ‘apa’ dan *u-la* ‘ular’ berbanding *p* dan *l* yang memerlukan bantuan vokal *a* dan *u* untuk menghasilkan suku kata *po* dan *la*. Berdasarkan contoh ini, dapat dikatakan bahawa suku kata DMKb boleh terdiri daripada satu vokal sahaja dan yang terdiri daripada gabungan konsonan dan vokal dalam urutan KV serta yang berbentuk KVK.

Unsur yang paling penting dan mesti ada dalam suku kata dikenal sebagai puncak (Pn) suku kata (*syllable peak*) (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Unsur yang bukan puncak dinamakan unsur satelit (*satellite*). Unsur satelit sebelum puncak dikenal sebagai *onset* (On), dan yang sesudahnya dikenal sebagai *coda* (C). Pn adalah puncak kelantangan dalam sesuatu suku kata, iaitu bagi bunyi vokal. Bunyi-bunyi yang tidak lantang atau mempunyai kelantangan yang minimum disebut sebagai On bagi bunyi sebelum puncak dan C bagi bunyi-bunyi konsonan setelah puncak. K yang membuka suku kata dipanggil sebagai On manakala K yang menutup suku kata merupakan C. Oleh sebab V merupakan unsur wajib dalam suku kata dan paling lantang, unsur V dinamakan sebagai nukleus (N).

Suku kata adalah unit fonologi yang mempunyai struktur berhierarki yang lazimnya boleh digambarkan melalui rajah pohon. Unsur utama yang mendirikan sesebuah suku kata ialah N, dan lazimnya semua vokal boleh menjadi nukleus. Setiap

suku kata ada segmen suku kata, biasanya terdiri daripada V dan kebanyakan suku kata ada juga K yang merupakan segmen bukan silabik. K biasanya hadir sebelum atau selepas V. Ciri silabik ialah berada di tengah atau berfungsi sebagai N perkataan. Oleh sebab itu, struktur suku kata tanpa menyebut istilah V dan K adalah seperti struktur berikut:



Sebahagian besar perkataan dalam bahasa mempunyai gabungan bunyi K dan V, seperti VK, KV, KVK, dan VKK. Gabungan antara konsonan dan vokal ini disebut suku kata. Dari segi pensukuan kata, perkataan mengandungi satu suku atau lebih daripada satu suku kata. Sesuatu suku kata pula boleh dibentuk oleh satu vokal sahaja atau satu vokal disertai satu konsonan atau beberapa konsonan. Konsonan hadir sama ada di hadapan vokal atau di belakangnya atau di hadapan vokal dan di belakangnya secara serentak. Berdasarkan Asmah Haji Omar (1983: 88), BMS terdiri daripada lapan struktur suku kata, iaitu V, KV, VK, KVK, KKV, KKVK, KKKV dan KKKVK. Struktur V, KV, VK dan KVK merupakan struktur asli BMS manakala struktur KKV, KKVK, KKKV dan KKKVK akibat perkembangan dan inovasi serta kemasukan istilah-istilah teknikal dan pinjaman daripada bahasa Inggeris seperti perkataan *struktur*, *strata*, *stem* dan *strategi*.

7.4 Struktur suku kata DMKb

Segmen konsonan dan vokal merupakan unsur utama yang membina atau membentuk sesuatu morfem dan juga kata. Struktur suku kata bermaksud susunan unsur segmental yang dapat mewujudkan suku kata bagi sesuatu perkataan (Roshidah Hassan, 2006: 64). Kebanyakan ahli bahasa bersetuju bahawa struktur suku kata dasar bahasa Melayu terdiri daripada empat jenis (Yunus 1980, Farid 1980, Zaharani 2005), iaitu KV (cth. *yu*), V (cth. *i.kan*), KVK (cth. *pan.tun*), dan VK (cth. *in.ti*). Dalam bahasa Melayu tidak terdapat binaan struktur suku kata yang kompleks, seperti KKV, KKVK, KVKK, KKKVK dan lain-lain (Zaharani Ahmad et al, 2011: 13-27). Berdasarkan data yang diperoleh daripada DMKb didapati bahawa terdapat tujuh struktur yang membentuk suku kata dalam dialek ini berbanding hanya empat struktur dalam DMK⁵¹ dan tiga struktur dalam BIb⁵². Struktur suku kata DMKb terdiri daripada:

- (1) V
- (2) VK
- (3) KV
- (4) KVV
- (5) KVK
- (6) KKV
- (7) KKVK

Daripada tujuh struktur suku kata tersebut, struktur (1) hingga (6) merupakan struktur suku kata asli dalam DMKb manakala struktur (7) merupakan perkembangan daripada struktur bahasa Melayu moden yang dipengaruhi oleh kata pinjaman daripada

⁵¹ Madzhi Johari (1989: 98) mendapati hanya 4 pola struktur suku kata DMK, iaitu KV, KVV, KVK dan KVKK.

⁵² Sila rujuk Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2012: 49).

bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa bumiputera lain di Sarawak khususnya bahasa Iban. Struktur ini juga dilihat selari dengan dapatan Asmah Haji Omar (1983: 51) bahawa kebanyakan bahasa seperti bahasa Melayu, Iban, Bajau dan kebanyakan bahasa Dusun mempunyai struktur (1) – (3) manakala struktur suku kata dalam BM moden terdapat dalam (5) hingga (7).

7.4.1 Struktur suku kata asli DMKb

Huraian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian satu untuk struktur suku kata asli DMKb yang merangkumi struktur (1) hingga struktur (6) dan bahagian kedua untuk tahap perkembangan struktur suku kata merangkumi struktur (7). Berikut merupakan struktur suku kata asli dalam DMKb.

7.4.1.1 Struktur V

DMKb mempunyai empat pola suku kata yang boleh hadir bersama struktur V yang terdiri daripada pola V-VK, V-KV, V-KVK dan V-KVV. Berdasarkan data yang diperoleh, DMKb tidak mempunyai pola stuktur V dan V-V. Berikut merupakan contoh pola suku kata dengan struktur V. Huraian ini akan menggunakan ringkasan Pn (Puncak), C (Koda) dan On (Onset).

Struktur V	DMKb	BMS
1). V-VK	/aok/ /a - ok/ Pn - PnC	ya
2). V-KV	/ipa/ /i - pa/ Pn - OnP	ipar
3). V-KVK	/olah/ /o - lah/ Pn - OnPnC	perangai

4). V-KVV	/alia/ /a - lia/ Pn - OnPnPn	alir
-----------	------------------------------------	------

Berdasarkan contoh yang dikemukakan, struktur V mempunyai empat pola suku kata dengan struktur V hadir di awal kata. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, V mempunyai ciri kelantangan, dan suku kata dapat dikenal pasti dengan adanya ciri ini. Setiap suku kata ini mesti mempunyai Pn suku kata dan unsur yang bukan puncak dikenal sebagai On manakala unsur akhir suku kata adalah C (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Dalam contoh (1) bagi struktur V di atas, vokal *a* merupakan puncak suku kata yang boleh berdiri sendiri manakala dalam suku kata VK, *ok*, *o* juga merupakan Pn manakala *k* mengisi posisi C suku kata. Daripada empat pola yang terdapat dalam struktur V ini, pola V-KVK paling banyak ditemui dalam struktur suku kata DMKb.

7.4.1.2 Struktur VK

Dalam struktur VK, hanya terdapat tiga pola suku kata yang terdapat dalam DMKb, iaitu pola VK-KV, VK-KVK dan VK-KVV. Ketiga-tiga pola yang terdapat dalam struktur VK dipaparkan dalam contoh berikut;

Struktur VK	DMKb	BMS
1).VK-KV	/inte/ /in - te/ PnC - OnPn	intai
2).VK-KVK	/əmbaʔ/ /əmb - baʔ/ PnC - OnPnC	bawa
3).VK-KVV	/ambua/ /am - bua/ PnC- CPnPn	hambur

Berdasarkan ketiga-tiga contoh pola struktur suku kata VK di atas, dapat dikatakan bahawa pola ini mengalami perubahan daripada pola yang terdapat dalam BMS. Pola (1) dalam DMKb berstruktur VK-KV yang asalnya dalam BMS berstruktur VK-KVV. Hal ini demikian kerana dalam DMKb, diftong [aj] dalam BMS mengalami monoftongisasi dalam DMKb, yakni [aj] menjadi [e]. Bagi pola (3) pula, berlaku pengguguran /h/ di awal kata dan /y/ di posisi koda dalam DMKb menyebabkan struktur asal KVK-KVK dalam BMS menjadi VK-KVV dalam DMKb.

7.4.1.3 Struktur KV

Terdapat lima pola bagi struktur KV, iaitu KV, KV-KV, KV-VK, KV-KVK dan KV-KVV. Berikut dipaparkan contoh perkataan dalam DMKb yang mempunyai struktur kelima-lima pola berkenaan.

Struktur KV	Contoh	BMS
1)KV	/jo/ /jo/ OnPn	itu
2)KV-KV	/lapa/ /la - pa/ OnPn - OnPn	lapar
3)KV-VK	/biaʔ/ /bi - aʔ/ OnPn - PnC	muda
4)KV-KVK	/bojaʔ/ /bo - jaʔ/ OnPn - OnPnC	buaya
5)KV-KVV	/tidua/ /ti - dua/ OnPn -OnPnPn	tidur

Pola (1) dengan struktur KV juga terdapat dalam DMKb yang ditunjukkan melalui contoh perkataan /jo/ 'itu'. Struktur yang berpola KV bukanlah struktur yang mengalami pemendekan sebagaimana struktur dalam BMS seperti /ku/ yang berasal dari perkataan /aku/. Struktur yang berpola KV-KV juga mempunyai ciri yang tersendiri dalam DMKb kerana struktur ini berasal daripada struktur KV-KVK dalam BMS dan DMK. Berdasarkan contoh yang diberi, telah berlaku pengguguran /y/ di posisi koda suku kata dalam DMKb menyebabkan kata /lapar/ menjadi /lapa/. Perkataan lain yang menunjukkan proses yang sama seperti /pagar/~ /paga/, /besar/ ~ /basa/ dan /benar/ ~ /bana/.

Pola (5) KV-KVV juga berbeza daripada pola struktur suku kata yang terdapat dalam BMS dan DMK yang berpola KV-KVK. Sebagaimana juga pola (2), konsonan /y/ di posisi koda digantikan dengan vokal [-tinggi] /a/ apabila konsonan /r/ hadir selepas vokal [+tinggi] /u/ dan membentuk urutan vokal [ua] yang terdapat dalam contoh /tidur/~ /tidua/, /telur/~ /telua/, /tabur/~ /tabua/. Walau bagaimanapun, dalam DMK /y/ di posisi koda adalah kekal.

7.4.1.4 Struktur KVV

Hanya terdapat satu pola dalam struktur KVV, iaitu KVV seperti yang ditunjukkan dalam contoh berikut:

Struktur KVV	Contoh	BMS
1) KVV	/lua/ /lua/ OnPnPn	luar

Berdasarkan contoh yang dipaparkan untuk struktur KKV, pola (1) menunjukkan hanya terdapat satu suku kata bagi pola ini. Apabila diperhatikan, pola ini asalnya daripada pola KVVK dalam BMS. Hal ini kerana, dalam DMKb, konsonan /r/ yang berfungsi sebagai C telah digugurkan dan mewujudkan rangkap vokal [ua] seperti dalam contoh /lua/ ‘luar’. Dalam BMS terdapat struktur KVV-KV, namun struktur ini telah mengalami perubahan dalam DMK dan DMKb menjadi KV-KV. Misalnya, terdapat dalam perkataan /biasa/, /kuasa/, /suara/ dan /muara/. Namun, dalam DMKb perkataan yang berstruktur KVV-KV menjadi KV-KV iaitu /beso/ ‘biasa’, /koso/ ‘kuasa’, /soyo/ ‘suara’ dan /moyo/ ‘muara’. Dalam contoh ini, rangkap vokal [ia] ~ [e] dan [ua] ~ [o].

7.4.1.5 Struktur KVK

Struktur KVK juga mempunyai lima pola, iaitu KVK, KVK-KV, KVK-KVK, KVK-KVV dan KVK-KVVK. Contoh perkataan diperlihatkan berdasarkan kelima-lima pola struktur KVK dalam DMKb seperti berikut;

Struktur KVK	Contoh	BMS
1)KVK	/gap/ /gap/ OnPnC	segak

2) KVK-KV	/t an ga/ /ta ŋ - ga/ OnPnC - OnPn	lihat
3) KVK-KVK	/t an gaʔ/ /ta ŋ - gaʔ/ OnPnC - OnPnC	tangga
4) KVK-KVV	/band ʒ ia/ /ban - d ʒ ia/ OnPnC- OnPnPn	banjir
5) KVK-KVVK	/lan tu ŋ/ /lan-tu ŋ / OPC-OPPC	cacing tanah

Berdasarkan kelima-lima pola struktur suku kata KVK yang terdapat dalam DMKb, didapati pola (1), pola (2) dan pola (3) menyamai pola struktur suku kata yang terdapat dalam BMS dan DMK. Walau bagaimanapun, bagi pola (4) dan (5) wujudnya perbezaan daripada pola BMS dan DMK. Sebagaimana struktur suku kata KV-KVV yang dibincangkan terdahulu, pola (4), KVK-KVV seperti yang terdapat dalam contoh di atas juga mengalami pengguguran /y/ di posisi koda. Pengguguran /y/ berlaku apabila didahului vokal [+tinggi] /i/ lalu disisipkan dengan vokal [+rendah] /a/ membentuk urutan vokal [ia] seperti yang terdapat dalam contoh /band**ʒ**ia/ ‘banjir’, /la**n**ʒia/ ‘langsir’, /gamb**ʒ**ia/ ‘gambir’ dan /t**ʃ**an**ʒ**ia/ ‘cangkir’.

Bagi pola (5) KVK-KVVK pula, kelainan dapat dikesan dalam kata yang diakhiri konsonan /ŋ/. Dalam suku kata kedua, berlaku penyisipan vokal [+separuh tinggi] /e/ yang diikuti vokal [+rendah] /a/ membentuk rangkap vokal [ea] dan vokal [tinggi] /u/ diikuti vokal [+separuh tinggi] /o/ membentuk rangkap vokal [uo]. Misalnya perkataan /lə**m**ah/ ~ /lə**m**eah/, /ba**r**ang/ ~ /ba**y**ea**ŋ**/, dan /su**s**ah/ ~ /su**s**eah/. Rangkap [uo]

pula terdapat dalam perkataan /burung/ ~ /buyuŋ/, /sokong/ ~ /sokuŋ/ dan /terung/ ~ /təyuŋ/.

7.4.1.6 Struktur KKV

Terdapat empat pola struktur suku kata dalam struktur KKV, iaitu KKV-KV, KKV-VV, KKV-KVK dan KKV-KVV. Berikut merupakan contoh bagi keempat-empat pola struktur KKV dalam DMKb.

Struktur KKV	Contoh	BMS
1).KKV-KV	/mbalo/ /mba - lo/ OnOnPn - OnPn	matang
2).KKV-VV	/ntuie/ /ntu - ie/ OnOnPn - PnPn	terjaga dari tidur
3).KKV-KVK	/mpejaʔ/ /mpe - jaʔ/ OnOnPn - OnPnC	cair
4).KKV-KVV	/ntiŋai/ /nti - ŋai/ OnOnPn - OnPnPn	degil

Berdasarkan Asmah Haji Omar (1983), struktur KKV merupakan salah satu daripada struktur suku kata dalam BMS akibat perkembangan dan inovasi serta kemasukan istilah-istilah teknikal dan pinjaman daripada bahasa Inggeris. Namun demikian, kajian terhadap data DMKb mendapati struktur KKV merupakan struktur suku kata kata asli dan kata dasar dalam dialek ini, yakni tidak menerima sebarang imbuhan. Berdasarkan contoh yang dipaparkan, struktur KKV-KV terdiri daripada perkataan asli dalam DMKb seperti dalam contoh /mbalo/ ‘matang’, /mbata/ ‘ulat tanah’, dan /ntiba/ ‘sejenis pokok di tepi sungai’. Lazimnya, di posisi awal kata bagi

pola dengan struktur ini ialah rangkap konsonan yang homorgan seperti /mp/, /mb/, /nt/ dan /nd/. Walau bagaimanapun, terdapat juga perkataan pinjaman daripada BMS yang telah mengalami penyingkatan suku kata seperti /nta-ʏi/ ‘matahari’, /nto-lə/ ‘petola’ dan /mba-ko/ ‘tembakau’.

Pola (2) KKV-VV dalam struktur KKV juga memperlihatkan DMKb berbeza dengan struktur suku kata yang terdapat dalam DMK dan BMS. Perkataan yang termasuk dalam pola struktur suku kata ini juga merupakan kata asli DMKb tanpa menerima sebarang imbuhan seperti /ntuie/ ‘terjaga dari tidur’, /bʏaie/ ‘rindu’ dan /klaie/ ‘bergaduh’. Daripada data yang diperoleh, urutan vokal di akhir kata [ie] hanya berada di suku kata kedua yang mempunyai puncak kelantangan yang sama.

Pola (3) KKV-KVK merupakan struktur yang lazim ditemui dalam suku kata DMKb. Struktur yang mengisi suku kata pertama KKV merupakan rangkap konsonan NO_r yang homorgan bersama vokal, manakala dalam suku kata kedua merupakan KVK. Antara kata yang berpola KKV-KVK dalam DMKb termasuklah /mbatukʔ/ ‘buah nipah’, /mpoŋaʔ/ ‘sejenis anak ikan’, /ŋkuwaʔ/ ‘burung ruak-ruak’, /mpətik/ ‘sementara masih ada’ dan /mbətəʔ/ ‘pacat’. Pola (4) KKV-KVV juga banyak dikesan dalam DMKb. Struktur ini juga terdiri daripada rangkap konsonan yang homorgan di awal kata dan diikuti vokal. Manakala dalam suku kata kedua, konsonan diikuti diftong ke belakang. Dalam contoh tersebut, kata /ntiŋai/ ‘degil’ merupakan kata asli dalam dialek

ini. Contoh lain seperti kata /mbədoi/ ‘memukul’, /ntʃədoi/ ‘tersembul’ dan / ntʃəŋəi/ ‘muncul’.

7.4.2 Tahap perkembangan bahasa Melayu Moden

Bahagian ini akan membincangkan struktur suku kata DMKb kesan daripada perkembangan dalam bahasa Melayu moden dan pengaruh bahasa pinjaman. Hanya terdapat satu pola struktur suku kata DMKb bentuk ini, iaitu struktur KKVK-KVK. Perkataan berstruktur ini juga terbatas seperti dalam contoh berikut.

Struktur KKVK	Contoh	BMS
1).KKVK-KVK	/pʏəntah/ /pʏən - tah/ OnOnPnC - OnPnC	kerajaan

Hanya terdapat satu pola struktur suku kata KKVK, iaitu KKVK-KVK. Struktur ini merupakan pengaruh daripada BMS yang berasal daripada kata ‘perintah’, namun dalam DMKb maksudnya adalah berbeza daripada maksud dalam BMS. Struktur suku kata dalam suku kata pertama (SK₁) telah mengalami perubahan, yakni struktur asalnya adalah KV-KVK-KVK.

Sebagai rumusannya, V dan K memainkan peranan yang penting dalam memerikan unsur suku kata seperti Pn, On dan C. Selain itu, dapat dirumuskan bahawa struktur suku kata DMKb terdiri daripada tujuh struktur, iaitu V, VK, KV, KVV, KVK, KKV dan KKVK. Struktur suku kata DMKb juga mempunyai persamaan dengan

struktur suku kata bahasa Melayu dan bahasa Iban sebagai bahasa yang dekat perkaitannya dengan DMKb. Bagi struktur suku kata yang membenarkan urutan dua vokal seperti dalam struktur KVV adalah berasal dari struktur KVVK dalam BMS kerana dalam DMKb, K yang mengisi ruang C telah digugurkan.

7.5 Pemisahan suku kata dalam kata

Berdasarkan perbincangan dalam bahagian 7.3, suku kata merupakan unsur kata yakni unsur fonologi kata dan bukannya unsur morfologi atau nahu. DMKb memperlihatkan terdapatnya kata-kata yang pendek dan kata-kata yang panjang jika diteliti daripada struktur fonologinya. Untuk struktur suku kata yang panjang, kemungkinan terdiri daripada satu suku kata atau dua suku kata ataupun lebih daripada dua suku kata. Untuk mengenal pasti suku kata tersebut yang terdiri daripada unit suku kata yang berbeza, maka kaedah memisah-misahkan suku kata boleh dilakukan. Kaedah ini dengan menentukan sama ada terdapat sendi (*junction*) atau tidak antara unit-unit yang berkenaan (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Sendi bermaksud kesenyapan seketika suara antara unit-unit berkenaan. Misalnya, dalam perkataan *kam~~ε~~k*, ada kesenyapan antara suku kata pertama (SK₁) *ka* dengan suku kata kedua (SK₂) *m~~ε~~k*.

7.5.1 Kedudukan suku kata rangkap pada tengah kata

DMKb merupakan salah satu dialek yang banyak terdiri daripada rangkap konsonan khususnya rangkap NO_r. Dalam struktur suku kata, mungkin wujudnya masalah bagi kata yang mempunyai rangkap konsonan tetapi bagi kata yang tidak mempunyai rangkap konsonan atau vokal, mungkin tidak berlaku masalah kerana perkataan tersebut mempunyai laluan udara dari P_n ke O_n, atau dari V ke K adalah

jelas. Suku kata yang melibatkan rangkap konsonan (sila rujuk Bab 6), misalnya rangkap homorgan NO_r seperti rangkap *mp*, *mb*, *nt*, *nd*, *ns*, *ntʃ*, *ndʒ* dan *ŋk* tidak mempunyai kedudukan sendi yang jelas melainkan perkataan tersebut diujarkan dengan lambat. Penutur DMKb tidak mempunyai masalah untuk menentukan kedudukan sendi dalam suku kata dalam perkataan yang mengandungi rangkap konsonan kerana penutur natif secara semulajadi mengetahui sistem bahasa atau dialek mereka. Terdapat dua kemungkinan untuk meletakkan struktur suku kata bagi konsonan rangkap, iaitu;

- (i) Unsur nasal termasuk dalam SK₁ dan unsur oral termasuk dalam SK₂ dengan syarat rangkap homorgan NO_r.
- (ii) Keseluruhan rangkap NO_r termasuk dalam SK₂.

Berdasarkan situasi (i), perlu dipastikan bahawa terdapat kemungkinan kesenyapan antara unsur nasal dan oral apabila menyebut perkataan *ambiʔ* ‘ambil’, *lampo* ‘lampu’, *lantaŋ* ‘lantang’, *lantfa* ‘lancar’, *banso* ‘jenis’ dan *landʒi* ‘miang’.

Pemisahan suku kata rangkap NO_r boleh dibuat seperti berikut;

am - *biʔ*

SK₁ - SK₂

KV - KVK

PnC - OnPnC

lam - *po*

SK₁ - SK₂

KVK - KV

OnPnC - OnPn

lan - *taŋ*

SK₁ - SK₂

KVK - KVK

OnPnC - OnPnC

Bagi kemungkinan (ii) pula, perlu dipastikan agar wujudnya ikatan yang kukuh antara unsur-unsur dalam rangkap konsonan berkenaan sehingga tidak dapat dipisahkan oleh sendi. Oleh sebab itu, pemisahan suku kata dalam andaian (ii) adalah seperti berikut:

a - *mbiʔ*

SK₁ - SK₂

V - KKVK

Pn - OnOnPnC

la - *mpo*

SK₁ - SK₂

KV - KKV

OnPn - OnOnPn

la - *ntaŋ*

SK₁ - SK₂

KV - KVK

OnPn - OnOnPnC

Berdasarkan dua andaian yang telah dilakukan seperti dalam (i) dan (ii), maka pemisahan yang diterima oleh penutur DMKb semestinya kemungkinan (i). Hal ini demikian kerana, penutur natif sesuatu bahasa atau dialek itu sendiri telah ada pengetahuan semulajadi dalam bahasa atau dialek mereka. Pilihan (ii) tidak memberi kelancaran dalam sebutan dan terdapat kesukaran yang jelas semasa menuturkan kata-kata ini secara lambat-lambat, yakni dari satu suku kata ke satu suku kata (Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai, 2012: 51).

7.5.2 Unsur satuan dan kompleks

Unsur satuan merupakan unsur-unsur suku kata yang terdiri daripada satu V atau satu K sahaja. Suku kata dalam DMKb bukan sahaja terdiri daripada satu unsur V dan satu unsur K, namun juga terdiri daripada unsur kompleks, iaitu boleh terdiri daripada urutan dua vokal (VV) atau dua konsonan (KK). Urutan dua vokal dikenali sebagai puncak kompleks manakala urutan dua konsonan dinamakan sebagai onset kompleks.

7.5.2.1 Puncak kompleks

Puncak kompleks (*complex onset*) merupakan urutan dua vokal, iaitu rangkap vokal (Sila rujuk Bab 6) yang terdapat dalam suku kata. DMKb mempunyai perkataan yang mengandungi puncak kompleks sama ada dalam perkataan jati DMKb ataupun kata pinjaman daripada BMS. Dalam bahagian ini, contoh yang diberi hanya kata asli dalam DMKb. Puncak kompleks tidak wujudnya kesenyapan sementara atau sendi antara urutan dua vokal ini. Oleh sebab itu, kedua-duanya merupakan puncak kompleks seperti dalam contoh berikut:

Kata	sio = sana	aus = haus	diat = lihat	laut = laut
Struktur suku kata	KVV OnPnPn	VVK PnPnC	KVVK OnPnPnC	KVVK OnPnPnC

Dalam contoh-contoh tersebut, kata *sio* mempunyai puncak kompleks yang diwujudkan oleh rangkap vokal [io]. Kata ini hanya mempunyai satu suku kata dan diucapkan tanpa henti, yakni tiada kesenyapan sementara antara [i] dan [o]. Begitu juga dalam kata *diat*, yang mempunyai puncak kompleks kerana terdapatnya dua vokal yang diucapkan tanpa kesenyapan sementara, iaitu [ia]. Kata ini juga terdiri daripada satu suku kata, KVVK dan bukannya ada pemisahan suku kata KV-VK sebagaimana yang terdapat dalam rangkap konsonan homorgan NOR yang dibincangkan dalam bahagian 7.4.1. Dalam DMKb juga terdapat suku kata seperti dalam contoh tersebut yang merupakan unit dalam kata yang lebih panjang seperti perkataan *ənsio* ‘manusia’, *əmpuan* ‘perempuan’, *kəluat* ‘ibu kutu’, dan *təmuan* ‘temuan’. Analisis berikut menunjukkan puncak kompleks bagi perkataan tersebut:

Kata	ənsio	əmpuan	kəluat	təmuan
Struktur suku kata	ən - sio SK ₁ - SK ₂ PnC - OnPnPn	əm - puan SK ₁ - SK ₂ PnC - OnPnPnC	kə - luat SK ₁ - SK ₂ OnPn - OnPnPnC	tə - muan SK ₁ - SK ₂ OnPn - OnPnPnC

7.5.2.2 Onset kompleks

Onset kompleks merupakan rangkap konsonan homorgan NOR yang merupakan singkatan daripada urutan VNOR (əNOR). DMKb mempunyai kata yang mengandungi onset kompleks daripada rangkap konsonan NOR sebagaimana yang terdapat dalam

BIBn (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Berikut merupakan contoh onset kompleks yang terdapat dalam DMKb.

Jadual 7.1: Onset kompleks dalam DMKb

Urutan əNOr	Contoh	Singkatan NOr	Contoh	BMS
əmp	əmpat	mp	mpat	empat
əmb	əmbaʔ	mb	mbaʔ	bawa
ənt	əntian	nt	ntian	sementara
ənd	ənduaʔ	nd	nduaʔ	berdua
əŋk	əŋkah	ŋk	ŋkah	letak
əŋg	əŋgaʔ	ŋg	ŋgaʔ	cuma
əntʃ	əntʃaŋ	ntʃ	ntʃaŋ	pulun
əndʒ	əndʒut	ndʒ	ndʒut	henjut
əns	ənsio	ns	nsio	manusia

Berdasarkan contoh yang dipaparkan dalam Jadual 7.1 di atas, onset kompleks yang terdapat dalam rangkap konsonan NOr terdiri daripada dua struktur suku kata yang berbeza, iaitu dalam struktur əNOr, əN menempati SK₁, manakala Or menduduki SK₂. Apabila vokal /ə/ dalam əN digugurkan, maka N dan Or bergabung menjadi puncak kepada suku kata yang berikutnya seperti contoh berikut:

Kata	əmbaʔ	mbaʔ
Struktur suku kata	əm - baʔ SK ₁ - SK ₂ VK - KVK PnC - OnPnC	mbaʔ SK ₁ KKVK OnOnPnC
Kata	əŋkah	ŋkah

Struktur suku kata	əŋ - kah SK ₁ - SK ₂ VK - KVK PnC - OnPnC	ŋkah SK ₁ KKVK OnOnPnC
---------------------------	--	--

7.6 Struktur fonologi kata

Struktur fonologi kata ialah suku kata yang membentuk kata dalam sesuatu bahasa (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Struktur fonologi kata juga akan dapat melihat jumlah suku kata yang terdapat dalam DMKb sama ada kebanyakannya terdiri daripada monosilabik, dwisilabik, trisilabik ataupun yang multisilabik. Untuk menentukan jenis-jenis struktur fonologi kata ini, hanya kata-kata dasar sahaja yang akan dijadikan sebagai rujukan. Kata dasar ini dibahagikan kepada dua golongan utama, iaitu kata partikel (*particles*) dan kata penuh (*full words*).

Berdasarkan Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2012), kata partikel merupakan kata yang tidak dapat berdiri sendiri dalam apa-apa struktur yakni memerlukan kehadiran kata penuh dalam mewujudkan sesuatu struktur tertentu. Dalam data DMKb, kata partikel terdiri daripada kata depan (*prepositions*), kata penghubung (*conjunctions*) dan kata penegas (*emphatic words*). Kata penuh pula adalah kata yang boleh berdiri sendiri dan mempunyai makna yang tersendiri. Kata penuh terdiri daripada kata nama, kata ganti nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata bilangan.

7.6.1 Kata monosilabik

Kata monosilabik juga dikenali sebagai kata ekasuku, yang terdiri daripada satu suku kata sahaja sama ada suku kata tersebut mempunyai puncak satuan ataupun puncak

kompleks (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Berdasarkan data DMKb, kata monosilabik terdiri daripada satu suku kata yang dibahagikan kepada kata partikel dan kata penuh seperti contoh berikut:

Kata partikel : di ‘di’, kat ‘dekat’, bah ‘bawah’, kə ‘ke’

Kata penuh : jo ‘dia’, jo ‘itu’, nun ‘sana’, sio ‘situ’, lan ‘mari’, pio ‘begitu’, gio ‘dahulu’, tuk ‘ini’, sik ‘tidak’, pal ‘papan tanda’, lua ‘luar’, kua ‘keluar’, loa ‘seluar’, pə ‘peha’, pau ‘sejenis kuih’, juʔ ‘yu’, sak ‘biar’, wo ‘anak sulung’, yaʔ ‘anak ke-5’, mun ‘jika’.

7.6.2 Kata dwisilabik

Kata dwisilabik juga dikenali sebagai kata dwisuku yang terdiri daripada dua suku kata. Kata dwisilabik yang dimaksudkan dalam bahagian ini hanya melibatkan kata akar (*root word*), yakni kata yang tidak menerima sebarang imbuhan dan penggandaan. Kata dwisilabik dibahagikan kepada kelas kata seperti berikut:

Kata nama : udʒan ‘hujan’, kaki ‘kaki’, mato ‘mata’, palaʔ ‘kepala’, yumeah ‘rumah’

Kata kerja : tunok ‘bakar’, paluʔ ‘palu’, biseaʔ ‘koyak’, dateaŋ ‘datang’, pəyeah ‘perah’, padeah ‘beritahu’, pateah ‘patah’.

Kata adjektif : miyeah ‘merah’, kunin ‘kuning’, itam ‘hitam’, kuɣus ‘kurus’, pənin ‘pening’, kəʔsik ‘kecil’, bəsa ‘besar’, gilo ‘gila’, gilaʔ ‘sangat’.

Kata ganti nama: kamεk ‘saya’, aku ‘aku’, kitak ‘awak’, kawu ‘kau’, sidak ‘mereka’

Kata bilangan : sigia ‘sebijī’, dua? ‘dua’, tigo ‘tiga’, limak ‘lima’, tud3oh ‘tujuh’,
lapan ‘lapan’, yatus ‘ratus’, yibu ‘ribu’, d3uto ‘juta’

Kata adverba : dolok ‘dahulu’, mayε? ‘zaman dahulu’, kεlak ‘kelak’, dudi
‘kemudian, awai ‘awal’

Berdasarkan data kajian, kata dwisilabik merupakan kata yang paling banyak dalam DMKb. Kata dwisilabik kebanyakannya adalah terdiri daripada kata akar yang tidak menerima sebarang imbuhan ataupun tidak mengalami penggandaan.

7.6.3 Kata trisilabik

Kata trisilabik atau kata tiga suku kata ini merupakan kata asli dalam DMKb yang juga boleh terdiri daripada kata kompleks. Kata asli terdiri daripada kata akar yang tidak menerima sebarang imbuhan, yang terdiri daripada satu suku kata, dua suku kata dan tiga suku kata. Kata kompleks pula terdiri daripada kata yang telah menerima imbuhan, sama ada imbuhan awalan, sisipan dan akhiran. Selain itu, kata kompleks terdiri daripada kata pinjaman secara terus yang telah sebatī penggunaannya dalam DMKb. Berikut merupakan contoh untuk jenis-jenis kata trisilabik dalam DMKb.

7.6.3.1 Kata asli

Kata asli merupakan kata jati dalam DMKb tanpa pengaruh bahasa-bahasa asing dan merupakan kata yang tidak menerima sebarang imbuhan. Walaupun kata trisilabik bukanlah kata yang kerap ditemui dalam DMKb, namun kata trisilabik asli ini masih dikekalkan penggunaannya meskipun terdapat kata dalam BMS yang boleh mendukung maksud yang sama. Kebanyakan dialek Melayu di Sarawak juga mengekalkan penggunaan kata asli ini. Antara contoh kata trisilabik yang dikesan dalam DMKb ialah *kəɲadik* ‘ambil kesempatan’, *bəɫalaʔ* ‘tidak puas’, *kəɫempən* ‘belanga’, *pəɲilan* ‘kenduri’, *pəɲekso* ‘periksa’, *təɲuan* ‘sakit secara mengejut’, *pəɲetfaʔ* ‘sapu tangan’, *səmaŋko* ‘tembikai’, *kəɲəɲan* ‘kebulur’, *bəɫukuk* ‘masih keras’ dan *kəɲibəŋ* ‘ubi kayu’. Terdapat kata trisilabik dalam DMKb ini lebih ringkas berbanding dalam BMS dan keringkasan ini menyebabkan kata trisilabik lebih mudah untuk digunakan dalam pertuturan seharian masyarakat Melayu Kabong.

7.6.3.2 Kata kompleks

Kata kompleks terdiri daripada kata terbitan, iaitu kata yang menerima imbuhan sama ada awalan, akhiran dan apitan. Dalam DMKb juga terdapat kata terbitan walaupun tidak digunakan secara meluas. Kata yang berimbuhan dalam dialek ini tidak produktif kerana hanya imbuhan-imbuhan tertentu yang digunakan seperti imbuhan awalan di-, se-, te-, be- dan -ke. Imbuhan akhiran yang digunakan dalam DMKb termasuklah akhiran -an, -kan dan -i, manakala hanya terdapat penggunaan yang minimum untuk imbuhan apitan seperti ke-an dan di-an. Selain imbuhan, kata kompleks dalam DMKb juga terdiri daripada kata pinjaman daripada BI dan BA.

- (a) Imbuhan: **bəguyə** ‘bergurau’, **sətapəʔ** ‘sepinggan’, **dibabaʔ** ‘diumpil’, **kətagəh** ‘ketagih’, **bulatan** ‘bulatan’, **bayisan** ‘barisan’, **atasan** ‘atasan’, **pəpəpi** ‘penyanyi’, **pəpəmun** ‘penyamun’, **mələmbuəŋ** ‘melambung’.
- (ii) Pinjaman BI: **dəyɛba** ‘pemandu’, **səbeta** ‘hospital’, **kəlinik** ‘klinik’, **komputə** ‘komputer’, **sətukin** ‘stokin’, **sələpa** ‘selipar’.
- (iii) Pinjaman BA: **səlamat** ‘selamat’, **sədəkah** ‘sedekah’, **sələwat** ‘selawat’, **tələkuəŋ** ‘telekung’, **sahadat** ‘sahadah’, **təyaweh** ‘tarawih’.

7.7 Kesimpulan

Keseluruhan Bab 7 telah membincangkan struktur suku kata yang terdapat dalam DMKb. Dalam menghuraikan struktur suku kata ini, vokal (V), dan konsonan (K) memainkan peranan penting dalam memerikan unsur suku kata seperti puncak (Pn), onset (On) dan koda (C). Selain itu, dapatan perbincangan ini mendapati adanya tujuh struktur suku kata yang terdapat dalam DMKb yang terdiri daripada struktur V, VK, KV, KVV, KVK, KKV dan KKVK. Struktur ini telah dibahagikan kepada dua, iaitu struktur asli DMKb merangkumi struktur V, VK, KV, KVV, KVK dan KKV manakala struktur KKVK dikategorikan sebagai struktur yang telah mengalami perkembangan kemudian kesan daripada perkembangan dalam struktur bahasa Melayu moden serta pengaruh bahasa setempat seperti bahasa Iban dan dialek-dialek sekitarnya.

Perbincangan tentang struktur suku kata juga berkait dengan struktur fonologi kata. Dalam DMKb, terdapat kata yang mempunyai kata monosilabik, dwisilabik, trisilabik dan yang selebihnya. Daripada struktur fonologi kata ini, struktur kata dwisilabik lebih banyak terdapat dalam DMKb. Kata monosilabik dan dwisilabik merupakan kata asli dalam DMKb manakala dalam kata trisilabik dan selebihnya ialah kata pinjaman khususnya daripada bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

University of Malaya

BAB 8: DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN

8.1 Pengenalan

Bab ini merupakan rumusan kepada keseluruhan tesis ini termasuklah perbincangan tentang dapatan kajian. Selain itu, sedikit huraian berkenaan hubungan antara BMS dan DMKb akan dihuraikan secara ringkas. Untuk itu, senarai 100 kata dasar Swadesh akan digunakan untuk menentukan tahap kognat antara DMKb dengan BMS. Bab ini juga membuat rumusan ke atas ciri-ciri umum vokal dan konsonan DMKb serta menggariskan signifikan kajian ini dilakukan.

8.2 Hubungan kekeluargaan antara BMS dan DMKb

Menurut Asmah Haji Omar (1993: 18), bahasa-bahasa bumiputera di Malaysia memperlihatkan perkaitan yang erat antara satu sama lain. Persamaan yang sangat ketara dan dekat kelihatan pada ganti nama diri, kata bilangan, nama anggota tubuh, dan nama kekeluargaan. Persamaan-persamaan yang terdapat pada perkataan-perkataan tersebut dinamakan kata-kata kognat. Kognat dimaksudkan sebagai perkataan-perkataan yang berasal-usul dari bahasa-bahasa yang serumpun, yang sama atau hampir sama dari segi makna atau hampir sama dari segi bunyinya. Dengan itu, kita lihat bahawa kata-kata kognat itu tidak perlu seratus peratus sama (Asmah, 1993: 20). Kata-kata kognat tersebut menunjukkan bahawa bahasa-bahasa berkenaan mempunyai perkaitan kekeluargaan satu sama lain.

Perkaitan kekeluargaan antara bahasa-bahasa boleh dianalogikan kepada perkaitan kekeluargaan antara manusia. Dengan demikian, dalam bahasa juga ada perkaitan yang dekat dan yang jauh. Sekumpulan bahasa yang memperlihatkan lebih banyak ciri-ciri yang sama antara mereka menganggotai satu kelompok yang berlainan dengan kelompok yang lain yang mempunyai anggota-anggotanya sendiri, walaupun antara dua kelompok itu masih juga terdapat perkaitan kekeluargaan (Asmah, 1993: 32). Atas dasar perkaitan tersebut, maka bahasa-bahasa dimasukkan dalam kelompok-kelompok yang diberi nama-nama khusus berdasarkan lama-waktu (*time-depth*) masing-masingnya.

Yang dimaksudkan dengan lama-waktu sesuatu bahasa itu ialah umur bahasa yang berkenaan dikira dari masa bahasa itu berpecah dari bahasa induknya. Demikian juga lama waktu sesuatu kumpulan bahasa itu adalah umur kumpulan yang berkenaan dikira dari tarikh kumpulan itu berpisah dari kumpulan yang lebih besar yang mempunyai berbagai-bagai kumpulan yang lebih kecil. Dengan berdasarkan lama-waktu bahasa-bahasa yang mempunyai perkaitan kekeluargaan, bahasa-bahasa digolongkan ke dalam *rumpun*, *keluarga* dan *subkeluarga* (Asmah, 1993: 32) mengikut lama-waktu seperti berikut:

Rumpun	: 2500 – 5000 tahun
Keluarga	: 500 – 2500 tahun
Subkeluarga	: 0 – 500 tahun

Morris Swadesh (1955) mencadangkan dua bentuk senarai kata; 200 dan 100 senarai kata (Samarin, 1967:221). Senarai ini terdiri daripada 100/ 200 kata yang khusus dipilih sebagai instrumen penyelidikan. Senarai kata ini juga dikenal sebagai kata bebas

budaya (*culture-free*), atau kata asas (*basic core*)⁵³. Semua kata dalam senarai bebas budaya merujuk kepada benda-benda yang ada dalam semua budaya manusia. Sekiranya rujukan hanya pada budaya-budaya tertentu, maka itu bukan bebas budaya atau bukan kata asas. Senarai 200 kata ini mula-mula dicadangkan oleh Swadesh dan kemudiannya mendapati adanya kata-kata yang tidak bebas budaya seperti keadaan iklim sesebuah negara, kata kekeluargaan yang berbeza mengikut budaya, dan kata bilangan. Oleh sebab itu, senarai kata ini disusun semula menjadi 100 kata. Kosa kata ini dinamakan sebagai Senarai Swadesh sempena nama pakar yang menggubalnya. Senarai Swadesh hanya mengandungi kata leksikal yang merujuk kepada benda, perbuatan dan sifat yang tidak termasuk kata tugas (struktural).

Oleh sebab itu, untuk mendapatkan taraf kognat BMS dan DMKb, maka 100 kata asas ini digunakan setelah mengambil kira kata bebas budaya seperti salji, tidak dimasukkan dalam senarai ini kerana keadaan cuaca di Malaysia tidak bersifat demikian sebagaimana yang dinyatakan dalam Samarin (1967: 218) ” *There are several reduction of it, depending on what list was available to a particular worker at a particular time and what adaptations had to be made to fit the local situation*”. Unsur yang paling penting dalam membandingkan dua bahasa adalah dengan cara mengumpulkan daftar kata dasar daripada bahasa-bahasa yang diteliti.

⁵³ Penerangan dalam kuliah Linguistik Perbandingan oleh Profesor Emeritus Dato’ Dr. Asmah Haji Omar di UNIMAS pada 21 Oktober 2015.

Untuk menentukan kekerabatan antara bahasa Melayu dengan DMKb, Senarai 100 kata Swadesh (Samarin, 1967: 221) digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1 berikut:

Jadual 8.1: Perbandingan BMS-DMKb mengikut senarai 100 kata Swadesh

Bil.	<i>BI</i>	BMS	DMKb	Taraf Kognat
1	<i>I</i>	saya	kamək	-
2	<i>thou</i>	anda	kitak	-
3	<i>we</i>	kita	kito	+
4	<i>this</i>	ini	tuk	-
5	<i>that</i>	itu	jo	-
6	<i>who</i>	siapa	sapo	+
7	<i>what</i>	apa	apo	+
8	<i>not</i>	tidak	sik	-
9	<i>all</i>	semua	səmo	+
10	<i>many</i>	banyak	bapaʔ	+
11	<i>one</i>	satu	satu	+
12	<i>two</i>	dua	duaʔ	+
13	<i>big</i>	besar	bəsa	+
14	<i>long</i>	panjang	pandʒaŋ	+
15	<i>small</i>	kecil	kətʃiʔ	+
16	<i>women</i>	perempuan	əmpuan	+
17	<i>man</i>	lelaki	llaki	+
18	<i>person</i>	orang	uʒeaŋ	+
19	<i>fish</i>	ikan	laouʔ	-

'sambungan Jadual 8.1'

Bil.	BI	BMS	DMKb	Taraf Kognat
20	<i>bird</i>	burung	bu <u>y</u> uoŋ	+
21	<i>dog</i>	anjing	asu?	-
22	<i>louse</i>	kutu	kutu	+
23	<i>tree</i>	pokok	poko?	+
24	<i>seed</i>	biji	bigi?	+
25	<i>leaf</i>	daun	daun	+
26	<i>root</i>	akar	aka	+
27	<i>bark</i>	kulit kayu	kulit kayu	ditolak
28	<i>skin</i>	kulit	kulit	+
29	<i>flesh</i>	isi	isi?	+
30	<i>blood</i>	darah	dayeah	+
31	<i>bone</i>	tulang	tuleaŋ	+
32	<i>grease</i>	lemak	ləma?	+
33	<i>egg</i>	telur	təlua	+
34	<i>horn</i>	tanduk	tanduok	+
35	<i>tail</i>	ekor	ikua	+
36	<i>feather</i>	bulu	bulu	+
37	<i>hair</i>	rambut	yambut	+
38	<i>head</i>	kepala	pala?	+
39	<i>ear</i>	telinga	liŋə	+
40	<i>eye</i>	mata	mato	+
41	<i>nose</i>	hidung	iduŋ	+
42	<i>mouth</i>	mulut	mulut	+
43	<i>tooth</i>	gigi	gigi	+

'sambungan Jadual 8.1'

Bil.	BI	BMS	DMKb	Taraf Kognat
44	<i>tounge</i>	lidah	lideah	+
45	<i>finger nail</i>	jari	tundʒuoʔ	-
46	<i>foot</i>	kaki	kaki	+
47	<i>knee</i>	lutut	palaʔ tut	ditolak
48	<i>hand</i>	tangan	taŋan	+
49	<i>belly</i>	perut	pəʒut	+
50	<i>neck</i>	dagu	dʒaguʔ	+
51	<i>breasts</i>	buah dada	nɛnen	-
52	<i>heart</i>	jantung	dʒantuoŋ	+
53	<i>liver</i>	hati	ati	+
54	<i>drink</i>	minum	minum	+
55	<i>eat</i>	makan	makan	+
56	<i>bite</i>	gigit	gigit	+
57	<i>see</i>	lihat	naŋga	-
58	<i>hear</i>	dengar	dəŋa	+
59	<i>know</i>	tahu	tauʔ	+
60	<i>sleep</i>	tidur	tidua	+
61	<i>die</i>	mati	mati	+
62	<i>kill</i>	bunuh	bunoh	+
63	<i>swim</i>	(be)renang	(bə)ʒəneaŋ	+
64	<i>fly</i>	terbang	təʒbeaŋ	+
65	<i>walk</i>	jalan	dʒalan	+
66	<i>come</i>	datang	dateaŋ	+
67	<i>lie</i>	baring	guyin	+

'sambungan Jadual 8.1'

Bil.	BI	BMS	DMKb	Taraf Kognat
68	<i>sit</i>	duduk	duduoʔ	+
69	<i>stand</i>	berdiri	ddiyi	+
70	<i>give</i>	beri	bəyiʔ	+
71	<i>say</i>	kata	kato	+
72	<i>sun</i>	matahari	ntayi	+
73	<i>moon</i>	bulan	bulan	+
74	<i>star</i>	bintang	binteaŋ	+
75	<i>water</i>	air	ajia	+
76	<i>rain</i>	hujan	udʒan	+
77	<i>stone</i>	batu	batu	+
78	<i>sand</i>	pasir	pasia	+
79	<i>earth</i>	tanah	taneah	+
80	<i>cloud</i>	awan	awan	+
81	<i>smoke</i>	asap	asap	+
82	<i>fire</i>	api	api	+
83	<i>ash</i>	abu	abu	+
84	<i>burn</i>	bakar	tunok	-
85	<i>path</i>	laluan	ŋintis	-
86	<i>mountain</i>	gunung	gunuoŋ	+
87	<i>red</i>	merah	miyeah	+
88	<i>green</i>	hijau	idʒo	+
89	<i>yellow</i>	kuning	kunin	+
90	<i>white</i>	putih	puteh	+
91	<i>black</i>	hitam	itam	+
92	<i>night</i>	malam	malam	+

‘sambungan Jadual 8.1’

Bil.	BI	BMS	DMKb	Taraf Kognat
93	<i>hot</i>	panas	panas	+
94	<i>cold</i>	sejuk	sədʒuoʔ	+
95	<i>full</i>	penuh	pənoh	+
96	<i>new</i>	baru	bayu	+
97	<i>good</i>	baik	bait	+
98	<i>round</i>	bulat	bulat	+
99	<i>dry</i>	kering	kəyin	+
100	<i>name</i>	nama	namo	+

Panduan:

Simbol ‘+’ = kata yang berkognat

Simbol ‘-’ = kata yang berbeza

Jumlah kosa kata yang ditolak	= 2
Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100 – 2)	= 98
Jumlah kosa kata yang berkognat (98-12)	= 86
Peratus kosa kata berkognat (86/98 x 100)	= 87.75%

Berdasarkan Jadual 8.1 di atas, dapat dikatakan bahawa hubungan kekeluargaan antara BMS dan DMKb sangat dekat dan rapat yang diwakili sebanyak 87.75% kata berkognat. Peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa DMKb adalah bertaraf dialek yang merupakan salah satu daripada dialek dalam bahasa Melayu. Garis pemisahan yang ditentukan oleh pakar bahasa ialah sebanyak 85%, iaitu kognat 85% ke atas bertaraf dialek, manakala kognat 85% ke bawah bertaraf bahasa. Klasifikasi yang

menetapkan sesuatu bahasa itu sama ada bertaraf dialek, keluarga, dan rumpun bahasa dapat ditunjukkan dalam Jadual 8.2 berikut:

Jadual 8.2: Pengkelasan bahasa berdasarkan tingkat kekerabatan (Asmah, 1993)

Tingkat Bahasa	Waktu Pisah dalam Abad	Peratusan kata kerabat
Bahasa	0-5	100-85
Keluarga	5-25	85-36
Rumpun	25-50	36-12
Mikrofilum	50-75	12-4
Mesofilum	75-100	4-1
Makrofilum	100 ke atas	< 1

Melalui hubungan kognat yang dikesan, kita boleh membuat rumusan bahawa taraf DMKb adalah sebagai dialek Melayu dan bukannya bertaraf bahasa yang tersendiri kerana terdapat salah faham dalam kalangan masyarakat yang kebanyakannya menganggap dialek Melayu di Sarawak adalah sebagai bahasa yang tersendiri. Peratusan kognat sebanyak 87.75% antara DMKb dan BMS membuktikan hubungan antara BMS dan DMKb masih dekat dan banyak mempunyai persamaan dari segi sistem dan struktur fonologi. Dapatan ini dijadikan sebagai sandaran untuk menafikan andaian bahawa DMKb bertaraf bahasa dalam keluarga BM, sebaliknya merupakan salah satu daripada dialek Melayu.

8.3 Perbincangan dan dapatan kajian

Berdasarkan analisis kajian yang telah dilakukan terhadap sistem dan struktur DMKb, ternyata bahawa sistem dan struktur DMKb masih mirip dengan sistem dan

struktur BMS dan DMK selain menunjukkan sedikit perbezaan. Untuk itu, di bawah ini merupakan perbincangan dan dapatan kajian yang telah dikenal pasti daripada sistem dan struktur DMKb.

8.3.1 Ciri umum vokal

Bab 4 telah membincangkan sistem fonem vokal DMKb menggunakan teori linguistik deskriptif. Sistem fonologi DMKb telah dikenal pasti dengan adanya lapan fonem vokal dalam DMKb yang boleh dibahagikan kepada vokal tinggi [i], [u], vokal separuh tinggi [e], [ə], [o]; vokal separuh rendah [ɛ], [ɔ] dan vokal rendah [a]. Alofon kepada bunyi vokal dapat ditentukan berdasarkan kedudukan vokal berkenaan, sama ada berada di awal kata, antara konsonan, tengah kata dan di akhir kata. Alofon juga dipengaruhi oleh konsonan-konsonan yang hadir mengikuti vokal misalnya, nasalisasi vokal berlaku kesan daripada kehadiran konsonan nasal selepas vokal. Berdasarkan Asmah Haji Omar & Rosline Sandai (2012: 27) kualiti vokal dalam suku kata terbuka lebih tinggi daripada bunyi vokal dalam suku kata tertutup. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh alat artikulasi yang terlibat, dari segi kedudukan lidah dan bukaan mulut, iaitu kualiti vokal depan dengan kedudukan lidah.

Daripada lapan vokal dalam DMKb, yang terdiri daripada vokal [a], [e], [ə], [ɛ], [i], [o], [ɔ] dan [u] telah menghasilkan 22 alofon vokal. Alofon-alofon tersebut masing-masingnya dua alofon untuk fonem /ə/ iaitu [ə], [ɤ], fonem /ɛ/ alofonnya [ɛ] dan [ɛ̃] dan fonem /ɔ/ terdiri daripada [ɔ] dan [ɔ̃]. Bagi fonem /u/, /i/, /e/ dan /o/ masing-masingnya

tiga alofon iaitu [o], [õ] dan [ʰo] bagi fonem /o/, fonem /e/ terdiri daripada alofon [e], [ẽ] dan [ʷe], fonem /u/ terdiri daripada alofon [u], [ũ] dan [ʰu] dan alofon [i], [ĩ], [ʷi] ahli kepada fonem /i/. Hanya satu fonem dalam DMKb memiliki empat alofon, iaitu fonem [a] dengan alofon [a], [ã], [ʰa] dan [ʷa]. Jumlah alofon ini melebihi jumlah alofon yang terdapat dalam DMK iaitu berjumlah 20 alofon kerana [ɔ] dan [ɛ] dianggap sebagai alofon kepada fonem /o/ dan fonem /e/ (Madzhi Johari, 1989: 42).

Melalui kaedah pasangan terkecil (*minimal pairs*), status vokal /ɛ/ dan /ɔ/ sebagai fonem yang tersendiri dapat dijelaskan. Sistem vokal DMKb berbeza daripada sistem vokal BMS yang meletakkan bunyi [ɔ] sebagai alofon kepada fonem /o/ dan [ɛ] sebagai alofon kepada fonem /e/ (Asmah Haji Omar, 2008: 171). Vokal /ɔ/ merupakan fonem tersendiri dalam DMKb berbanding hanya sebagai kelainan bebas vokal /o/ dalam DMK (Asmah Haji Omar, 2008: 216) kerana melalui kaedah pasangan terkecil, kedua-dua fonem ini jelas membezakan makna. Misalnya dalam contoh [ʷkoʷjɔʔ] ‘koyok’ dengan [ʷkoʷjoʔ] ‘keronyok’ dan [siŋɔ̃] ‘toleh’ dengan [siŋõ] ‘singa’. Kata [ʷkoʷjɔʔ] dan [ʷkoʷjoʔ] hanya dibezakan oleh fonem /o/ dan /ɔ/ dalam suku kata ke dua tertutup dan /ʔ/ berada di posisi koda. Fonem /ɔ/ juga boleh hadir di posisi awal, tengah dan akhir kata tetapi jarang hadir dalam suku kata pertama.

Perbezaan yang nyata terdapat pada fonem /ɔ/ dalam DMKb ialah hadirnya di posisi akhir kata dalam suku kata terbuka menggantikan vokal /a/ dalam BMS. Hal ini

bermakna, dalam DMKb vokal /a/ tidak mengalami sebarang peninggian pada SK₁ tetapi mengalami peralihan kedudukan lidah dari depan ke belakang (Sharifah Raihan Syed Jaafar, 2013: 4). Ciri ini merupakan ciri umum bagi kebanyakan dialek Melayu di Sarawak termasuklah dalam DMSr, DMSbs dan dialek Melayu Tanjung Bundung kecuali DMK dan dialek Melayu Simunjan yang masing-masingnya menjadi /a/ dan /ə/. Dalam DMSr, DMSbs dan dialek Melayu Tanjung Bundung, /a/ di posisi akhir kata terbuka (KV) menjadi vokal /ə/. Contohnya bagi perkataan /adə/ ‘ada’, /sapə/ ‘siapa’, /sukə/ ‘suka’ dan /matə/ ‘mata’. Hal ini juga berbeza dengan BMS kelainan pepet (Asmah Haji Omar, 2008: 163) kerana kebanyakan kata yang diakhiri vokal /a/ akan dibunyikan /ə/ di akhir kata, misalnya dalam perkataan /suka/ menjadi /sukə/ dan /bunga/ menjadi /bunə/.

Vokal dalam DMKb juga mempunyai ciri-ciri yang tertentu berbanding dengan BMS kerana berlaku peninggian vokal rendah kepada vokal tinggi seperti peninggian vokal rendah /o/ kepada vokal /u/ dalam SK₁. Misalnya, [sopan] ~ [ˈsupan], [rosak] ~ [ˈyuseˈak] dan [sotoŋ] ~ [ˈsunˈtuˈoŋ]. Selain itu, turut berlaku peninggian vokal rendah /e/ ke vokal tinggi /i/ dalam SK₁, seperti dalam kata [lebar] ~ [liba], [selak] ~ [silaʔ] dan [leleh] ~ [lileh]. DMKb juga memperlihatkan perendahan vokal tinggi /i/ menjadi vokal rendah /e/ apabila hadir bersama /-h/ di posisi koda dalam SK₂ tertutup seperti dalam [lebih] ~ [ləbeh], [pedih] ~ [pədeh] dan [sedih] ~ [sədeh]. Perubahan vokal rendah menjadi vokal tinggi didasarkan kepada perubahan kedudukan lidah yang berlaku semasa penghasilannya.

Untuk diftong pula, DMKb hanya mempunyai satu diftong turun [aw]. Dua diftong yang terdapat dalam BMS telah mengalami monoftongisasi, yakni diftong [aj] menjadi [e] dan diftong [aw] menjadi [o]. Walaupun demikian, tidak semua diftong [aj] menjadi [e] kerana terdapat pengecualian bagi kata yang terdapat dalam dalam DMKb untuk merujuk makna yang sama, maka kata tersebut adalah kekal. Misalnya, dalam DMKb terdapat kata [ˈsomet] ‘misai’, maka /misai/ tidak menjadi /mise/ (Mohd. Ali Salim, 2015: 128). Begitu juga perkataan /ramai/ tidak menjadi [ɣamẽ] kerana dalam DMKb, kata [bajãʔ] lebih kerap digunakan selain terdapat kemungkinan telah wujud perkataan [ɣamẽ] tetapi membawa maksud yang berbeza. Dalam DMKb, [ɣamẽ] bermaksud sejenis tanah masak kesan daripada pembakaran. Selain monoftong terdapat juga proses pemonoftongan dalam DMKb yang melibatkan kata yang diakhiri konsonan likuida /l/ apabila hadir mendahului vokal /a/, /u/, dan /o/⁵⁴.

Dapatan perbincangan seterusnya ialah berlakunya perangkapan vokal yang berhiatus dan membentuk koartikulasi bunyi palatalisasi [j] dalam SK₂, yakni vokal /a/ menjadi [ea] apabila hadir bersama konsonan plosif, frikatif, afrikat dan lateral. Walaupun ciri ini berbeza dengan DMK, DMSr dan DMSbs namun rangkap vokal jenis ini terdapat dalam Bbn (Asmah Haji Omar, 1981: 35). Dalam Bbn, terdapat kata /rumeah/ ‘rumah’, /maneaj/ ‘bomoh’ dan lain-lain. Dalam DMKb pula, rangkap [ea] banyak ditemui dalam struktur yang telah dinyatakan. Misalnya, [ˈɣumejah/ ‘rumah’, [tanejah] ‘tanah’, [tapejak] ‘pinggan’, [katejak] ‘katak’, /payejaj/ ‘parang’ dan

⁵⁴ Sila rujuk Bab 4, Pemonoftongan

/pəgeʎaŋ/. Ciri-ciri ini tidak terdapat dalam DMK, DMSr dan DMSbs sebagai dialek Melayu yang terdekat dengan DMKb. Pengaruh BIbn dalam dialek-dialek Melayu di Sarawak tidaklah asing, kerana BIbn mempunyai hubungan keluarga yang dekat dengan BM, yakni diturunkan dari induk yang sama sebagaimana yang dinyatakan dalam Asmah Haji Omar (2008b: 26-27). Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa persamaan dalam beberapa kata asas yang hanya dibezakan oleh fonem-fonem tertentu antara BM dan BIbn termasuklah DMK, DMSbs dan DMKb seperti yang digambarkan dalam Jadual 4.12 berikut.

Jadual 4.12: Perbezaan fonem /a/, /o/, /ɔ/ dan /ɛ/ dalam bahasa dan dialek Melayu di Sarawak

BIb	DMK	DMKb	DMSbs	BMS
/mata/	/mata/	/mato/	/matɔ/	mata
/butul/	/botol/	/bɔtoi/	/bɔtoi/	botol
/kibak/	/keyɛʎ/	/keyɛʎ/	/kiyeʎ/	kiri

Berdasarkan jadual tersebut, dapat dijelaskan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan fonologi bagi perkataan /mata/, /botol/ dan /kiri/ bagi tiga dialek Melayu di Sarawak, iaitu DMK, DMKb dan DMSbs serta dalam BIb. Misalnya, bagi kata /mata/, adanya persamaan antara BIb dengan DMK manakala dalam DMKb vokal depan rendah /a/ menjadi vokal belakang separuh tinggi. Dalam DMSbs pula vokal /a/ menjadi vokal belakang separuh rendah /ɔ/. Perkataan /kiri/ pula menunjukkan persamaan bagi DMK dan DMKb manakala bagi DMSbs berlaku perubahan fonologi dalam suku kata kedua daripada vokal depan tinggi /i/ menjadi vokal depan separuh tinggi /e/.

Selain koartikulasi palatalisasi, DMKb juga mempunyai ciri koartikulasi labialisasi vokal. Bunyi-bunyi vokal mendapat ciri labialisasi apabila vokal bukan labial mengikuti vokal labial seperti [u], [o] dan [ɔ] yang mempunyai segmen labial dipindahkan ke segmen vokal yang bukan labial seperti [a], [e] dan [i]. Maka bunyi [a] disertai dengan proses pembulatan bibir, sehingga bunyi [a] terdengar sebagai bunyi [ʷa]. Rangkap-rangkap vokal [ua], [ue], [ui], [au] dan [ao] juga mendapat labialisasi kerana wujudnya hiatus sementara semasa membunyikan kata-kata yang berangkap vokal ini. Misalnya, perkataan [duʷaʔ] ‘dua’, [suʷaʔ] ‘hulur’, [buʷeh] ‘buih’, [kuʷeh] ‘kuih’, [duʷit] ‘duit, [kuʷis] ‘kuis’, [baʷu] ‘bahu’, [taʷuʔ] ‘tahu’, [ʎaʷon] ‘jalan-jalan’ dan [paʷon] ‘paun’.

Nasalisasi vokal yang terdapat dalam DMKb turut selari dengan nasalisasi vokal yang berlaku dalam BMS, DMK, dan DMSbs. Berdasarkan Madzhi Johari (1989:15) nasalisasi vokal yang berlaku dalam DMK melibatkan kesemua vokal segmental. Semua vokal dan alofon dalam DMKb mengalami nasalisasi dengan syarat vokal-vokal tersebut hadir mengikuti konsonan nasal dan boleh berlaku dalam suku kata pertama dan suku kata kedua.

8.3.2 Ciri umum konsonan

Bunyi konsonan terdiri daripada dua bunyi, iaitu bunyi bersuara dan bunyi tidak bersuara. Terdapat 19 bunyi konsonan dalam DMKb yang dibezakan berdasarkan alat artikulasi yang terlibat dan cara bunyi tersebut dikeluarkan. Fonem konsonan DMKb dapat ditentukan berdasarkan keluarga bunyi yang tergolong sebagai konsonan bersama

dengan variasi-variasinya, sama ada alofon lingkungan atau variasi bebas (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012). Untuk menjelaskan alofon-alofon ini, beberapa konsep digunakan antaranya saling melengkapi (*complementary distribution*), saling menyingkirkan (*mutually exclusive*) dan pasangan minimal (*minimal pairs*) untuk mengenal pasti fonem. Setiap alofon ini juga mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri seperti bunyi yang dilepaskan (eksplusif) dan bunyi yang tertahan (implosif) hanya terdapat dalam konsonan plosif. Ciri-ciri koartikulasi bunyi yang melibatkan nasalisasi, palatalisasi, aspirasi dan labialisasi juga dimiliki oleh konsonan-konsonan DMKb.

Saling melengkapi (*complementary distribution*) merupakan lingkungan yang diisi oleh satu anggota kepada satu fonem yang tidak boleh diisi oleh anggota lain dari fonem yang sama dalam perkataan. Distribusi fonem bermaksud tempat hadirnya fonem dalam suku kata, sama ada di awal, tengah atau akhir suku kata atau kata (Asmah Haji Omar Rosline Sandai, 2012). Fonem yang boleh hadir di semua posisi tersebut dikenali sebagai mempunyai beban tugas yang penuh manakala fonem konsonan yang tidak boleh menempati kesemua posisi tersebut memiliki beban tugas yang kurang.

Daripada 19 fonem konsonan DMKb yang dikenal pasti, telah menghasilkan 42 alofon dengan fonem /p/, /t/ masing-masingnya mempunyai empat alofon, /d/, /k/ mempunyai tiga alofon, /w/ dan /ʔ/ masing-masingnya satu alofon dan yang selebihnya memiliki dua alofon. Alofon-alofon yang berbeza ini adalah hasil daripada bunyi yang dikeluarkan kerana konsonan-konsonan berkenaan mengalami nasalisasi, aspirasi, labialisasi dan palatalisasi bergantung kepada cara pengeluaran dan alat artikulasi yang

terlibat serta konsonan-konsonan yang hadir sebelum dan selepasnya. Jumlah setiap alofon bagi fonem-fonem konsonan DMKb ditunjukkan dalam Jadual 8.3 berikut:

Jadual 8.3: Alofon-alofon fonem konsonan DMKb

Fonem	Alofon	Distribusi fonem
/p/	[p], [ʰp], [ʷp], [p̚]	/#p-/, /#-p-/, /#-p/
/b/	[b], [bʰ]	/#b-/, /#-b-/, -
/t/	[t], [ʷt], [tʰ], [t̚]	/#t-/, /#-t-/, /#-t/
/d/	[d], [ʷd], [dʰ]	/#d-/, /#-d-/, -
/k/	[k], [ʷk], [k̚]	/#k-/, /#-k-/, /#-k/
/g/	[g], [ʷg]	/#g-/, /#-g-/, -
/ʔ/	[ʔ]	/#ʔ-/, /#-ʔ-/, /#-ʔ/
/m/	[m], [ʷm]	/#m-/, /#-m-/, /#-m/
/n/	[n], [ʷn]	/#n-/, /#-n-/, /#-n/
/ɲ/	[ɲ], [ʷɲ]	/#ɲ-/, /#-ɲ-/, -
/ŋ/	[ŋ], [ʷŋ]	/#ŋ-/, /#-ŋ-/, /#-ŋ/
/tʃ/	[tʃ], [ʷtʃ]	/#tʃ-/, /#-tʃ-/, -
/dʒ/	[dʒ], [ʷdʒ]	/#dʒ/, /#-dʒ-/, -
/s/	[s], [ʷs]	/#s-/, /#-s-/, /#-s/
/h/	[h], [ʷh]	-, /#-h-/, /#-h/
/ʎ/	[ʎ], [ʷʎ]	/#ʎ-/, /#-ʎ-/, -
/l/	[l], [ʷl]	/#l-/, /#-l-/, -
/w/	[w]	/#w-/, /#-w-/, /#-w/
/j/	[j], [ʷj]	/#j-/, /#-j-/, -

Berdasarkan cara penghasilan konsonan-konsonan ini, bunyi plosif dalam DMKb terdiri daripada fonem /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /ʔ/ dan /ʕ/. Konsonan nasal terdiri daripada /m/, /n/, /ŋ/ dan /ɲ/, konsonan frikatif ada tiga, iaitu /s/, /h/ dan /ʕ/ manakala konsonan afrikat terdiri daripada dua, iaitu /tʃ/ dan /dʒ/. Selebihnya ialah bunyi lateral /l/ dan bunyi separuh vokal /w/ dan /j/. Hanya terdapat dua perbezaan yang ketara antara fonem dalam BMS dan DMKb, iaitu adanya fonem /ʔ/ dan /ʕ/ tetapi dalam DMKb tiada fonem /r/, /f/ dan /z/ sebagaimana yang ada dalam BMS. BIbn yang dekat hubungannya dengan DMKb juga tidak memiliki fonem /f/ dan /z/ tetapi ada fonem /r/ (Asmah Haji Omar & Rosline Sandai, 2012: 35).

Berdasarkan analisis yang dijalankan, perbezaan yang juga signifikan bagi fonem konsonan DMKb ialah fonem /h/. Fonem /h/ mempunyai posisinya yang tersendiri dalam DMKb kerana fonem /h/ tidak mempunyai distribusi yang menyeluruh, yakni tidak menempati posisi awal kata kecuali untuk kata pinjaman. Kata pinjaman yang dimaksudkan ialah kata yang dipinjam daripada BMS, BI dan BArab. Misalnya perkataan /hos/, /hak/, /had/, /hənsom/ dan /hadiah/. Dengan ini, fonem /h/ hanya menempati posisi tengah dan akhir kata sama ada sebagai On dan C dalam SK₂. Hal ini juga bersamaan dengan DMK kerana dalam lingkungan awal kata, ada kalanya konsonan ini digugurkan dan ada kalanya tidak (Asmah Haji Omar, 2008a: 221).

Hentian glotis /ʔ/ merupakan fonem yang tersendiri dalam DMKb dan bukannya variasi kepada fonem /k/. Berdasarkan pasangan terkecil, terdapat perbezaan makna

bagi perkataan [ipaʔ] ‘padan’ dan [ipak] ‘intip’. Kedua-dua fonem ini mengisi tempat sebagai koda dalam suku kata kedua dan mempunyai makna yang berbeza. Banyak lagi contoh yang telah diberikan dalam Bab 5. Ciri ini juga menjadi ciri umum dalam dialek-dialek Melayu yang lain di Sarawak seperti DMK, DMSr dan DMSbs. Selain itu, perkataan yang diakhiri /ʔ/ berkontras dengan kata bersuku kata terbuka. Perkataan dalam DMKb banyak menunjukkan ciri ini sebagai mana yang terdapat dalam Bahasa Iban (Asmah Haji Omar, 1981: 21) seperti dalam pasangan kata [tangga] ‘lihat’ dan [tanggaʔ] ‘tangga’, [si^ha] ‘sapu’ dan [si^haʔ] ‘panggilan manja untuk anak perempuan’ [lapa] ‘lapar’ dan [lapaʔ] ‘botak’.

Sebagai fonem yang tersendiri dalam DMKb, hentian glotis /ʔ/ menjadi penanda ciri yang umum bagi dialek-dialek Melayu di Sarawak. Dalam suku kata terbuka dengan struktur kata KVKV dalam BMS menjadi struktur KVKVK dalam DMKb kerana berlaku penambahan /ʔ/ di posisi koda, dengan syarat hadir bersama vokal / i, a, u/ dalam SK₂ seperti dalam contoh [kali] ~ [kaliʔ], [beri] ~ [bəy^hiʔ], [paku] ~ [pakuʔ], [buka] ~ [bukaʔ] dan [sagu] ~ [saguʔ]. Walau bagaimanapun, jika terdapat kata dalam DMKb yang merujuk kata yang sama dalam BMS, penambahan tidak akan berlaku, seperti kata [tebu] tidak akan menjadi *[təbuʔ] atau [tiga] tidak menjadi *[tigaʔ] kerana kata ini telah sedia ada dalam DMKb dan mendukung maksud yang berlainan yang masing-masingnya bermaksud ‘cantas’ dan ‘tumit’.

Dapatan yang seterusnya ialah distribusi konsonan frikatif velar /ɣ/ dalam DMKb tidak menyeluruh kerana tidak hadir di posisi koda dalam SK₂, sedangkan dalam DMK fonem /ɣ/ mempunyai distribusi yang lengkap. Pengguguran /ɣ/ di akhir kata atau sebelum kesenyapan juga berlaku pada semua dialek Melayu di Malaysia, kecuali dalam Dialek Kedah dan DMK. Pengguguran ini berkait rapat dengan perubahan pada kualiti vokal sebelumnya (Asmah Haji Omar, 1995). Tegasnya, /-ɣ#/ di akhir kata dalam DMKb akan melalui dua rumus yang berbeza dan berperingkat, sama ada digugurkan ataupun digantikan dengan vokal /-a/ seperti dalam kata [bibir] ~ [bibi^ɟa], [pasir] ~ [pasi^ɟa], [kubur] ~ [kubu^wa], [sajur] ~ [saju^wa] dan [sabar] ~ [saba] yakni apabila /-ir#/ menjadi /-ia#/, /-ur#/ ~ /-ua#/ dan /-ar#/ menjadi /-a#/.

Dalam DMKb, fonem /l/ mempunyai beban tugas yang tidak penuh kerana hanya hadir di awal dan tengah kata berbanding dalam BMS, Bib dan DMK yang mempunyai beban tugas yang penuh. Hal ini kerana, di posisi akhir kata, fonem /-l#/ menjadi /-j#/ menerusi pendiftongan dengan syarat konsonan /l/ didahului oleh [a], [u] dan [o] manakala apabila /l/ didahului [i], maka /l/ dilemahkan menjadi vokal rangkap [ia]⁵⁵. Pengguguran /l/ ini mempengaruhi nilai bunyi vokal sebelumnya. Gejala-gejala seperti ini menunjukkan perubahan bunyi yang beransur-ansur, yakni dari /-al/ kepada /aj/. Misalnya, perkataan [bantal] ~ [bantaj], [mahal] ~ [mahaj], [bekal] ~ [bekaj], [katil] ~ [kati^ɟa dan [bedil] ~ [bædi^ɟa].

⁵⁵ Sila rujuk Bab 5, Konsonan Lateral

Seterusnya, terdapat perubahan konsonan nasal velar /ŋ/ menjadi nasal alveolar /n/ di posisi akhir kata dalam DMKb dengan syarat konsonan /ŋ/ hadir mengikuti vokal /i/. Misalnya dalam kata [guntɪŋ] ~ [guntin], [dagɪŋ] ~ [dagin] dan [asiŋ] ~ [asin]. Maknanya, kedua-dua konsonan ini berkongsi ciri [+nasal] dan [+bersuara] dan berbeza alat artikulasi [alveolar] dan [velar]. Ciri ini juga merupakan ciri umum bagi kebanyakan dialek Melayu di Sarawak.

Selain itu, konsonan /k/ di posisi koda akan menjadi /t/ dalam DMKb dengan syarat /k/ hadir selepas vokal /i/. Kedua-dua konsonan ini berkongsi ciri [+plosif], [-bersuara] dan berbeza dari segi artikulasi yang masing-masingnya [alveolar] dan [velar]. Antara contoh bagi perubahan tersebut ialah [bilik] ~ [bilit], [tilik] ~ [tilit], [tərik] ~ [təyit], [tarik] ~ [tayit] dan [sisi] ~ [sisit]. Walau bagaimanapun, dalam DMKb terdapat penambahan konsonan /k/ mengisi posisi koda bagi perkataan bersuku kata terbuka dalam BMS dengan syarat konsonan plosif (p, b, t, d, k) diikuti oleh salah satu daripada vokal /a/ dan /u/. Misalnya, dalam kata [paku] ~ [pakuk], [beku] ~ [bəkuk], [buta] ~ [butak], [lupa] ~ [lupak], [labu] ~ [labuk], dan [luka] ~ [lukak].

8.4 Signifikan kajian

Deskripsi fonologi DMKb telah membuktikan bahawa perlunya dialek-dialek Melayu yang terdapat di Malaysia secara amnya dan di Sarawak secara khususnya dikaji secara ilmiah untuk mengenal pasti aspek linguistiknya. Dalam fonologi, semua jenis deskripsi merupakan kajian kualitatif, yakni yang dikaji adalah kualiti atau ciri-

ciri-ciri vokal dan konsonan. Kajian yang dilakukan dapat menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian yang digariskan. Sistem dan struktur DMKb ternyata masih terikat dan mempunyai persamaan dengan sistem dan struktur BMS. Hal ini demikian kerana, sebagai salah satu dialek Melayu adalah wajar sistem dan struktur DMKb mirip dengan BMS dan dialek-dialek Melayu sekitarnya seperti DMK, DMSbs dan DMSb yang terlebih dahulu dikaji.

Kajian menentukan taraf kognat antara BMS dan DMKb juga menunjukkan persamaan sebanyak 87.75% kata berkognat membuktikan DMKb bertaraf dialek dan bukannya bertaraf bahasa. Walaupun terdapat perbezaan dari segi leksikal, namun sistem dan struktur fonologinya masih dekat dengan BMS. Penentuan sejumlah lapan vokal dan 19 konsonan yang terdapat dalam fonologi DMKb juga merupakan ciri umum bagi keluarga Austronesia yang dinaungi BMS. Berdasarkan Asmah Haji Omar (2008: 53), bahasa-bahasa jenis Sarawak mempunyai perbendaharaan yang terdiri antara 17 dan 21 konsonan manakala sistem vokal mempunyai sistem enam vokal atau lapan vokal.

Dari segi kepentingan kajian ini pula, pendeskripsian fonologi DMKb dapat dijadikan sebagai asas kepada kajian-kajian yang seterusnya. Hal ini demikian kerana, tidak terdapat kajian yang lengkap bagi dialek Melayu Sarawak yang dituturkan di bahagian tengah Sarawak, yakni terangkumnya DMKb. Kajian-kajian yang terdahulu lebih banyak menumpukan kepada DMK dan dialek di utara Sarawak, termasuklah DMLb. Sementara itu, DMKb dianggap dapat mewakili penutur-penutur Melayu di daerah Kalaka-Saribas kerana majoriti penduduk Melayu di Kabong berjumlah 80%

penutur berbanding dengan kawasan sekitarnya yang mempunyai majoriti etnik Iban yang menuturkan BIbn. Oleh sebab itu, pemilihan Daerah Kecil Kabong sebagai lokasi kajian untuk DMKb adalah wajar. Kewajaran ini juga telah dipersetujui oleh wakil-wakil penutur dialek Melayu di sekitar daerah Kalaka-Saribas dalam Bengkel Pelestarian Bahasa anjuran DBP dan Pusat Pengajian Bahasa, UNIMAS⁵⁶.

Berdasarkan tinjauan kepada beberapa kajian lepas, dapat dikesan bahawa terdapat kurangnya minat para pelajar untuk membuat kajian dalam bidang linguistik, khususnya kajian fonetik dan fonologi. Walaupun bidang fonologi ini pernah menjadi bidang yang popular pada zaman 70-an hingga 90-an, namun kajian oleh generasi muda nampaknya semakin berkurangan khususnya sejak kebelakangan ini. Kajian-kajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah sama ada dari universiti awam dan swasta agak terbatas yang menjadikan sumber rujukan semakin kurang. Kebanyakan pelajar-pelajar ijazah tinggi tidak berminat untuk mengkaji sistem dan struktur bahasa, sebaliknya lebih berminat mengkaji bidang sosiolinguistik dan linguistik terapan.

Kajian fonologi DMKb ini diharap dapat menampung kelompangan yang sedia ada, khususnya dalam bidang fonologi khususnya di Sarawak. Selain itu, penggunaan teori linguistik deskriptif amat bersesuaian untuk mengkaji bahasa atau dialek yang belum pernah dikaji dan belum mempunyai data korpus. Dengan adanya analisis deskriptif ini, maka sistem dan struktur bahasa yang menjadi asas kepada kajian fonologi dapat dikenal pasti. Hal ini demikian kerana analisis deskriptif dapat menentukan ciri-ciri yang kecil sehinggalah ciri-ciri yang besar sebagaimana mengenal

⁵⁶ Bengkel Pelestarian Bahasa telah diadakan pada 28-30 September di Hotel Hilton Kuching yang disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar.

pasti fonem, alofon dan segmental. Hanya setelah adanya deskripsi fonologi, kajian-kajian yang lain dapat dilakukan dengan aplikasi teori seperti teori generatif dan sistemik.

Bagi perkembangan kajian linguistik di Sarawak pula, kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada kajian-kajian yang akan datang. Masih banyak ruang yang boleh dipenuhi selain perlu dimurnikan dan diperbaik. Negeri Sarawak yang luas dengan kepelbagaian bahasa dan dialek yang dituturkan menjadi faktor penarik untuk meneroka lebih banyak lagi bahasa-bahasa peribumi lain yang mungkin diancam kepupusan seperti bahasa Sihan, Saban dan Tring. Dengan melakukan pendeskripsian fonologi ini, maka sekurang-kurangnya kita dapat mendokumentasikan bahasa dan dialek ini daripada hilang begitu sahaja untuk sumber rujukan kepada generasi-generasi yang akan datang.

8.5 Cadangan kajian

Pendeskripsian sistem dan struktur DMKb dalam kajian ini telah membuka ruang kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang. Sebelum kajian ini dilakukan, tiada maklumat yang terperinci tentang DMKb walaupun dalam kajian-kajian terdahulu ada menyentuh secara ringkas berkenaan DMKb. Misalnya, ada disebut dalam kajian Aiwan Alli (1996), Noriah Mohamed (1991), Salbia Hassan (2004), Rahani Hosin (2007), Chong Shin (2015) dan Noor Azureen Hamid, Sharifah Raihan Syed Jaafar & Tajul Aripin Kassin (2016). Dengan adanya deskripsi fonologi DMKb ini, maka kajian-kajian yang seterusnya dapat dimanfaatkan khususnya dalam aplikasi teori sebagaimana yang dilakukan terhadap dialek-dialek lain di Malaysia.

Sebagai usaha awal dalam mengenal pasti sistem dan struktur DMKb, memang tidak dinafikan masih terdapat banyak ruang yang perlu diperbaiki. Peluang ini masih terbuka dan diharapkan kajian-kajian yang akan datang dapat mengisi kelompangan yang sedia ada untuk memastikan data DMKb sentiasa terkini sebagai dokumentasi bahasa dan dialek yang sangat bernilai. Pendokumentasian bahasa dan dialek-dialek Melayu khususnya di Sarawak dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada para pengkaji, pelajar dan ahli-ahli linguistik untuk mengukuhkan lagi penemuan-penemuan terkini dalam kajian masing-masing. Aplikasi kaedah dan teori yang berbeza amatlah digalakkan agar hasil kajian yang diperoleh dapat dibandingkan untuk memperoleh ciri yang sebenar dalam DMKb.

Cadangan lain yang boleh dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada kajian asas ini ialah meluaskan ruang lingkup kajian terhadap DMKb supaya dapat mengesan pengaruh-pengaruh lain dalam dialek ini. Kedudukan Daerah Kecil Kabong yang bersempadan dengan Daerah Saratok di Selatan dan Bahagian Sarikei di Utara mungkin mempengaruhi DMKb suatu ketika nanti. Setakat ini, DMSr yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Saratok banyak mempunyai persamaan dengan DMKb. Namun, penelitian harus diberi kepada perbezaan yang dikesan, iaitu adanya ciri palatalisasi dan labialisasi dalam DMKb dalam rangkap vokal yang diakhiri fonem /h/, /ŋ/, dan /ʔ/ yang tidak terdapat dalam DMSr dan penutur dialek Melayu di Sarikei. Persoalan ini memerlukan kajian yang lebih lanjut.

Hari ini, didapati sesetengah dialek mulai diancam pemodenan. Hal yang sama berlaku kepada DMKb. Dalam kajian ini, informan terdiri daripada penutur asli DMKb

yang berusia dalam lingkungan 50 tahun ke atas. Data-data yang diperoleh masih menunjukkan keaslian kata dalam DMKb termasuklah intonasinya. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat kerisauan yang ketara apabila mendengar perbualan anak-anak muda yang berusia 20 tahun ke bawah. Generasi-generasi ini mula dipengaruhi oleh gaya pertuturan dan bahasa-bahasa sekitarnya. Kajian boleh dilakukan untuk melihat tahap kesedaran penutur-penutur DMKb khususnya dalam kalangan remaja yang sememangnya dipengaruhi oleh persekitaran globalisasi. Kemajaun dalam teknologi maklumat misalnya, sedikit sebanyak menyumbang kepada keadaan ini.

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti sistem dan struktur DMKb telah dicapai melalui analisis data secara deskriptif dan analisis fonemik. Sebanyak 8 fonem vokal dan 19 fonem konsonan telah dikenal pasti dalam dialek ini. Sebagai salah satu dialek yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di Sarawak, dialek ini mempunyai perbezaan berbanding dengan DMK dan DMSbs. DMK misalnya, hanya mempunyai 6 vokal sedangkan DMKb memiliki 8 fonem vokal. Bln juga mempunyai persamaan dari segi jumlah fonem vokal dengan BMS dan DMK. Hal ini demikian kerana, dalam DMK dan DMSbs, fonem /ɔ/ dan /ɛ/ dianggap sebagai alofon kepada fonem /o/ dan /e/. Kajian lanjut mungkin boleh dilakukan untuk menentukan dan mengesahkan jumlah fonem yang sebenar.

Satu lagi cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah membuat sekurang-kurangnya senarai kata bagi DMKb. Setakat ini, hanya DMK yang mempunyai daftar kosa kata yang telah diusahakan oleh Zainal Abidin Merjan (1992). Daftar kosa kata DMK ini hanya meliputi dialek-dialek Melayu yang dituturkan di sekitar Bahagian

Pertama, Kuching. Untuk itu, pada masa-masa yang akan datang diharapkan agar terdapat satu usaha untuk membukukan dan menyediakan daftar-daftar kata untuk dialek-dialek Melayu lain di Sarawak termasuklah DMKb, DMSbs dan DMK. Dengan ini, kita dapat melihat perbezaan dan persamaan yang ada bagi ketiga-tiga dialek ini yang dilihat sebagai dialek yang menampakkan perbezaan yang agak signifikan di Sarawak.

Oleh sebab keadaan geografi di negeri Sarawak yang luas dan terdapat kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak yang masih kurang dari segi infrastruktur, maka kemungkinan wujudnya bahasa-bahasa atau dialek-dialek lain yang belum dikaji adalah tinggi. Bahasa-bahasa peribumi yang lain juga perlu dikaji untuk memastikan kesinambungannya kepada generasi yang akan datang. Pada masa yang sama, kerjasama daripada semua pihak amatlah diharapkan agar kajian-kajian yang bakal dilakukan mendapat sokongan sama ada dari segi kewangan, bahan dan keperluan-keperluan lain untuk memastikan bahasa-bahasa dan dialek-dialek pribumi terus dilestarikan dan menjadi khazanah yang berharga untuk negeri Sarawak secara khususnya.

8.6 Kesimpulan

Sebanyak lapan bab telah membincangkan struktur dan sistem fonologi yang terdapat dalam DMKb, yakni telah menjawab soalan dan objektif kajian. Dengan sedikit pengenalan tentang kehidupan masyarakat Melayu yang menuturkan DMKb serta signifikan pemilihan Kampung Hulu Laut Kabong sebagai lokasi kajian ini mewajarkan kajian ini dilaksanakan. Tinjauan ke atas beberapa kajian terdahulu juga menunjukkan kajian terhadap DMKb belum dilakukan secara linguistik. Hanya terdapat sedikit maklumat berkenaan linguistik DMKb disertakan dalam beberapa kajian terdahulu

termasuklah dalam kajian Aiwan Alli (1996), Rahani Hossin (2009) dan Chong Shin (2009).

Dengan adanya sistem dan struktur DMKb dalam bidang fonologi, maka kajian ini dapat dijadikan sebagai pangkalan data DMKb untuk menjalankan kajian-kajian seterusnya, khususnya dalam aspek linguistik yang lain. Hal ini demikian kerana, kajian fonologi merupakan kajian asas bagi sesuatu dialek dan bahasa sebelum dapat melakukan kajian-kajian yang lain. Pendeskripsian sistem dan struktur fonologi DMKb juga dapat menambahkan satu lagi khazanah bahasa yang bernilai di Sarawak kerana sebelum kajian ini dilakukan, maklumat berkenaan linguistik di bahagian tengah Sarawak amatlah terbatas. Maka adalah bertepatan sekali Kajian Fonologi Dialek Melayu Kabong dilaksanakan untuk melengkapkan kelompangan kajian fonologi khususnya bagi dialek-dialek Melayu di Sarawak.

